



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN 2017

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN
BADAN-BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN
TAHUN 2017
SIRI 1**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN	ix
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I	
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
1. Pendahuluan	3
KEMENTERIAN KEWANGAN	
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	
2. Pengurusan Senjata Api	3
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
Jabatan Laut Malaysia/Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	
3. Pengurusan Marina Awam	21
Jabatan Pengangkutan Jalan	
4. Pengurusan Aktiviti Penyitaan Kenderaan	52
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur/Jabatan Pengairan dan Saliran	
5. Projek Kawalan Kualiti Air Sungai di Bawah Komponen Pembersihan Sungai Program <i>River of Life</i>	80
KEMENTERIAN KESIHATAN/JABATAN KERJA RAYA	
6. Projek Pembinaan Hospital Alor Gajah, Melaka	103
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	
Jabatan Tenaga Manusia	
7. Pengurusan Perolehan Peralatan Latihan Tahap Tiga dan Lima Bagi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)	128
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA	
8. Pengurusan Projek di Bawah Geran Dasar Industri Kreatif Negara	145
KEMENTERIAN PERTAHANAN/JABATAN KERJA RAYA	
9. Pengurusan Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan Serta Infrastruktur di Kem Batu 10, Kuantan, Pahang dan Kem Sunggala, Port Dickson, Negeri Sembilan	168

KEMENTERIAN DALAM NEGERI Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	
10. Pengurusan <i>Cure and Care Rehabilitation Centre</i> (CCRC)	193

BAHAGIAN 2
PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

11. Pendahuluan	215
-----------------	-----

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
Lembaga Lada Malaysia

12. Pengurusan Pembangunan Industri Lada	215
--	-----

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

13. Pengurusan Perolehan Kerja dan Perkhidmatan	244
---	-----

<i>PENUTUP</i>	263
-----------------------	-----



**KATA
PENDAHULUAN**

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap 11 program/aktiviti/projek yang melibatkan tujuh (7) jabatan, tiga (3) Badan Berkanun Persekutuan serta satu (1) agensi Persekutuan di bawah 10 Kementerian. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan aktiviti/program, pembinaan dan perolehan.

3. Secara umumnya, program/aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan *outcome* yang ditetapkan tidak dapat dipenuhi, kelewatan pembekalan peralatan, projek pembinaan terbengkalai atau melewati jadual, pembayaran tidak teratur (*improper payment*), kelemahan pentadbiran kontrak yang menjejaskan kepentingan Kerajaan, kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti, pembaziran serta ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh kecuaiian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan, kurang teliti semasa merancang

program/aktiviti/projek dan menetapkan skop serta spesifikasi tender, tidak memantau dengan kerap dan teliti kerja kontraktor/perunding, kurang kemahiran dalam pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek.

4. Seperti mana tahun yang lalu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/Ketua Pengarah Badan Berkanun Persekutuan juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, saya telah mengemukakan 46 syor untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti.

5. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

7 Jun 2018



**INTISARI
LAPORAN**

INTISARI LAPORAN

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN KEWANGAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

1. Pengurusan Senjata Api

a. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan satu daripada Jabatan Kerajaan yang merupakan agensi pemungut hasil utama negara. Bahagian Penguatkuasaan JKDM bertanggungjawab untuk membanteras segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan segala undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditadbir oleh JKDM dipatuhi sepenuhnya. Dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan JKDM dibekalkan senjata api yang diagihkan kepada pegawai penguatkuasa di semua stesen seluruh Malaysia. Senjata api dan peluru dibekalkan kepada pegawai Kastam dengan tujuan mempertahankan diri dan harta Kerajaan semasa melaksanakan tugas rasmi JKDM. Pentadbiran senjata api dan peluru yang dimiliki oleh JKDM adalah tertakluk kepada Akta Senjata 1960 (Akta 206). Selain itu, semua pegawai JKDM yang telah dibekalkan senjata api diwajibkan mematuhi peraturan dalaman yang dikeluarkan di bawah Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015 - Senjata Api dan Peluru sebagai kawalan dalaman bagi mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan senjata api atau kecuaiian.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga April 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Kedudukan Senjata Api

Kedudukan senjata api JKDM untuk kegunaan dalam aktiviti penguatkuasaan telah ditambah dan dipertingkatkan melalui perolehan pada tahun 2014 dan 2015. Bagaimanapun, sebahagian senjata api yang tidak dapat diagihkan sejak tahun 2015 kerana permohonan lesen senjata api belum diluluskan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjejaskan keberkesanan objektif keperluan senjata api berkenaan diperoleh.

ii. Pengurusan Senjata Api

Pengurusan senjata api di JKDM belum mencapai tahap kecekapan yang ditetapkan terutama dari aspek pematuhan kepada Akta 206 kerana berlaku beberapa pelanggaran peraturan yang boleh menimbulkan risiko keselamatan. Selain itu, berlaku ketidakpatuhan dalam proses permohonan dan pembaharuan Lesen A dan Lesen B, pemeriksaan senjata api, kawalan senjata api dan peluru serta pemantauan Ibu Pejabat terhadap pengurusan senjata api di cawangan JKDM Negeri seperti prosedur yang telah ditetapkan dalam Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015. Secara keseluruhannya, JKDM

mempunyai ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi mempertingkatkan kecekapan dalam proses pengurusan senjata api.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:
- i. perolehan senjata api telah dibuat tanpa mendapat kelulusan daripada PDRM terlebih dahulu;
 - ii. proses pembaharuan dan permohonan Lesen A dan Lesen B belum teratur sepenuhnya;
 - iii. pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan tidak mengikut prosedur yang ditetapkan;
 - iv. hasil pemeriksaan atau verifikasi senjata api tidak dilaporkan secara bertulis;
 - v. kawalan senjata api terutama rekod keluar/masuk senjata api tidak diselenggarakan dengan lengkap dan teratur;
 - vi. kawalan pergerakan peluru adalah teratur kecuali bagi empat (4) daripada 17 cawangan yang diaudit di mana rekod induk peluru tidak diselenggarakan dengan lengkap, tepat dan kemas kini; dan
 - vii. pemantauan telah dilaksanakan oleh Cawangan Operasi Marin dan Khidmat Sokongan Ibu Pejabat namun kurang berkesan kerana terdapat beberapa cawangan JKDM negeri tidak mengemukakan Penyata Tahunan Senjata Api dan Peluru serta Rekod Pemegang Lesen.
- d. Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat JKDM masih mempunyai ruang untuk meningkatkan kecekapan pengurusan senjata api untuk memastikan senjata api dikawal dan digunakan bagi menjamin keselamatan pegawai JKDM semasa menjalankan tugas. Dalam hal ini, adalah disyorkan supaya JKDM mempertimbangkan perkara berikut:
- i. mengadakan pertemuan dan perbincangan di peringkat Pengurusan Atasan/ Tertinggi JKDM dan PDRM bagi menyelesaikan isu lesen senjata api dengan kadar segera;
 - ii. Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan diberi pendedahan terhadap prosedur pengurusan senjata api yang betul melalui latihan formal dan tidak formal dari semasa ke semasa;
 - iii. kecekapan dalam proses permohonan dan pembaharuan lesen dipertingkatkan seperti melakukan semakan semula nombor siri senjata api, jenis peluru dan maklumat pelesen yang didaftarkan dalam Lesen B bagi mengelakkan kesilapan maklumat dalam lesen tersebut; dan
 - iv. pemantauan/naziran pengurusan senjata api secara konsisten oleh Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan Ibu Pejabat bagi memastikan tahap pematuhan yang tinggi di semua cawangan/stesen JKDM di seluruh negara.

[muka surat : 3 - 20]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Laut Malaysia/Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

2. Pengurusan Marina Awam

a. Sebelum tahun 2000, kebanyakan marina di Malaysia dimiliki oleh kelab pelayaran persendirian yang memberi perkhidmatan kepada ahlinya sahaja. Pada bulan November 2000, Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk melaksanakan promosi bagi menggalakkan industri kapal rekreasi di Malaysia melalui pembangunan infrastruktur asas. Selaras dengan itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah memberi kelulusan kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk membina 11 buah marina awam di seluruh Malaysia secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 dan Rancangan Malaysia Ke-9 dengan kos keseluruhan berjumlah RM323.16 juta. Berdasarkan Kertas Cadangan Pembangunan Infrastruktur Bagi Penggalakan Aktiviti Kapal-Kapal Rekreasi di Malaysia oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) kepada EPU bertarikh 28 Februari 2001, objektif pembangunan marina awam ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pendaratan kapal rekreasi di seluruh negara. Ini bagi menggalakkan aktiviti *yachting* dan pelancongan marin. Pada dasarnya, operasi dan aktiviti marina awam di bawah JLM diawasi menggunakan peruntukan perundangan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953. Pada tahun 2004, P.U.(A) 82/2004 (Part VIIIA, Regulating Marina) telah diwartakan untuk meminda Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953 berkaitan peraturan kawal selia marina awam.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Operasi Marina Awam

Objektif pembangunan marina awam tidak berjaya dicapai sepenuhnya kerana hanya lima (5) iaitu 45.4% daripada 11 buah marina yang dibina masih beroperasi sebagai marina awam dan berlaku pembaziran bagi pembinaan marina yang tidak digunakan. Selain itu, penyediaan infrastruktur asas di marina awam yang berbeza-beza memberi impak kepada keberkesanan marina untuk menarik minat pelayar berlabuh yang akhirnya menjejaskan pencapaian objektif pembangunan marina awam. JLM juga didapati tidak menetapkan apa-apa sasaran atau *Key Performance Indicator* (KPI) bagi operasi marina awam untuk membolehkan penilaian operasi dilaksanakan.

ii. Pengurusan Marina Awam

Bagi aspek pengurusan marina awam, pihak Audit mendapati beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan kerana ia boleh memberi impak kepada tahap kecekapan pengurusan marina awam antaranya kelemahan dalam pengurusan rekod dan kawalan masuk warganegara asing. Manakala kelemahan dalam pengurusan kapal terbiar, promosi dan kerosakan infrastruktur boleh menjejaskan usaha untuk menarik lebih ramai pelayar.

- c. Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- i. kelemahan dalam pengurusan operasi harian marina awam;
 - ii. tiada kawalan diwujudkan untuk memastikan semua pelayar warganegara asing melaporkan diri di Pejabat Imigresen terdekat;
 - iii. pengurusan kapal terbiar tidak diambil tindakan;
 - iv. berlaku kerosakan pontun, infrastruktur bekalan air dan elektrik serta *bilge water reception facility* yang tidak dapat digunakan oleh pelayar dan kawasan lembangan marina yang cetek;
 - v. tiada bukti menunjukkan JLM telah menjalankan aktiviti promosi yang meluas; dan
 - vi. jumlah hasil bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 tidak dapat disahkan.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya MOT, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan JLM mengambil tindakan seperti berikut:
- i. MOT, SPPP dan JLM hendaklah mengkaji serta membuat keputusan mengenai hala tuju baru marina awam dengan segera dan mengambil langkah untuk merancang sumber kewangan, sumber manusia, perancangan penyenggaraan dan aktiviti promosi sebaik keputusan diperolehi;
 - ii. MOT dan JLM hendaklah membuat perancangan jangka pendek supaya pengoperasian marina awam dapat diteruskan dan tidak menjejaskan imej marina awam di kalangan pelayar antarabangsa;
 - iii. JLM hendaklah mewujudkan kawalan dalaman dan mewujudkan sistem serta proses kerja yang jelas bagi semua aktiviti marina di bawah kawalannya untuk memastikan dokumen dan rekod diselenggara dengan lengkap dan teratur serta mengelakkan berlaku salah guna kuasa dan penyelewengan hasil Kerajaan; dan
 - iv. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat isu-isu yang menjurus kepada kecuaiannya penjawat awam.

[muka surat : 21 - 51]

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Jabatan Pengangkutan Jalan

3. Pengurusan Aktiviti Penyitaan Kenderaan

- a. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) merupakan agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab mengurus, mengawal dan memantau semua jenis kenderaan bermotor di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2013) (APJ 1987). Di bawah Seksyen 64 Akta ini, JPJ diberi kuasa untuk menahan, mengeluarkan notis sita dan menyita mana-mana kenderaan yang didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Selain Akta tersebut, pengurusan penyitaan adalah berdasarkan Arahan Jabatan Bilangan 9 Tahun 2004 (Prosedur Penyitaan, Pelepasan dan Pelupusan Kenderaan Motor Mengikut Seksyen 64 APJ 1987), Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 9 Tahun 2012 [*Standard Operating Procedures*

(SOP) Penahanan, Pelepasan dan Pelupusan Kenderaan Motor Seksyen 64 APJ 1987] yang dikeluarkan pada 4 Jun 2012 dan Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 6 Tahun 2016 (Prosedur Permohonan Pelucuthakan Kenderaan Sita Melalui Perintah Mahkamah). Tujuan penyitaan adalah untuk mengenal pasti identiti kenderaan atau pemandu, mengelak kesalahan dari berlaku secara berterusan, menyimpan kenderaan yang disita di tempat yang selamat, melaksanakan pelepasan dan pelupusan kenderaan mengikut SOP yang ditetapkan. Di peringkat Ibu Pejabat JPJ, Bahagian Penguatkuasa adalah bertanggungjawab terhadap polisi dan prosedur penyitaan kenderaan. Manakala Unit Sita di peringkat negeri yang diwujudkan di bawah Bahagian Penguatkuasa bertanggungjawab untuk menguruskan penyitaan kenderaan, penyimpanan, pelepasan dan pelupusan kenderaan. Bahagian lain yang turut terlibat dalam pengurusan sitaan ialah Bahagian Hasil bagi merekodkan hasil lelongan kenderaan sita, Bahagian Kejuruteraan Automotif untuk membuat penilaian harga rizab kenderaan sebelum pelupusan dan Bahagian Pengurusan yang bertanggungjawab bagi urusan keselamatan dan kebersihan Jabatan. Setakat bulan November 2017, jumlah kenderaan sita yang masih tersimpan di kandang sita JPJ di seluruh negeri adalah sebanyak 9,704 buah kenderaan. Jumlah ini merupakan kenderaan yang disita di tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu yang masih belum dilepaskan atau dilelong.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Aktiviti

Aktiviti penyitaan telah dilaksanakan mengikut Akta yang berkuatkuasa dan mencapai tujuan yang ditetapkan. JPJ telah melaksanakan antara 18 hingga 23 jenis operasi berdasarkan sumber sedia ada antaranya Operasi Harian, Operasi Hari Raya, Operasi Khas, Operasi Lebih Muatan, Operasi *Adhoc* dan Operasi Motosikal.

ii. Pengurusan Penyitaan

Bagi aspek pengurusan aktiviti penyitaan mendapati masih terdapat beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan kerana ia boleh memberi kesan terhadap tahap kecekapan dan keberkesanan JPJ untuk melaksanakan penyitaan, penyimpanan dan seterusnya pelelongan kenderaan yang disita. Kelemahan dalam urusan menyita kenderaan dari aspek pengeluaran notis sita dan penyimpanan rekod tidak dapat menjamin bahawa ia telah dilaksanakan dengan cekap. Selain itu, keberkesanan pengurusan penyimpanan kenderaan terjejas apabila kenderaan yang disimpan didapati terdedah kepada risiko keselamatan dan kehilangan serta penyelewengan.

iii. Pengurusan Hasil

Tempoh yang lama untuk urusan melucuthak kenderaan serta ketiadaan prosedur jelas bagi urusan pelupusan telah menjejaskan kecekapan urusan pelupusan dan kutipan hasil daripada pelupusan kenderaan.

iv. Pemantauan

Kecekapan pemantauan masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada penggunaan sepenuhnya modul mySIKAP.

- c. Beberapa penemuan penting yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:
- i. sebanyak 93.7% notis sita masih dikeluarkan secara manual, pengurusan fail dan rekod sita tidak teratur serta tiada mekanisme pemantauan dibuat terhadap pengurusan fail sita;
 - ii. sebanyak 54.5% kandang sita kenderaan yang dilawati tidak mematuhi ciri-ciri keselamatan;
 - iii. berlaku pembayaran penuh kepada kontraktor pembersihan di JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedangkan kerja pembersihan di kandang sita tidak dijalankan sepenuhnya. Manakala, berlaku pembayaran kepada kontraktor pembersihan di JPJ Selangor yang melanggar peraturan kewangan iaitu pembayaran dibuat sebelum kontrak formal ditandatangani;
 - iv. proses pelepasan dan proses lucuthak kenderaan mengambil tempoh antara 44 hingga 1,151 hari;
 - v. proses lelongan kenderaan mengambil masa antara 129 hingga 4,024 hari dari tarikh kelulusan lelongan kenderaan;
 - vi. wujud amalan yang berbeza bagi kaedah pelelongan antara negeri dan tiada mekanisme kawalan dibuat untuk lelongan secara *scrap* bagi mengelakkan kenderaan diguna semula;
 - vii. penilaian harga rizab untuk pelelongan tidak disokong dengan kertas justifikasi yang terperinci; dan
 - viii. Modul Penguatkuasa di bawah sistem mySIKAP tidak digunakan sepenuhnya bagi pemantauan pengurusan penyitaan.
- d. Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan sita, adalah disyorkan JPJ mengambil langkah seperti berikut:
- i. mengkaji semula SOP meliputi prosedur lucuthak dan pelelongan kenderaan klon dan penentuan tempoh lelongan selepas keputusan Majistret yang seterusnya melaksanakan aktiviti pelelongan dengan segera di samping menetapkan kaedah pengukuran prestasi yang jelas;
 - ii. menjalankan siasatan berkaitan pembayaran kontrak pembersihan yang melanggar peraturan kewangan dan mengambil tindakan sewajarnya jika wujud elemen kecuaiian;
 - iii. menetapkan dan menyeragamkan kaedah pencuraian *scrap* untuk semua negeri bagi mengelakkan risiko kenderaan yang dilelong secara *scrap* digunakan semula; dan
 - iv. menetapkan mekanisme pemantauan oleh pegawai atasan bagi pengurusan fail penyitaan sehingga kenderaan dilepas atau dilelong bagi mengelakkan isu ketidakpatuhan proses kerja oleh pegawai bertanggungjawab.

[muka surat : 52 - 79]

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur/Jabatan Pengairan dan Saliran

4. *Projek Kawalan Kualiti Air Sungai di bawah Komponen Pembersihan Sungai Program River of Life*

a. Program *River of Life* (ROL) telah dilancarkan pada bulan Julai 2011 merupakan salah satu *Entry Point* di bawah Program Transformasi Ekonomi bagi “Greater Kuala Lumpur”. Matlamat ROL adalah untuk mengubah kawasan-kawasan tertentu di Kuala Lumpur yang menghadap Sungai Klang agar mempunyai nilai ekonomi dan komersial yang tinggi. ROL melibatkan tiga (3) komponen pembangunan iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Kemajuan Tanah dengan peruntukan berjumlah RM4 bilion. Komponen Pembersihan Sungai tertumpu di Lembangan Sungai Klang sepanjang 110 km. Objektif utama komponen Pembersihan Sungai adalah untuk meningkatkan kualiti air sungai daripada Kelas III hingga Kelas V kepada Kelas IIB menjelang tahun 2020. Skop pengauditan tertumpu kepada Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang terdiri daripada *Waste Water Treatment Plant* (WWTP), *River Water Treatment Plant* (RWTP) dan *Interceptor Plant* yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), melibatkan enam (6) kontrak berjumlah RM167.14 juta. Projek WWTP, RWTP dan *Interceptor Plant* mensasarkan supaya kualiti air efluen yang dirawat oleh loji rawatan berkenaan dapat mencapai Indeks Kualiti Air (IKA) Kelas IIB berdasarkan Standard Kualiti Air Kebangsaan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2016 hingga Disember 2017 dan susulan Audit pada bulan Januari 2018 merumuskan perkara seperti berikut:

i. Prestasi Projek Kawalan Kualiti Air Sungai

Kesemua Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang dilawati telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa (EOT) yang diluluskan kecuali WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur yang dapat disiapkan dengan dikenakan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD). Peratus perbelanjaan projek pula adalah selari dengan kemajuan fizikal. Dua (2) *interceptor plant* telah diuruskan dengan berkesan kerana keputusan pensampelan kualiti air efluen telah dapat mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu IKA Kelas IIB manakala pencapaian bagi dua (2) RWTP dan dua (2) WWTP pula tidak konsisten di mana 165 (57.5%) daripada 287 pensampelan kualiti air efluen bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Oktober 2017 tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, operasi RWTP Benteng 1 terpaksa dihentikan pada 29 Oktober 2015 iaitu selepas 10 hari Sijil Siap Kerja (CPC) dikeluarkan dan hanya beroperasi semula pada bulan Oktober 2017. Trend ketidakcapaian IKA ini boleh menjejaskan pencapaian objektif Komponen Pembersihan Sungai yang mensasarkan peningkatan kualiti air sungai kepada Kelas IIB menjelang tahun 2020 serta pencapaian Program ROL secara keseluruhannya.

ii. Pengurusan Projek

Berdasarkan enam (6) kontrak yang disemak di bawah Projek Kawalan Kualiti Air Sungai, pengurusan projek dari aspek perolehan dan pembayaran telah

diuruskan dengan berhemat, cekap dan teratur. Bagaimanapun, tahap kecekapan masih boleh dipertingkatkan bagi dua (2) perkara yang lain iaitu pentadbiran kontrak serta kos operasi dan penyenggaraan.

- c. Antara penemuan Audit yang memerlukan perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:
- i. perancangan yang kurang teliti menyebabkan 13 permohonan EOT diluluskan antara 45 hingga 356 hari;
 - ii. permohonan EOT bagi dua (2) kontrak telah diluluskan selepas kontrak tamat menyebabkan *Time at Large*;
 - iii. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan bagi kontrak WWTP Pasar Jalan Klang Lama telah dikeluarkan sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan; dan
 - iv. kos operasi bulanan sebenar WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur berbeza dengan ketara iaitu antara 493.1% hingga 835% berbanding anggaran awal perunding.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya JPS dan DBKL mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:
- i. JPS dan DBKL hendaklah menjalankan kajian terperinci terhadap semua loji rawatan bagi memastikan kualiti efluen loji-loji berkenaan dapat mencapai piawaian yang ditetapkan;
 - ii. perancangan projek yang teliti perlu dibuat oleh JPS dan DBKL bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
 - iii. DBKL hendaklah mengkaji semula prosedur kerja yang tidak bersesuaian dengan peraturan dan memastikan syarat kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan; dan
 - iv. menyenaraihitamkan perunding yang tidak melaksanakan obligasi yang disyaratkan dalam terma rujukan pelantikan.

[muka surat : 80 - 102]

KEMENTERIAN KESIHATAN/JABATAN KERJA RAYA

5. *Projek Pembinaan Hospital Alor Gajah, Melaka*

- a. Projek pembinaan Hospital Alor Gajah, Melaka (HAG), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Hospital ini yang terletak di Jalan Paya Datuk, Alor Gajah, Melaka dibina bagi menggantikan Hospital Alor Gajah sedia ada yang telah beroperasi melebihi 100 tahun iaitu sejak tahun 1906 yang mana kini telah diambil alih oleh Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Objektif pembinaan HAG adalah untuk memberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada penduduk setempat serta keselesaan tempat bekerja dan kediaman kepada kakitangan hospital. Kementerian Kewangan (MoF) telah meluluskan pelaksanaan projek ini secara reka

dan bina. Kontrak ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya melalui rundingan terus. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya terhadap reka bentuk, pembinaan, pengawasan, pengujian dan pentauliahan, penyiapan serta penyenggaraan sebagaimana yang diperuntukkan dalam syarat kontrak. Kontraktor juga adalah bertanggungjawab ke atas perunding yang dilantik dan dikehendaki memastikan perunding yang dilantik berkecukupan dan kompeten untuk memenuhi kehendak Kerajaan. Lapan (8) perunding pelbagai bidang (arkitek, sivil dan struktur, mekanikal dan elektrik, juruukur bahan, perancang perubatan, reka bentuk dalaman, arkitek landskap dan pemeriksa bebas) telah dilantik untuk membantu dalam pelaksanaan projek. Pemilik projek ini adalah KKM dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana. Pengarah Projek ialah Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Julai 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Projek

Projek pembinaan HAG telah disiapkan pada 14 Jun 2012 dan memulakan operasinya pada 18 Februari 2013. Pertambahan bilangan katil daripada 29 kepada 78 di hospital baharu telah membolehkan bilangan pesakit dalam yang mendapatkan rawatan di HAG meningkat seramai 11,019 (94.9%) daripada 11,615 bagi tempoh dari tahun 2009 hingga 2012 kepada 22,634 bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2016. HAG baharu juga telah memberikan perkhidmatan kesihatan pakar kepada 25,098 pesakit sekitar daerah Alor Gajah dengan bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan pakar menunjukkan trend meningkat setiap tahun iaitu daripada 3,403 pesakit pada tahun 2013 menjadi 9,589 pada tahun 2016. Ini menunjukkan dana awam yang dilabur untuk pembinaan HAG telah memberikan manfaat kepada penduduk sekitar. Bagaimanapun, sejak HAG mula beroperasi sehingga 18 September 2017, dewan bedah tidak dapat berfungsi kerana bacaan tahap kebisingan yang tidak menepati piawaian dan kerosakan berulang terhadap sistem pendingin hawa dan *Building Supervisory System*. Keadaan ini mengakibatkan salah satu fungsi penting hospital iaitu perkhidmatan pembedahan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun tersebut.

ii. Pengurusan Projek

Pengurusan projek HAG dari aspek perolehan serta pengendalian dokumen kontrak, bon pelaksanaan dan penyerahan insuran telah mematuhi peraturan ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pasca kontrak yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini.

c. Penemuan Audit utama yang perlu diambil perhatian oleh pihak JKR dan KKM adalah seperti berikut:

- i. Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad masih belum disediakan;
- ii. Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan tidak dapat dikeluarkan berikutan terdapat kerja pembaikan kecacatan yang belum selesai;

- iii. jumlah kecacatan yang dilaporkan dan masih belum dibaiki adalah 1,936 terdiri daripada 242 kecacatan *major* dan 1,694 kecacatan *minor*;
 - iv. Perakuan Siap dan Pematuhan dikeluarkan sebelum surat pelepasan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diperolehi;
 - v. set pam *duty* dan pam *standby* tidak dilengkapi kuasa pendua;
 - vi. lokasi *inspection chamber* kumbahan di laluan klinikal dewan bersalin didapati tidak sesuai;
 - vii. sebanyak 25 (52.1%) daripada 48 *As-Built Drawings* dan 25 (62.5%) daripada 40 Manual Operasi tidak diserahkan;
 - viii. *Planned Preventive Maintenance* tidak dilaksanakan secara menyeluruh di mana empat (4) komponen sistem tidak disenggara manakala sembilan (9) komponen sistem disenggara antara 16.7% hingga 91.7%; dan
 - ix. sebanyak 29 peralatan perubatan bernilai RM1.58 juta di dewan bedah dan di Unit Rehabilitasi tidak digunakan.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, pihak Audit mengesyorkan JKR dengan kerjasama KKM mengambil tindakan seperti berikut:
- i. menyenaraihitamkan kontraktor dan pemilik syarikat yang dilantik melaksanakan projek serta mengemukakan laporan kepada badan profesional perunding mengenai kegagalan kontraktor dan perunding memastikan projek disiapkan dengan sempurna dan mematuhi peraturan ditetapkan;
 - ii. menilai semula bidang kuasa pengarah projek dalam pengurusan projek yang dilaksanakan secara reka dan bina terutamanya apabila kontraktor didapati gagal memenuhi obligasi kontrak;
 - iii. memastikan pelantikan kontraktor pihak ketiga dibuat dengan segera dan menetapkan tempoh yang spesifik bagi kerja pembaikan kecacatan diselesaikan serta memantau kerja pembaikan yang dilaksanakan. Ini bagi membolehkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) dikeluarkan dan seterusnya Penyata Akaun Akhir serta Perakuan Muktamad dapat disediakan;
 - iv. memastikan reka bentuk awal dibincang dan dipersetujui bersama oleh agensi pemilik, agensi pelaksana dan kontraktor antaranya penentuan spesifikasi yang praktikal bagi bacaan tahap kebisingan di dewan bedah dan mensyaratkan *inspection chamber* tidak dibina dalam bangunan supaya tidak mengganggu operasi hospital;
 - v. memastikan semua peralatan perubatan yang telah dibekalkan digunakan dengan memberi perhatian kepada pengujian dan pentauliahan peralatan perubatan; dan
 - vi. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat punca kerja pembaikan kecacatan lewat diselesaikan dan isu peralatan perubatan yang tidak dapat dimanfaatkan sehingga menyebabkan Perakuan Muktamad projek tidak dapat dikeluarkan. Sekiranya berlaku kecuai, tindakan hendaklah diambil terhadap pegawai terlibat.

[muka surat : 103 - 127]

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Jabatan Tenaga Manusia

6. Pengurusan Perolehan Peralatan Latihan Tahap Tiga dan Lima Bagi Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)

- a. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah ditubuhkan pada tahun 1969 bertujuan untuk menyediakan dan menjalankan program latihan kemahiran teknikal pra-pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia. ILJTM ini terdiri daripada Institut Teknikal Jepun-Malaysia [*Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI)*], Pusat Latihan Teknologi Tinggi [*Advance Technology Training Centre (ADTEC)*] dan Institut Latihan Perindustrian (ILP). ILP menawarkan kursus di peringkat sijil dan diploma (tahap satu hingga empat) manakala ADTEC dan JMTI menawarkan kursus di peringkat diploma hingga diploma lanjutan (tahap empat dan lima). Pada tahun 2015, sejumlah RM84.10 juta telah diluluskan untuk perolehan peralatan tahap tiga dan lima bagi 27 ILJTM di bawah *Rolling Plan* keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak dapat dibelanjakan kerana proses perolehan tidak dapat diselesaikan sehingga berakhirnya tempoh RMKe-10. Justeru itu, pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan Notis Perubahan (NOC) untuk mewujudkan butiran baru dengan agihan siling sejumlah RM33.61 juta pada RP1 dan RM11.95 juta pada RP2 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Peruntukan sebenar yang diluluskan oleh UPE untuk perolehan peralatan tahap tiga dan lima di bawah RMKe-11 berjumlah RM41.50 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM37.10 juta diperuntukkan untuk pembekalan peralatan bagi kontrak KSM/PR/TENDER/7/2015 melibatkan enam (6) syarikat pembekal yang dilantik melalui kaedah tender terhad untuk membekalkan 471 item peralatan tahap tiga dan lima di 27 ILJTM. Proses perolehan secara tender terhad telah dilaksanakan oleh KSM manakala proses pembayaran diuruskan oleh JTM dan penerimaan peralatan diuruskan oleh ILJTM.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2017 merumuskan perkara berikut:
 - i. **Prestasi Perolehan Peralatan Latihan Tahap Tiga dan Lima**

Perolehan Peralatan Latihan Tahap Tiga dan Lima tidak mencapai objektif pembekalan kerana terdapat peralatan yang lewat atau belum dibekalkan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa selama enam (6) bulan. Walaupun kelewatan tidak menjejaskan operasi pembelajaran di ILJTM secara keseluruhannya, namun pelajar tidak dapat menggunakan peralatan dengan teknologi terkini yang sepatutnya dibekalkan.
 - ii. **Pengurusan Perolehan**

Pengurusan perolehan tidak mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana proses perolehan daripada peringkat perancangan sehingga kontrak ditandatangani mengambil masa sehingga tiga (3) tahun untuk diselesaikan bermula dari tahun 2014 hingga tahun 2016. Proses pemilihan syarikat

pembekal juga tidak menjamin ketelusan dan amalan tadbir urus yang baik. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan rekod aset yang diterima.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
- i. sebanyak 251 peralatan tidak dapat diserahkan kepada ILJTM mengikut tempoh serahan yang ditetapkan;
 - ii. sepuluh (10) peralatan masih belum diserahkan sehingga Mac 2018 iaitu kira-kira tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa;
 - iii. denda dan ganti rugi yang dianggarkan berjumlah RM264,991 masih belum dikenakan terhadap syarikat pembekal bagi item yang tidak dapat dibekalkan;
 - iv. wujud keraguan dalam proses pemilihan pembekal kerana enam (6) syarikat terpilih mempunyai perkaitan antara satu sama lain; dan
 - v. komponen/aksesori yang dibekalkan bersama aset tidak direkodkan dengan lengkap.
- d. Bagi menambah baik pengurusan perolehan peralatan latihan di ILJTM, adalah disarankan KSM/JTM/Kementerian Kewangan (MoF) mengambil tindakan seperti berikut:
- i. KSM/JTM perlu memastikan perancangan perolehan dibuat dengan teliti dan lengkap supaya proses perolehan dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dan tidak berpanjangan;
 - ii. MoF/KSM/JTM hendaklah mematuhi prinsip perolehan Kerajaan dalam pemilihan dan pelantikan syarikat pembekal bagi menjamin Kerajaan mendapat nilai wang terbaik daripada perbelanjaan yang dilakukan. Ini termasuk melaksanakan siasatan terhadap perkara-perkara yang meragukan dalam proses pemilihan pembekal untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dan proses perolehan dapat dilaksanakan dengan cekap dan telus;
 - iii. KSM/JTM perlu melaporkan kepada MoF prestasi syarikat yang tidak memuaskan dalam melaksanakan obligasi kontrak supaya tindakan menyenaraihitam boleh diambil berdasarkan 1PP-PK8 iaitu Ketidakpatuhan dalam Perolehan Kerajaan;
 - iv. KSM/JTM memastikan tindakan ganti rugi dikuatkuasakan sepenuhnya mengikut klausa kontrak terhadap syarikat yang gagal membekalkan peralatan mengikut kontrak memandangkan kegagalan/kelewatan penghantaran peralatan antaranya disebabkan oleh kecuaiannya syarikat pembekal dalam menetapkan spesifikasi; dan
 - v. KSM/JTM memastikan harga bagi peralatan yang melibatkan aksesori/komponen tambahan diperincikan dalam kontrak dan invois bagi tujuan pendaftaran dan pelupusan aset.

[muka surat : 128 - 144]

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

7. *Pengurusan Projek di Bawah Geran Dasar Industri Kreatif Negara*

- a. Pada tahun 2008, industri kreatif telah berjaya menyumbang sebanyak RM9.40 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Justeru, pada 12 November 2010, Kerajaan menerusi Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) pada ketika itu, telah meluluskan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) sebagai dasar induk untuk menetapkan prinsip-prinsip asas pembangunan industri kreatif. Matlamat DIKN adalah untuk menjadikan industri kreatif negara berdaya saing dan dinamik dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta memartabatkan budaya bangsa. Manakala objektif pemberian geran DIKN adalah untuk menyokong pertumbuhan industri kreatif bagi mencapai matlamat DIKN. Untuk memacu pertumbuhan industri kreatif, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) [2011 hingga 2015] telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM120 juta kepada KPKK. Peruntukan sejumlah RM120 juta diterima pada 27 Disember 2011 dan sebanyak RM117.81 juta (98.2%) telah disalurkan secara berperingkat bagi tahun 2012 dan 2013 kepada tujuh (7) agensi pelaksana iaitu jabatan/agensi/syarikat di bawah KPKK, Kementerian Pelancongan Malaysia (MoTour) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada ketika itu dan baki berjumlah RM2.19 juta masih kekal di KPKK. Selepas penyusunan semula Kementerian pada 16 Mei 2013, KPKK kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) manakala MoTour dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC). Pelaksanaan projek di bawah geran DIKN terbahagi kepada tiga (3) komponen iaitu Projek Pemangkin Jangka Pendek 2012-2013 (*Quick Wins*), Geran Industri Kreatif (GIK) dan Kajian Pembangunan Modal Insan (KPMI).
- b. Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2017 merumuskan perkara berikut:
 - i. **Prestasi Projek**

Keberkesanan pengurusan projek yang menggunakan geran DIKN berjumlah RM120 juta untuk pertumbuhan industri kreatif tidak dapat diukur. Ini adalah kerana KKMM tidak melaksanakan mekanisme penilaian *outcome* khusus daripada geran ini untuk membolehkan sumbangan terhadap hasil eksport kandungan kreatif dinilai. Selain itu, kecekapan pengurusan kewangan dan output projek boleh ditambah baik dengan memastikan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja/Teknikal meningkatkan kawalan pengagihan dan penggunaan geran serta pemantauan kemajuan setiap projek supaya matlamat DIKN tercapai.
 - ii. **Pengurusan Projek**

Kecekapan pengurusan projek di bawah geran DIKN boleh ditambah baik khususnya berkaitan pembayaran dan pengurusan perolehan dengan memberi tumpuan kepada pematuan peraturan kewangan. Ini bertujuan untuk memastikan bayaran yang dibuat adalah teratur.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian oleh KKMM dan agensi pelaksana adalah seperti berikut:
- i. dua (2) projek Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bernilai RM2.40 juta yang dilaksanakan sejak tahun 2012 dan 2013 tidak dapat disiapkan sehingga tarikh pengauditan;
 - ii. tiga (3) projek di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bernilai RM3.61 juta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
 - iii. baki geran berjumlah RM7.59 juta di empat (4) agensi iaitu FINAS, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN) serta Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) masih belum dibelanjakan;
 - iv. tiga (3) bayaran terakhir berjumlah RM0.31 juta bagi dua (2) projek bernilai RM1.98 juta yang dilaksanakan oleh JKKN tidak dibuat pemotongan denda walaupun kedua-dua projek ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan menyebabkan Kerajaan berpotensi mengalami kerugian berjumlah RM0.40 juta; dan
 - v. tujuh (7) projek Teknikal Seni Budaya bernilai RM0.25 juta (13.2%) yang diuruskan oleh KRAFTANGAN telah diperolehi secara pembelian terus walaupun ia sepatutnya dilaksanakan melalui tiga (3) sebut harga kerana mempunyai skop kerja yang sama dan nilai perolehan melebihi RM50,000.
- d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pemberian geran yang lain pada masa akan datang, adalah disyorkan supaya KKMM dan agensi pelaksana yang terlibat mengambil tindakan berikut:
- i. KKMM hendaklah menyalurkan peruntukan/geran untuk program/projek yang telah dikenal pasti dan memastikan agensi pelaksana memulangkan baki peruntukan/geran yang tidak dibelanja kepada KKMM;
 - ii. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah memastikan hasil eksport kandungan kreatif (*tangible outcome*) daripada geran yang diterima khusus untuk industri kreatif dibuat pengukuran dan penilaian. Selain itu, *output/outcome* projek tidak diukur secara kuantitatif (*tangible outcome*) semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira pencapaian *intangible outcome* seperti kejayaan mengetengahkan budaya tempatan serta identiti kebangsaan di peringkat global, peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan dan potensi industri kreatif, pembudayaan harta intelek serta inovasi dan eksploitasi teknologi ke arah penghasilan produk-produk baru yang diperolehi daripada projek-projek yang dilaksanakan. Selain itu, pencapaian *output/outcome* berdasarkan indikator yang ditetapkan perlu dinilai secara berkala supaya penambahbaikan boleh dibuat dari semasa ke semasa;
 - iii. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) dalam Surat Setuju Terima/dokumen kontrak berserta jumlah penyaluran yang patut diberi setelah setiap KPI tersebut dicapai bagi menjaga kepentingan Kerajaan;

- iv. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah memastikan bayaran penuh kepada syarikat hanya dibuat setelah syarikat memenuhi obligasinya seperti yang ditetapkan dalam dokumen kontrak; dan
- v. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah memastikan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja/Teknikal yang ditubuhkan memantau pelaksanaan kemajuan dan pencapaian bagi setiap projek untuk memastikan Kerajaan memperoleh pulangan yang optimum terhadap perbelanjaan yang dibuat.

[muka surat : 145 - 167]

KEMENTERIAN PERTAHANAN/JABATAN KERJA RAYA

8. *Pengurusan Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan Serta Infrastruktur di Kem Batu 10, Kuantan, Pahang dan Kem Sunggala, Port Dickson, Negeri Sembilan*

- a. Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian) telah merancang projek pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur berjumlah RM145.18 juta di Kem Batu 10 Kuantan, Pahang, Kem Sunggala Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kem Lapangan Terbang Sungai Petani, Kedah. Perancangan ini bermula sejak tahun 2011 serentak dengan perancangan perolehan Kenderaan Perisai 8X8 yang telah diterima secara berperingkat mulai tahun 2015. Objektif projek pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur ini adalah bagi penyimpanan, pengoperasian dan penyenggaraan Kenderaan Perisai 8X8 serta Kenderaan Pasukan yang sedia ada. Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur di Kem Batu 10 Kuantan (Garaj Kuantan) dan di Kem Sunggala Port Dickson (Garaj Port Dickson) telah dilaksanakan melalui Tender Terbuka (Khas Bumiputera) secara Konvensional (Dalaman) di mana Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek. Proses tender telah dibuat pada tahun 2013 dan syarikat yang berjaya mendapat tawaran tender adalah syarikat 399526-H dengan nilai kontrak berjumlah RM41.71 juta (nilai kontrak selepas pelarasan harga adalah RM37.79 juta) bagi Garaj Kuantan dan syarikat 360446-A dengan nilai kontrak berjumlah RM51.99 juta (nilai kontrak selepas pelarasan harga adalah RM50.28 juta) bagi Garaj Port Dickson. Tempoh kontrak pembinaan Garaj Kuantan bermula pada 22 April 2014 hingga 19 Oktober 2015 (78 minggu) dan diluluskan dua (2) Lanjutan Masa/*Extension of Time* (EOT) dengan tarikh siap sepatutnya adalah pada 29 November 2016. Manakala bagi Garaj Port Dickson, tempoh kontrak bermula pada 22 Januari 2015 hingga 8 Jun 2016 (72 minggu) dan dilanjutkan sehingga 30 Ogos 2017 selepas tiga (3) EOT diluluskan. Walaupun lanjutan masa telah diluluskan, projek masih gagal disiapkan bagi kedua-dua projek. Perakuan Kerja Tidak Siap/*Certificate of Non-Completion* (CNC) telah dikeluarkan pada 28 November 2016 bagi projek pembinaan Garaj Kuantan dan dikenakan denda yang bernilai RM7,549.27 sehari manakala CNC bagi projek pembinaan Garaj Port Dickson dikeluarkan pada 30 Ogos 2017 dengan denda bernilai RM9,409.53 sehari. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah Kadar Denda dan Gantirugi Ditetapkan/*Liquidated Ascertained and Damages* (LAD) yang

dikenakan terhadap syarikat 399526-H dan 360446-A masing-masing berjumlah RM2.99 juta dan RM1.16 juta.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Projek Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur

Projek Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur di kedua-dua kem tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Projek gagal disiapkan dalam tempoh kontrak dan tempoh lanjutan masa yang ditetapkan iaitu pada 29 November 2016 (Garaj Kuantan) dan 30 Ogos 2017 (Garaj Port Dickson). Prestasi keseluruhan fizikal projek pembinaan di Garaj Kuantan pada 31 Disember 2017 adalah 94.5% dan 95.5% bagi Garaj Port Dickson.

ii. Pengurusan Projek

Pengurusan projek pembinaan ini dari aspek perolehan projek, pengendalian dokumen kontrak, bon pelaksanaan dan insuran, Arahan Perubahan Kerja, kelulusan lanjutan masa dan bayaran kemajuan telah mematuhi peraturan ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek kualiti kerja pembinaan bagi kedua-dua garaj yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini.

c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. kontraktor tidak berupaya menyiapkan projek dalam tempoh kontrak; dan
- ii. kerja binaan di tapak tidak mengikut spesifikasi ditetapkan serta kualiti kerja binaan kurang memuaskan.

d. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, Kementerian dan JKR adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

- i. memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh EOT supaya objektif pembinaan tercapai;
- ii. memastikan klausa kontrak yang membolehkan Kerajaan menuntut sebarang kos dan kerugian daripada kontraktor terhadap kos tambahan atau *opportunity cost* yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat kelewatan penyediaan projek dimasukkan di dalam kontrak; dan
- iii. memantau kerja-kerja binaan di tapak yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kualiti pembinaan terjamin.

[muka surat : 168 - 192]

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

9. Pengurusan Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC)

- a. Pemulihan daripada penagihan dadah adalah satu usaha sepanjang hayat kerana penagihan dadah adalah penyakit kronik yang mudah berulang (*relapse*) dan berpanjangan. Menyedari cabaran tersebut, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melalui Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan (BRPP) telah mengambil inisiatif dengan menyediakan rawatan dan pemulihan yang komprehensif melalui pendekatan pemulihan dalam institusi dan pemulihan dalam komuniti. Salah satu pendekatan pemulihan dalam institusi adalah melalui *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC). CCRC berperanan sebagai pusat pemulihan yang menyediakan rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah di mana kemasukan penagih dadah ke dalam CCRC adalah melalui dua (2) cara. Pertamanya adalah penagih dadah yang telah dijatuhkan perintah mahkamah melalui Seksyen 6(1)(a) dan yang keduanya melalui kemasukan secara sukarela di bawah Seksyen 8(3)(a), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. CCRC sebelum ini dikenali sebagai Pusat Serenti dan telah ditukar nama kepada Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) pada tahun 2009. Di bawah Pelan Transformasi CCRC, PUSPEN dikenali sebagai CCRC berkuat kuasa pada 1 Jun 2012. Penagih dadah yang menjalani proses rawatan dan pemulihan di CCRC dikenali sebagai klien selaras dengan pendekatan humanistik¹ di bawah Pelan Transformasi CCRC. Selepas selesai proses pemulihan di CCRC, klien akan menjalani program pengawasan dalam komuniti dan dipantau oleh AADK Daerah selama dua (2) tahun. Klien yang menjalani pengawasan dalam komuniti dikenali sebagai Orang Kena Pengawasan (OKP). Kaedah pemantauan yang dijalankan ke atas OKP antaranya adalah melalui pelaksanaan program psikososial yang merangkumi program keagamaan dan kerohanian, psiko pendidikan, rawatan perubatan, pembangunan kerjaya, integrasi sosial/aktiviti kemasyarakatan dan lawatan pegawai AADK ke rumah. Sepanjang tempoh program pengawasan dalam komuniti, klien dikehendaki mengikuti program rawatan dan pemulihan setiap bulan dan beberapa penilaian turut dilakukan secara berkala ke atas OKP oleh Pegawai AADK Daerah bagi menentukan pengekalan kepuliharaan OKP.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2017 merumuskan perkara berikut:
- i. **Prestasi Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan**
- Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan telah mencapai objektif yang ditetapkan di mana klien yang mendaftar masuk ke CCRC dapat dirawat dan dipulihkan dalam tempoh antara enam (6) hingga 18 bulan. Selain itu, lebih ramai klien telah diberikan penyingkatan tempoh pemulihan sejak tahun 2014 yang menunjukkan keberkesanan program pemulihan dalam institusi yang dilaksanakan AADK. AADK juga telah berjaya mencapai sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) bagi tahun 2015 hingga 2017 berhubung

¹ Humanistik bermaksud bersifat kemanusiaan mengikut takrifan Kamus Dewan Edisi Keempat.

pengekalannya kepulihan di kalangan OKP yang menjalani program pengawasan dalam komuniti.

ii. Pengurusan CCRC

Pengurusan CCRC belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana terdapat ketidakpatuhan dalam Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK yang boleh menimbulkan risiko keselamatan. Selain itu, berlaku ketidakpatuhan dalam peraturan kewangan yang menjejaskan kepentingan Kerajaan untuk mendapat nilai faedah terbaik daripada perbelanjaan yang diperuntukkan. Masih terdapat ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh AADK dan CCRC dalam menguruskan Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:
- i. peruntukan kewangan yang diluluskan di bawah Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan hanya 0.5% daripada peruntukan mengurus AADK;
 - ii. aspek keselamatan CCRC belum mencapai tahap memuaskan;
 - iii. pentadbiran kontrak adalah tidak teratur;
 - iv. pembayaran adalah tidak teratur (*improper payment*); dan
 - v. pemantauan oleh AADK telah dilakukan namun masih terdapat ketidakpatuhan dalam pengurusan keselamatan, pentadbiran kontrak dan pengurusan pembayaran.
- d. Bagi mempertingkatkan program pemulihan dan pengurusan di CCRC, adalah disyorkan pihak KDN, AADK dan CCRC mengambil tindakan berikut:
- i. AADK/CCRC perlu memastikan aspek keselamatan seperti prosedur mengiringi klien semasa aktiviti luar, buku rekod pemeriksaan penghuni dan pengurusan peralatan keselamatan dipertingkatkan bagi mengelakkan risiko yang boleh menjejaskan dan menggugat keselamatan CCRC;
 - ii. KDN/CCRC perlu memastikan pengurusan pentadbiran kontrak dan kewangan yang melibatkan Kontrak Pusat Sistem Panel dan pengurusan pembayaran mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan; dan
 - iii. KDN perlu melakukan pemantauan terhadap pengurusan program AADK dalam menguruskan program pemulihan dan pengurusan di CCRC secara keseluruhannya.

[muka surat : 193 - 212]

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

Lembaga Lada Malaysia

10. Pengurusan Pembangunan Industri Lada

- a. Lembaga Lada Malaysia [Malaysian Pepper Board (MPB)] merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia dan ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Lada Malaysia 2006

(Akta 656). Mengikut Seksyen 3 Akta 656, matlamat MPB adalah untuk menggalakkan penanaman lada, membangunkan dan menggalakkan industri lada, menggalakkan penyelidikan tentang lada, keluaran lada dan industri lada serta membangunkan dasar bagi pembangunan dan pentadbiran industri lada Malaysia. Berdasarkan Seksyen 4, fungsi utama MPB adalah untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pertumbuhan daya maju industri lada Malaysia.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Pembangunan Industri Lada

MPB telah mencapai objektif program pembangunan penanaman lada di mana sasaran keluasan 14,530 hektar telah dicapai pada tahun 2015 dan dijangka mampu mencapai tambahan 1,500 hektar dalam tempoh tahun 2016 hingga 2020. Program penanaman lada juga memberikan peluang pekerjaan dan mengukuhkan pendapatan pekebun kecil luar bandar di mana tanaman sebanyak 2,000 pokok dalam satu hektar memberikan anggaran pendapatan kasar berjumlah RM94,424 pada tahun 2017. Sungguhpun ada peningkatan keluasan tanaman dan pengeluaran lada setiap tahun, namun hanya sasaran produktiviti sahaja di bawah pembangunan industri lada telah dicapai setakat tahun 2015.

ii. Pengurusan Pembangunan Penanaman Lada

Pengurusan pembangunan penanaman lada dari aspek perolehan input pertanian telah diuruskan dengan teratur bagi menjamin ia dilaksanakan secara berhemat. Bagaimanapun, kelemahan dalam proses pemilihan penerima bantuan dan proses pemberian bantuan boleh memberi kesan kepada tahap kecekapan pengurusan program. Selain itu, kelemahan dalam penyelenggaraan sistem dan rekod penerima bantuan boleh memberi kesan terhadap keberkesanan MPB untuk melaksanakan pemberian bantuan yang teratur.

iii. Pengurusan Pembangunan Penyelidikan (Pembinaan Infrastruktur)

Bagi pembinaan infrastruktur penyelidikan, proses pemilihan kontraktor secara tender terbuka adalah selaras dengan peraturan kewangan ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi projek Stesen Penyelidikan Lapangan yang terbengkalai telah menjejaskan pencapaian objektif pembinaan dan telah memberi kesan kepada kecekapan pengurusan. Selain itu, kelemahan pentadbiran kontrak dan pemantauan projek di tapak masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan.

c. Kelemahan utama yang ditemui adalah seperti berikut:

i. Pembangunan Penanaman Lada

- rekod kad pengenalan pekebun tidak dijumpai dalam pangkalan data JPN;
- bantuan diluluskan kepada pekebun yang telah meninggal dunia;
- pemberian bantuan tidak melalui proses pemilihan ditetapkan;

- minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pekebun tidak ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat; dan
 - penyelenggaraan rekod/fail bantuan tidak teratur.
- ii. Pembangunan Penyelidikan (Pembinaan Infrastruktur)**
- pembinaan projek Stesen Penyelidikan Lapangan telah terbengkalai sejak November 2016 dan kawasan tapak didapati terbiar;
 - kontraktor penyiap bagi Stesen Penyelidikan Lapangan belum dilantik;
 - pejabat tapak telah dipindahkan tanpa kebenaran Pegawai Penguasa; dan
 - Perakuan Siap Kerja bagi projek Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara Fasa 1 telah dikeluarkan tetapi tapak tidak diserahkan dan kerja masih berjalan.
- d. Bagi mempertingkatkan pengurusan program pembangunan industri lada adalah disyorkan supaya MPB dan JKR Sarawak mempertimbangkan perkara berikut:
- i. MPB dan JKR Sarawak hendaklah memastikan siasatan dibuat terhadap pegawai bertanggungjawab yang gagal memeriksa, memverifikasi dan memantau kerja mengikut peraturan yang berkuat kuasa sehingga menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian;
 - ii. MPB perlu menggunakan sistem pengurusan data bantuan yang lebih lengkap, komprehensif dan sistematik bagi memastikan maklumat pekebun diselenggarakan yang tepat dan kemas kini supaya pemberian bantuan dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan objektif ditetapkan;
 - iii. MPB hendaklah menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang lebih komprehensif meliputi penetapan satu tempoh yang sesuai supaya maklumat permohonan/kelulusan pekebun direkodkan dengan segera serta menyediakan proses penggantian nama pekebun yang dibatalkan dan proses bagi pekebun yang meninggal dunia; dan
 - iv. JKR Sarawak perlu menguruskan dengan segera pelantikan kontraktor baru yang memenuhi kriteria pemilihan tender, berkeupayaan dan berpengalaman bagi menyiapkan projek Stesen Penyelidikan Lapangan untuk mengelakkan struktur sedia ada mengalami kemerosotan bahan. Selain itu, JKR hendaklah memastikan penyeliaan dan pengawasan yang rapi serta berkesan terhadap pengurusan di tapak pembinaan.

[muka surat : 215 - 243]

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

11. Pengurusan Perolehan Kerja dan Perkhidmatan

- a. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 20, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Perbadanan 2001) yang diwartakan melalui P.U. (A) 124 pada 3 Mei 2001. UTeM merupakan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi

Awam berfokus dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Pengurusan Teknologi. Bagi mencapai objektif penubuhan universiti untuk melahirkan tenaga profesional yang mampu menyumbang kepada pembangunan industri negara, UTeM telah melaksanakan pelbagai perolehan. Perolehan UTeM diuruskan melalui kaedah pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Nilai perolehan kerja dan perkhidmatan yang diuruskan oleh UTeM melalui kaedah sebut harga, tender dan rundingan terus bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 adalah berjumlah RM131.18 juta. UTeM mempunyai 27 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merancang dan menguruskan perolehan bernilai kurang daripada RM50,000. Bagi perolehan yang bernilai RM50,000 dan ke atas, Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam menguruskan perolehannya. Pejabat Bendahari juga menguruskan perolehan secara rundingan terus tanpa mengira nilai. Semua urusan pembayaran dibuat oleh Pejabat Bendahari. Pengurusan perolehan dibuat berdasarkan kepada Pekeliling Bendahari dan Surat Pekeliling Bendahari/Kewangan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari UTeM. Selain itu, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 2 Tahun 2001 yang bersidang pada 24 Julai 2001 telah meluluskan UTeM menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Kerajaan melalui Pekeliling Bendahari UTeM Bilangan 6 Tahun 2001.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2017 merumuskan pengurusan perolehan UTeM belum mencapai kecekapan yang optimum kerana terdapat penyimpangan dalam peraturan kewangan termasuk prosedur pembayaran kerja yang berpotensi ke arah *improper payment*. UTeM masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan dalam memastikan perolehan diuruskan dengan lebih cekap. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam pengauditan ini adalah seperti berikut:
- i. sebanyak empat (4) perolehan secara tender bernilai RM2.65 juta dan enam (6) perolehan secara sebut harga bernilai RM2.16 juta tidak dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Harga;
 - ii. sebanyak dua (2) jenis perkhidmatan yang sepatutnya diperoleh melalui dua (2) tender bernilai RM3.61 juta telah dipecah kecil kepada 10 sebut harga;
 - iii. sebanyak 19 dokumen kontrak dengan nilai kerja RM14.85 juta telah sama ada ditandatangani oleh Naib Canselor atau Bendahari UTeM tanpa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah Universiti;
 - iv. sebanyak lima (5) perolehan secara sebut harga bernilai RM1.93 juta mempunyai tempoh kontrak melebihi empat (4) bulan merupakan kontrak bermasa tetapi tidak disediakan kontrak formal. Arahan dan skop kerja/perkhidmatan hanya dinyatakan melalui borang inden kerja kepada kontraktor;
 - v. sebanyak tiga (3) projek pembinaan tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan;
 - vi. bon pelaksanaan satu (1) projek pembinaan tidak dapat dituntut oleh UTeM akibat kegagalan projek kerana bon tersebut telah tamat tempoh; dan

- vii. sejumlah RM82,348 bagi dua (2) kerja telah dibayar sepenuhnya dalam tempoh empat (4) bulan sungguhpun terdapat kerja tidak dilaksanakan atau hanya dilaksanakan 80%.
- c. Bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan perolehan, adalah disyorkan supaya UTeM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:
- i. memastikan pegawai-pegawai perolehan, kewangan dan pembangunan melaksanakan pemantauan yang rapi supaya kerja dan perkhidmatan dapat dilaksanakan selaras dengan syarat dan spesifikasi kontrak;
 - ii. memastikan Unit Audit Dalam UTeM memainkan peranan dengan menjalankan pemeriksaan secara berterusan terhadap perolehan UTeM termasuk memastikan peraturan berkaitan perolehan dipatuhi dengan sewajarnya;
 - iii. memastikan Penasihat Undang-Undang UTeM memainkan peranan yang lebih penting dalam memberi nasihat serta pandangan berhubung hal-hal pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan UTeM; dan
 - iv. mengkaji semula syarat dalam Perenggan 9.2 dokumen sebut harga perkhidmatan Penyenggaraan Lanskap dan Pembersihan Kawasan mengenai mutu perkhidmatan yang menetapkan bayaran sepenuhnya dibuat berdasarkan prestasi kerja yang telah mencapai 60% pelaksanaannya. Bagaimanapun, kaedah pembayaran ini tidak sesuai dilaksanakan memandangkan terdapat kerja yang tidak dilakukan tetapi telah dibayar sepenuhnya.

[muka surat : 244 - 260]



BAHAGIAN I

**PELAKSANAAN AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 9 aktiviti di 8 Kementerian Persekutuan telah dipilih untuk dilaporkan bagi Siri 1. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan dan 9 aktiviti tersebut dilaporkan secara terperinci termasuk syor-syor Audit bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

2. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA - PENGURUSAN SENJATA API

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan satu daripada Jabatan Kerajaan yang merupakan agensi pemungut hasil utama negara. JKDM bertanggungjawab memungut cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas urusan niaga perdagangan dan perindustrian. Selain itu, JKDM juga bertanggungjawab untuk memastikan tiada kebocoran hasil negara berlaku melalui aktiviti penyeludupan sama ada melalui laut, darat atau udara.

2.1.2. Bahagian Penguatkuasaan JKDM mempunyai tanggungjawab dalam memastikan hasil negara sentiasa dipelihara dan dilindungi. Secara amnya, objektif Bahagian Penguatkuasaan JKDM adalah untuk membanteras segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan dengan cekap dan berkesan bagi memastikan segala undang-undang dan peraturan yang ditadbir oleh JKDM dipatuhi sepenuhnya. Dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan JKDM dibekalkan senjata api yang diagihkan kepada pegawai penguatkuasa di semua stesen seluruh Malaysia. Senjata api dan peluru dibekalkan

kepada pegawai Kastam dengan tujuan mempertahankan diri dan harta Kerajaan semasa melaksanakan tugas rasmi JKDM.

2.1.3. Pentadbiran senjata api dan peluru yang dimiliki oleh JKDM adalah tertakluk kepada Akta Senjata 1960 (Akta 206). Seksyen 3, Akta 206 menyatakan tiada sesiapa pun boleh memiliki senjata selain yang dilesenkan di bawah Seksyen 4 Akta tersebut. Bagi membolehkan seseorang memiliki senjata, Seksyen 4, Akta 206 menyatakan permohonan melalui borang permohonan perlu dikemukakan kepada Ketua Polis Negeri mengikut tempat tinggal pemohon.

2.1.4. Selain itu, semua pegawai JKDM yang telah dibekalkan senjata api diwajibkan mematuhi peraturan yang dikeluarkan di bawah Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015 - Senjata Api dan Peluru sebagai kawalan dalaman bagi mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan senjata api atau kecuaiian. Pegawai Persenjataan yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam (KPK) atau Pengarah Kastam Negeri (PKN) bertanggungjawab memastikan semua arahan dan peraturan berkaitan senjata api dan peluru dipatuhi sepenuhnya oleh pegawai. Pegawai Teknikal Persenjataan yang turut dilantik oleh KPK/PKN akan membantu Pegawai Persenjataan dalam menjalankan tanggungjawab tersebut.

2.1.5. Pengagihan senjata api kepada pegawai JKDM hanya melibatkan pegawai penguatkuasa yang bertugas di Bahagian Penguatkuasaan JKDM Negeri dan Ibu Pejabat. Pengagihan dibuat kepada pegawai yang mempunyai Lesen A dan B yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Lesen A dikeluarkan kepada KPK atau PKN di mana semua jenis senjata api JKDM dilesenkan di bawah lesen tersebut mengikut negeri masing-masing. Manakala Lesen B dikeluarkan kepada pegawai Kastam yang membawa dan menggunakan senjata api yang tertakluk kepada senjata api yang dilesenkan di dalam Lesen A. Pengagihan sebahagian senjata api turut dibuat ke Akademi Kastam Malaysia (AKMAL) bagi tujuan latihan.

2.1.6. KPK atau PKN bertanggungjawab terhadap semua senjata api dan peluru di negeri masing-masing. Bagi memastikan pengurusan senjata api dan peluru dilaksanakan dengan baik, Cawangan Operasi Marin dan Khidmat Sokongan Ibu Pejabat (OMKS, IP) bertanggungjawab menyediakan spesifikasi, jumlah, jenis, model dan penempatan bagi perolehan senjata api dan peluru. Selain itu, cawangan ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan rekod senjata api dan peluru secara keseluruhannya dan juga membuat pengagihan senjata api dan peluru kepada negeri-negeri.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan senjata api JKDM telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi tujuan keselamatan pegawai JKDM.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan pengurusan senjata api meliputi dua (2) bidang utama iaitu kedudukan senjata api dan pengurusan senjata api. Pengurusan senjata api dinilai daripada tujuh (7) aspek iaitu pengurusan lesen, permohonan dan pembaharuan lesen, pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan, pemeriksaan, kawalan pergerakan senjata api, kawalan pergerakan peluru dan pemantauan bagi tempoh tahun 2014 hingga April 2017. Pengauditan telah dijalankan di 17 cawangan/stesen JKDM iaitu tiga (3) cawangan/stesen JKDM negeri Sarawak, tiga (3) cawangan/stesen JKDM negeri Perlis, enam (6) cawangan/stesen JKDM negeri Johor dan lima (5) cawangan JKDM Ibu Pejabat. Asas pemilihan lokasi pejabat JKDM yang dilawati adalah mengambil kira bilangan senjata api yang dibekalkan serta kedudukan pejabat yang berhampiran dengan sempadan. Sejumlah 560 daripada 1,425 (39.3%) unit senjata api dan 376 lesen senjata api telah diperiksa sepanjang tempoh pengauditan.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan pengurusan senjata api. Temu bual telah dijalankan dengan Pegawai Persenjataan, Pegawai Teknikal Persenjataan dan pegawai penguatkuasa JKDM yang terlibat dengan pengurusan senjata api serta pegawai Bahagian Pelesenan dan Senjata, PDRM. Lawatan fizikal ke stor/tempat penyimpanan senjata api di JKDM dan syarikat pembekal juga telah dilaksanakan.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2016 hingga April 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Kedudukan Senjata Api

Kedudukan senjata api JKDM untuk kegunaan dalam aktiviti penguatkuasaan telah ditambah dan dipertingkatkan melalui perolehan pada tahun 2014 dan 2015. Bagaimanapun, sebahagian senjata api yang tidak dapat diagihkan sejak tahun 2015 kerana permohonan lesen senjata api belum diluluskan oleh PDRM telah menjejaskan keberkesanan objektif keperluan senjata api berkenaan diperoleh.

b. Pengurusan Senjata Api

Pengurusan senjata api di JKDM belum mencapai tahap kecekapan yang ditetapkan terutama dari aspek pematuhan kepada Akta 206 kerana berlaku beberapa pelanggaran peraturan yang boleh menimbulkan risiko keselamatan. Selain itu, berlaku ketidakpatuhan dalam proses permohonan dan pembaharuan Lesen A dan Lesen B, pemeriksaan senjata api, kawalan senjata api dan peluru serta pemantauan Ibu Pejabat terhadap pengurusan senjata api di cawangan

JKDM Negeri seperti prosedur yang telah ditetapkan dalam Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015. Secara keseluruhannya, JKDM mempunyai ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi mempertingkatkan kecekapan dalam proses pengurusan senjata api.

2.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- a. perolehan senjata api telah dibuat tanpa mendapat kelulusan daripada PDRM terlebih dahulu;
- b. proses pembaharuan dan permohonan Lesen A dan Lesen B belum teratur sepenuhnya;
- c. pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan tidak mengikut prosedur yang ditetapkan;
- d. hasil pemeriksaan atau verifikasi senjata api tidak dilaporkan secara bertulis;
- e. kawalan senjata api terutama rekod keluar/masuk senjata api tidak diselenggarakan dengan lengkap dan teratur;
- f. kawalan pergerakan peluru adalah teratur kecuali bagi empat (4) daripada 17 cawangan yang diaudit di mana rekod induk peluru tidak diselenggarakan dengan lengkap, tepat dan kemas kini; dan
- g. pemantauan telah dilaksanakan oleh Cawangan OMKS, IP namun kurang berkesan kerana terdapat beberapa cawangan JKDM negeri tidak mengemukakan Penyata Tahunan Senjata Api dan Peluru serta Rekod Pemegang Lesen.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas JKDM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 10 November 2017. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti di perenggan berikut:

2.6.1. Kedudukan Senjata Api

2.6.1.1. Tujuan pegawai JKDM dibekalkan dengan senjata api adalah bagi menjamin keselamatan diri, orang lain dan harta JKDM/Kerajaan. Bagi mencapai tujuan tersebut, JKDM telah merancang dan melaksanakan perolehan senjata api pada tahun 2014 dan 2015 untuk kegunaan Bahagian Penguatkuasaan JKDM seluruh negara. Perolehan senjata api oleh JKDM bagi tempoh tersebut berjumlah 659 unit dengan nilai RM2.80 juta. Sejumlah 104 unit senjata api telah diterima pada tahun 2014 manakala baki 555 unit senjata api telah diterima pada tahun 2015. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.1**.

JADUAL 2.1
PEROLEHAN SENJATA API BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2015

BIL.	TARIKH DITERIMA	JENIS SENJATA API	BIL. UNIT	(RM)
1.	22.12.2014	<i>Glock 19 Gen4 9mm</i>	60	178,800
2.	22.12.2014	<i>Glock G26 Subcompact Handgun 9mm</i>	30	77,100
3.	22.12.2014	<i>Glock 19 Gen4 9mm</i>	14	41,720
4.	26.08.2015	<i>Colt M4 Carbine 5.56mm</i>	100	891,500
5.	18.12.2015	<i>Glock 19</i>	200	570,000
6.	18.12.2015	<i>CZ Scorpion EVO 3A1</i>	40	376,000
7.	18.12.2015	<i>Glock 26</i>	65	185,250
8.	18.12.2015	<i>CZ-P07</i>	150	480,000
JUMLAH			659	2,800,370

Sumber: Cawangan Perolehan, Ibu Pejabat JKDM

2.6.1.2. Kedudukan keseluruhan senjata api setakat bulan Januari 2017 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
BILANGAN SENJATA API MENGIKUT NEGERI SETAKAT 23 JANUARI 2017

BIL.	NEGERI/PUSAT LATIHAN	JUMLAH SENJATA API
1.	Ibu Pejabat	200
2.	Perlis	86
3.	Kedah	110
4.	Pulau Pinang	104
5.	Perak	61
6.	Selangor	108
7.	WP Kuala Lumpur	49
8.	Negeri Sembilan	41
9.	Melaka	20
10.	AKMAL	90
11.	Johor	182
12.	Pahang	58
13.	Terengganu	32
14.	Kelantan	82
15.	Sabah	93
16.	Sarawak	97
17.	WP Labuan	12
JUMLAH		1,425

Sumber: Cawangan OMKS, IP

2.6.1.3. Pemeriksaan fizikal di stor senjata api Cawangan OMKS, IP mendapati sejumlah 234 unit senjata api dengan nilai RM917,600 disimpan di dalam bilik kebal stor berkenaan sejak tahun 2015. Baki 70 unit senjata api bernilai RM624,050 pula disimpan di stor syarikat pembekal kerana kekurangan ruang

penyimpanan di dalam stor senjata api Cawangan OMKS, IP. Pengagihan senjata api tersebut belum dapat dilaksanakan kerana masih menunggu kelulusan permohonan lesen senjata api daripada PDRM. Sebahagian senjata api yang disimpan di dalam stor Cawangan OMKS, IP dan stor syarikat pembekal adalah seperti **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

GAMBAR 2.1



Senjata Api yang Disimpan di Stor Cawangan OMKS, IP
(17.01.2017)

GAMBAR 2.2



GAMBAR 2.3



Senjata Api yang Disimpan di Stor Syarikat Pembekal
(12.04.2017)

GAMBAR 2.4



Pada pendapat Audit, JKDM telah mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pegawai penguatkuasa sentiasa dibekalkan dengan senjata api melalui perolehan senjata api baru pada tahun 2014 dan 2015. Bagaimanapun, senjata api yang telah dibeli tetapi tidak dapat diagih dan digunakan oleh pegawai penguatkuasa JKDM akibat ketiadaan lesen menyebabkan objektif pembekalan senjata api berkenaan tidak tercapai.

2.6.2. Pengurusan Senjata Api

2.6.2.1. Pengurusan Lesen Senjata Api

- a. Berdasarkan Seksyen 3 Akta 206, seseorang tidak boleh memiliki, membawa atau menggunakan senjata tanpa lesen atau permit senjata melainkan seseorang itu memegang lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 4 Akta yang sama. Sehubungan itu, Seksyen 4 Akta berkenaan menyatakan bahawa bagi membolehkan seseorang mendapatkan lesen atau permit senjata, seseorang itu hendaklah memohon lesen tersebut dengan mengisi borang yang ditetapkan kepada Ketua Polis Negeri di mana pemohon tersebut tinggal. Ketua Polis Negeri boleh memberi lesen senjata sekiranya beliau berpuas hati bahawa pemohon mempunyai alasan yang baik untuk memiliki, menjaga, membawa dan menggunakan senjata serta tidak membahayakan kepada keselamatan awam. Seksyen 5, Akta berkenaan pula menetapkan supaya lesen senjata api tidak boleh dikeluarkan atau diperbaharui bagi senjata api yang melepaskan tembakan berturut-turut dengan satu petikan. Bagaimanapun, warta bertarikh 17 Oktober 2010 telah memberi pengecualian kepada KPK, PKN, PKN WP Labuan dan juga Pengarah AKMAL daripada kuat kuasa Seksyen 5(1) untuk menggunakan senjata api automatik bagi maksud tugas penguatkuasaan.
- b. Semakan Audit mendapati perolehan senjata api telah dilaksanakan di antara bulan September 2014 hingga bulan Disember 2015 iaitu sebelum lesen diperolehi daripada Ketua Polis Negeri walaupun permohonan telah dikemukakan lebih awal. Terdapat juga JKDM Negeri yang mengemukakan permohonan kepada Ketua Polis Negeri selepas perolehan dilaksanakan oleh Ibu Pejabat JKDM. Butiran lanjut mengenai kelulusan lesen dan jumlah pengagihan senjata ke pejabat JKDM negeri adalah seperti di **Jadual 2.3**.

JADUAL 2.3
STATUS PERMOHONAN DAN KELULUSAN
LESEN SENJATA API MENGIKUT NEGERI

BIL.	PELESEN A	TARIKH PERMOHONAN LESEN	TARIKH LESEN DIULUSKAN	AGIHAN (Unit)
1.	Ibu Pejabat	02.07.2013	08.10.2013*	169
2.	Perlis	18.03.2015	05.02.2016 15.03.2016	43
3.	Kelantan	31.03.2015	10.01.2016 11.01.2018	24
4.	Sabah	04.08.2014	02.02.2017	42
5.	Kedah	TM	29.08.2016	31
6.	Pulau Pinang	03.10.2014	06.12.2016 18.04.2016	26
7.	Perak	14.12.2015	26.01.2017	25
8.	Negeri Sembilan	12.12.2014	18.07.2016	20
9.	Terengganu	TM	02.05.2016	10
10.	Melaka	TM	21.06.2017	16

BIL.	PELESEN A	TARIKH PERMOHONAN LESEN	TARIKH LESEN DIULUSKAN	AGIHAN (Unit)
11.	AKMAL	28.08.2014 29.04.2015	TM	-
12.	Johor	25.09.2014	21.01.2016 03.11.2016	42
13.	Pahang	21.01.2013	11.05.2016 04.07.2017	33
14.	Sarawak	25.03.2015	20.11.2017	30
15.	Selangor	18.02.2016	06.04.2016	27
16.	WP Kuala Lumpur	TM	TM	-
17.	WP Labuan	25.02.2012	22.02.2016	2
JUMLAH				540

Sumber: Cawangan OMKS, IP

Nota: TM - Tiada Maklumat

(*) - Kelulusan lesen daripada PDRM diterima sebelum perolehan dilakukan

- c. JKDM menjelaskan bahawa perolehan senjata api telah dilaksanakan walaupun kelulusan belum diperolehi atas permohonan lesen senjata api kerana berdasarkan pengalaman terdahulu, proses perolehan senjata api oleh JKDM akan mengambil masa melebihi tempoh enam (6) bulan. Kelulusan lesen yang diberikan oleh PDRM bagi perolehan senjata api pula adalah sah bagi tempoh enam (6) bulan sahaja. Selain itu, perolehan senjata api tersebut turut merangkumi senjata api automatik kerana JKDM beranggapan bahawa PDRM akan meluluskan permohonan lesen selaras dengan warta bertarikh 17 Oktober 2010. Warta berkenaan memberi pengecualian penguatkuasaan Seksyen 5(1) Akta 206 yang membolehkan lesen senjata api automatik diberi atau diperbaharui bagi KPK, PKN, PKN WP Labuan dan Pengarah AKMAL. Bagaimanapun, tafsiran PDRM ke atas warta itu adalah berbeza dengan tafsiran JKDM di mana PDRM menyatakan pengecualian adalah hanya kepada KPK, PKN, PKN WP Labuan dan Pengarah AKMAL. Manakala JKDM berpandangan bahawa pengecualian ini turut terpakai kepada semua pegawai penguatkuasa JKDM yang bertugas di bawah KPK, PKN, PKN WP Labuan dan Pengarah AKMAL.
- d. Akibat perolehan dilaksanakan sebelum lesen diluluskan, sejumlah 304 unit senjata api tidak dapat diagihkan kepada JKDM negeri dan terpaksa disimpan di stor Cawangan OMKS, IP dan di stor syarikat pembekal.

Maklum balas yang diterima daripada JKDM pada 20 Disember 2017

Agihan senjata api tidak dapat dilakukan selagi tidak mendapat lesen daripada PDRM. Bagaimanapun, permohonan tambahan bagi senjata api baru dan rayuan telah dikemukakan kepada PDRM untuk kelulusan lesen tersebut.

Pada pendapat Audit, perolehan atau pemilikan senjata api tanpa lesen merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 3 Akta 206 dan jika sabit kesalahan selaras dengan Seksyen 8 akta tersebut, boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi tujuh tahun atau dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya. Perkara ini boleh menjejaskan imej JKDM khususnya dan Perkhidmatan Awam secara amnya.

2.6.2.2. Permohonan dan Pembaharuan Lesen A dan Lesen B

- a. Berdasarkan perenggan 13(1)(i), Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015, semua jenis senjata api hendaklah dilesenkan di bawah Lesen A KPK bagi senjata api yang digunakan di Ibu Pejabat JKDM dan Lesen A PKN masing-masing bagi senjata api yang digunakan di negeri. Semakan Audit mendapati semua senjata api telah dilesenkan di bawah Lesen A KPK/PKN kecuali JKDM Sarawak. Lesen A bagi JKDM Sarawak belum ditukar kepada PKN yang baru. Pihak Audit dimaklumkan bahawa JKDM sedang berbincang dengan PDRM berkenaan perkara tersebut memandangkan PKN Sarawak bakal bersara dalam masa terdekat. Maklum balas yang diterima pada 20 Disember 2017 menyatakan bahawa Lesen A bagi negeri Sarawak telah dilesenkan secara sementara atas nama Timbalan Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) pada Januari 2017. Bagaimanapun, pelantikan ini tidak selaras dengan peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015, iaitu semua Lesen A hanya dikeluarkan kepada KPK dan PKN.
- b. Perenggan 13(1)(ii), Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015 menetapkan pegawai Kastam yang membawa dan menggunakan senjata api JKDM diwajibkan memiliki Lesen B. Pegawai Kastam hanya dibenarkan membawa dan menggunakan senjata api bernombor siri yang dinyatakan di dalam lesen sahaja. Sehubungan itu, nombor siri senjata api yang dilesenkan dalam Lesen B hendaklah tepat dan selari dengan nombor siri senjata api dalam simpanan JKDM mengikut negeri masing-masing. Jenis peluru yang boleh dibawa dan digunakan juga turut dinyatakan di dalam Lesen A dan B. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
 - i. sebanyak 46 kes kesilapan nombor siri senjata api yang didaftarkan di dalam Lesen B di JKDM Sarawak dan stesen Johor Bahru, Johor. Nombor siri senjata api berbeza di dalam Lesen B dengan nombor siri senjata api yang diagihkan ke JKDM Sarawak dan stesen Johor Bahru, Johor;
 - ii. senjata api yang telah dilupuskan di stesen Gelang Patah, Johor masih dilesenkan dalam Lesen B bagi enam (6) pegawai. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan sebenar senjata api yang telah dilupuskan kerana senarai nombor siri senjata api yang tercatat dalam

- Lesen B enam (6) pegawai berkenaan merangkumi semua senjata api JKDM Johor dan bukan hanya stesen Gelang Patah;
- iii. maklumat PKN selaku pemegang Lesen A tidak dikemas kini di dalam enam (6) Lesen B milik pegawai penguatkuasa di stesen Padang Besar, Perlis dan stesen Gelang Patah, Johor; dan
 - iv. Lesen B bagi semua pegawai penguatkuasa di JKDM Sarawak yang telah tamat pada Jun 2016 belum diperbaharui.
- c. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak JKDM telah memberikan nombor siri senjata api dan maklumat berkaitan kepada PDRM untuk dikemas kini semasa pembaharuan lesen. Bagaimanapun, tiada semakan semula terhadap maklumat yang telah dikemas kini dalam lesen tersebut selepas selesai proses pembaharuan oleh PDRM. Kelewatan pembaharuan Lesen B di JKDM Sarawak adalah kerana penangguhan pembaharuan Lesen A berikutan persaraan PKN. Maklumat yang tidak lengkap dan tepat dalam buku lesen boleh menyebabkan implikasi pada masa akan datang sekiranya berlaku penyalahgunaan, kehilangan atau kecurian senjata api.

Maklum balas yang diterima daripada JKDM pada 20 Disember 2017

JKDM telah membuat permohonan untuk membetulkan kesilapan nombor siri senjata api di dalam Lesen B, memasukkan dan mengeluarkan nombor siri senjata api serta mengemas kini senarai senjata api di dalam Lesen B seperti yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam proses permohonan dan pembaharuan Lesen A dan Lesen B masih boleh ditambah baik terutama dari aspek ketelitian pegawai yang bertanggungjawab menguruskan proses berkenaan.

2.6.2.3. Pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan

- a. Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015 menetapkan bahawa KPK/PKN bertanggungjawab untuk melantik Pegawai Persenjataan dari Pegawai Kanan Bahagian Penguatkuasaan berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa Kastam gred WK41 dan melantik Pegawai Teknikal Persenjataan yang berpangkat tidak rendah daripada Pegawai Kastam gred WK17.
- b. Semakan Audit mendapati Pegawai Persenjataan yang telah dilantik adalah selaras dengan ketetapan Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015. Sehingga tarikh pengauditan, semua pelantikan telah dibuat secara rasmi melalui surat pelantikan kecuali bagi dua (2) Pegawai

Persenjataan di Sarawak iaitu masing-masing seorang pegawai di stesen Sarikei dan stesen Sibu. Surat pelantikan bagi kedua-dua pegawai berkenaan tidak dapat dikemukakan untuk semakan semasa pengauditan dijalankan.

- c. Semakan lanjut mendapati pelantikan sebahagian Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan telah dibuat oleh pegawai yang tidak mempunyai kuasa melantik iaitu selain daripada KPK/PKN. Pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan di JKDM Perlis dibuat oleh Ketua Bahagian Penguatkuasaan manakala di JKDM Sarawak pula dilantik oleh Timbalan PKN, sementara di Cawangan Narkotik Ibu Pejabat, pelantikan dibuat oleh Ketua Cawangan tersebut. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.4**.

JADUAL 2.4
PELANTIKAN PEGAWAI PERSEJAJAAN DAN PEGAWAI TEKNIKAL PERSEJAJAAN

NEGERI	CAWANGAN/ STESEN	BILANGAN PEGAWAI	STATUS PELANTIKAN
Sarawak	Kuching	Seorang Pegawai Persenjataan Dua (2) Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh bukan PKN
	Sibu	Seorang Pegawai Persenjataan Dua (2) Pegawai Teknikal Persenjataan	Pegawai Persenjataan tidak mempunyai surat pelantikan manakala Pegawai Teknikal Persenjataan dilantik oleh bukan PKN
	Sarikei	Seorang Pegawai Persenjataan Dua (2) Pegawai Teknikal Persenjataan	Pegawai Persenjataan tidak mempunyai surat pelantikan manakala Pegawai Teknikal Persenjataan dilantik oleh bukan PKN
Perlis	Kangar	Seorang Pegawai Persenjataan Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh bukan PKN
	Padang Besar	Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh bukan PKN
	Kuala Perlis	Seorang Pegawai Persenjataan Dua (2) Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh bukan PKN
Johor	Johor Bahru	Seorang Pegawai Persenjataan Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh PKN
	Pontian	Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh PKN
	Pengerang	Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh PKN
	Muar	Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh PKN
	Batu Pahat	Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh PKN
	Gelang Patah	Seorang Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh PKN
Ibu Pejabat	Cawangan OMKS, IP	Seorang Pegawai Persenjataan Dua (2) Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh KPK
	Cawangan KLIA	Seorang Pegawai Persenjataan Tiga (3) Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh KPK
	Risikan Tengah	Tiada pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan	
	Risikan Khas	Tiada pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan	
	Narkotik	Seorang Pegawai Persenjataan Dua (2) Pegawai Teknikal Persenjataan	Pelantikan semua pegawai oleh bukan KPK

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: KPK - Ketua Pengarah Kastam

PKN - Pengarah Kastam Negeri

- d. JKDM memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan kurang pengetahuan mengenai prosedur pelantikan yang telah digariskan dalam Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015. Ketiadaan pelantikan secara rasmi atau pelantikan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan yang tidak mematuhi ketetapan dalam perintah tetap tersebut telah menyebabkan pegawai tidak jelas tentang peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya seperti penyelenggaraan rekod pergerakan senjata dan penyediaan laporan pemeriksaan tahunan.

Maklum balas yang diterima daripada JKDM pada 20 Disember 2017

Semua Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan telah dilantik secara rasmi oleh KPK pada bulan September 2017 dan PKN negeri masing-masing pada bulan Disember 2016.

Pada pendapat Audit, ketiadaan pelantikan secara rasmi atau pelantikan yang tidak mematuhi ketetapan dalam Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015 telah menjejaskan kecekapan Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

2.6.2.4. Pemeriksaan Senjata Api

- a. Berdasarkan Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015, Pegawai Persenjataan di Cawangan OMKS, IP hendaklah melaksanakan naziran berjadual bagi pemeriksaan fizikal dan rekod semua senjata api dan peluru PDRM ke negeri-negeri dan pusat latihan Kastam. Selain itu, verifikasi atau pemeriksaan stok senjata api dan peluru hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali dalam setahun dan laporan pemeriksaan dikemukakan kepada KPK/PKN.
- b. Semakan Audit mendapati Pegawai Persenjataan hanya melaksanakan naziran di negeri yang terpilih sahaja kerana kekangan pegawai serta jadual tugas yang ketat di samping penglibatan dalam operasi khas. Selain itu, didapati pemeriksaan stok senjata api telah dilaksanakan bersama-sama PDRM bagi pembaharuan lesen tahunan di negeri yang dilawati. Bagaimanapun, tiada laporan naziran dan pemeriksaan dikemukakan kepada KPK/PKN kerana Pegawai Persenjataan kurang pengetahuan dalam prosedur pengurusan senjata api. Tindakan susulan juga tidak dilakukan oleh pejabat KPK/PKN untuk memastikan Pegawai Persenjataan mengemukakan laporan naziran dan pemeriksaan berkenaan. Sehubungan itu, KPK/PKN tidak mendapat maklumat lengkap mengenai status semasa senjata api di bawah kawalan dan seliaan masing-masing.

Maklum balas yang diterima daripada JKDM pada 20 Disember 2017

JKDM mengambil maklum perkara ini dan akan memastikan setiap laporan naziran yang dijalankan ke atas pengurusan stor senjata api dan peluru di negeri akan dikemukakan kepada PKN yang terlibat supaya tindakan dapat diambil untuk menambah baik pengurusan stor tersebut.

Pada pendapat Audit, pemeriksaan stok senjata api yang dilaksanakan bersama PDRM secara tahunan adalah baik sebagai satu aspek kawalan kecuali kelemahan dalam proses dokumentasi dan pelaporan berkaitan aktiviti pemeriksaan di peringkat KPK/PKN dan Pegawai Persenjataan yang boleh dipertingkatkan.

2.6.2.5. Kawalan Pergerakan Senjata Api

- a. Berdasarkan perenggan 14(3)(i-v), Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015, setiap senjata api dan peluru JKDM tidak dibenarkan disimpan terlalu lama oleh mana-mana pegawai. Senjata api dan peluru berkenaan hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Pegawai Persenjataan setelah sesuatu tugas selesai dilaksanakan. Pergerakan semua jenis senjata api dan peluru hendaklah dikawal dengan menggunakan Buku Daftar Masuk/Keluar Senjata Api dan Peluru (JK 92). Perintah tetap tersebut juga menyatakan bagi tujuan pemeriksaan fizikal, kemas kini rekod dan pengeluaran semula, semua senjata api dan peluru hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Persenjataan pada hari kerja pertama setiap minggu sebelum jam 10.30 pagi atau pada hari berikutnya jika hari pertama itu jatuh pada hari kelepasan am. Satu garisan merah hendaklah dicatatkan di ruang kemasukan yang terakhir pada hari berkenaan.
- b. Semakan Audit di stesen yang dilawati mendapati semua pergerakan senjata api direkodkan dalam Buku Daftar Masuk/Keluar Senjata Api dan Peluru (JK 92). Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati Buku Daftar tersebut tidak diselenggarakan dengan lengkap dan teratur di Cawangan Risikan Khas dan OMKS, IP di mana pegawai yang menyerah semula dan pegawai penerima tidak menandatangani buku daftar tersebut bagi mengesahkan pemulangan senjata api dan peluru. Selain itu, semakan juga mendapati berlaku pemulangan senjata api selepas jam 10.30 pagi serta tiada garisan merah dicatatkan bagi menandakan ruang kemasukan yang terakhir pada hari berkenaan. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
BUKU DAFTAR MASUK/KELUAR SENJATA API DAN PELURU (JK 92)

NEGERI	CAWANGAN/STESEN	PEMULANGAN SENJATA MENGIKUT TEMPOH	LENGGAP DAN TERATUR	CATATAN
Sarawak	Kuching	Tidak	Ya	Walaupun tidak mengikut tempoh yang ditetapkan, namun maklumat pemulangan tersebut telah direkodkan dengan lengkap dan teratur.
	Sibu	Tidak	Ya	
	Sarikei	Tidak	Ya	
Perlis	Kangar	Tidak	Ya	
	Padang Besar	Ya	Ya	
	Kuala Perlis	Ya	Ya	
Johor	Johor Bahru	Tidak	Ya	
	Pontian	Tidak	Ya	
	Pengerang	Tidak	Ya	
	Muar	Tidak	Ya	
	Batu Pahat	Tidak	Ya	
	Gelang Patah	Tidak	Ya	
Ibu Pejabat	Cawangan OMKS, IP	Tidak	Tidak	
	Cawangan KLIA	Tidak	Ya	Walaupun tidak mengikut tempoh yang ditetapkan, namun maklumat pemulangan tersebut telah direkodkan dengan lengkap dan teratur.
	Risikan Tengah	Tidak	Ya	
	Narkotik	Tidak	Ya	
	Risikan Khas	Tidak	Tidak	Penyerahan senjata tidak ditandatangani sebagai pengesahan oleh pengguna dan penerima senjata untuk minggu terdahulu.

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- c. Pegawai Persenjataan memaklumkan bahawa pemulangan senjata api tidak mengikut tempoh yang ditetapkan adalah kerana pegawai yang menggunakan senjata api terlibat dalam operasi penguatkuasaan dan berada di luar kawasan. Bagaimanapun, pemulangan senjata api dibuat sebaik sahaja pegawai tersebut selesai menjalankan tugas.

Maklum balas yang diterima daripada JKDM pada 20 Disember 2017

Tindakan untuk mengemas kini dan menyelenggarakan Buku Daftar Masuk/Keluar Senjata Api dan Peluru (JK 92) di cawangan Risikan Khas dan OMKS IP sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, Buku Daftar Masuk/Keluar Senjata Api dan Peluru (JK 92) yang tidak diselenggarakan dengan lengkap dan teratur boleh menyukarkan kawalan secara berkesan terhadap pergerakan senjata api dan peluru berkenaan.

2.6.2.6. Kawalan Pergerakan Peluru

- a. Perenggan 12(3), Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015 menetapkan sebarang penerimaan peluru hendaklah dibuat oleh pegawai penerima stor dan diperiksa bersama Pegawai Persenjataan Negeri bagi memastikan peluru menepati spesifikasi yang ditetapkan. Cawangan OMKS, IP dan juga Bahagian Penguatkuasaan di peringkat Negeri/pusat latihan/stesen hendaklah menyedia dan mengemas kini satu rekod induk semua jenis peluru JKDM mengikut format yang ditetapkan. Butiran rekod seperti jumlah baki stok setiap jenis peluru yang sedang disimpan, pengeluaran, pelupusan dan hapus kira hendaklah sentiasa dikemas kini.
- b. Semakan Audit di stesen JKDM yang dilawati mendapati pengagihan peluru kepada JKDM negeri dibuat oleh Cawangan OMKS, IP. Setiap Bahagian Penguatkuasaan Negeri akan mengambil bekalan peluru daripada syarikat pembekal berdasarkan surat pengagihan yang telah dikeluarkan oleh Cawangan OMKS, IP. Setelah bekalan peluru diterima, Bahagian Penguatkuasaan Negeri akan memaklumkan kepada Cawangan OMKS, IP untuk rekod. Semua pengagihan telah diterima dan ditandatangani oleh pegawai penerima yang dilantik untuk menerima bekalan peluru. Semakan lanjut terhadap rekod induk peluru mendapati ia diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini kecuali bagi stesen-stesen berikut:
 - i. Cawangan OMKS, IP bertanggungjawab membuat agihan peluru ke Cawangan KLIA, Risikan Tengah, Risikan Khas dan Narkotik. Berdasarkan surat pengagihan peluru yang dikeluarkan oleh Cawangan OMKS, IP, pengagihan sejumlah 300 butir peluru telah dibuat ke Cawangan Risikan Khas pada 5 April 2016, 1,350 butir peluru ke Cawangan KLIA pada 13 Mei 2016 dan 873 butir peluru ke Cawangan Narkotik pada 9 Mei dan 22 Julai 2016. Bagaimanapun, maklumat pengagihan peluru ini tidak direkodkan dalam rekod induk Cawangan OMKS, IP.
 - ii. Cawangan Risikan Tengah dan Risikan Khas, Ibu Pejabat serta stesen Gelang Patah, Johor tidak menyediakan rekod induk peluru bagi merekodkan pergerakan peluru yang diterima dan dikeluarkan. Manakala stesen Padang Besar dan Kuala Perlis, Perlis serta stesen Pontian dan Pengerang, Johor hanya menyediakan penyata bulanan dengan mengambil kira baki setiap hujung bulan sahaja dan tidak menggunakan Buku Daftar Bekalan Pejabat (Kew. 314) atau mengikut format yang ditetapkan.
 - iii. Terdapat perbezaan antara rekod induk peluru dengan baki sebenar berdasarkan pemeriksaan fizikal melibatkan sejumlah 15 butir peluru di JKDM Johor dan 2,793 butir peluru di Cawangan OMKS, IP semasa pengauditan dijalankan. Bagaimanapun, ketepatan maklumat berkaitan pergerakan peluru tidak dapat disahkan kerana rekod pergerakan peluru

tidak diselenggarakan dengan tepat, lengkap dan kemas kini. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
PERBEZAAN BILANGAN PELURU DI ANTARA
REKOD INDUK DAN PEMERIKSAAN FIZIKAL

NEGERI	STESEN	BIL. PELURU (Butir)		
		Rekod Induk	Pemeriksaan Audit	Perbezaan
Sarawak	Kuching	28,239	28,239	-
	Sibu	6,555	6,555	-
	Sarikei	5,760	5,760	-
Perlis	Kangar	36,907	36,907	-
	Padang Besar	4,004	4,004	-
	Kuala Perlis	3,228	3,228	-
Johor	Johor Bahru	21,645	21,660	15
	Pontian	182	182	-
	Pengerang	689	689	-
	Muar	5,806	5,806	-
	Batu Pahat	867	867	-
	Gelang Patah	TM	396	-
Ibu Pejabat	Cawangan OMKS, IP	72,588	75,381	2,793
	Cawangan KLIA	212	212	-
	Risikan Tengah	TM	1,300	TM
	Risikan Khas	TM	474	TM
	Narkotik	1,350	1,350	-
JUMLAH		188,032	193,010	2,808

Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Nota: TM - Tiada Maklumat

- c. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Persenjataan Ibu Pejabat bahawa antara sebab rekod induk tidak dikemas kini adalah berpunca daripada kekurangan pegawai yang bertanggungjawab dalam penyelenggaraan rekod induk peluru, tiada pelantikan secara rasmi oleh KPK sebagai Pegawai Persenjataan di Cawangan Risikan Tengah dan Risikan Khas serta kekurangan pendedahan terhadap peraturan yang terkini oleh Pegawai Persenjataan.

Maklum balas yang diterima daripada JKDM pada 20 Disember 2017

- i. Rekod agihan peluru ke KLIA, Risikan Tengah dan Cawangan Narkotik telah dikemas kini dalam Rekod Induk Peluru.
- ii. Cawangan Risikan Tengah dan Risikan Khas Ibu Pejabat telah diarahkan untuk menyediakan rekod induk peluru untuk merekodkan pergerakan peluru yang diterima dan dikeluarkan. Manakala stesen Padang Besar dan Kuala Perlis, Perlis serta stesen Pontian dan Pengerang, Johor telah mewujudkan rekod induk peluru untuk merekodkan pergerakan keluar masuk peluru.

- iii. **Cawangan OMKS, IP dan JKDM Johor mengakui kesilapan dalam pengemaskinian rekod induk peluru. Rekod peluru tidak diselenggarakan dengan sempurna selepas latihan menembak diadakan. Bagaimanapun pada masa akan datang, Cawangan OMKS, IP akan memastikan rekod peluru dikemas kini dengan sempurna.**

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod peluru yang tidak lengkap dan kemas kini menunjukkan kelemahan dalam aspek kawalan dan pemantauan. Kelemahan ini sekiranya tidak diambil tindakan penambahbaikan segera, boleh memberi kesan terhadap permohonan JKDM untuk mendapatkan kelulusan PDRM bagi tambahan senjata api dan peluru pada masa akan datang. Kelemahan dalam kawalan pergerakan peluru boleh juga menimbulkan penyalahgunaan yang memberi kesan keselamatan

2.6.2.7. Pemantauan Penyata Tahunan Senjata Api dan Peluru serta Rekod Pemegang Lesen

- a. Berdasarkan perenggan 13(2), Perintah Tetap Penguatkuasaan Bilangan 5 Tahun 2015, Cawangan OMKS, IP hendaklah menyediakan dan mengemas kini pangkalan data semua jenis senjata api JKDM di dalam rekod induk. Selain itu, Cawangan OMKS, IP dan Bahagian Penguatkuasaan di peringkat negeri juga hendaklah menyediakan satu rekod senarai pegawai Kastam yang sedang memegang Lesen A dan Lesen B. Rekod ini hendaklah sentiasa dikemas kini dan satu salinan dikemukakan kepada PDRM untuk pembaharuan lesen tahunan dan satu lagi kepada Cawangan OMKS, IP bersama dengan Penyata Tahunan Senjata Api.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan pada bulan Januari 2017, senarai pemegang Lesen A dan Lesen B yang disimpan di Cawangan OMKS, IP tidak lengkap. Semakan lanjut mendapati JKDM Negeri tidak mengemukakan senarai pemegang lesen kepada Cawangan OMKS, IP bersama-sama Penyata Tahunan Senjata Api. Semakan mendapati Pegawai Persenjataan di negeri/stesen hanya mengemukakan Penyata Tahunan Senjata Api dan Penyata Peluru kepada Cawangan OMKS, IP.
- c. Selain itu, didapati JKDM Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan dan Kelantan tidak mengemukakan Penyata Tahunan Senjata Api, Penyata Peluru dan juga senarai pemegang Lesen A dan Lesen B kepada Cawangan OMKS, IP. Ini kerana tiada tindakan susulan yang diambil untuk memastikan semua negeri mengemukakan penyata tahunan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Persenjataan Ibu Pejabat bahawa kekurangan pegawai merupakan penyebab tindakan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Perkara

ini mengakibatkan Cawangan OMKS, IP tidak mempunyai maklumat yang lengkap bagi senjata api dan peluru serta pemegang lesen.

Maklum balas yang diterima daripada JKDM pada 20 Disember 2017

Pangkalan data semua jenis senjata api JKDM serta Lesen A dan Lesen B telah dikemas kini dan stesen/negeri akan dipantau supaya mengemukakan penyata tahunan senjata api kepada Cawangan OMKS, IP. Tindakan telah dilakukan dengan mengarahkan JKDM negeri untuk mengemukakan penyata tahunan senjata api, peluru dan senarai pemegang Lesen A dan Lesen B kepada OMKS, IP.

Pada pendapat Audit, JKDM telah mewujudkan mekanisme kawalan dan pemantauan yang bersesuaian dalam pengurusan senjata api dan peluru seperti pemakaian Perintah Tetap Penguatkuasaan sebagai peraturan dalaman dan pelaksanaan naziran oleh pegawai ibu pejabat ke negeri-negeri. Bagaimanapun, wujud kelemahan dalam aspek pelaksanaan dan penguatkuasaannya yang boleh menjejaskan keberkesanan fungsi mekanisme tersebut.

2.7. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat JKDM masih mempunyai ruang untuk meningkatkan kecekapan pengurusan senjata api untuk memastikan senjata api dikawal dan digunakan bagi menjamin keselamatan pegawai JKDM semasa menjalankan tugas. Dalam hal ini, adalah disyorkan supaya JKDM mempertimbangkan perkara berikut:

2.7.1. mengadakan pertemuan dan perbincangan di peringkat Pengurusan Atasan/Tertinggi JKDM dan PDRM bagi menyelesaikan isu lesen senjata api dengan kadar segera;

2.7.2. Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan diberi pendedahan terhadap prosedur pengurusan senjata api yang betul melalui latihan formal dan tidak formal dari semasa ke semasa;

2.7.3. kecekapan dalam proses permohonan dan pembaharuan lesen dipertingkatkan seperti melakukan semakan semula nombor siri senjata api, jenis peluru dan maklumat pelesen yang didaftarkan dalam Lesen B bagi mengelakkan kesilapan maklumat dalam lesen tersebut; dan

2.7.4. pemantauan/naziran pengurusan senjata api secara konsisten oleh Pegawai Persenjataan dan Pegawai Teknikal Persenjataan Ibu Pejabat bagi memastikan tahap pematuhan yang tinggi di semua cawangan/stesen JKDM di seluruh negara.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

3. JABATAN LAUT MALAYSIA / SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - PENGURUSAN MARINA AWAM

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Sebelum tahun 2000, kebanyakan marina di Malaysia dimiliki oleh kelab pelayaran persendirian yang memberi perkhidmatan kepada ahlinya sahaja. Pada bulan November 2000, Jemaah Menteri telah membuat keputusan untuk melaksanakan promosi bagi menggalakkan industri kapal rekreasi di Malaysia melalui pembangunan infrastruktur asas. Selaras dengan itu, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah memberi kelulusan kepada Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk membina 11 buah marina awam di seluruh Malaysia secara berperingkat di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) dan RMKe-9 dengan kos keseluruhan berjumlah RM323.16 juta. Senarai marina awam adalah seperti di **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
MARINA AWAM YANG DIBINA DALAM RMKe-8 DAN RMKe-9

BIL.	MARINA AWAM	PEMILIK	TAHUN SIAP	KOS (RM Juta)
1.	Batu Uban, Pulau Pinang	Jabatan Laut Malaysia	2003	3.53
2.	Kuala Kedah, Kedah	Jabatan Laut Malaysia	2003	37.28
3.	Tanjong City Marina, Pulau Pinang	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	2005	43.16
4.	Pulau Tioman, Pahang	Jabatan Laut Malaysia	2007	42.47
5.	Tanjung Gemok, Pahang	Jabatan Laut Malaysia	2007	6.00
6.	Pulau Mentagor, Perak	Jabatan Laut Malaysia	2007	24.27
7.	Tanjung Pengelih, Johor	Jabatan Laut Malaysia	2008	37.57
8.	Muar, Johor	Jabatan Laut Malaysia	2008	27.34
9.	Pulau Indah, Selangor	Jabatan Laut Malaysia	2009	45.82
10.	Melaka	Jabatan Laut Malaysia	2009	28.78
11.	Kuching, Sarawak	Jabatan Laut Malaysia	2009	26.94
JUMLAH				323.16

Sumber: JLM dan SPPP

3.1.2. Berdasarkan Kertas Cadangan Pembangunan Infrastruktur Bagi Penggalakan Aktiviti Kapal-Kapal Rekreasi di Malaysia oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) kepada EPU bertarikh 28 Februari 2001, objektif pembangunan marina awam ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pendaratan kapal rekreasi di seluruh negara. Ini bagi menggalakkan aktiviti *yachting* dan pelancongan marin.

3.1.3. Pada dasarnya, operasi dan aktiviti marina awam di bawah JLM diawasi menggunakan peruntukan perundangan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953. Pada tahun 2004, P.U.(A) 82/2004 (Part VIIIA, Regulating Marina) telah diwartakan untuk meminda Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953 berkaitan peraturan kawal selia marina awam.

3.1.4. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap tujuh (7) buah marina awam yang dibina oleh JLM. Skop pengauditan ini meliputi perancangan, pembinaan dan pemantauan terhadap tujuh (7) projek marina awam iaitu di Batu Uban, Pulau Pinang; Kuala Kedah, Kedah; Pulau Mentagor, Perak; Muar, Johor; Pulau Indah, Selangor; Tanjung Gemok dan Pulau Tioman, Pahang bagi tempoh tahun 2002 hingga 2009. Antara isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2009 adalah seperti berikut:

- a. sebanyak enam (6) daripada tujuh (7) projek yang diaudit tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak dan diluluskan pelanjutan masa antara 92 hingga 686 hari;
- b. kualiti kerja kurang memuaskan;
- c. Marina Kuala Kedah dan Marina Pulau Mentagor yang telah disiapkan masih tidak beroperasi dan dimanfaatkan mengikut objektif pembinaannya;
- d. kemudahan (jumlah *berthing*) yang dibangunkan melebihi keperluan;
- e. sistem *bilge water reception facility* dengan kos RM6.92 juta tidak digunakan; dan
- f. bangunan/kemudahan dan peralatan tidak disenggara dengan baik.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan marina awam telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan kajian ini mengambil kira kedudukan terkini prestasi operasi semua 11 buah marina awam yang diluluskan untuk dibina dan tujuh (7) daripadanya dipilih untuk pengauditan terperinci. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi operasi dan pengurusan operasi marina awam. Prestasi operasi meliputi status terkini operasi marina awam, penyediaan infrastruktur dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan operasi meliputi pengurusan rekod, kawalan keluar masuk pelayar, penyenggaraan, promosi dan pengurusan hasil bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Asas pemilihan sampel adalah berdasarkan empat (4) marina awam yang tidak termasuk dalam skop LKAN 2009 dan lawatan semula terhadap tiga (3) buah marina awam yang telah dilaporkan dalam LKAN 2009. Marina awam yang dipilih untuk pengauditan terperinci ialah Marina Kuching, Marina Melaka, Marina Tanjung Pengelih,

Tanjong City Marina, Marina Pulau Indah, Marina Muar dan Marina Batu Uban. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan proses perancangan projek secara keseluruhan akibat batasan skop pengauditan kerana fail berkenaan telah dilupuskan.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan menganalisis rekod ketibaan dan pelepasan kapal, operasi dan hasil marina awam. Temu bual dan perbincangan telah diadakan bersama pegawai yang terlibat di JLM, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), dan Bahagian Maritim di MOT. Selain itu, pihak Audit juga mendapatkan maklumat daripada beberapa agensi Kerajaan seperti Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), EPU, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia dan Institut Maritim Malaysia (MIMA). Pemeriksaan fizikal di tujuh (7) buah marina awam juga dijalankan untuk menentukan keadaan semasa dan tahap penggunaan marina.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Operasi Marina Awam

Objektif pembangunan marina awam tidak berjaya dicapai sepenuhnya kerana hanya lima (5) iaitu 45.4% daripada 11 buah marina yang dibina masih beroperasi sebagai marina awam dan berlaku pembaziran bagi pembinaan marina yang tidak digunakan. Selain itu, penyediaan infrastruktur asas di marina awam yang berbeza-beza memberi impak kepada keberkesanan marina untuk menarik minat pelayar berlabuh yang akhirnya menjejaskan pencapaian objektif pembangunan marina awam. JLM juga didapati tidak menetapkan apa-apa sasaran atau *Key Performance Indicator* (KPI) bagi operasi marina awam untuk membolehkan penilaian operasi dilaksanakan.

b. Pengurusan Marina Awam

Bagi aspek pengurusan marina awam, pihak Audit mendapati beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan kerana ia boleh memberi kesan kepada tahap kecekapan pengurusan marina awam antaranya kelemahan dalam pengurusan rekod dan kawalan masuk pelayar warganegara asing. Manakala kelemahan dalam pengurusan kapal terbiar, promosi dan kerosakan infrastruktur boleh menjejaskan usaha untuk menarik lebih ramai pelayar.

3.5.2. Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. kelemahan dalam pengurusan operasi harian marina awam;
- b. tiada kawalan diwujudkan untuk memastikan semua pelayar warganegara asing melaporkan diri di Pejabat Imigresen terdekat;
- c. pengurusan kapal terbiar tidak diambil tindakan;
- d. berlaku kerosakan pontun, infrastruktur bekalan air dan elektrik serta *bilge water reception facility* yang tidak dapat digunakan oleh pelayar dan kawasan lembangan marina yang cetek;
- e. tiada bukti menunjukkan JLM telah menjalankan aktiviti promosi yang meluas; dan
- f. jumlah hasil bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 tidak dapat disahkan.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas JLM dan SPPP telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 19 Mac 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Prestasi Operasi Marina Awam

Berdasarkan Kertas Cadangan Pembangunan Infrastruktur Bagi Penggalakan Aktiviti Kapal-Kapal Rekreasi di Malaysia oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) kepada EPU bertarikh 28 Februari 2001, objektif pembangunan marina awam ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pendaratan kapal rekreasi di seluruh negara supaya ia dapat menggalakkan aktiviti *yachting* dan pelancongan marin.

3.6.1.1. Status Terkini Marina Awam

Secara keseluruhan, sebanyak 11 buah marina awam telah dibina secara berperingkat semasa RMKe-8 dan RMKe-9 dengan kos berjumlah RM323.16 juta. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2017, hanya lima (5) buah marina awam (45.4%) yang dibina masih beroperasi sebagai marina awam. Semakan Audit mendapati tiga (3) buah marina awam (27.3%) telah diserahkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), manakala tiga (3) buah marina awam (27.3%) tidak beroperasi akibat kerosakan serius pada struktur pontun. Berdasarkan maklum balas UKAS kepada Audit, pada 4 Disember 2015 Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip ke atas projek penswastaan bagi dua (2) buah marina awam di bawah seliaan JLM iaitu Marina Pulau Tioman dan Marina Pulau Indah. Selain itu, pada 9 Januari 2017 Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah mengemukakan surat kepada Majlis Perbandaran Manjung berkaitan kelulusan Jemaah Menteri terhadap permohonan pajakan Marina Pulau Mentagor. Butiran lengkap status marina awam adalah seperti di **Jadual 3.2**.

JADUAL 3.2
STATUS TERKINI OPERASI MARINA AWAM

BIL.	MARINA	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH MULA OPERASI	STATUS TERKINI	CATATAN
1.	Batu Uban, Pulau Pinang	05.03.2003	2003	Beroperasi	-
2.	Pulau Tioman, Pahang	31.01.2007	15.03.2007	Beroperasi	UKAS dan JPM sedang meneliti kecukupan dokumen <i>Need Statement</i> yang telah disediakan oleh MOT dan JLM. Proses penswastaan dijangka selesai pada bulan Februari/Mac 2019.
3.	Pulau Indah, Selangor	05.06.2009	26.01.2010	Beroperasi	
4.	Melaka	05.05.2009	Julai 2009	Beroperasi	-
5.	Kuching, Sarawak	12.08.2009	08.11.2009	Beroperasi	-
6.	Pulau Mentagor, Perak	31.07.2007	22.03.2010	Tidak Beroperasi/ Dipajakkan	Marina ini tidak pernah mencatatkan sebarang kemasukan kapal layar sejak ia beroperasi. Pada 4 Disember 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Marina Pulau Mentagor dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung selama 32 tahun dengan kadar pajakan RM160,000 setahun.
7.	Muar, Johor	12.06.2008	12.10.2008	Tidak Beroperasi	Beroperasi sebagai marina selepas projek siap tetapi telah dihentikan mulai 20 Disember 2010 selepas semua pontun rosak dan diangkat keluar.
8.	Tanjong City Marina, Pulau Pinang	18.10.2005	20.11.2005	Tidak Beroperasi	Beroperasi sebagai marina selepas projek siap tetapi telah dihentikan mulai 2013 selepas semua pontun rosak diangkat keluar.
9.	Tanjung Pengelih, Johor	15.04.2008	16.05.2009	Digunakan oleh APMM	Beroperasi sebagai marina selepas projek siap tetapi telah dihentikan mulai 3 November 2015 selepas kawasan yang mempunyai kemudahan pontun diserahkan untuk kegunaan APMM.
10.	Kuala Kedah, Kedah	15.08.2003	Tidak pernah beroperasi sejak siap dibina	Digunakan oleh APMM	Telah diserahkan untuk kegunaan APMM sebagai pejabat operasi berkuat kuasa 1 April 2011.
11.	Tanjung Gemok, Pahang	28.02.2007	22.05.2007	Digunakan oleh APMM	Beroperasi sebagai marina selepas projek siap tetapi telah dihentikan mulai 6 Januari 2015 selepas diserahkan untuk kegunaan APMM.

Sumber: JLM, SPPP dan UKAS

a. Tiga (3) Buah Marina Awam Tidak Beroperasi

Semakan Audit mendapati daripada 11 buah marina awam yang dibina, sebanyak tiga (3) buah marina telah mengalami kerosakan serius dan tidak lagi beroperasi iaitu Marina Muar, Tanjong City Marina dan Marina Pulau Mentagor.

i. Marina Muar, Johor

Berdasarkan maklum balas JLM pada 13 Mac 2018, operasi Marina Muar telah dihentikan pada bulan Disember 2010. Mengikut maklum balas JLM terhadap LKAN 2009, Marina Muar mengalami masalah sampah dari hulu sungai yang tersangkut di lembangan marina. JLM telah mengadakan perangkap sampah di Marina Muar mengikut pelan susun atur yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor. Tetapi reka bentuknya terhad kepada sampah bersaiz kecil dan bersifat domestik sedangkan saiz sampah yang terperangkap di marina adalah

lebih besar sehingga merosakkan perangkap sampah tersebut dan menjejaskan operasi marina. Akhirnya pada 20 Disember 2010, JLM telah mengambil keputusan untuk mengangkat keluar semua pontun di kawasan marina dan memindahkannya ke Jeti Penumpang JLM di Kuala Besut, Terengganu. Semakan terhadap baucar bayaran yang dikemukakan mendapati kerja membuka dan memasang semula pontun ini melibatkan kos berjumlah RM491,300. Butiran keadaan lembangan marina yang terkini adalah seperti **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.3**.

GAMBAR 3.1



Marina Muar, Johor
- Papan Tanda Nama Marina
Masih Kekal di Pintu Masuk
(23.08.2017)

GAMBAR 3.2



Marina Muar, Johor
- Hanya Struktur Pemecah Ombak
Masih Wujud di Marina Muar
(23.08.2017)



GAMBAR 3.3

Marina Muar, Johor
- Semua Pontun Telah Dikeluarkan
Dari Kawasan Marina Muar
(23.08.2017)

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Marina Muar telah dikecualikan daripada cadangan penswastaaan kerana Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya marina tersebut diguna pakai oleh Majlis Daerah Muar sebagai Pusat Penerangan Pelancongan. Maklum balas terkini yang diterima dari JKPTG, pada masa ini rundingan pelepasan tanah PTB13809 HS(D)291719, Bandar Maharani, Muar, Johor masih dilaksanakan.

ii. Tanjong City Marina, Pulau Pinang

Tanjong City Marina telah disiapkan pada 18 Oktober 2005 dan mula beroperasi pada 20 November 2005. Bagi tujuan pengoperasian marina, SPPP telah melantik sebuah syarikat sebagai operator marina. Semakan Audit terhadap dokumen yang dikemukakan oleh SPPP mendapati operasi Tanjong City Marina telah dihentikan sejak tahun 2013 kerana

kerusakan pontun. Berdasarkan laporan oleh syarikat operator, pada 30 April 2013 berlaku kerosakan serius terhadap pontun dan *attenuator* akibat angin dan ribut kuat. Oleh yang demikian pada awal bulan Mei 2013, pengurusan syarikat operator telah membuat keputusan untuk memotong dan memindahkan semua *attenuator* dan pontun dari marina ke Dermaga Butterworth. Ini tidak selaras dengan *Memorandum of Handing Over* antara syarikat operator dengan SPPP bertarikh 20 Oktober 2005, perenggan 3.2 (c), yang menetapkan syarikat operator hendaklah memastikan semua kemudahan di marina berada dalam keadaan baik dan mencapai standard dengan menjalankan kerja pembaikan yang bersesuaian bagi memastikan objektif Kerajaan tercapai. Butiran keadaan marina ketika ia baru disiapkan dan keadaan marina terkini adalah seperti **Gambar 3.4** hingga **Gambar 3.6**.

GAMBAR 3.4



Tanjong City Marina, Pulau Pinang
- Keadaan Marina Ketika Baru Disiapkan
Sumber: SPPP (2005)

GAMBAR 3.5



Tanjong City Marina, Pulau Pinang
- Keadaan Marina
Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia
(23.01.2016)



GAMBAR 3.6

Tanjong City Marina, Pulau Pinang
- Semua Pontun Telah Rosak dan
Dikeluarkan Dari Kawasan Marina
(31.10.2017)

Maklum balas SPPP yang diterima pada 26 Mac 2018

Pontun yang didaratkan disimpan di dalam gudang dan dermaga sehingga pihak SPPP memuktamadkan keputusan berhubung cadangan pembangunan melibatkan kawasan marina. Pada masa ini SPPP tidak akan mengoperasi semula marina dan hanya akan mengoptimumkan penggunaan ruang bangunan untuk disewa dengan mengambil kira perkembangan semasa serta kedudukan kewangan SPPP.

iii. Marina Pulau Mentagor, Perak

Marina Pulau Mentagor telah siap pada 31 Julai 2007 dan mula beroperasi pada 22 Mac 2010 berdasarkan Pekeliling Pelabuhan No. 02/2010 bertarikh 12 Mac 2010 (**Gambar 3.7**). Mengikut maklum balas JLM, tiada sambutan daripada pelayar dan Marina Pulau Mentagor tidak mencatatkan apa-apa kemasukan kapal layar dan hasil di sepanjang tempoh beroperasi. Selain itu, JLM memaklumkan bahawa pada 9 Jun 2010 telah berlaku kerosakan pontun akibat tiupan angin yang kuat serta ombak besar yang mengakibatkan kerja-kerja pembaikan pontun dilaksanakan pada bulan November 2014 dengan kos RM401,600. Kemudian pada 4 Disember 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Marina Pulau Mentagor dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung bagi tempoh selama 32 tahun dengan kadar pajak RM160,000 setahun. Selaras dengan keputusan berkenaan, pada 9 Januari 2017 Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) telah mengeluarkan surat kepada Majlis Perbandaran Manjung agar mengambil tindakan sewajarnya dengan menandatangani perjanjian pajakan dengan PTP. Berdasarkan imej dari ARSM, keadaan terkini di Marina Pulau Mentagor adalah seperti **Gambar 3.8**.

GAMBAR 3.7



Marina Pulau Mentagor, Perak
- Keadaan Marina Semasa Baru Disiapkan
Sumber: JLM
(2007)

GAMBAR 3.8



Marina Pulau Mentagor, Perak
- Semua Pontun Telah Rosak dan Dikeluarkan
Dari Kawasan Marina Pulau Mentagor
Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia
(28.10.2017)

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Sehingga kini, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) memaklumkan bahawa masih belum menerima surat setuju terima tawaran dari Majlis Perbandaran Manjung. Lanjutan daripada maklum balas oleh JKPTG, JLM sedang membuat pemeriksaan kerosakan secara terperinci di Marina Pulau Mentagor untuk membolehkan kerja-kerja pembaikan dapat dilaksanakan. Bagi memastikan keselamatan marina tersebut terjamin, JLM telah membuat jadual penggiliran penempatan pengawal keselamatan seramai empat (4) orang iaitu dua (2) orang siang dan dua (2) orang malam dengan kos RM10,074 sebulan. Kontrak keselamatan tersebut adalah bagi tempoh 1 November 2014 sehingga 30 Oktober 2018.

Pada pendapat Audit, penutupan ketiga-tiga marina ini telah memberi kesan kepada pencapaian objektif pembinaan marina awam.

b. Tiga (3) Buah Marina Awam Diserahkan Kepada APMM

Semakan Audit mendapati sebanyak tiga (3) daripada 11 buah marina awam (27.3%) yang dibina telah diserahkan kepada APMM iaitu Marina Kuala Kedah, Marina Tanjung Gemok dan Marina Tanjung Pengelih.

i. Marina Kuala Kedah, Kedah

Berdasarkan maklum balas daripada JLM terhadap LKAN 2009 bertarikh 5 Mac 2010, Marina Kuala Kedah yang telah siap pada 15 Ogos 2003 tidak pernah beroperasi sebagai marina kerana kadar pendedapannya yang terlalu tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, JLM telah menjalankan dua (2) aktiviti pengerukan namun pendedapan tinggi tetap berlaku dalam tempoh empat (4) bulan selepas dikeruk. Sehubungan itu, mulai 4 Mac 2009 JLM telah membuat keputusan supaya bangunan marina ini digunakan sebagai Pejabat Pelabuhan Kuala Kedah dan Unit Pencegahan Penyeludupan Negeri Kedah. Selain itu, pada bulan April hingga Mei 2009, semua pontun di Marina Kuala Kedah telah diangkat keluar bagi mengelakkan ia rosak akibat terendam dalam kelodakan lumpur. Kemudian, pada 10 Mac 2011, Mesyuarat Penyelarasan Agensi-Agensi Maritim yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara memutuskan agar Marina Kuala Kedah dikeluarkan daripada senarai penswastaaan dan diserahkan kepada APMM. Semakan Audit terhadap surat JLM kepada UKAS mendapati Marina Kuala Kedah telah diserahkan kepada APMM berkuat kuasa mulai 1 April 2011. Berdasarkan imej dari ARSM, keadaan terkini di Marina Kuala Kedah adalah seperti **Gambar 3.9**.



GAMBAR 3.9

Marina Kuala Kedah, Kedah
- Semua Pontun Telah Dikeluarkan
Dari Kawasan Marina
Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia
(15.04.2017)

ii. Marina Tanjung Pengelih, Johor dan Marina Tanjung Gemok, Pahang

Marina Tanjung Pengelih telah disiapkan pada 15 April 2008 dan beroperasi sebagai marina awam mulai 16 Mei 2009. Manakala Marina Tanjung Gemok telah disiapkan pada 28 Februari 2007 dan mula

beroperasi pada 22 Mei 2007. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta Bilangan 2/2012 pada 10 Oktober 2012 mendapati mesyuarat telah bersetuju supaya kedua-dua buah marina ini diserahkan kepada APMM. Berdasarkan surat penyerahan marina kepada APMM, Marina Tanjung Gemok telah diserahkan pada 6 Januari 2015. Manakala Marina Tanjung Pengelih yang melibatkan kawasan pontun sahaja diserahkan pada 3 November 2015.

Pada pendapat Audit, pembangunan marina awam tidak berjaya mencapai objektif sepenuhnya kerana hanya lima (5) buah marina (45.4%) yang dibina masih beroperasi sebagai marina awam. Ini menyebabkan pembaziran wang awam sejumlah RM61.55 juta bagi Marina Kuala Kedah yang tidak pernah beroperasi sejak disiapkan dan Marina Pulau Mentagor yang tidak pernah dikunjungi pelayar.

3.6.1.2. Penyediaan Infrastruktur

- a. Berdasarkan Kertas Cadangan JLM kepada EPU bertarikh 28 Februari 2001, infrastruktur seperti kemudahan pendaratan, *slipway access*, dataran kejut, boya penambat dan bangunan pentadbiran diperlukan bagi memberi perkhidmatan kepada kapal-kapal rekreasi.
- b. Semakan Audit di tujuh (7) marina awam yang dipilih mendapati infrastruktur asas yang dibangunkan di setiap marina adalah berbeza-beza. Antaranya kemudahan *bilge water reception facility*, kantin, bilik persalinan dan pondok keselamatan hanya dibina bagi tiga (3) hingga empat (4) marina sahaja berbanding tujuh (7) marina yang disemak. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pembangunan infrastruktur asas di marina awam adalah lengkap kerana tiada justifikasi atau analisis teknikal disediakan oleh JLM dan SPPP sebelum marina awam dibina. Ini boleh memberi kesan terhadap tahap perkhidmatan yang boleh diberikan kepada pelayar.
- c. MIMA dalam kajiannya bertajuk *Marine Leisure Industry: A Strategic Vision for Malaysia* pada tahun 2003 mencadangkan bahawa pembinaan sesebuah marina perlu mengambil kira keperluan asas dan infrastruktur sokongan seperti jalan raya dan akses kepada urusan kastam dan imigresen yang boleh memberi kemudahan kepada pelayar dari luar negara. Semakan Audit mendapati, marina awam yang masih beroperasi telah dibina tanpa mempunyai akses kepada kemudahan pengangkutan awam serta berada di antara 2 hingga 21 km ke bandar atau pejabat imigresen dan kastam terdekat. Ini menyukarkan pelayar warganegara asing melaporkan diri ke pejabat imigresen dan kastam serta mendapatkan bekalan makanan.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Bagi memudahkan pelayar mengunjungi pejabat imigresen, pejabat kastam dan bandar yang terdekat, JLM telah mempamerkan maklumat perhubungan seperti nombor telefon kenderaan sewa di setiap marina. Maklumat tersebut dipamerkan di papan kenyataan yang mudah dilihat oleh pelayar.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam perancangan penyediaan infrastruktur di marina awam memberi kesan terhadap pencapaian objektif pembinaan marina awam untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi pendaratan kapal rekreasi di seluruh negara.

3.6.1.3. Pencapaian *Outcome*

Semakan Audit mendapati sejak projek siap sehingga sekarang, tiada bukti menunjukkan JLM menetapkan sebarang indikator bagi penilaian *outcome* terhadap projek pembinaan marina awam untuk menilai pencapaian objektif projek ini. Perkara ini penting seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2005 ketika itu dan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 iaitu penilaian *outcome* dan impak program digunakan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasaran atau sebaliknya. Semakan seterusnya mendapati sepanjang tahun 2015 hingga 2017, JLM tidak pernah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) atau sasaran bagi operasi marina awam.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Bagi penambahbaikan dalam pengurusan marina, JLM melalui Unit Perancangan Dasar dan Pembangunan sedang dalam proses membangunkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang seragam bagi memastikan pengurusan marina dilaksanakan dengan lebih baik sehingga penswastaan marina dilaksanakan. Bengkel memuktamadkan SOP dijadual diadakan pada 2 hingga 4 April 2018.

Pada pendapat Audit, tanpa penetapan indikator untuk penilaian *outcome* dan KPI adalah sukar untuk menentukan sama ada pembangunan marina awam telah mencapai objektif yang disasarkan.

3.6.2. Pengurusan Operasi Marina Awam

Daripada tujuh (7) buah marina yang disemak, hanya sebuah marina iaitu Tanjong City Marina diuruskan oleh syarikat operator manakala yang selebihnya diuruskan

oleh JLM pada peringkat awal. Pada dasarnya, operasi dan aktiviti marina awam di bawah JLM diawasi menggunakan peruntukan perundangan Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952 dan Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953. Pada tahun 2004, P.U.(A) 82/2004 (Part VIIIA, Regulating Marina) telah diwartakan untuk mengawal selia keselamatan laluan keluar masuk, konservasi iaitu perlindungan alam sekitar, kawalan trafik kapal-kapal rekreasi, dan caj-caj yang dikenakan bagi pengguna marina. Semakan Audit terhadap pengurusan operasi marina awam mendapati perkara berikut:

3.6.2.1. Rekod Ketibaan dan Pelepasan Kapal

- a. Notis Perkapalan Saudagar (JL 2/1993) menetapkan semua kapal asing dan tempatan [termasuk kapal perlesenan (*pleasure crafts*) dan semua bot-bot berlesen] hendaklah membuat laporan ketibaan menggunakan borang Marine 28-MSS 1 (borang MSS1) dan laporan pelepasan menggunakan borang Marine 28-MSS 2 (borang MSS2). Borang ini juga digunakan untuk menentukan jumlah sewa *berthing* berdasarkan panjang kapal dan bilangan hari berlabuh.
- b. Semakan Audit di empat (4) buah marina awam yang masih beroperasi mendapati kelemahan dalam pengurusan borang MSS1 dan MSS2 seperti berikut:
 - borang tidak diisi dengan lengkap antaranya panjang kapal, tarikh ketibaan, tarikh pelepasan dan tempat kapal berlabuh; dan
 - borang tidak difailkan dengan teratur di mana borang hanya disimpan dalam fail biasa dan tidak mempunyai sebarang nombor siri.
- c. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku kerana buku Marine 28-MSS1 dan Marine 28-MSS2 (dengan nombor siri dan salinan karbon) tidak lagi dicetak sejak pengurusan kapal dagang telah dibuat secara atas talian. Sehubungan itu, pihak marina hanya menggunakan salinan fotostat borang berkenaan untuk merekodkan ketibaan dan pelepasan kapal rekreasi. Kelemahan pengurusan rekod kemasukan dan pelepasan kapal telah menyebabkan bilangan sebenar kapal yang berlabuh di marina tidak dapat disahkan. Ini akhirnya menyebabkan pencapaian sebenar operasi marina awam tidak dapat diukur.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Bagi penambahbaikan, JLM telah membuka akses sistem *Ship Clearance System (SCS)* yang sebelum ini hanya terbuka bagi kapal dagang kepada kapal layar untuk membuat laporan ketibaan dan pelepasan secara *online*.

Pada pendapat Audit, wujud kelemahan dalam pengurusan rekod yang telah menjejaskan tahap kawalan dalaman operasi marina awam.

3.6.2.2. Kawalan Keluar Masuk Pelayar Warganegara Asing

- a. Seksyen 24(1), Akta Imigresen 1959/63 menetapkan setiap individu yang tiba melalui laut hendaklah hadir di hadapan pegawai imigresen pada masa dan tempat sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai itu. Seksyen 26(2) pula menetapkan bagi seseorang yang tiba melalui jalan laut atau udara di suatu tempat selain dari pintu masuk yang diwartakan, mereka hendaklah hadir ke pejabat imigresen terdekat.
- b. Semakan Audit di empat (4) buah marina yang beroperasi sebagai marina awam mendapati tiada kawalan diwujudkan untuk memastikan semua pelayar warganegara asing melaporkan diri di pejabat imigresen. Selain itu, tiada tempoh ditetapkan untuk pelayar melaporkan diri, tiada notis dipamerkan di kawasan marina untuk memaklumkan pelayar warganegara asing mengenai tanggungjawab mereka untuk melaporkan diri di pejabat imigresen terdekat dan perkara ini juga tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen atau proses kerja untuk kakitangan yang bertugas di marina awam. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada semua pelayar warganegara asing telah melaporkan diri di pejabat imigresen terdekat.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Sebagai langkah penambahbaikan dan langkah kawalan keselamatan, JLM akan mengambil kira keperluan untuk mendapatkan salinan laporan ketibaan yang telah dibuat oleh pelayar di pejabat imigresen. Selain itu, notis pemakluman telah dipamerkan di papan kenyataan berhubung keperluan pelayar yang baru tiba di Malaysia untuk melaporkan diri di pejabat imigresen dan kastam terdekat.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam kawalan masuk warganegara asing boleh memberi kesan kepada tahap keselamatan negara.

3.6.2.3. Pengurusan Kapal yang Terbiar (*Wreck*)

- a. Peraturan 48C, Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953 menetapkan pemilik, operator atau *master* adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan dan menanggung apa-apa kos yang terlibat untuk mengeluarkan kapal yang didapati terbiar, menghalang laluan keluar masuk atau telah menjadi bangkai kapal. Jika pemilik, operator atau *master* tidak dapat dikenal pasti,

penanggung insuran (jika ada) atau individu yang memberikan jaminan kewangan terhadap kapal berkenaan dianggap sebagai pemilik kapal.

- b. Semasa lawatan Audit di Marina Kuching, Sarawak pada 23 Mei 2017, pihak Audit mendapati terdapat dua (2) buah kapal layar yang terbiar sejak tahun 2014. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pemilik kedua-dua kapal layar ini tidak dapat dihubungi. Semasa lawatan Audit pada 10 Ogos 2017 di Marina Pulau Indah, Selangor, terdapat tujuh (7) buah kapal/bot yang pemiliknya tidak dapat dikenal pasti. Perkara ini berlaku kerana pengurusan rekod di marina yang tidak memuaskan hingga menyebabkan rekod dan maklumat kapal/bot tidak disimpan. Butiran kapal layar yang terbiar adalah seperti di **Jadual 3.3** dan **Gambar 3.10** hingga **Gambar 3.15**.

JADUAL 3.3
KAPAL LAYAR/BOT TERBIAR DAN TENGGELAM DI MARINA AWAM

BIL.	MARINA	NAMA KAPAL/BOT	TARIKH MASUK	PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS JLM PADA 26 MAC 2018
1.	Marina Kuching, Sarawak	Dira Bale	03.01.2014	Pemilik tidak dapat dihubungi.	JLM masih dalam proses mengesan pemilik kapal. Notis 381 MSO akan dikeluarkan jika pemilik tidak dapat dikesan.
2.		Amoya	11.04.2014	Pemilik tidak dapat dihubungi.	Pemilik telah dapat dihubungi dan telah membuat bayaran pada 08.03.2018.
3.	Marina Pulau Indah, Selangor	On Fish	28.02.2017	Pemilik tidak dapat dikenal pasti.	Pemilik telah dikenal pasti dan bayaran telah dibuat sehingga 09.04.2017. Surat tuntutan tunggakan sewa dikeluarkan pada 10.03.2018.
4.		Seafarer	11.01.2014	Pemilik tidak dapat dikenal pasti.	Pemilik telah membawa kapal keluar tanpa pengetahuan petugas marina pada 14.08.2017.
5.		Blue Tide	28.02.2017	Pemilik tidak dapat dikenal pasti.	Pemilik telah dikenal pasti dan bayaran telah dibuat sehingga September 2017. Surat tuntutan tunggakan sewa dikeluarkan pada 10.03.2018.
6.		Tg. Cincin	TM	Pemilik tidak dapat dikenal pasti.	Pemilik telah dikenal pasti. Bagaimanapun pemilik tidak pernah berhubung dengan JLM sejak meninggalkan botnya di marina. Surat tuntutan tunggakan sewa dikeluarkan pada 10.03.2018.
7.		Sea Paradise	11.01.2014	Pemilik tidak dapat dikenal pasti.	Pemilik telah dikenal pasti dan bayaran telah dibuat sehingga Disember 2017. Surat tuntutan tunggakan sewa dikeluarkan pada 01.03.2018.
8.		Mahalakshmi	27.02.2017	Pemilik tidak dapat dikenal pasti.	Pemilik telah membawa kapal keluar tanpa pengetahuan petugas marina pada 10.08.2017.
9.		Manouche	TM	Pemilik tidak dapat dikenal pasti.	Masih dalam usaha mengesan pemilik.
10.		Moon Fire	07.12.2014	Tenggelam dan pemilik masih belum hadir untuk mengeluarkan kapal.	Notis 381 MSO telah dikeluarkan pada 31.07.2017.

Sumber: Senarai bot yang disediakan oleh JLM dan lawatan Audit
Nota: TM - Tiada Maklumat

GAMBAR 3.10



**Marina Kuching, Sarawak
- Dira Bale Telah Berada di Marina
Sejak 3 Januari 2014
(23.05.2017)**

GAMBAR 3.11



**Marina Kuching, Sarawak
- Amoya Telah Berada di Marina
Sejak 11 April 2014
(23.05.2017)**

GAMBAR 3.12



**Marina Pulau Indah, Selangor
- Moon Fire yang Tenggelam Masih Belum
Dikeluarkan
(10.08.2017)**

GAMBAR 3.13



**Marina Pulau Indah, Selangor
- Manouche, Pemilik Tidak Dikenal Pasti
(10.08.2017)**

GAMBAR 3.14



**Dataran Kejut Marina Pulau Indah, Selangor
- Seafarer, Pemilik Tidak Dikenal Pasti
(10.08.2017)**

GAMBAR 3.15



**Dataran Kejut Marina Pulau Indah, Selangor
- Mahalakshmi, Pemilik Tidak Dikenal Pasti
(10.08.2017)**

- c. Kelemahan dalam pengurusan kapal terbiar boleh memberi imej yang kurang baik kepada marina awam khususnya dan JLM secara amnya. Keadaan kapal yang semakin merosot boleh menyebabkan ia tenggelam dan mengganggu laluan keluar masuk dan akhirnya JLM terpaksa menanggung kos mengeluarkan kapal kerana pemilik kapal tidak dapat dikenal pasti. Selain itu, berlaku kerugian dalam kutipan hasil kerana *berthing* dan dataran kejut berkenaan tidak dapat disewakan kepada pemilik kapal yang lain. Berdasarkan pengiraan Audit, anggaran kerugian hasil sewa *berthing* setahun adalah berjumlah RM58,400 (8 meter x RM2 x 365 hari x 10 kapal).

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Bagi penambahbaikan dalam pengurusan marina, JLM melalui Unit Perancangan Dasar dan Pembangunan sedang dalam proses membangunkan SOP yang seragam bagi memastikan pengurusan marina dilaksanakan dengan lebih baik sehingga penswastaaan marina dilaksanakan. Bengkel memuktamadkan SOP tersebut dijadualkan pada 2 hingga 4 April 2018.

Pada pendapat Audit, penemuan yang dibangkitkan boleh menjejaskan imej marina awam di kalangan pelayar yang akhirnya memberi kesan kepada jumlah kutipan hasil Kerajaan.

3.6.2.4. Pengurusan dan Penyenggaraan Kemudahan di Marina Awam

a. Program Penyenggaraan

- i. Semakan Audit mendapati tiada program penyenggaraan disediakan bagi kesemua empat (4) lokasi marina awam yang masih beroperasi dalam tempoh tahun 2015 hingga 2017. Namun begitu, semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati sepanjang tempoh tahun 2015 sehingga bulan Oktober 2017, terdapat 12 kerja pembaikan dengan kos berjumlah RM0.74 juta telah dijalankan di Marina Kuching, Marina Pulau Indah dan Marina Melaka yang tertumpu kepada penyenggaraan kecil bangunan, membaiki pontun dan kerja pengubahsuaian akibat reka bentuk awal yang kurang sesuai.
- ii. Lawatan Audit di tujuh (7) lokasi marina awam yang dipilih mendapati ada kemudahan yang rosak dan tidak dapat digunakan. Antara penemuan Audit ialah kerosakan pontun, infrastruktur bekalan air dan elektrik di *berthing* telah rosak sepenuhnya dan kerosakan sistem CCTV. LKAN 2009 melaporkan bahawa *Bilge Water Reception Facility* di Marina Pulau Indah dan Marina Muar tidak digunakan walaupun marina telah mula beroperasi. Lawatan semula di marina berkenaan pada 10 Ogos dan 23 Ogos 2017 mendapati kemudahan ini telah rosak dan tidak dapat digunakan. Selain itu, lawatan Audit pada 22 Ogos 2017 di Marina Tanjung Pengelih mendapati *Bilge Water Reception Facility* juga telah mengalami kerosakan. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti di **Jadual 3.4** dan **Gambar 3.16** hingga **Gambar 3.21**.

**JADUAL 3.4
SENARAI KEROSAKAN KEMUDAHAN DI MARINA AWAM**

BIL.	MARINA	TARIKH LAWATAN AUDIT	PENEMUAN AUDIT
1.	Kuching, Sarawak	24.05.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan sistem CCTV.
2.	Melaka	26.07.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian pontun rosak. • Kerosakan infrastruktur bekalan air dan elektrik.
3.	Pulau Indah, Selangor	10.08.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Sebahagian pontun rosak. • Kerosakan infrastruktur bekalan air dan elektrik. • Kerosakan kemudahan <i>Bilge Water Reception Facility</i>. • Kerosakan sistem CCTV.
4.	Tanjung Pengelih, Johor	22.08.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan kemudahan <i>Bilge Water Reception Facility</i>.
5.	Muar, Johor	23.08.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan semua pontun. • Kerosakan kemudahan <i>Bilge Water Reception Facility</i>.
6.	Tanjong City Marina, Pulau Pinang	31.10.2017	<ul style="list-style-type: none"> • Kerosakan semua pontun.

Sumber: Lawatan Audit

GAMBAR 3.16



**Marina Melaka, Melaka
- Pontun yang Rosak
(24.07.2017)**

GAMBAR 3.17



**Marina Melaka, Melaka
- Sebahagian Pontun Telah Diangkat
Keluar Dari Kawasan Marina
(26.07.2017)**

GAMBAR 3.18



**Marina Pulau Indah, Selangor
- Tiga (3) Unit *Bilge Water Reception Facility* Bernilai
RM3.24 Juta Rosak dan Tidak Dapat Digunakan
(10.08.2017)**

GAMBAR 3.19



**Marina Muar, Johor
- Kemudahan *Bilge (Waste) Water Treatment System* Yang Bernilai RM1.50 Juta Rosak
dan Tidak Dapat Digunakan
(23.08.2017)**

GAMBAR 3.20



GAMBAR 3.21



Marina Tanjung Pengelih, Johor
- *Bilge Water Reception Facility* yang Bernilai RM1.55 Juta Rosak dan Tidak Dapat Digunakan
(22.08.2017)

- iii. Kerosakan ponton boleh membahayakan pelayar dan kakitangan JLM yang bertugas di marina. Selain itu, kerosakan *Bilge Water Reception Facility* pula boleh menyebabkan operasi marina tidak mematuhi Peraturan 48D, Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953 (konservasi alam sekitar).

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Tindakan pemeriksaan kerosakan di Marina Batu Uban, Marina Pulau Indah, Marina Melaka dan Marina Tanjung Pengelih telah dijalankan bagi membolehkan pembaikan dijalankan secepat mungkin dengan menggunakan peruntukan tahun semasa. Bagi memastikan kerja-kerja pembaikan kerosakan di marina dilaksanakan secara menyeluruh, JLM akan menjalankan *condition appraisal* bagi membolehkan perancangan kewangan dan perancangan pelaksanaan kerja pembaikan dilaksanakan dengan baik.

Pada pendapat Audit, ketiadaan program penyenggaraan berkala mengakibatkan kerosakan terhadap kemudahan menjadi lebih serius dan kos pembaikan boleh menjadi lebih tinggi.

b. Reka Bentuk Pemecah Ombak

Tapak lokasi marina hendaklah mempunyai lembangan yang tenang dan kedalaman yang sesuai untuk memastikan ia sesuai untuk pendaratan kapal dengan selamat. Bagi lokasi yang berada di kawasan berombak atau arus sungai yang kuat, struktur pemecah ombak dibina untuk memastikan ombak kuat tidak memasuki lembangan marina. Lawatan Audit di Marina Melaka pada 24 Julai 2017 dan Tanjong City Marina pada 31 Oktober 2017 mendapati berlaku kerosakan pada struktur pemecah ombak akibat dari kelemahan reka bentuk. Kronologi mengenainya adalah seperti di **Jadual 3.5**.

JADUAL 3.5
KRONOLOGI KEROSAKAN STRUKTUR PEMECAH OMBAK
DI MARINA MELAKA DAN TANJONG CITY MARINA

BIL.	TARIKH	PERKARA
MARINA MELAKA		
1.	05.05.2009	Marina Melaka disiapkan dengan tempoh tanggungan kecacatan sehingga 5 Mei 2011. Berdasarkan kontrak, kos pembinaan pemecah ombak ialah RM13.24 juta.
2.	12.05.2009	Pemeriksaan bersama antara JLM, JKR dan kontraktor. JLM telah membangkitkan isu yang mana hampir semua ruang antara <i>spun pile</i> pada pemecah ombak adalah melebihi 100mm.
3.	Jun 2009 - Oktober 2011	Kontraktor memasang paip UPVC untuk mengisi ruang di antara <i>spun pile</i> berkenaan dan kerja pembaikan ini dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan tanpa melibatkan kos tambahan.
4.	20.10.2011	Pengesahan Kerja-Kerja Pembaikan Penutupan <i>Gap Breakwater</i> telah dikeluarkan kepada kontraktor.
5.	03.01.2013	Pengarah Laut Wilayah Tengah melaporkan arus ombak yang kuat telah menyebabkan paip UPVC tercabut dan ombak kuat masuk ke dalam lembangan marina melalui bukaan yang terdapat pada struktur pemecah ombak. Apabila ombak kuat masuk ke kawasan lembangan marina, ia telah merosakkan pontun dan tidak selamat untuk kapal bertambat.
6.	21.04.2016	Kerja-kerja pembaikan pontun berjumlah RM0.52 juta.
7.	24.07.2017	Lawatan Audit mendapati keadaan terkini struktur pemecah ombak adalah seperti Gambar 3.22 .
TANJONG CITY MARINA		
1.	21.01.2003	Kajian hidraulik oleh perunding melaporkan <i>fully floating breakwater</i> merupakan pilihan paling sesuai untuk memastikan lembangan marina dalam keadaan tenang dan selamat. Pilihan ini adalah berbeza dengan dokumen kontrak yang menyatakan struktur pemecah ombak di Tanjong City Marina ialah jenis <i>composite breakwater</i> yang mana <i>mixed pontoon system</i> akan dibina sepanjang 500 meter iaitu 300 meter jenis tetap dan 200 meter jenis <i>floating</i> .
2.	10.09.2004	EPU meluluskan perubahan reka bentuk struktur pemecah ombak dari <i>composite</i> kepada <i>fully floating breakwater</i> seperti yang dicadangkan oleh perunding yang berjaya mengurangkan kos kontrak berjumlah RM0.59 juta.
3.	18.10.2005	Tanjong City Marina disiapkan.
4.	20.10.2005	Tanjong City Marina diserahkan kepada syarikat operator untuk pengoperasian dengan menandatangani <i>Certificate of Handing Over and Acceptance</i> yang memberi tanggungjawab sepenuhnya untuk mengurus, mengendalikan operasi, mengawal dan menyenggara marina.
5.	02.07.2008	Laporan Kronologi dan Pendekatan Terhadap Masalah Alun di Tanjong City Marina menyatakan sistem pemecah ombak tidak berupaya melindungi marina dengan sepenuhnya daripada masalah ombak dan alun. Laporan berkenaan turut melaporkan aduan pengguna berkaitan tahap keselesaan di marina.
6.	26.05.2009	Laporan oleh Juruteknik Awam SPPP menyatakan struktur pemecah ombak di bahagian utara Tanjong City Marina telah mengalami kerosakan teruk.
7.	Jun 2009	Kerja-kerja pembaikan telah dijalankan oleh syarikat operator seperti yang diarahkan oleh SPPP.
8.	20.07.2012	Syarikat operator memaklumkan kepada SPPP bahawa terdapat banyak kerosakan terhadap <i>water front structure</i> di Tanjong City Marina yang boleh membahayakan kapal untuk berlabuh.
9.	06.04.2013	Angin dan ribut kuat serta air pasang telah menyebabkan beberapa <i>attenuator</i> patah dan terkeluar dari cerucuk.
10.	30.04.2013	Pengurusan syarikat operator akhirnya telah membuat keputusan untuk memulakan kerja pemindahan pontun dari marina ke Dermaga Butterworth mulai bulan Mei 2013.

Sumber: Rekod dan dokumen di JLM dan SPPP




GAMBAR 3.22

Marina Melaka, Melaka
 - Terdapat Ruang Antara *Spun Pile*
 Apabila Paip UPVC Tercabut
 (24.07.2017)

c. Kedalaman Lembangan Marina Awam

- i. Kedalaman sesebuah marina adalah penting bagi membolehkan kapal masuk ke kawasan marina dengan selamat dan menarik pelayar untuk bertambat di marina. Berdasarkan *Guidelines for Planning a Marina Development* oleh Marine Institute Foras na Mara (2001), kedalaman minimum 2.7 meter hingga 3 meter diperlukan untuk membolehkan majoriti kapal berlabuh dengan selamat.
- ii. Kerja pengukuran kedalaman marina telah dilaksanakan oleh pihak JLM bersama-sama pihak Audit di Marina Kuching pada 24 Mei 2017 ketika air surut. Adalah didapati kedalaman keseluruhan kawasan lembangan marina ialah di antara 1.14 meter (tebing sungai) hingga 4.98 meter (tengah sungai). Manakala bagi Marina Melaka, pengukuran kedalaman pada 26 Julai 2017 mendapati kedalaman kawasan lembangan marina ialah antara 0.3 hingga 1.3 meter. Butiran lanjut kedalaman Marina Kuching dan Marina Melaka adalah seperti **Gambar 3.23** hingga **Gambar 3.26**.

GAMBAR 3.23



Marina Kuching, Sarawak
- Keadaan Ketika Air Surut
(24.05.2017)

GAMBAR 3.24




Marina Kuching, Sarawak
- Keadaan Ketika Air Surut
(24.05.2017)

GAMBAR 3.25



Marina Melaka, Melaka
- Keadaan Ketika Air Surut
(26.07.2017)

GAMBAR 3.26



Marina Melaka, Melaka
- Keadaan Ketika Air Surut
(26.07.2017)

- iii. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 sehingga 2017, tiada kerja pengerukan dilaksanakan di kesemua marina yang dilawati. Semasa lawatan Audit di empat (4) lokasi marina awam yang beroperasi, didapati 9.1% hingga 115.0% *berthing* di marina awam telah digunakan/disewa. Adalah didapati *berthing* Marina Batu Uban telah

digunakan sepenuhnya tetapi tiga (3) lokasi marina lain didapati kurang mendapat sambutan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

JADUAL 3.6
PENGGUNAAN BERTHING MARINA AWAM YANG MASIH BEROPERASI
SEMASA LAWATAN AUDIT

BIL.	MARINA AWAM	TARIKH LAWATAN	BILANGAN BERTHING* (a)	BILANGAN KAPAL (b)	PERATUS PENGGUNAAN (b/a) x 100 (%)
1.	Kuching, Sarawak	23.05.2017	22	2	9.1
2.	Melaka	26.07.2017	52	13	25.0
3.	Pulau Indah, Selangor	10.08.2017	150	46	30.7
4.	Batu Uban, Pulau Pinang	01.11.2017	20	23	115.0

Sumber: Daftar kapal/bot dan lawatan Audit

Nota: (*) - Bilangan *berthing* mengikut kontrak pembinaan

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Kerja-kerja pengurusan keselamatan pelayaran yang sedang dilaksanakan di Pelabuhan Senari, Sarawak secara tidak langsung akan meningkatkan kedalaman kawasan di lembangan Marina Kuching.

Pada pendapat Audit, wujudnya keperluan untuk menambah baik aspek pengurusan dan penyenggaraan kemudahan di marina dengan segera bagi memastikan semua kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan seperti objektif pembangunannya.

3.6.2.5. Pengurusan Aktiviti Promosi

Objektif pembangunan marina awam ialah bagi menggalakkan aktiviti *yachting* dan pelancongan marin. Semakan Audit mendapati JLM ada mempamerkan maklumat marina awam di laman sesawang JLM. Bagaimanapun, maklumat tersebut tidak diletakkan di muka hadapan laman sesawang JLM dan ianya hanya menyatakan maklumat asas marina awam sahaja. Sepanjang tempoh tahun 2015 hingga 2017, pasukan Audit mendapati tiada sebarang aktiviti promosi yang dijalankan oleh JLM atau sebarang kerjasama dengan pihak Lembaga Promosi Pelancongan Malaysia untuk memperkenalkan marina awam yang dibina. Selain itu, JLM juga tidak pernah memohon peruntukan kewangan untuk melaksanakan aktiviti promosi marina. Namun begitu, berdasarkan maklum balas JLM, terdapat pihak lain yang menggunakan maklumat marina awam seperti berikut:

- Marina Melaka telah disenaraikan dalam *Malacca Strait Sailing Guide 2009 (First Edition)*;
- Majalah *Discover Malaysia by Sea (Cruising Guide 2017)* ada menyenaraikan nombor telefon bagi Marina Kuching, Marina Batu Uban dan Marina Tioman; dan

- Marina Pulau Indah digunakan oleh pelayar antarabangsa untuk bertambat sempena 24th *Raja Muda Selangor International Regatta 2013*.

Pada pendapat Audit, ketiadaan perancangan promosi yang komprehensif dan tersusun boleh mengakibatkan marina awam tidak dapat diperkenalkan kepada komuniti pelayar seluruh dunia.

3.6.2.6. Pengurusan Hasil

- a. Marina awam dibangunkan dengan kemudahan seperti *berthing*, *mooring*, air bersih dan elektrik di *berthing*, *slipway access* dan ruang niaga yang boleh disewakan. Kadar sewa bagi kemudahan yang disediakan di marina awam di bawah pentadbiran JLM telah ditetapkan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953. Manakala bagi sewa bangunan, kadar sewa ditetapkan mengikut kadar yang diluluskan oleh Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta (JPPH). Kadar hasil yang diluluskan dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953 adalah seperti di **Jadual 3.7**.

JADUAL 3.7
KADAR KUTIPAN HASIL MARINA AWAM MENGIKUT JADUAL KEDUA,
KAEDAH-KAEDAH PELABUHAN PERSEKUTUAN 1953

BIL.	KEMUDAHAN	KADAR HASIL/SEWA
1.	<i>Berthing</i>	- RM2.00 sehari atau RM30.00 sebulan untuk setiap meter panjang kapal atau mana-mana bahagiannya. - Kadar Satu Hari = 8.00 pagi hingga 8.00 pagi esoknya; atau mana-mana bahagiannya. - Kadar Satu Bulan = tempoh berturut selama 30 hari dan lebih hari di caj menggunakan kadar harian.
2.	<i>Mooring</i>	- RM1.00 sehari atau RM15.00 sebulan untuk setiap meter panjang kapal atau mana-mana bahagiannya.
3.	Air Bersih	- RM2.00 untuk setiap liter atau mana-mana bahagiannya. - Jika pembekalan air bersih memerlukan perkhidmatan pengangkutan, caj minimum sebanyak RM10.00 hendaklah dikenakan sebagai kos pengangkutan.
4.	Pelupusan Sampah	- RM5.00 setiap kutipan sampah (kapal di <i>berthing</i>). - RM10.00 setiap kutipan sampah (kapal yang <i>mooring</i>).
5.	Dataran Kejat	- RM3.00 sehari untuk setiap meter panjang kapal atau mana-mana bahagiannya.
6.	<i>Slipway Access</i>	- RM100.00 untuk setiap penggunaan.
7.	Elektrik	- RM0.30 setiap <i>kilowatt-hour</i> (kWh).

Sumber: Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953

- b. Semakan Audit terhadap salinan Resit Rasmi yang dikemukakan kepada Audit mendapati jumlah hasil sewa *berthing* (termasuk semua kemudahan lain seperti *slipway access*, air bersih, elektrik dan dataran kejat) yang dikutip di lima (5) lokasi marina awam sebagai sampel bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 ialah RM0.89 juta. Marina Batu Uban telah mencatatkan kutipan sewa *berthing* tertinggi manakala Marina Muar dan Tanjong City Marina tidak mencatatkan kutipan hasil kerana tidak lagi aktif. Butiran hasil sewaan *berthing* adalah seperti di **Jadual 3.8**.

JADUAL 3.8
HASIL SEWAAN *BERTHING* BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	MARINA	JUMLAH HASIL			
		2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kuching, Sarawak	11,765	12,583	3,634*	27,983
2.	Melaka	36,538	36,559	42,158*	115,255
3.	Pulau Indah, Selangor	96,451	28,953	60,403**	185,806
4.	Tanjung Pengelih, Johor***	24,681	Telah diserahkan kepada APMM		24,681
5.	Batu Uban, Pulau Pinang	139,277	180,884	211,250 [#]	531,411
JUMLAH		308,712	258,979	317,445	885,136

Sumber: Resit Rasmi dan statistik yang disediakan oleh JLM

Nota: (*) - Sehingga bulan Mei 2017
 (***) - Sehingga bulan Julai 2017
 (***) - Marina Tanjung Pengelih diswastakan dari 1 Jun 2012 sehingga 31 Mei 2015, kemudian pada 3 November 2015, ia telah diserahkan kepada APMM
 (#) - Sehingga Oktober 2017

c. Semakan Audit selanjutnya terhadap pengurusan hasil mendapati kelemahan seperti di perenggan berikut:

i. Pengurusan Sewa *Berthing*

Berdasarkan amalan di marina awam yang diaudit, maklumat yang direkodkan dalam Borang Maklumat Kapal Layar, borang MSS1 dan MSS2 akan digunakan untuk mengira jumlah hari kapal berlabuh di marina dan menentukan panjang kapal berkenaan bagi tujuan pengiraan jumlah sewa yang perlu dibayar. Semakan Audit di empat (4) buah marina awam yang masih beroperasi mendapati kelemahan seperti berikut:

- borang Maklumat Kapal Layar, borang MSS1 dan MSS2 di semua marina awam tidak dikawal sebagai borang hasil kerana borang yang digunakan adalah borang fotostat, tiada nombor siri dan tiada salinan pendua sebagai kawalan untuk memastikan semua kapal berlabuh telah direkodkan dengan teratur, lengkap dan sempurna;
- sebanyak 37 terimaan (Resit Rasmi) berjumlah RM15,584 tidak mempunyai borang MSS1 atau MSS2 atau kedua-duanya;
- tujuh (7) borang MSS1 dan MSS2 di Marina Melaka tidak diisi tarikh berlepas;
- bagi Marina Pulau Indah dan Marina Batu Uban, jumlah hasil yang dikutip tidak dapat disahkan ketepatannya kerana borang MSS1 dan MSS2 yang disimpan tidak menyatakan tempat kapal/bot berlabuh. Adalah didapati borang berkenaan telah bercampur dengan borang bagi kapal/bot yang berlabuh di marina swasta;
- sebanyak 71 terimaan telah berkurang kutip dengan jumlah RM11,068;

- sebanyak 222 terimaan telah terlebih kutip dengan jumlah RM81,887; dan
- berdasarkan borang MSS1 dan MSS2, terdapat 22 kapal/bot telah mendaftar masuk di Marina Melaka tetapi tiada Resit Rasmi dikeluarkan.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Bagi penambahbaikan dan penyeragaman prosedur merekod kemasukan dan pelepasan kapal serta sistem kutipan hasil di marina awam, JLM sedang mewujudkan SOP yang seragam bagi memastikan pengurusan pendaftaran keluar masuk kapal layar dapat dilaksanakan dengan lebih baik. JLM sedang memperkemaskan buku rekod bayaran keluar masuk marina supaya setiap caj dikira dengan tepat. Pada 22 Mac 2018, JLM telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman berhubung penemuan Audit di Marina Melaka.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam pengurusan dokumen dan penggunaan borang hasil menyebabkan perekodan hasil yang tidak tepat dan tidak dapat disahkan.

ii. Caj Penggunaan Air Bersih dan Elektrik

Jadual Kedua, Kaedah-Kaedah Pelabuhan Persekutuan 1953 menetapkan caj penggunaan air bersih ialah RM2 untuk setiap liter dan caj elektrik ialah RM0.30 untuk setiap kilowatt jam. Semakan Audit mendapati Marina Batu Uban mengenakan caj RM10 bagi setiap kemasukan kapal di marina. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kadar ini digunakan kerana Marina Batu Uban tidak mempunyai meter air berasingan untuk setiap *berthing* bagi menentukan jumlah liter air bersih yang digunakan oleh pelayar. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan kadar ini telah diluluskan oleh pihak JLM. Selain itu, Marina Melaka mengenakan caj tetap untuk penggunaan elektrik oleh penyewa dataran kejut. Semakan Audit mendapati bagi bulan Mei 2016 sehingga Jun 2017, caj elektrik yang dikenakan adalah sama setiap bulan iaitu sebanyak RM116.70 (389 kilowatt x RM0.30). Ini menunjukkan caj elektrik tidak dikenakan mengikut penggunaan sebenar oleh penyewa.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

JLM sedang dalam proses mengeluarkan sebut harga bagi kerja pemasangan meter air. JLM juga sedang menyemak semula kadar caj elektrik dan air bersih.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam pengenaan caj air bersih dan elektrik boleh memberi kesan terhadap jumlah hasil yang dikutip.

iii. Hasil Sewa *Slipway Access* dan Dataran Kejat

Kadar sewa *slipway access* ialah RM100 bagi setiap kali penggunaan. Semakan Audit di semua marina awam yang dilawati mendapati tiada rekod disenggara bagi memantau penggunaan *slipway access* dan kemudahan ini tidak dikunci atau mempunyai pagar bagi membolehkan pemantauan dibuat terhadap kekerapan penggunaannya. Lawatan Audit di Marina Melaka mendapati *slipway access* ada digunakan oleh syarikat penyewa untuk menaik dan menurunkan kapal miliknya. Pengiraan caj sewa dikira berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh syarikat tersebut sahaja. Syarikat itu juga ada menyewa kawasan dataran kejat Marina Melaka untuk meletakkan dua (2) buah pesawat, dua (2) *container*, satu (1) *cabin office*, dua (2) *tender boat* dan sebuah *tentage*. Namun, semakan Audit mendapati tiada sebarang perjanjian sewa ditandatangani antara Kerajaan dan syarikat penyewa untuk penyewaan ini. Berdasarkan dokumen yang dikemukakan semasa pengauditan, pihak Marina Melaka akan menghantar surat kepada pengurus syarikat tersebut bagi menuntut bayaran sewa bulanan. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh Mei 2015 hingga Jun 2016, sejumlah RM33,397 telah dituntut (kecuali bulan November 2016 dan Mac 2017 kerana surat tuntutan sewa tidak dikemukakan untuk semakan). Tanpa dokumen kontrak, pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh sebenar penyewaan ini bermula dan ia juga mendedahkan JLM kepada risiko seperti tidak dapat menuntut hasil sewa, kawasan marina awam disalah guna dan lain-lain. Semakan selanjutnya mendapati pihak Marina Melaka tidak menyelenggarakan apa-apa daftar atau rekod untuk memantau bayaran sewa yang diterima daripada penyewa yang menyebabkan jumlah sewa tertunggak tidak dapat ditentukan.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Memandangkan sewaan ini melibatkan binaan seperti pejabat kabin dan khemah, JLM telah meminta syarikat penyewa mengemukakan permohonan sewaan kepada JLM. Jabatan seterusnya akan mengangkat permohonan sewaan tersebut untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Penyewaan Ruang Bangunan (Premis Demis) Peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia. Kadar yang akan dikenakan terhadap sewaan ini adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Pada pendapat Audit, perjanjian sewa adalah penting supaya setiap penggunaan kemudahan marina dapat diperincikan dengan jelas dan sewa dicaj berpadanan dengan kadar yang ditetapkan.

iv. Perakuan Penerimaan Wang

Arahan Perbendaharaan (AP) 60 adalah berkaitan perakuan penerimaan wang. Analisis Audit telah dibuat terhadap tarikh pelepasan kapal/tarikh bayaran dengan tarikh Resit Rasmi dikeluarkan mendapati sebanyak 398 terimaan telah lewat dikeluarkan Resit Rasmi antara 1 hingga 364 hari di Marina Kuching, Batu Uban dan Melaka. Antara sebab kelewatan pengeluaran resit di Marina Batu Uban ialah kerana Prosedur Kerja Permohonan Masuk Marina menetapkan resit dikeluarkan di Ibu Pejabat JLM Wilayah Utara sedangkan bayaran diterima di Marina Batu Uban.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Pada 1 Mac 2018, JLM telah mengeluarkan memo arahan kepada petugas kaunter supaya setiap penerimaan bayaran dikeluarkan resit penerimaan dengan serta merta. Sekiranya pelepasan pada hujung minggu, pembayaran perlu dibuat pada waktu bekerja sahaja.

Pada pendapat Audit, kelemahan dalam prosedur terimaan telah menyebabkan kelewatan pengeluaran resit dan menunjukkan tahap kawalan dalaman yang perlu dipertingkatkan.

v. Akaun Belum Terima

WP10.6, 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) menetapkan peraturan mengenai Akaun Belum Terima (ABT). Lawatan Audit di empat (4) buah marina awam yang beroperasi iaitu di Marina Kuching pada 23 Mei 2017, Marina Melaka pada 26 Julai 2017, Marina Pulau Indah pada 10 Ogos 2017 dan Marina Batu Uban pada 1 November 2017 mendapati ada kapal yang bertambat dalam jangka masa yang lama (melebihi 1 bulan). Semakan Audit terhadap salinan Resit Rasmi mendapati bayaran sewa *berthing* bagi kapal ini dibuat secara ansuran atau sebelum kapal berlepas. Ini bermakna terdapat hasil sewa *berthing* yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima berasaskan tempoh penggunaan *berthing*. Bagaimanapun, keempat-empat buah marina awam yang masih beroperasi tidak menyenggara daftar sewa/rekod ABT bagi sewaan *berthing*. Ini menyebabkan jumlah hutang tertunggak oleh pemilik kapal/bot tidak dapat ditentukan dan tidak dipantau.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Bagi penambahbaikan dan penyeragaman prosedur kutipan hasil di marina awam, JLM sedang mewujudkan SOP yang seragam bagi memastikan pengurusan marina awam dilaksanakan dengan lebih baik. SOP tersebut menggariskan perkara seperti kadar bulanan akan dikenakan bagi kapal yang ditinggalkan bagi tempoh lama dan tatacara penerimaan serta rekod kutipan hasil.

Pada pendapat Audit, ketiadaan rekod ABT yang lengkap dan kemas kini tidak menjamin ketepatan kutipan hasil serta tindakan susulan terhadap tunggakan sewa sukar diambil.

vi. Pengurusan Hasil Sewa Bangunan

- Selain hasil sewa *berthing*, marina awam juga membuat kutipan hasil daripada penyewaan ruang di bangunan pentadbiran marina. Kadar sewa yang dikenakan adalah mengikut kadar yang diluluskan oleh Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta (JPPH). Daripada tujuh (7) lokasi marina awam yang diaudit, hanya tiga (3) lokasi marina mempunyai hasil sewa bangunan dengan jumlah hasil yang dikutip sepanjang tempoh 2015 sehingga bulan Julai 2017 berjumlah RM0.67 juta. Butiran hasil sewa bangunan marina awam adalah seperti di **Jadual 3.9**.

JADUAL 3.9
HASIL SEWA BANGUNAN MARINA AWAM
BAGI TAHUN 2015 HINGGA JULAI 2017

BIL.	MARINA	JUMLAH HASIL			JUMLAH (RM)
		2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	
1.	Tanjung Pengelih, Johor	21,000	42,200	27,090	90,290
2.	Muar, Johor	-	24,500	24,500	49,000
3.	Tanjong City Marina, Pulau Pinang	-	300,987*	234,101	535,088
JUMLAH		21,000	367,687	285,691	674,378

Sumber: Resit Rasmi, Daftar Sewa dan Perjanjian Sewaan

Nota: (*) - Mulai bulan April 2016 (sebelum ini sewa bangunan diuruskan oleh syarikat operator)

- Semakan Audit terhadap penyata akaun penyewa Tanjong City Marina sehingga 31 Oktober 2017 mendapati ada tunggakan sewa dan deposit berjumlah RM255,917 daripada tujuh (7) penyewa. Pihak Audit dimaklumkan bahawa akibat pertukaran *landlord* dari syarikat operator kepada SPPP telah menyebabkan penyewa enggan menjelaskan bayaran deposit sewa dan utiliti dengan alasan telah membuat bayaran kepada *landlord* terdahulu. Semakan Audit selanjutnya mendapati Akauntan Kanan SPPP telah membawa isu tunggakan ini kepada

Pegawai Undang-Undang SPPP untuk perhatian beliau. Selain itu, bagi dua (2) penyewa, satu jadual pembayaran tunggakan bil serta sewaan telah dipersetujui pada 14 Julai 2017 bagi memastikan bayaran sewa yang teratur oleh penyewa. Semakan Audit terhadap dokumen bayaran sewa sehingga 31 Oktober 2017, mendapati kedua-dua penyewa ini telah mematuhi jadual pembayaran tunggakan yang dipersetujui.

Maklum balas SPPP yang diterima pada 9 Mac 2018

SPPP telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 5 Februari 2018 kepada semua penyewa yang mempunyai tunggakan sewa di TCM. Semua penyewa diberi tempoh 14 hari daripada tarikh surat untuk menyelesaikan tunggakan. Sekiranya gagal, pembaharuan perjanjian penyewaan yang akan tamat pada 31 Mac 2018 tidak akan dipertimbangkan. Selepas tempoh yang diberikan tamat, masih terdapat penyewa yang gagal menyelesaikan tunggakan tersebut. SPPP dalam perancangan untuk mengeluarkan notis guaman kepada penyewa bagi mendapatkan tunggakan sewa tersebut.

Pada pendapat Audit, wujud kelemahan yang jelas dalam pengurusan hasil yang boleh memberi ruang kepada penyelewengan dan salah guna kuasa serta mendedahkan JLM kepada risiko ketirisan hasil.

3.6.3. Faktor Penyebab Kelemahan Pengurusan Marina Awam

Semakan Audit mendapati kelemahan dalam pencapaian objektif marina awam dan pengurusan operasinya adalah berpunca daripada perkara berikut:

3.6.3.1. Kajian Kemungkinan

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 2/1992 menetapkan kajian kemungkinan hendaklah dilaksanakan untuk mempertimbangkan sama ada satu-satu projek itu berdaya maju. Teknik yang boleh digunakan dalam kajian kemungkinan ialah analisis pasaran/permintaan, penilaian kesan terhadap alam sekitar, analisis teknikal, analisis kewangan, analisis ekonomi dan analisis sosial/politik. Semakan Audit terhadap fail berkaitan pembinaan marina awam di JLM mendapati tiada bukti menunjukkan pihak JLM telah melaksanakan kajian kemungkinan untuk mempertimbangkan keperluan teknikal termasuk reka bentuk pemecah ombak sesebuah marina secara terperinci. Semakan Audit mendapati SPPP juga tidak menjalankan kajian kemungkinan sebelum pembinaan Tanjong City Marina kerana pembinaannya adalah atas arahan yang diterima daripada EPU pada 27 Mac 2002.

3.6.3.2. Struktur Pengurusan dan Perancangan Strategik

Objektif JLM ialah untuk menentukan satu (1) sistem perhubungan laut yang selamat, aman, teratur dan pemuliharaan laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti. Semakan Audit mendapati pengurusan marina awam tidak disenaraikan dalam mana-mana aktiviti JLM. Selain itu, JLM juga tidak mengambil kira operasi marina awam dalam perancangan strategik JLM. Pada 12 April 2010, JLM telah memohon kepada MOT dan UKAS agar lapan (8) buah marina awam di bawah seliaannya diswastakan kerana tiada perjawatan diwujudkan untuk menguruskan marina, JLM tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi dan marina perlu diuruskan dengan konsep komersial. Semakan Audit selanjutnya mendapati, pada 4 Disember 2015, Jemaah Menteri telah meluluskan penswastakan bagi tiga (3) buah marina awam sahaja. Manakala baki 3 marina telah diserahkan kepada APMM dan dua (2) marina lagi masih beroperasi sebagai marina awam.

3.6.3.3. Struktur Perjawatan Untuk Pengurusan Marina Awam

Semakan Audit terhadap Waran Perjawatan JLM mendapati sehingga bulan Disember 2017, tiada perjawatan khusus diluluskan untuk pengurusan marina awam. Semakan Audit terhadap Carta Organisasi dan Fail Meja di empat (4) buah marina awam yang masih beroperasi pula mendapati marina diuruskan oleh kakitangan JLM sedia ada secara pentadbiran yang mana kakitangan ini juga terlibat dengan pelbagai urusan lain seperti hal ehwal pelabuhan, pengurusan jeti penumpang dan pengurusan bot JLM.

3.6.3.4. Sistem dan Proses Kerja

- a. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan Ketua Jabatan hendaklah mengadakan sistem dan prosedur kerja yang teratur, jelas dan difahami oleh semua pegawai di jabatan. Semakan Audit mendapati pihak JLM tidak pernah menyediakan Sistem dan Proses Kerja yang seragam untuk kesemua marina awam di bawah kawalannya. Lawatan Audit di empat (4) buah marina awam yang beroperasi iaitu di Marina Kuching pada 23 Mei 2017, Marina Melaka pada 26 Julai 2017, Marina Pulau Indah pada 10 Ogos 2017 dan Marina Batu Uban pada 1 November 2017 mendapati setiap marina diurus secara berbeza-beza mengikut amalan sedia ada.
- b. Semakan Audit terhadap Fail Meja kakitangan yang terlibat dengan pengurusan marina awam pula mendapati hanya Marina Batu Uban mempunyai Proses Kerja Permohonan Masuk Marina. Bagaimanapun, ia didapati tidak lengkap kerana hanya menyatakan proses ketibaan dan terimaan sewa *berthing*, tiada proses pelepasan kapal/bot serta penyenggaraan marina disediakan. Semakan Audit di Marina Kuching,

Marina Melaka dan Marina Pulau Indah mendapati tiada Proses Kerja berkaitan pengurusan marina disediakan dalam Fail Meja kakitangan. Pihak Audit dimaklumkan oleh kakitangan yang terlibat dengan pengurusan marina awam bahawa urusan marina dilaksanakan mengikut Proses Kerja Pengurusan Ketibaan dan Pelepasan Kapal. Bagaimanapun, *walk through test* menggunakan Proses Kerja Pengurusan Ketibaan dan Pelepasan Kapal mendapati urusan ketibaan dan pelepasan kapal/bot tidak selaras dengan proses kerja yang digariskan. Ini adalah kerana proses kerja adalah secara *online* (*Ship Clearance System*) berbanding pengurusan marina awam yang dibuat secara manual.

Maklum balas JLM yang diterima pada 26 Mac 2018

Bagi penambahbaikan, JLM sedang membangunkan sistem dan proses kerja yang seragam dalam pengurusan marina awam.

Pada pendapat Audit, keseragaman sistem dan proses kerja adalah faktor penting untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan marina dalam penyampaian perkhidmatan yang baik.

3.6.3.5. Peruntukan Kewangan

Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh tahun 2015 hingga 2017, JLM tidak pernah memohon peruntukan kewangan khusus untuk operasi dan penyenggaraan marina awam serta tiada penyenggaraan berkala dijalankan. Kerja pembaikan yang dilaksanakan hanya menggunakan peruntukan kewangan daripada aktiviti Khidmat Pengurusan, Pentadbiran Am, Keselamatan Pelayaran, dan Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Marina Batu Uban pernah memohon peruntukan berjumlah RM10 juta untuk kerja pengerukan dalam permohonan peruntukan pembangunan RMKe-11 (*Rolling Plan* ketiga), bagaimanapun permohonan ini tidak diluluskan.

Pada pendapat Audit, ketiadaan peruntukan khusus untuk menguruskan marina memberi kesan kepada pencapaian objektif marina.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya MOT, JLM dan SPPP mengambil tindakan seperti berikut:

3.7.1. MOT, SPPP dan JLM hendaklah mengkaji serta membuat keputusan mengenai hala tuju baharu marina awam dengan segera dan mengambil langkah

untuk merancang sumber kewangan, sumber manusia, perancangan penyenggaraan dan aktiviti promosi sebaik keputusan diperoleh;

3.7.2. MOT dan JLM hendaklah membuat perancangan jangka pendek supaya pengoperasian marina awam dapat diteruskan dan tidak menjejaskan imej marina awam di kalangan pelayar antarabangsa;

3.7.3. JLM hendaklah mewujudkan kawalan dalaman dan mewujudkan sistem serta proses kerja yang jelas bagi semua aktiviti marina di bawah kawalannya untuk memastikan dokumen dan rekod diselenggara dengan lengkap dan teratur serta mengelakkan berlaku salah guna kuasa dan penyelewengan hasil Kerajaan; dan

3.7.4. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat isu-isu yang menjerus kepada kecuaiian penjawat awam.

4. JABATAN PENGANGKUTAN JALAN - PENGURUSAN AKTIVITI PENYITAAN KENDERAAN

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) merupakan agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab mengurus, mengawal dan memantau semua jenis kenderaan bermotor di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2013) (APJ 1987). Di bawah Seksyen 64 Akta ini, JPJ diberi kuasa untuk menahan, mengeluarkan notis sita dan menyita mana-mana kenderaan yang didapati tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Selain Akta tersebut, pengurusan penyitaan adalah berdasarkan Arahan Jabatan Bilangan 9 Tahun 2004 (Prosedur Penyitaan, Pelepasan dan Pelupusan Kenderaan Motor Mengikut Seksyen 64 APJ 1987), Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 9 Tahun 2012 [*Standard Operating Procedures* (SOP) Penahanan, Pelepasan dan Pelupusan Kenderaan Motor Seksyen 64 APJ 1987] yang dikeluarkan pada 4 Jun 2012 dan Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 6 Tahun 2016 (Prosedur Permohonan Pelucuthakan Kenderaan Sita Melalui Perintah Mahkamah). Tujuan penyitaan adalah untuk mengenal pasti identiti kenderaan atau pemandu, mengelak kesalahan dari berlaku secara berterusan, menyimpan kenderaan yang disita di tempat yang selamat serta melaksanakan pelepasan dan pelupusan kenderaan mengikut SOP yang ditetapkan.

4.1.2. Di peringkat Ibu Pejabat JPJ, Bahagian Penguatkuasa adalah bertanggungjawab terhadap polisi dan prosedur penyitaan kenderaan. Manakala Unit Sita di peringkat negeri yang diwujudkan di bawah Bahagian Penguatkuasa bertanggungjawab untuk menguruskan penyitaan kenderaan, penyimpanan, pelepasan dan pelupusan kenderaan. Bahagian lain yang turut terlibat dalam pengurusan sitaan ialah Bahagian Hasil bagi merekodkan hasil lelongan kenderaan sita, Bahagian Kejuruteraan Automotif untuk membuat penilaian harga rizab kenderaan sebelum pelupusan dan Bahagian Pengurusan yang bertanggungjawab bagi urusan keselamatan dan kebersihan Jabatan.

4.1.3. Setakat bulan November 2017, jumlah kenderaan sita yang masih tersimpan di kandang sita JPJ di seluruh negeri adalah sebanyak 9,704 buah kenderaan. Jumlah ini merupakan kenderaan yang disita di tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu yang masih belum dilepaskan atau dilelong.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan aktiviti penyitaan, penyimpanan, pelepasan dan pelupusan kenderaan yang disita oleh JPJ telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

4.3.1. Skop pengauditan meliputi empat (4) bidang Audit utama iaitu prestasi aktiviti, pengurusan penyitaan, pengurusan hasil dan pemantauan. Pengurusan penyitaan terdiri daripada penyitaan, penyimpanan, pelepasan dan pelupusan kenderaan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Pengauditan ini dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPJ dan lima (5) pejabat negeri terpilih iaitu Johor, Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan WP Kuala Lumpur yang mempunyai jumlah penyitaan terkumpul tertinggi setakat bulan November 2017. Lawatan fizikal turut dijalankan di empat (4) pejabat cawangan JPJ iaitu di Muar, Kluang, Taiping dan Jempol serta dua (2) stesen penguatkuasa iaitu di Kuala Kangsar dan Semenyih.

4.3.2. Sebanyak 272 (5%) sampel daripada 5,436 fail kenderaan sita telah dipilih untuk disemak bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan November 2017. Manakala semakan sampel kenderaan lelong adalah sebanyak 122 (5.4%) daripada 2,241 dokumen kenderaan lelong dipilih bagi tempoh yang sama. Sampel yang dipilih adalah berasaskan pemilihan secara rawak. Bagi lawatan Audit, sebanyak 188 (69.1%) daripada 272 buah kenderaan sita telah dijalankan pemeriksaan fizikal. Butiran sampel kenderaan sita dan lelong mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
BILANGAN SAMPEL KENDERAAN SITA DAN LELONG
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

TAHUN	BILANGAN		
	SITA	LELONG	JUMLAH
2015	85	51	136
2016	120	51	171
2017	67	20	87
JUMLAH	272	122	394

Sumber: Pejabat JPJ Negeri Terpilih

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail di Ibu Pejabat dan lima (5) pejabat negeri terpilih serta menganalisis data yang berkaitan dengan pengurusan aktiviti penyitaan. Di samping itu, pihak Audit turut membuat lawatan fizikal ke kandang sita kenderaan. Temu bual juga dibuat dengan pegawai Unit Sita, Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Kejuruteraan Automotif serta pegawai JPJ yang terlibat.

4.5. RUMUSAN AUDIT

4.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Aktiviti

Aktiviti penyitaan telah dilaksanakan mengikut Akta yang berkuat kuasa dan mencapai tujuan yang ditetapkan. JPJ telah melaksanakan antara 18 hingga 23 jenis operasi berdasarkan sumber sedia ada antaranya Operasi Harian, Operasi Hari Raya, Operasi Khas, Operasi Lebih Muatan, Operasi *Adhoc* dan Operasi Motosikal.

b. Pengurusan Penyitaan

Bagi aspek pengurusan aktiviti penyitaan mendapati masih terdapat beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan kerana ia boleh memberi kesan terhadap tahap kecekapan dan keberkesanan JPJ untuk melaksanakan penyitaan, penyimpanan dan seterusnya pelepasan kenderaan yang disita. Kelemahan dalam urusan menyita kenderaan dari aspek pengeluaran notis sita dan penyimpanan rekod tidak dapat menjamin bahawa ia telah dilaksanakan dengan cekap. Selain itu, keberkesanan pengurusan penyimpanan kenderaan terjejas apabila kenderaan yang disimpan didapati terdedah kepada risiko keselamatan dan kehilangan serta penyelewengan.

c. Pengurusan Hasil

Tempoh yang lama untuk urusan melucuthak kenderaan serta ketiadaan prosedur jelas bagi urusan pelupusan telah menjejaskan kecekapan urusan pelupusan dan kutipan hasil daripada pelupusan kenderaan.

d. Pemantauan

Kecekapan pemantauan masih perlu dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada penggunaan sepenuhnya modul mySIKAP.

4.5.2. Beberapa penemuan penting yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

- a. sebanyak 93.7% notis sita masih dikeluarkan secara manual, pengurusan fail dan rekod sita tidak teratur serta tiada mekanisme pemantauan dibuat terhadap pengurusan fail sita;
- b. sebanyak 54.5% kandang sita kenderaan yang dilawati tidak mematuhi ciri-ciri keselamatan;
- c. berlaku pembayaran penuh kepada kontraktor pembersihan di JPJ WP Kuala Lumpur sedangkan kerja pembersihan di kandang sita tidak dijalankan sepenuhnya. Manakala, berlaku pembayaran kepada kontraktor pembersihan di JPJ Selangor yang melanggar peraturan kewangan iaitu pembayaran dibuat sebelum kontrak formal ditandatangani;

- d. proses pelepasan dan proses lucuthak kenderaan mengambil tempoh antara 44 hingga 1,151 hari;
- e. proses lelongan kenderaan mengambil masa antara 129 hingga 4,024 hari dari tarikh kelulusan lelongan kenderaan;
- f. wujud amalan yang berbeza bagi kaedah pelelongan antara negeri dan tiada mekanisme kawalan dibuat untuk lelongan secara *scrap* bagi mengelakkan kenderaan diguna semula;
- g. penilaian harga rizab untuk pelelongan tidak disokong dengan kertas justifikasi yang terperinci; dan
- h. Modul Penguatkuasa di bawah sistem mySIKAP tidak digunakan sepenuhnya bagi pemantauan pengurusan penyitaan.

4.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada JPJ telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 19 Mac 2018. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

4.6.1. Prestasi Aktiviti

4.6.1.1. Pencapaian Output


- a. Bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan November 2017, sebanyak 5,436 buah kenderaan telah disita, 4,293 buah kenderaan sita telah dilepaskan dan sebanyak 2,241 buah kenderaan sita telah dilelong untuk lima (5) negeri yang diaudit. Jumlah ini adalah merangkumi kenderaan yang disita, dilepas dan dilelong pada tahun berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

JADUAL 4.2
PRESTASI SITA, LEPAS DAN LELONG BAGI
TAHUN 2015 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017

NEGERI	2015			2016			2017		
	SITA	LEPAS	LELONG	SITA	LEPAS	LELONG	SITA	LEPAS	LELONG
Perak	275*	177*	37	333	134	53	421	144	48
Selangor	322*	594*	247	491	167	66	306	252	101
WP Kuala Lumpur	375*	707*	203	837	588	278	228	168	124
Negeri Sembilan	232*	185*	116	357	233	120	185	218	110
Johor	129*	105*	79	598	401	392	347	220	267
JUMLAH	1,333	1,768	682	2,616	1,523	909	1,487	1,002	650

Sumber: Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat
Nota: (*) - Maklumat Daripada Pejabat Negeri

CARTA 4.1
JUMLAH KENDERAAN SITA BAGI TEMPOH
TAHUN 2015 HINGGA BULAN NOVEMBER 2017



Sumber: Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat

- b. Berdasarkan jadual dan carta di atas, berlaku peningkatan dan penurunan kenderaan yang disita di sepanjang tahun 2015 hingga 2017. Peningkatan atau penurunan sitaan tidak boleh diukur secara spesifik kerana ia bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan oleh pengguna jalan raya.
- c. Semakan terperinci terhadap senarai statistik kenderaan sita di lima (5) pejabat negeri yang dipilih mendapati, daripada 5,436 buah kenderaan, sebanyak 1,525 (28%) adalah kenderaan klon iaitu kenderaan motor yang pemilikannya tidak sah dari segi undang-undang yang menggunakan nombor pendaftaran kenderaan yang didaftarkan di Malaysia kerana tiada prosedur yang jelas mengenai pelupusan kenderaan klon. Pada tahun 2015, bilangan kenderaan klon yang disita adalah sebanyak 224 buah kenderaan dan meningkat sebanyak 832 (37.1%) menjadi 1,056 buah kenderaan pada tahun 2016. Manakala pada tahun 2017, bilangan kenderaan klon yang disita adalah 245 buah kenderaan iaitu menurun sebanyak 811 (76.8%) berbanding tahun 2016.

4.6.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, sejumlah RM17.74 juta peruntukan mengurus telah diperuntukkan untuk Bahagian Penguatkuasa bagi lima (5) pejabat negeri yang dipilih iaitu Johor, Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan WP Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM17.39 juta telah dibelanjakan (98%). Semakan Audit terhadap laporan statistik saman mengikut operasi mendapati negeri yang dilawati ada menjalankan antara 17 hingga 23 jenis operasi bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Berdasarkan maklum balas JPJ, operasi penguatkuasaan dapat dikategorikan kepada dua (2) iaitu operasi wajib dan operasi khas. Operasi wajib adalah Operasi Rutin, Operasi Bersepadu dan Operasi Perayaan (Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri) manakala operasi khas adalah bagi menangani isu-isu semasa seperti Operasi Pemandu Warga Asing dan Operasi Tonto. Butiran peruntukan dan perbelanjaan berbanding bilangan jenis operasi adalah seperti di **Jadual 4.3** dan **Carta 4.2**.


JADUAL 4.3
PERBELANJAAN MENGURUS BAHAGIAN PENGUATKUASA NEGERI
BERBANDING BILANGAN JENIS OPERASI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

NEGERI/ TAHUN	PERUNTUKAN DIPEROLEH (RM)	PERBELANJAAN		BILANGAN		PURATA PERBELANJAAN OPERASI (RM) (a/b)
		(RM) (a)	(%)	JENIS OPERASI (b)	PEGAWAI	
PERAK*						
2015	1,304,874	1,287,794	98.7	21	250	61,324
2016	1,071,651	1,069,628	99.8	20		53,481
2017	683,810	657,014	96.1	20		32,851
JOHOR*						
2015	1,995,177	1,993,189	99.9	21	311	94,914
2016	2,016,472	2,006,536	99.5	20		100,327
2017	1,011,229	1,006,883	99.6	20		50,344
NEGERI SEMBILAN						
2015	832,919	829,756	99.6	19	147	43,671
2016	790,597	786,270	99.5	18		43,682
2017	445,178	436,685	98.1	18		24,260
WP KUALA LUMPUR						
2015	1,395,088	1,394,805	99.9	21	202	66,419
2016	1,084,409	1,078,940	99.5	19		56,786
2017	943,140	926,279	98.2	17		54,487
SELANGOR						
2015	1,933,843	1,805,079	93.3	21	379	85,956
2016	1,393,121	1,391,022	99.9	23		60,479
2017	835,043	715,783	85.7	22		32,535
JUMLAH	17,736,551	17,385,663	98.0	300	1,289	57,952

Sumber: Pejabat Negeri Johor, Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan WP Kuala Lumpur

Nota: (*) - Tidak Termasuk Pusat Tanggungjawab

**CARTA 4.2
PERBELANJAAN MENGIKUT NEGERI BAGI SETIAP JENIS OPERASI**



Sumber: Pejabat Negeri Johor, Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan WP Kuala Lumpur

- b. Analisis perbandingan antara perbelanjaan operasi antara setiap negeri iaitu antara RM24,260 hingga RM100,327 per operasi. Ini kerana kos mengurus di bawah Aktiviti Penguatkuasaan Undang-Undang berbeza mengikut negeri tertakluk kepada waran perjawatan, bilangan kenderaan, alatan penguatkuasaan dan aktiviti operasi yang dijalankan.

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

Semua aktiviti termasuk Aktiviti Penguatkuasaan Undang-Undang mengalami penurunan dalam jumlah peruntukan tadbir urus/operasi setelah mengambil kira kenaikan gaji/upahan/elaun di bawah peruntukan emolumen selain dasar mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan.

Pada pendapat Audit, aktiviti penyitaan telah dilaksanakan oleh JPJ dengan menggunakan peruntukan sumber sedia ada dan mencapai tujuan yang ditetapkan.

4.6.2. Pengurusan Penyitaan

4.6.2.1. Penyitaan Kenderaan

- a. Seksyen 64(1) APJ 1987 menerangkan mengenai tindakan yang perlu diambil ketika sitaan dibuat. Semakan terhadap 272 sampel sita mendapati fail sita ada disediakan oleh Unit Sita, namun sepuluh (10) fail tidak lengkap di mana senarai peralatan/aksesori kenderaan tidak disertakan semasa penahanan. Semakan fizikal kenderaan di kandang sita pada 25 Oktober 2017 mendapati aksesori radio tiada di dalam kenderaan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada aksesori radio tersebut terdapat di dalam kenderaan disita disebabkan pegawai JPJ tidak menyenaraikannya dalam fail sita. Selain itu, terdapat enam (6) buah kenderaan tidak mempunyai aksesori radio tetapi ada direkodkan di dalam senarai peralatan dan aksesori di fail sita. Antara gambar semasa lawatan Audit adalah seperti **Gambar 4.1** dan **Gambar 4.2**.

GAMBAR 4.1



JPJ Selangor
- Kenderaan QMM 3232 - Radio Tiada
Tetapi Ada Dalam Senarai
(25.10.2017)

GAMBAR 4.2



JPJ Selangor
- Kenderaan JJS 8403 - Radio Tiada
Tetapi Ada Dalam Senarai
(25.10.2017)

- b. Semakan lanjut mendapati tiada sebarang pemantauan terhadap pengurusan fail sita dibuat oleh pihak pengurusan bagi memastikan Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa dipatuhi sepenuhnya. Kelemahan pengurusan fail sita boleh mendedahkan JPJ kepada risiko tuntutan daripada pemilik berdaftar atau perkara berbangkit berkaitan dengan tuntutan kenderaan dalam kes mahkamah selain risiko pengesanan kecurian. Keadaan ini boleh menjejaskan tahap kecekapan proses penyitaan.
- c. Selain itu, modul mySIKAP telah dibangunkan oleh JPJ di bawah Projek Pembangunan Semula Sistem Perkomputeran Jabatan dengan kos kontrak bernilai RM282 juta pada tahun 2010 meliputi pembekalan 62 buah *handheld* dengan kos RM544,640 untuk lima (5) negeri yang dipilih. Antara tujuan *handheld* adalah untuk mengeluarkan notis sita secara elektronik oleh pegawai JPJ semasa di lapangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sebanyak 255 (93.7%) notis sita masih dikeluarkan secara

manual berbanding 272 sampel yang dipilih untuk semakan. Pengeluaran notis sita secara manual memerlukan pegawai memasukkan semula data dalam sistem mySIKAP apabila pegawai pulang ke pejabat yang boleh mengakibatkan tugas pegawai yang bertanggungjawab tidak efisien. Butiran pengeluaran notis sita mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 4.4**.

JADUAL 4.4
PENGELUARAN NOTIS SITTA BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

NEGERI	PENGELUARAN NOTIS SITTA			JUMLAH
	MANUAL	mySIKAP	TIADA NOTIS	
Perak	33	0	2	35
Johor	54	3	1	58
Negeri Sembilan	57	1	3	61
WP Kuala Lumpur	61	2	2	65
Selangor	50	1	2	53
JUMLAH	255	7	10	272
PERATUS (%)	93.7	2.6	3.7	

Sumber: Fail JPJ Negeri Johor, Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan WP Kuala Lumpur

- d. Antara punca utama penggunaan *handheld* yang rendah untuk pengeluaran notis sita melalui sistem mySIKAP adalah seperti berikut:
 - i. Berlaku masalah capaian internet di kawasan tertentu apabila JPJ menjalankan operasi penguatkuasaan.
 - ii. Bilangan *handheld* yang diagihkan kepada JPJ Negeri adalah terhad.

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

Capaian internet *handheld* adalah berdasarkan ketersediaan liputan (*coverage*) rangkaian *1GovNet*. Bagaimanapun, capaian sistem secara mod *offline* telah disediakan dan boleh digunakan pada Julai 2013 sebagai kaedah alternatif terhadap masalah tersebut. Latihan Mod *offline* telah diberikan kepada wakil semua JPJ Negeri pada 22 hingga 23 Julai 2013. Bagi anggota yang tidak dibekalkan dengan *handheld* akan menggunakan kaedah manual untuk melakukan aktiviti penguatkuasaan termasuk pengeluaran notis sita dan apabila *handheld* digunakan untuk tujuan lain seperti pengeluaran saman, anggota terpaksa menggunakan kaedah manual untuk tujuan lain penguatkuasa seperti pengeluaran notis sita. Bagaimanapun, sistem pengeluaran notis telah ditambah baik di dalam *Smart Mobile Enforcement Device (SmED)* yang baru diperolehi bagi menggantikan *handheld*.

Pada pendapat Audit, kelemahan pengurusan penyitaan dari aspek pengurusan fail dan pengeluaran notis sita secara manual tidak dapat menjamin bahawa urusan penyitaan dilaksanakan dengan cekap.

4.6.2.2. Penyimpanan Kenderaan Sita

- a. Mengikut Seksyen 64 APJ 1987 kenderaan yang disita perlu disimpan di satu tempat yang sesuai dan selamat. Surat Arahan Ibu Pejabat yang dikeluarkan pada 8 Mac 2004 pula menyatakan kawasan simpanan kenderaan sita perlu mempunyai ciri-ciri berikut:
 - i. pagar jenis *anti cutting chain link* dengan ketinggian lapan (8) kaki diliputi kawat berduri setinggi dua (2) kaki yang dipasang di bahagian bawah dan bahagian atas pagar;
 - ii. perlu mempunyai pondok jaga dengan kawalan keselamatan 24 jam; dan
 - iii. kawasan sekeliling bersih daripada sampah sarap serta semak samun.
- b. Sehingga tarikh pengauditan, tempoh simpanan kenderaan bagi 11 cawangan yang dilawati mengikut julat tempoh simpanan adalah seperti di **Jadual 4.5**.

JADUAL 4.5
TEMPOH SIMPANAN KENDERAAN SITA

NEGERI/CAWANGAN/STESEN PENGUATKUASA	TEMPOH DALAM TAHANAN SITA (Tahun)				BILANGAN KENDERAAN (Unit)	
	1 - 5	6 - 10	LEBIH 10	TIADA TARIKH		
Johor	Johor Bahru	474	92	0	0	566
	Muar	165	48	102	2	317
	Kluang	147	39	14	0	200
Perak	Ipoh	179	20	18	3	220
	Kuala Kangsar	38	2	1	0	41
	Taiping	114	29	8	39	190
Negeri Sembilan	Seremban	262	174	204	38	678
	Jempol	56	24	0	4	84
Selangor	Padang Jawa	370	36	43	47	496
	Semenyih	34	22	17	18	91
WP Kuala Lumpur	Wangsa Maju	221	5	1	0	227
JUMLAH		2,060	491	408	151	3,110

Sumber: Fail dan Daftar Penyitaan Kenderaan JPJ Negeri

- c. Lawatan Audit antara bulan Ogos hingga November 2017 ke tempat simpanan kenderaan di 11 lokasi mendapati, sebanyak enam (6) daripadanya (54.5%) tidak mematuhi ciri-ciri kawalan keselamatan yang telah ditetapkan. Ketidakpatuhan kepada ciri-ciri keselamatan menyukarkan aktiviti pemantauan kenderaan dalam simpanan, kenderaan menjadi rosak, usang, terdedah kepada pelanggaran terhadap ciri-ciri keselamatan serta risiko kehilangan kenderaan dan aksesori kenderaan. Butiran lanjut mengenai pematuhan terhadap ciri keselamatan tempat simpanan kenderaan yang dilawati adalah seperti di **Jadual 4.6**.

JADUAL 4.6
PEMATUHAN TERHADAP CIRI KESELAMATAN TEMPAT SIMPANAN KENDERAAN

NEGERI/CAWANGAN/STESEN PENGUATKUASA		CIRI KESELAMATAN				PERATUS PEMATUHAN (%)
		A	B	C	D	
Perak	Ipoh	x	/	/	/	75
	Taiping	/	/	/	/	100
	Kuala Kangsar	/	/	/	/	100
Johor	Johor Bahru	x	x	/	/	50
	Kluang	x	/	/	/	75
	Muar	/	/	/	/	100
Negeri Sembilan	Seremban	/	/	/	/	100
	Jempol	/	/	/	/	100
Selangor	Padang Jawa	x	x	x	x	0
	Semenyih	/	x	x	/	50
WP Kuala Lumpur	Wangsa Maju	/	x	x	x	25

Sumber: Pejabat JPJ Negeri/Cawangan/Seksyen Penguatkuasa

Nota :
 (/) - Mematuhi
 (X) - Tidak Mematuhi
 (A) - Berpagar dan Berkunci
 (B) - Pondok Pengawal dan Pengawal Keselamatan 24 Jam
 (C) - Tempat Simpanan Bersih dan Disenggara Dengan Baik
 (D) - Kenderaan Disimpan dan Disusun Secara Teratur serta Mudah Dicari

d. Lawatan Audit juga mendapati kenderaan sita telah diletakkan di luar kandang disebabkan kandang sita sedia ada tidak dapat menampung jumlah kenderaan sita yang semakin meningkat. Kenderaan sita yang berada di luar kandang sita adalah seperti **Gambar 4.3** hingga **Gambar 4.5**.

GAMBAR 4.3



JPJ Johor Bahru, Johor
- Kenderaan Berada di Luar Kandang Sita
(14.09.2017)

GAMBAR 4.4



JPJ Padang Jawa, Selangor
- Kenderaan Berada di Luar Pagar
(24.10.2017)



GAMBAR 4.5
JPJ Kluang, Johor
- Kenderaan Berada di Luar Kandang Sita
(12.09.2017)

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

Punca utama kepada peratusan rendah terhadap pematuhan ciri keselamatan tempat simpanan kenderaan adalah seperti berikut:

- kawasan simpanan kenderaan sita yang terhad menyebabkan limpahan kenderaan sita dari kawasan simpanan tersebut. Pada masa yang sama tiada keseimbangan kenderaan sita dan kawasan simpanan kenderaan sita menimbulkan kesukaran kepada jabatan untuk menyusun kenderaan sita dengan teratur; dan
- peruntukan kewangan terhad menyebabkan tidak dapat menyediakan pengawal keselamatan. JPJ menggunakan pengawal keselamatan yang sedia ada yang mempunyai kontrak mengawal keselamatan kawasan persekitaran di luar dan di dalam pejabat.

Selain itu, JPJ sedang memperkemaskan pemantauan dan kontrak pembersihan bagi menangani isu kebersihan kawasan simpanan kenderaan sita.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap aspek keselamatan tempat penyimpanan kenderaan mendedahkan kenderaan dan aksesori kepada risiko berlakunya kecurian.

- e. Semakan lanjut di JPJ WP Kuala Lumpur terhadap Kontrak Kerja Kebersihan mendapati pihak JPJ dan syarikat pembersihan telah menandatangani kontrak bagi Perkhidmatan Membersih Kawasan dan Menyenggara Lanskap pada 1 Februari 2017 bagi tempoh 24 bulan mulai dari 1 Februari 2017 hingga 31 Januari 2019 dengan kos keseluruhan berjumlah RM302,736 [RM12,614 sebulan termasuk Cukai Barangan Perkhidmatan (GST)]. Seterusnya, berdasarkan syarat dan spesifikasi kontrak di Klausa 4.7 menyatakan kerja pemotongan rumput adalah termasuk kawasan dalam pagar kandang sita dan pemotongan rumput hendaklah dibuat tidak lebih 2 inci dari permukaan tanah. Selain itu berdasarkan Klausa 12.3 kontrak, denda melalui potongan bayaran bulanan boleh dikenakan terhadap kontraktor bagi perkhidmatan yang kurang memuaskan. Klausa 14.1(c) pula menyatakan bagi perkhidmatan yang tidak mengikut spesifikasi, denda sebanyak 10% daripada nilai perkhidmatan yang diberi boleh dikenakan kepada kontraktor.
- f. Lawatan fizikal Audit pada 19 Oktober 2017 di kandang sita JPJ WP Kuala Lumpur yang menempatkan kenderaan klon mendapati ia dipenuhi dengan rumput dan semak samun. Ini boleh menyukarkan aktiviti pemantauan kenderaan dalam simpanan, kenderaan menjadi rosak dan usang. Gambar kandang sita yang tidak dibersihkan adalah seperti **Gambar 4.6** hingga **Gambar 4.9**.

GAMBAR 4.6



JPJ WP Kuala Lumpur
- Semak Samun di Kandang Sita Tidak Dipotong
(19.10.2017)

GAMBAR 4.7



JPJ WP Kuala Lumpur
- Semak Samun di Kandang Sita Tidak Dipotong
(19.10.2017)

GAMBAR 4.8



JPJ WP Kuala Lumpur
- Semak Samun di Kandang Sita Tidak Dipotong
(19.10.2017)

GAMBAR 4.9



JPJ WP Kuala Lumpur
- Semak Samun di Kandang Sita Tidak Dipotong
(19.10.2017)

- g. Setakat bulan Oktober 2017, sejumlah RM75,684 telah dibayar kepada kontraktor iaitu bagi tuntutan bulan Februari hingga Julai 2017. Butiran pembayaran adalah seperti di **Jadual 4.7**.

JADUAL 4.7
BAYARAN BULANAN KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	AMAUN BAYARAN (RM)	BULAN YANG DITUNTUT
1.	B2259	11.05.2017	12,614	Februari 2017
2.	B2260	11.05.2017	12,614	Mac 2017
3.	B4903	03.10.2017	12,614	April 2017
4.	B4904	03.10.2017	12,614	Mei 2017
5.	B4905	03.10.2017	12,614	Jun 2017
6.	B4906	03.10.2017	12,614	Julai 2017
JUMLAH			75,684	

Sumber: Baucar Bayaran JPJ WP Kuala Lumpur

- h. Semakan Audit terhadap gambar sokongan yang dilampirkan semasa tuntutan oleh kontraktor menunjukkan gambar aktiviti pembersihan yang sama namun bagi tuntutan bayaran untuk bulan yang berbeza. Butiran adalah seperti **Gambar 4.10**.

GAMBAR 4.10
GAMBAR SOKONGAN SEMASA TUNTUTAN OLEH KONTRAKTOR
DI KANDANG SITA JPJ WP KUALA LUMPUR



Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

Pihak Pengurusan JPJ WP Kuala Lumpur telah mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat pembersihan kerana kegagalan memberi perkhidmatan yang sepatutnya dilaksanakan mengikut kontrak. Sejumlah RM9,520 denda telah dikenakan kepada syarikat berkenaan di atas kerja yang tidak dilaksanakan pada bulan April 2017 hingga bulan November 2017 iaitu sebanyak RM1,190 sebulan (10% daripada nilai kontrak bulanan). Berdasarkan laporan pelaksanaan kerja, JPJ WP Kuala Lumpur sentiasa memantau pelaksanaan kontrak supaya perkara sebegini tidak akan berulang lagi pada masa akan datang.

Pada pendapat Audit, kelemahan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab memberi ruang kepada kontraktor untuk menuntut bayaran di atas kerja yang tidak dilaksanakan.

- i. 1PP, PK 4.2. Perenggan 4.6 menetapkan bahawa bagi semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat. Perolehan bermasa adalah perolehan yang mana tempoh kontrak adalah melebihi empat (4) bulan. Manakala 1PP, PK 4.2 Perenggan 6.1 menyatakan dengan menandatangani SST, bayaran boleh dibuat terhadap kerja yang telah selesai dilaksanakan walaupun sebelum dokumen kontrak ditandatangani. Bagaimanapun, bagi memastikan dokumen kontrak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat, kemudahan ini adalah hanya

dibenarkan tertakluk kepada tempoh kontrak melebihi empat (4) bulan dan ke atas serta bayaran berkala sehingga tiga (3) kali dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak formal ditandatangani. Bayaran berkala yang seterusnya akan hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangani.

- j. Semakan Audit terhadap dokumen perolehan Kontrak Kerja Kebersihan di JPJ Negeri Selangor mendapati SST telah dikeluarkan kepada kontraktor pembersihan pada 8 Ogos 2016 dan dipersetujui oleh kontraktor pada 10 Ogos 2016. Semakan lanjut mendapati draf perjanjian hanya diserahkan kepada MOT untuk semakan Penasihat Undang-Undang pada 18 Ogos 2017 iaitu 12 bulan daripada tarikh persetujuan oleh kontraktor. Sehingga tarikh pengauditan, dokumen kontrak masih gagal ditandatangani. Namun begitu, JPJ telah membayar sejumlah RM93,800 kepada kontraktor walaupun dokumen kontrak belum ditandatangani. Butiran kesalahan pembayaran adalah seperti di **Jadual 4.8**.

JADUAL 4.8
BAYARAN KEPADA KONTRAKTOR PEMBERSIHAN OLEH JPJ NEGERI SELANGOR

BIL.	NO. BAUCAR	TARIKH BAUCAR	AMAUN BAYARAN KESELURUHAN (RM)	BAYARAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN (RM)	BULAN YANG DITUNTUT
1.	B2239	14.10.2016	9,380	-	September 2016
2.	B2499	10.11.2016	9,380		Oktober 2016
3.	B2950	08.12.2016	9,380		November 2016
4.	B3077	08.12.2016	9,380	9,380	Disember 2016
5.	B0137	14.02.2017	9,380	9,380	Januari 2017
6.	B0586	23.03.2017	9,380	9,380	Februari 2017
7.	B0868	28.04.2017	9,380	9,380	Mac 2017
8.	B0953	16.05.2017	9,380	9,380	April 2017
9.	B1194	15.06.2017	9,380	9,380	Mei 2017
10.	B1632	27.07.2017	9,380	9,380	Jun 2017
11.	B1910	18.08.2017	9,380	9,380	Julai 2017
12.	B2404	04.10.2017	9,380	9,380	Ogos 2017
13.	B2513	10.10.2017	9,380	9,380	September 2017
JUMLAH			121,940	93,800	

Sumber: Baucar Bayaran JPJ Selangor

- k. JPJ Selangor memaklumkan, pembayaran di luar kontrak ini berpunca daripada kekangan kakitangan di Unit Kewangan dan bebanan tugas yang tinggi di peringkat penyediaan baucar bayaran. Ini kerana tuntutan bayaran daripada pembekal perkhidmatan diterima serentak dan perlu dibayar dalam tempoh tertentu mengakibatkan terdapat dokumen sokongan bagi pembayaran yang tidak dikemukakan tidak dapat dikesan lebih awal.


Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

Memo peringatan bertarikh 1 Mac 2018 dikeluarkan kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam urusan perolehan dan pembayaran bagi memastikan tidak berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan berkuat kuasa lagi di masa akan datang.

Pada pendapat Audit, wujud kelemahan pengurusan penyimpanan kenderaan sita yang memberi kesan terhadap risiko keselamatan dan kehilangan kenderaan sita. Selain itu, kelemahan pemantauan pembayaran boleh mendedahkan JPJ kepada aspek penyelewengan.

4.6.2.3. Pengurusan Tempoh Pelepasan Kenderaan dan Proses Lucuthak

- a. Berdasarkan Seksyen 64(4) APJ 1987 ‘...jika dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penahanannya kenderaan motor tidak dituntut oleh pemunya, pegawai itu hendaklah merujuk perkara itu kepada Majistret, yang hendaklah membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan pelucuthakan atau pelupusan kenderaan motor itu serta muatannya (jika ada)’. Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 9 Tahun 2012, Surat Pemakluman Tuntutan Kenderaan Sita hendaklah dikeluarkan dalam masa 30 hari setelah cukup tempoh tiga (3) bulan penyitaan kenderaan. Sekiranya kenderaan masih tidak dituntut oleh pemunya atau pihak yang menuntut dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat berkenaan, Pengarah JPJ Negeri boleh mengeluarkan surat cadangan lucuthak kepada Majistret. Tempoh norma kerja daripada sita sehingga pelucuthakan adalah 150 hari seperti di **Rajah 4.1**.



- b. Semakan terhadap tindakan permohonan dan proses lucuthak mendapati perkara berikut:
- i. Semakan terhadap 272 fail kenderaan sita bagi lima (5) JPJ Negeri terpilih mendapati sebanyak 166 (61%) buah kenderaan lewat dikeluarkan surat permohonan untuk lucuthak di antara 44 hari ke 1,151 hari. Tempoh kelewatan dikira mulai selepas dari 150 hari seperti yang

ditetapkan oleh SOP. Daripada 166 buah kenderaan tersebut, 25 buah kenderaan telah dilepaskan antaranya melalui jualan lelong dan dituntut oleh pemilik. Manakala bakinya, 141 buah kenderaan masih berada di kandang sita sehingga tarikh pengauditan. Di samping itu, sebanyak 72 (26%) kenderaan daripada 272 buah, adalah kenderaan klon yang tidak boleh diambil tindakan pelupusan menyebabkan peningkatan kepada bilangan kenderaan di kandang. Ia mengakibatkan kandang sita menjadi sesak dan ruang tidak mencukupi serta kenderaan menjadi lusuh dan usang. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.9**.

JADUAL 4.9
TEMPOH PELEPASAN KENDERAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA OKTOBER 2017

TEMPOH (HARI)	NEGERI					BIL. KENDERAAN
	PERAK	JOHOR	NEGERI SEMBILAN	SELANGOR	WP KUALA LUMPUR	
< 150	15	17	27	15	31	105
151 – 365	7	10	8	12	20	57
> 365	13	31	25	26	14	109
Tiada Tarikh	0	0	1	0	0	1
JUMLAH	35	58	61	53	65	272

Sumber: Daftar dan Fail Penyitaan Kenderaan JPJ Negeri

- ii. Antara sebab JPJ mengambil masa yang lama bagi mengeluarkan surat permohonan lucuthak adalah:
- tiada SOP yang khusus bagi melucuthak kenderaan klon;
 - JPJ mengeluarkan notis hanya berdasarkan alamat yang tertera dalam sistem mySIKAP yang antaranya bukan merupakan alamat terkini pemilik kenderaan. Ini mengakibatkan notis dikembalikan semula kepada JPJ;
 - tiada bukti bahawa wujud mekanisme pemantauan oleh pihak pengurusan untuk memastikan pengurusan tempoh lucuthak ini dibuat dengan cekap berdasarkan arahan jabatan yang dikeluarkan; dan
 - JPJ memaklumkan, isu perundangan juga adalah merupakan sebab kepada isu kelewatan untuk mendapatkan perintah lucuthak. Sebelum mendapat perintah lucuthak, kenderaan tersebut tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan ataupun perintah lucuthak boleh dibuat selepas tiga (3) bulan dari tarikh sitaan. Setiap permohonan lucuthak kenderaan hendaklah disediakan Kertas Siasatan (IP) dan memerlukan pandangan daripada Pejabat Peguam Negara. Dalam hal ini, tempoh masa menyediakan siasatan dan mendapat pandangan daripada Pejabat Peguam Negara adalah di luar kawalan JPJ.

- iii. Kenderaan yang tersimpan begitu lama dalam kandang sita boleh mengakibatkan kenderaan terdedah kepada kerosakan, usang dan lusuh dan ruang simpanan menjadi terhad.

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

Antara penambahbaikan dan *engagement* yang telah diambil oleh JPJ dan Jabatan Peguam Negara (AGC) adalah dengan menyiapkan draf pindaan APJ 1987 berkaitan dengan kaedah penyitaan dan lucuthak kenderaan dan akan dibentangkan ke sesi Parlimen akan datang seperti berikut:

- memberi kuasa kepada mahkamah supaya boleh mengeluarkan perintah berhubung dengan pelucuthakan, lelongan awam atau cara lain melupuskan kenderaan itu; dan
- memberi kuasa kepada Ketua Pengarah JPJ bagi melucuthak, melakukan lelongan awam atau apa-apa cara lain bagi melupuskan kenderaan yang disita.


JPJ juga telah menubuhkan *Task Force* untuk meneliti dan mencadangkan Proses Pelupusan Kenderaan Sita JPJ Negeri untuk kelulusan pihak pengurusan dan AGC jika perlu. Hasil daripada tindakan-tindakan di atas akan dapat mengatasi tempoh pelepasan dan pelupusan kenderaan sita yang panjang.

Pada pendapat Audit, ketiadaan penetapan proses kerja tempoh lucuthak secara khusus mengakibatkan kenderaan sita mengambil masa yang lama untuk dilupuskan dan kecekapan pengurusan penyitaan sukar ditingkatkan.

4.6.2.4. Pelupusan Kenderaan

- a. Perenggan 13 Arahan Jabatan Bil. 9 Tahun 2004, Prosedur Penyitaan, Pelepasan dan Pelupusan Kenderaan Motor menetapkan kenderaan motor yang ditahan dan disita tetapi tidak dilepaskan sehingga pada hari tindakan pelupusan dilaksanakan, Pengarah hendaklah seberapa segera yang munasabah melaksanakan tindakan pelupusan dengan memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sepenuhnya:
 - i. semua tindakan yang berbangkit daripada pelaksanaan Seksyen 64 APJ 1987 dan rekod penahanan dan penyitaan adalah sempurna seperti yang ditetapkan di bawah APJ 1987 dan Arahan Jabatan;
 - ii. tempoh masa tiga (3) bulan daripada tarikh penahanan dan tarikh penerimaan Notis Tahanan (yang mana terkemudian) telah tamat; dan
 - iii. pelupusan hendaklah dilaksanakan secara lelongan awam, kontrak pusat, atau sekiranya dituntut oleh pihak yang menuntut hak milik kenderaan motor tersebut seperti mana yang tercatat dalam rekod daftar kenderaan motor tersebut.

- b. Prosedur Pelupusan Kenderaan Motor adalah seperti ditunjukkan di **Carta 4.3**.



Sumber: Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 9 Tahun 2012

- c. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, lima (5) pejabat negeri yang dilawati telah membuat pelupusan secara lelongan awam. Semakan lanjut mendapati Negeri Johor telah membuat pelupusan secara pemberian hadiah sebanyak empat (4) buah kenderaan (scrap) kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, sebuah (scrap) kepada e-Access International College dan sebuah (scrap) kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Tinggi bagi tujuan latihan pegawai bomba dan pembelajaran pelajar. Pemberian secara hadiah ini diluluskan oleh Jawatankuasa Pelelongan Awam Kenderaan Sita seperti dinyatakan dalam surat bertarikh 29 Ogos 2016 dan 13 Disember 2016. Jawatankuasa Pelelongan Awam Kenderaan Sita tersebut dipengerusikan oleh Pengarah JPJ Negeri/Penolong Pengarah dan ahlinya terdiri daripada Ketua Bahagian Penguatkuasa, Penolong Pegawai Tadbir, Akauntan/ Penolong Akauntan dan wakil Bahagian Kejuruteraan Automotif. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati SOP tidak menetapkan pelupusan secara hadiah.

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

JPJ telah menetapkan satu dasar di mana kenderaan-kenderaan yang dilupuskan secara 'hadiah' tidak boleh digunakan semula di atas jalan raya dan kenderaan tersebut hanya digunakan bagi kegunaan pembelajaran atau latihan sahaja seperti mana yang telah ditetapkan di dalam kaedah-kaedah pelupusan dibawah Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. Bagi memastikan perkara ini dipatuhi, setiap kenderaan yang dilupuskan secara 'hadiah' akan disekat urusan (Senarai Hitam) melalui sistem mySIKAP.

d. Penentuan Kaedah Lelongan

- i. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 untuk lima (5) negeri yang dilawati, sejumlah 2,241 buah kenderaan telah dibuat lelongan awam di mana sebanyak 1,324 buah kenderaan boleh dilesenkan, manakala 917 buah kenderaan tidak boleh dilesenkan. Kenderaan yang boleh dilesenkan merupakan kenderaan yang boleh didaftarkan semula dan boleh digunakan di atas jalan raya manakala kenderaan yang tidak boleh dilesenkan adalah kenderaan yang tidak boleh didaftarkan dan tidak boleh digunakan di atas jalan raya seperti kenderaan potong sambung, nombor enjin dan casis yang tidak terang, tidak jelas dan terusik.
- ii. Analisis Audit telah dijalankan terhadap 48 buah motosikal bagi membuat perbandingan kenderaan yang dilelong secara *scrap* oleh JPJ Johor dengan kenderaan yang dilelong secara boleh dilesenkan oleh JPJ Negeri lain (Perak/Negeri Sembilan/Selangor/WP Kuala Lumpur) dengan menggunakan model dan usia kenderaan yang sama. Semakan terhadap buku lelong mendapati, wujud perbezaan yang ketara dari segi harga rizab kenderaan *scrap* iaitu antara RM30 hingga RM50 berbanding harga rizab kenderaan yang boleh dilesenkan iaitu antara RM100 hingga RM1,000.
- iii. Berdasarkan analisis Audit terhadap 48 buah kenderaan tersebut, wujud kerugian hasil yang ketara jika kenderaan dilelong pada harga *scrap* berbanding kenderaan dilelong secara boleh dilesenkan iaitu RM4,719 berbanding RM47,500 (beza RM42,781). Perkara ini adalah disebabkan tiada SOP yang jelas berkaitan penentuan lelongan samada secara *scrap* atau boleh dilesenkan berdasarkan penilaian usia, model dan keadaan fizikal kenderaan. Perbandingan harga kenderaan dilelong secara boleh dilesenkan dan secara *scrap* adalah seperti di **Jadual 4.10**.

JADUAL 4.10
PERBANDINGAN JUALAN SECARA BOLEH DILESENKAN DAN JUALAN SECARA
SCRAP UNTUK MOTOSIKAL JENIS MODEL DAN TAHUN BUATAN YANG SAMA

BIL.	JENIS MODEL DAN BUATAN MOTOSIKAL	TAHUN BUATAN	HARGA SCRAP (JOHOR)		HARGA BOLEH DILESENKAN (PERAK/NEGERI SEMBILAN/ SELANGOR/WPKL)		PERBEZAAN (RM) (a)-(b)
			RIZAB (RM)	BIDAAN (RM) (a)	RIZAB (RM)	BIDAAN (RM) (b)	
1.	Honda C70	1983	30	30	200	750	(720)
2.	Yamaha RXZ	1985	30	269	100	850	(581)
3.	Yamaha RXZ	1986	50	80	700	2,800	(2,720)
4.	Honda C70	1990	30	30	150	600	(570)
5.	Yamaha RXZ	1991	50	50	1,000	3,900	(3,850)
6.	Yamaha Y110	1992	30	72	100	100	(28)
7.	Yamaha RXZ	1992	30	358	1,000	3,900	(3,542)
8.	Honda C100	1992	50	50	150	1,000	(950)
9.	Yamaha RXZ	1993	50	50	1,000	3,550	(3,500)
10.	Yamaha Y100	1993	30	71	100	150	(79)
11.	Yamaha Y110	1993	30	30	100	350	(320)
12.	Suzuki RU110U	1994	50	121	100	400	(279)
13.	Yamaha Y110	1994	30	30	250	500	(470)
14.	Suzuki TXR150	1994	80	71	150	850	(779)
15.	Honda C100	1994	50	50	300	1,350	(1,300)
16.	Suzuki TXR150	1995	50	417	350	800	(383)
17.	Honda C100	1995	50	358	200	650	(292)
18.	Yamaha Y110	1996	50	68	150	450	(382)
19.	Suzuki RU110U	1996	50	50	100	400	(350)
20.	Honda C100	1996	50	80	250	1,500	(1,420)
21.	Yamaha RXZ	1996	50	50	400	3,250	(3,200)
22.	Modenas Kriss AN110FE	1997	50	50	150	400	(350)
23.	Honda C100	1997	50	77	250	1,050	(973)
24.	Suzuki RU110U	1997	50	50	100	500	(450)
25.	Suzuki RU120LU	1997	50	50	50	500	(450)
26.	Modenas Kriss AN110E	1997	50	50	150	450	(400)
27.	Honda NF100M	1998	50	50	200	200	(150)
28.	Modenas Kriss AN110E	1998	50	50	500	950	(900)
29.	Honda C100	1998	50	79	200	650	(571)
30.	Yamaha RXZ	1998	80	80	400	2,650	(2,570)
31.	Modenas Kriss AN110FE	1999	50	121	200	450	(329)
32.	Motorsikal Honda C100	1999	50	80	150	150	(70)
33.	Yamaha SRE K	1999	50	79	650	800	(721)
34.	Honda NF110	1999	50	417	150	800	(383)
35.	Modenas Kriss AN110FE	2000	50	65	200	650	(585)
36.	Honda C100	2000	30	30	200	300	(270)
37.	Modenas Kriss AN110E	2001	50	50	200	650	(600)
38.	Honda C100MT	2001	50	77	250	550	(473)
39.	Modenas Kriss AN110E	2002	50	80	300	950	(870)
40.	Honda C100	2002	50	50	300	1,500	(1,450)
41.	Modenas Kriss AN110E	2003	50	50	300	750	(700)
42.	Honda C1003-MA	2003	50	269	350	350	(81)
43.	Yamaha Y125	2003	50	50	400	2,200	(2,150)
44.	Nitro NX5 Impala	2004	50	77	50	100	(23)
45.	Honda NF1004-MA	2004	80	80	350	450	(370)
46.	Modenas Kriss AN110E	2004	50	71	200	600	(529)
47.	Honda C1004-MA	2005	50	71	400	400	(329)
48.	Honda NF100-MA	2005	80	80	300	400	(320)
JUMLAH			2,340	4,718	13,800	47,500	(42,782)

Sumber: Buku Lelong Pejabat Negeri

- iv. JPJ memaklumkan, penilaian harga dibuat oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif menggunakan format yang disediakan oleh Unit Sita semasa penilaian harga dilakukan di lapangan. Gambar-gambar yang diambil di lapangan dijadikan rujukan sepenuhnya semasa penyediaan laporan penilaian berpandukan kepada garis panduan dari Jabatan Kerja Raya.

e. Tempoh Masa Untuk Urusan Lelongan Kenderaan

- i. Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 9 Tahun 2012, Surat Pemakluman Tuntutan Kenderaan Sita hendaklah dikeluarkan dalam masa 30 hari setelah cukup tempoh tiga (3) bulan penyitaan kenderaan. Sekiranya kenderaan masih tidak dituntut oleh pemunya atau pihak yang menuntut dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat berkenaan, Pengarah JPJ Negeri boleh mengeluarkan surat cadangan lucuthak kepada Majistret. Perenggan 13 Arahan Jabatan Bilangan 9 Tahun 2004 (Prosedur Penyitaan, Pelepasan dan Pelupusan Kenderaan Motor) menetapkan kenderaan motor yang ditahan dan disita tetapi tidak dilepaskan sehingga pada hari tindakan pelupusan dilaksanakan, Pengarah hendaklah seberapa segera yang munasabah melaksanakan tindakan pelupusan.
- ii. Semakan terhadap Buku Lelong di JPJ Johor Bahru mendapati 22 buah kenderaan diambil masa tindakan untuk dilupuskan antara 129 hari hingga 4,024 hari daripada tarikh kelulusan Majistret. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 4.11**.

**JADUAL 4.11
TEMPOH MASA UNTUK DIAMBIL TINDAKAN LELONG**

BIL.	TEMPOH MASA LELONG (Hari)	JUMLAH (Unit)
1.	< 500	10
2.	501 hingga 1,500	2
3.	1,501 hingga 2,001	9
4.	2,001 hingga 4,024	1
JUMLAH		22

Sumber: Fail Lelong JPJ Negeri Johor

- iii. Kelewatan oleh JPJ mengambil tindakan lelong boleh menyebabkan penurunan kepada nilai kenderaan, ruang menjadi padat dan sesak dengan kenderaan yang semakin bertambah seperti **Gambar 4.11** hingga **Gambar 4.16**.

GAMBAR 4.11



JPJ Muar, Johor
- Deretan Motosikal Lusuh Tidak Dilupuskan
(12.09.2017)

GAMBAR 4.12



JPJ Kluang, Johor
- Deretan Kereta yang Lusuh Akibat Terdedah
Kepada Cuaca Panas dan Hujan
(13.09.2017)

GAMBAR 4.13



JPJ Seremban, Negeri Sembilan
- Deretan Motosikal yang Lusuh Akibat Terdedah
Kepada Cuaca Panas dan Hujan
(26.09.2017)

GAMBAR 4.14



JPJ Seremban, Negeri Sembilan
- Deretan Kereta yang Lusuh Akibat Terdedah
Kepada Cuaca Panas dan Hujan
(26.09.2017)

GAMBAR 4.15



JPJ Padang Jawa, Selangor
- Kenderaan Lusuh Akibat Terdedah
Kepada Cuaca Panas dan Hujan
(24.10.2017)

GAMBAR 4.16



JPJ Semenyih, Selangor
- Deretan Kereta yang Lusuh Akibat Terdedah
Kepada Cuaca Panas dan Hujan
(25.10.2017)

f. Proses Penilaian Harga Kenderaan

- i. Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 9 Tahun 2012 menetapkan kenderaan sita yang telah dilucuthak hendaklah disenaraikan dan senarai itu diserahkan kepada Bahagian Kejuruteraan Automotif (KA) untuk penilaian harga rizab kenderaan sebelum ia dilelong. Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 6 Tahun 1991 menyatakan pihak pengurusan hendaklah mengkaji semula sistem dan prosedur kerja untuk mengatasi kelemahan yang menyekat produktiviti dan mempermudah sistem dan prosedur kerja yang sedia ada.

- ii. Semakan Audit terhadap 122 sampel lelong di lima (5) pejabat negeri terpilih bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 mendapati semua kenderaan yang dilelong telah dikemukakan kepada KA untuk mendapatkan penilaian harga rizab. Namun begitu, pihak Audit tidak menjumpai sebarang kertas kerja dan dokumen sokongan bagi mengesahkan harga rizab berkenaan. Temu bual pihak Audit dengan Bahagian KA mendapati penilaian harga rizab dibuat melalui semakan di laman sesawang seperti mudah.com.my dan carlist.com. Selain itu, faktor lain juga diambil kira antaranya seperti kategori kenderaan (mewah/biasa/popular/tidak popular), usia kenderaan, keadaan fizikal kenderaan dan sama ada kenderaan boleh/ tidak boleh dilesenkan.
- iii. Semakan terhadap proses kerja penilaian kenderaan mendapati tiada SOP yang jelas bagi prosedur penilaian kenderaan terutama berkaitan dokumen sokongan yang diperlukan bagi setiap penilaian kenderaan.

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

JPJ sedang meneliti semula prosedur kerja supaya kaedah pengiraan disertakan dalam senarai semak semasa penilaian dilakukan dan sedang dalam tindakan menyiapkan SOP yang khusus berkaitan dengan Tatacara Penentuan Harga Rizab bagi kenderaan-kenderaan lelong.

Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP yang khusus menyebabkan harga rizab yang dinilai tidak disokong dengan justifikasi dan pengiraan yang jelas.

g. Prosedur Selepas Lelongan Secara *Scrap*

- i. Berdasarkan Arahan Jabatan Bilangan 9 Tahun 2004 dan Surat Pekeliling Bahagian Penguatkuasa Bilangan 9 Tahun 2012, objektif penyitaan antara lain adalah untuk mengelak kesalahan dari berlaku secara berterusan. Semakan terhadap senarai di buku lelong bagi tahun 2015 hingga 2017 mendapati sejumlah 917 buah kenderaan telah dilelong secara *scrap* bagi lima (5) buah negeri yang dilawati.
- ii. Semakan lanjut mendapati terdapat perbezaan amalan prosedur selepas lelongan secara *scrap* antara negeri yang dilawati. Semakan di JPJ WP Kuala Lumpur mendapati satu Jawatankuasa Verifikasi Pencuraian *Scrap* telah ditubuhkan bagi memastikan pembida yang berjaya telah mencuraikan kenderaan yang tidak boleh dilesenkan sebelum dibawa keluar dari kawasan JPJ. Ini bagi memastikan kenderaan tersebut tidak digunakan semula di atas jalan raya. Pembida adalah terdiri daripada orang perseorangan, syarikat kenderaan terpakai dan barang

lusuh/*scrap*. Namun begitu amalan pencuraian ini tidak dilaksanakan di empat (4) negeri lain yang dilawati. Ini kerana jawatankuasa ini diwujudkan di atas inisiatif JPJ WP Kuala Lumpur. Bagaimanapun, Terma Rujukan (TOR) jawatankuasa tidak diwujudkan.

- iii. Perbezaan amalan ini adalah disebabkan ketiadaan prosedur yang jelas berkaitan kawalan terhadap kenderaan yang dilelong secara *scrap* bagi mengelakkan risiko kenderaan diguna semula di atas jalan raya.

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

Kawalan sekatan penggunaan terhadap kenderaan yang dilelong secara *scrap* bagi mengelak risiko kenderaan diguna di atas jalan raya dilakukan melalui sistem mySIKAP di mana maklumat pelelongan akan dimasukkan ke dalam sistem mySIKAP sepertimana yang ditetapkan dalam klausa 13.7 di bawah Arahan Jabatan Bilangan 9 Tahun 2004 Prosedur Penyitaan, Pelepasan dan Pelupusan Kenderaan Motor Mengikut Seksyen 64 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Pada pendapat Audit, wujud kelemahan dalam aspek pengurusan pelupusan kenderaan sita akibat dari prosedur yang kurang jelas yang seterusnya boleh memberi kesan kepada kutipan hasil Kerajaan.

4.6.3. Pengurusan Hasil Kutipan Pelupusan Kenderaan

4.6.3.1. 1PP, P.S 1.1, perenggan 1, memberi panduan penggunaan dan penjenisan kod hasil dan perbelanjaan kepada semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan hasil dan perbelanjaan yang diakaunkan adalah betul dan seragam serta menggambarkan kedudukan sebenar di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

4.6.3.2. Sebanyak 29 sesi lelongan telah diadakan oleh lima (5) pejabat negeri yang dilawati bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 dengan kutipan hasil berjumlah RM2.71 juta. Butiran adalah seperti di **Jadual 4.12**.

**JADUAL 4.12
HASIL KUTIPAN LELENG KENDERAAN DI JPJ MENGIKUT NEGERI**

NEGERI	TAHUN			BILANGAN LELENG	JUMLAH (RM)
	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)		
Perak	46,700	42,880	39,380	3	128,960
Johor	37,090	72,580	95,720	6	205,390
Negeri Sembilan	136,700	181,580	131,700	6	449,980
WP Kuala Lumpur	233,400	266,900	141,880	9	642,180
Selangor	617,780	183,950	485,800	5	1,287,530
JUMLAH	1,071,670	747,890	894,480	29	2,714,040

Sumber: Bahagian Kewangan, JPJ Negeri

4.6.3.3. Semakan terhadap terimaan hasil kutipan jualan lelong bagi lima (5) pejabat negeri yang dilawati mendapati hasil lelongan awam telah direkodkan melalui Sistem eTerimaan mengikut penjenisan kod hasil. Semakan lanjut mendapati JPJ telah menggunakan kod hasil 73301 (Jualan Harta Benda Kerajaan) pada tahun 2016 dan 2017 bagi merekod hasil jualan lelong kenderaan sita dan ada menggunakan kod 78702 (Deposit Jualan dan Pelupusan Atas Kenderaan Rampasan), 76102 (Denda-Denda dan Rampasan) dalam tahun 2015. **Jadual 4.13** menunjukkan kod hasil yang digunakan oleh lima (5) pejabat negeri bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.

JADUAL 4.13
KOD HASIL YANG DIGUNAKAN BAGI
MEREKOD HASIL JUALAN LELONG KENDERAAN SITTA

NEGERI	TAHUN		
	2015	2016	2017
Perak	78702	73301	73301
Johor	73301	73301	73301
Negeri Sembilan	78702	73301	73301
WP Kuala Lumpur	73301	73301	73301
Selangor	76102	73301	73301

Sumber: Bahagian Kewangan, JPJ Negeri

4.6.3.4. Ketidakteraturan dalam penggunaan kod hasil yang tepat boleh menyebabkan kekeliruan data kewangan untuk menggambarkan hasil aktiviti sebenar yang berlaku. Bagaimanapun, tindakan pengkelasan kod hasil dan penambah baik telah dibuat oleh JPJ pada 29 Januari 2018.

Pada pendapat Audit, JPJ telah mengambil tindakan yang proaktif untuk menyelaraskan pengkelasan kod hasil bagi setiap negeri.

4.6.4. Pemantauan

4.6.4.1. Bahagian Penguatkuasa adalah bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan memantau aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan untuk mempertingkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan di bawah APJ 1987. Selain itu, Modul Penguatkuasa di bawah sistem mySIKAP merangkumi antaranya aktiviti pelaksanaan operasi, pengurusan notis/saman, urusan kenderaan sita, pendakwaan, pelaporan (Bilangan Kenderaan Sita, Dilepaskan, Bilangan Lelong dan Jumlah Kutipan Lelong) dalam usaha JPJ untuk memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan.

4.6.4.2. Di peringkat Ibu Pejabat, pemantauan dilaksanakan melalui Mesyuarat Pengurusan, Pengurusan Tertinggi dan Bahagian Penguatkuasa. Manakala pemantauan di peringkat negeri pula dilaksanakan melalui beberapa mesyuarat antaranya seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Bahagian Penguatkuasa,

Mesyuarat Bahagian Unit Sita dan Mesyuarat Pelelongan. Namun begitu, mesyuarat Bahagian Penguatkuasa Pejabat Negeri hanya tertumpu pada isu saman, KPI dan lain-lain isu yang bukannya urusan penyitaan.

4.6.4.3. Pelaporan atau retan kemajuan bagi statistik dan maklumat penyitaan, pelepasan dan pelupusan tidak dikemas kini dalam mySIKAP oleh pejabat negeri. Oleh yang demikian, Ibu Pejabat tidak boleh menjana dengan tepat bagi data penyitaan secara keseluruhan untuk tujuan pemantauan.

Maklum balas JPJ yang diterima pada 23 Mac 2018

JPJ sedang mengemas kini dan menambah baik proses pengurusan dan pemantauan kenderaan sita melalui tindakan-tindakan berikut:

- telah menubuhkan *Task Force* untuk meneliti dan mencadangkan Proses Pelupusan Kenderaan Sita JPJ Negeri untuk kelulusan pihak pengurusan dan mendapat pandangan AGC jika perlu;
- melakukan semakan semula dan menambah baik SOP berhubung dengan proses penyitaan, pelepasan dan pelupusan kenderaan sita;
- melakukan pindaan kepada APJ 1987 bagi memastikan isu-isu berhubung dengan penyitaan, pelepasan dan pelupusan kenderaan sita dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- menubuhkan Jawatankuasa Audit Prestasi di Bahagian Penguatkuasa Ibu Pejabat JPJ bagi memantau prestasi dan KPI di Bahagian Penguatkuasa JPJ Negeri yang mana termasuk pengurusan kenderaan sita; dan
- mengadakan latihan semula berhubung dengan pengurusan modul penguatkuasa mySIKAP kepada semua anggota penguatkuasa bermula bulan Mac hingga April 2017.

Apabila semua perkara-perkara di atas telah selesai dilaksanakan, segala kelemahan yang telah dikenal pasti seperti pelaporan yang tidak sama dan rekod yang tidak teratur akan dapat diselesaikan di samping menambah baik pengurusan kenderaan sita di JPJ.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang kurang cekap boleh memberi kesan kepada pencapaian objektif sita secara keseluruhan. Di samping itu, data yang *reliable* adalah diperlukan bagi membantu pemantauan dengan lebih cepat dan berkesan.

4.7. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan sita, adalah disyorkan JPJ mengambil langkah seperti berikut:

4.7.1. mengkaji semula SOP meliputi prosedur lucuthak dan pelelongan kenderaan klon dan penentuan tempoh lelongan selepas keputusan Majistret yang seterusnya melaksanakan aktiviti pelelongan dengan segera di samping menetapkan kaedah pengukuran prestasi yang jelas;

4.7.2. menjalankan siasatan berkaitan pembayaran kontrak pembersihan yang melanggar peraturan kewangan dan mengambil tindakan sewajarnya jika wujud elemen kecuaiian;

4.7.3. menetapkan dan menyeragamkan kaedah pencuraian *scrap* untuk semua negeri untuk mengelakkan risiko kenderaan yang dilelong secara *scrap* digunakan semula; dan

4.7.4. menetapkan mekanisme pemantauan oleh pegawai atasan bagi pengurusan fail penyitaan sehingga kenderaan dilepas atau dilelong bagi mengelakkan isu ketidakpatuhan proses kerja oleh pegawai bertanggungjawab.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

5. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR/JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN - PROJEK KAWALAN KUALITI AIR SUNGAI DI BAWAH KOMPONEN PEMBERSIHAN SUNGAI PROGRAM *RIVER OF LIFE*

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Program *River of Life* (ROL) telah dilancarkan pada bulan Julai 2011 merupakan salah satu *Entry Point* di bawah Program Transformasi Ekonomi bagi “Greater Kuala Lumpur”. Matlamat ROL adalah untuk mengubah kawasan-kawasan tertentu di Kuala Lumpur yang menghadap Sungai Klang agar mempunyai nilai ekonomi dan komersial yang tinggi. ROL melibatkan tiga (3) komponen pembangunan iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Kemajuan Tanah dengan peruntukan berjumlah RM4 bilion.

5.1.2. Komponen Pembersihan Sungai tertumpu di Lembangan Sungai Klang sepanjang 110 km yang terdiri daripada lapan (8) batang anak sungai iaitu Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Bonus, Sungai Ampang, Sungai Kerayong dan Sungai Klang. Objektif utama komponen Pembersihan Sungai adalah untuk meningkatkan kualiti air sungai daripada Kelas III hingga Kelas V pada tahun 2011 kepada Kelas IIB (sesuai untuk sentuhan dan rekreasi) berdasarkan Standard Kualiti Air Kebangsaan menjelang tahun 2020. Namun begitu, pencapaian Kelas IIB bagi ROL adalah dalam kawasan 10.7 km iaitu bermula dari Kolam Puah hingga Mid Valley. Pemantauan terhadap kualiti air sungai pula dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berpandukan kepada Indeks Kualiti Air (IKA) seperti di **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
INDEKS KUALITI AIR

KELAS	JULAT IKA	KLASIFIKASI FUNGSI AIR
I	92.7-100	<ul style="list-style-type: none">• Pemuliharaan alam sekitar semula jadi• Bekalan Air I - Tiada rawatan diperlukan• Perikanan I - Hidupan akuatik yang sangat sensitif
IIA	76.5-92.7	<ul style="list-style-type: none">• Bekalan Air II - Rawatan konvensional diperlukan• Perikanan II - Hidupan akuatik yang sensitif
IIB		<ul style="list-style-type: none">• Kegunaan rekreasi dan sentuhan badan
III	51.9-76.5	<ul style="list-style-type: none">• Bekalan Air III - Rawatan intensif diperlukan• Perikanan III - Biasa, ada nilai ekonomi dan sesuai untuk spesies dengan daya tahan tinggi; minuman ternakan
IV	31.0-51.9	<ul style="list-style-type: none">• Tujuan pengairan sahaja
V	<31.0	<ul style="list-style-type: none">• Tiada seperti di atas

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

5.1.3. Bagi memastikan komponen Pembersihan Sungai mencapai objektif yang ditetapkan, sebanyak 13 *Key Initiatives* (KI) telah dikenal pasti melibatkan secara keseluruhannya 73 pakej kerja yang dilaksanakan secara berperingkat bagi tempoh dari tahun 2011 hingga 2020. Sehingga bulan Oktober 2017, sejumlah RM2.06 bilion telah disalurkan di mana 54 pakej kerja telah disiapkan dengan nilai kontrak berjumlah RM648.03 juta manakala 19 pakej kerja masih di peringkat pelaksanaan. Butiran lanjut 13 KI dan agensi kerajaan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
MAKLUMAT UMUM KEY INITIATIVES DAN AGENSI KERAJAAN YANG TERLIBAT
DI BAWAH KOMPONEN PEMBERSIHAN SUNGAI, ROL

KEY INITIATIVE (KI)	KETERANGAN	AGENSI TERLIBAT
1	Menaik taraf kemudahan pembedungan yang sedia ada adalah inisiatif yang paling berkesan dan penting untuk mengurangkan pencemaran Sungai Klang (Projek Pembedungan).	JPP
2	Loji rawatan kumbahan serantau sedia ada perlu diperluaskan untuk menampung pertumbuhan masa depan (Projek Pembedungan).	JPP
3	Loji rawatan air sisa perlu dipasang di lima (5) pasar basah untuk mengurangkan sampah dan pencemaran (<i>Waste Water Treatment Plant</i>).	DBKL
4	Pemasangan perangkap pencemar kasar tambahan akan meningkatkan keindahan sungai dan kualiti air (<i>Gross Pollutant Trap</i>).	JPS Selangor/ DBKL
5	Menggunakan kolam takungan untuk menyingkirkan bahan pencemar daripada kumbahan dan air basuhan (<i>River Water Treatment Plant</i>).	JPS WPKL
6	Penempatan semula setinggalan akan mengurangkan kumbahan, air basuhan dan sampah di Sungai Klang.	Kerajaan Negeri Selangor/MPAJ
7	Melaksanakan Pelan Induk Parit dan Pengurusan Air Banjir untuk menaik taraf sistem saliran (<i>River Water Treatment Plant</i>).	Ibu Pejabat JPS
8	Kajian hidrologi sistematik dan pemulihan sungai yang diperlukan untuk mengawal aliran.	Ibu Pejabat JPS
9	Menggalakkan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan sungai dan kesihatan - hakisan daripada pembangunan bandar.	Ibu Pejabat JPS
10	Menggalakkan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan sungai dan kesihatan - restoran, bengkel dan kedai komersial yang lain.	JKT
11	Menggalakkan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan sungai dan kesihatan - industri yang menjana air sisa/kumbahan.	JAS
12	Menggalakkan, menguatkuasakan dan menguruskan kebersihan sungai - pelupusan sampah umum.	JPS/JPSPN
13	Sistem <i>Interceptor</i> (<i>Interceptor Plant</i>).	DBKL/JPS

Sumber: Pembentangan *River of Life: River Cleaning*, Jabatan Pengairan dan Saliran

Nota: JPP - Jabatan Perkhidmatan Pembedungan
JPS - Jabatan Pengairan dan Saliran
MPAJ - Majlis Perbandaran Ampang Jaya
JAS - Jabatan Alam Sekitar
JKT - Jabatan Kerajaan Tempatan
JPSPN - Jabatan Perkhidmatan Sisa Pepejal Negara
DBKL - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

5.1.4. Pada tahun 2015, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan terhadap projek pembedungan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pembedungan meliputi KI 1 dan KI 2. Hasil pengauditan ini telah dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1. Pengauditan kali ini pula tertumpu kepada Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang terdiri daripada *Waste Water Treatment Plant* (KI 3), *River Water Treatment Plant* (KI 5 dan KI 7) dan *Interceptor Plant* (KI 13) yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan

JPS melibatkan enam (6) daripada 14 kontrak. Projek *Waste Water Treatment Plant* (WWTP), *River Water Treatment Plant* (RWTP) dan *Interceptor Plant* telah mensasarkan supaya kualiti air efluen yang dirawat oleh loji rawatan berkenaan dapat mencapai Kelas IIB berdasarkan Standard Kualiti Air Kebangsaan. Maklumat kontrak Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang diaudit sehingga bulan Oktober 2017 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

JADUAL 5.3
MAKLUMAT KONTRAK PROJEK KAWALAN KUALITI AIR SUNGAI
YANG DIAUDIT SEHINGGA BULAN OKTOBER 2017

Nama Kontrak	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Klang (Pakej 4)	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Gombak (Pakej 1)	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Kolam Takungan Banjir Benteng (Pakej 1)	Pakej B-Pasar Jalan Klang Lama	Pakej E-Pasar Borong Kuala Lumpur	Cadangan Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pengindahan Untuk Kerja-Kerja di Presint 7
Projek Kawalan Kualiti Air Sungai	<i>River Water Treatment Plant</i>	<i>River Water Treatment Plant</i>	<i>River Water Treatment Plant</i>	<i>Waste Water Treatment Plant</i>	<i>Waste Water Treatment Plant</i>	<i>Interceptor Plant</i>
Key Initiative (KI)	5 & 7	5 & 7	5 & 7	3	3	13
No. Pendaftaran Syarikat (Kontraktor)	317653-X	465866-X	512138-U	833242-U	545593-V	983927-T
Sumber Peruntukan	KWP	KWP	KWP	KWP	KWP	KWP
Pengarah Projek/Pegawai Penguasa	JPS	JPS	JPS	DBKL	DBKL	DBKL
Kos Asal Kontrak (RM Juta)	72.05	29.30	25.84	2.80	7.15	30.00
Perbelanjaan Sehingga Bulan Oktober 2017 (RM Juta)	83.33	34.48	29.47	2.82	7.29	24.74
Jenis Kontrak	Konvensional	Konvensional	Konvensional	Konvensional	Konvensional	Reka dan Bina
Kaedah Perolehan	Tender Terbuka	Tender Terbuka	Tender Terbuka	Tender Terbuka	Tender Terbuka	Perjanjian Tambahan
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	24.08.2011	03.08.2011	24.08.2011	06.07.2012	25.09.2013	19.04.2016 (Tarikh Perjanjian Tambahan)
Tarikh Milik Tapak	22.09.2011	05.09.2011	20.09.2011	25.07.2012	01.11.2013	15.12.2014
Tarikh Siap Asal (Sepatutnya)	21.03.2013	04.03.2013	19.03.2013	09.01.2013	31.10.2014	30.06.2016
Tarikh Siap Semasa (Ikut Kontrak) Sebenarnya	29.07.2014	5.11.2014	19.10.2015	28.06.2013	01.03.2015	31.03.2017
Lanjutan Masa [Extent of Time (EOT)]	4 (493 hari)	3 (611 hari)	8 (944 hari)	2 (170 hari)	1 (92 hari)	1 (274 hari)
Kemajuan Kerja (%)	100	100	100	100	100	100

Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Kawalan Kualiti Air Sungai di bawah komponen Pembersihan Sungai, ROL telah diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang terdiri daripada WWTP, RWTP dan *Interceptor Plant* di bawah komponen Pembersihan Sungai, ROL bagi tempoh dari tahun 2011 hingga bulan Oktober 2017. Pengauditan ini terbahagi kepada dua (2) bidang utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu pencapaian fizikal projek, pencapaian *outcome* dan pencapaian kewangan. Manakala pengurusan projek meliputi empat (4) perkara iaitu pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan bayaran serta kos operasi dan penyenggaraan. Pengauditan telah dijalankan di JPS dan DBKL terhadap enam (6) kontrak (42.8%) bernilai RM167.14 juta daripada 14 kontrak bernilai RM397.95 juta di mana tujuh (7) (53.8%) daripada 13 loji rawatan telah dipilih sebagai sampel pemeriksaan fizikal seperti di **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
SENARAI PROJEK YANG DIPILIH SEBAGAI SAMPEL AUDIT

BIL.	NAMA KONTRAK/LOJI RAWATAN	KOS KONTRAK ASAL (RM Juta)	LOJI RAWATAN YANG DIPILIH UNTUK PEMERIKSAAN FIZIKAL	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.10.2017 (RM Juta)
1.	Pakej B-Pasar Jalan Klang Lama i. WWTP Pasar Jalan Klang Lama	2.80	WWTP Pasar Jalan Klang Lama	2.82
2.	Pakej E-Pasar Borong Kuala Lumpur i. WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur	7.15	WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur	7.29
3.	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Gombak (Pakej 1): i. RWTP Belongkong ii. RWTP Kemuning	29.30	RWTP Belongkong	2.72
4.	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Kolam Takungan Banjir Benteng (Pakej 1) i. RWTP Benteng 1	25.84	RWTP Benteng 1	11.24
5.	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Klang (Pakej 4) i. RWTP Sering ii. RWTP Klang iii. RWTP Gisir iv. RWTP Kemensah	72.05	RWTP Klang	6.51
6.	Cadangan Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pengindahan Untuk Kerja-Kerja di Presint 7 i. <i>Interceptor Plant St Mary Cathedral</i> ii. <i>Interceptor Plant Masjid Jamek</i> iii. <i>Interceptor Plant</i> Bangunan Sultan Abdul Samad iv. <i>Interceptor Plant</i> Pasar Seni	30.00	<i>Interceptor Plant St Mary Cathedral</i>	5.04
			<i>Interceptor Plant</i> Pasar Seni	3.24
JUMLAH		167.14		38.86

Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan, menganalisis data projek serta menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas tujuh (7) loji rawatan. Selain itu, temu bual serta perbincangan dengan pegawai yang berkenaan telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai projek dan isu Audit yang berbangkit.

5.5. RUMUSAN AUDIT

5.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2016 hingga Disember 2017 dan susulan Audit pada bulan Januari 2018 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Projek Kawalan Kualiti Air Sungai

Kesemua Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang dilawati telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa (EOT) yang diluluskan kecuali WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur yang dapat disiapkan dengan dikenakan *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD). Peratus perbelanjaan projek pula adalah selari dengan kemajuan fizikal. Dua (2) *interceptor plant* telah diuruskan dengan berkesan kerana keputusan pensampelan kualiti air efluen telah dapat mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu IKA Kelas IIB manakala pencapaian bagi dua (2) RWTP dan dua (2) WWTP pula tidak konsisten di mana 165 (57.5%) daripada 287 pensampelan kualiti air efluen bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Oktober 2017 tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, operasi RWTP Benteng 1 terpaksa dihentikan pada 29 Oktober 2015 iaitu selepas 10 hari Sijil Siap Kerja (CPC) dikeluarkan dan hanya beroperasi semula pada bulan Oktober 2017. Trend ketidakcapaian IKA Kelas IIB ini boleh menjejaskan pencapaian objektif Komponen Pembersihan Sungai yang mensasarkan peningkatan kualiti air sungai kepada Kelas IIB menjelang tahun 2020 serta pencapaian Program ROL secara keseluruhannya.

b. Pengurusan Projek

Berdasarkan enam (6) kontrak yang disemak di bawah Projek Kawalan Kualiti Air Sungai, pengurusan projek dari aspek perolehan dan pembayaran telah diuruskan dengan berhemat, cekap dan teratur. Bagaimanapun, tahap kecekapan masih boleh dipertingkatkan bagi dua (2) perkara yang lain iaitu pentadbiran kontrak serta kos operasi dan penyenggaraan.

5.5.2. Antara penemuan Audit yang memerlukan perhatian dan tindakan adalah seperti berikut:

- a. perancangan yang kurang teliti menyebabkan 13 permohonan EOT diluluskan antara 45 hingga 356 hari;

- b. permohonan EOT bagi dua (2) kontrak telah diluluskan selepas kontrak tamat menyebabkan *Time at Large*;
- c. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan bagi kontrak WWTP Pasar Jalan Klang Lama telah dikeluarkan sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan; dan
- d. kos operasi bulanan sebenar WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur berbeza dengan ketara iaitu antara 493.1% hingga 835% berbanding anggaran awal perunding.

5.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Kementerian Wilayah Persekutuan telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 5 April 2017 dan perbincangan susulan telah diadakan pada 30 November 2017. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.6.1. Prestasi Projek

5.6.1.1. Pencapaian Fizikal Projek

Setiap projek pembinaan perlu disiapkan mengikut tempoh dan syarat yang telah ditetapkan dalam kontrak. Semakan Audit terhadap enam (6) kontrak bagi Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang terdiri daripada WWTP, RWTP dan *Interceptor Plant* mendapati kesemua projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Sehubungan itu, sebanyak 19 EOT telah diluluskan bagi enam (6) kontrak tersebut melibatkan tempoh antara 92 sehingga 944 hari. Berdasarkan CPC, pihak Audit mendapati kesemua projek telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan kecuali WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur. Tarikh siap dipinda untuk WWTP Pasar Borong adalah pada 31 Januari 2015 dan projek hanya siap pada 1 Mac 2015. *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM40,020 bagi tempoh 1 Februari 2015 hingga 1 Mac 2015 telah dikenakan dan dipotong daripada bayaran kemajuan bilangan 11 dan 12. Butiran lanjut seperti di **Jadual 5.5**.

JADUAL 5.5
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK SEHINGGA 31 OKTOBER 2017

BIL.	NAMA DAN KOS ASAL KONTRAK	TEMPOH KONTRAK ASAL	BUTIRAN EOT			JUMLAH HARI EOT	TARIKH SIAP DIPINDA	TARIKH SIJIL SIAP KERJA
			BIL.	TEMPOH	HARI			
KI3								
1.	WWTP – Pakej B Pasar Jalan Klang Lama - RM2.80 juta	25.07.2012 – 09.01.2013 (24 minggu)	EOT 1	10.01.2013 - 15.04.2103	96	170	28.06.2013	28.06.2013
			EOT 2	16.04.2013 - 28.06.2013	74			
2.	WWTP – Pakej E Pasar Borong Kuala Lumpur - RM7.15 juta	01.11.2013 – 31.10.2014 (52 minggu)	EOT 1	01.11.2014 - 31.01.2015	92	31.01.2015	01.03.2015	
KI 5 & KI 7								
3.	Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Klang (Pakej 4) - RM72.05 juta	22.09.2011 – 21.03.2013 (18 bulan)	EOT 1	22.03.2013 - 31.08.2013	162	493	29.07.2014	29.07.2014
			EOT 2	01.09.2013 - 30.11.2013	91			
			EOT 3	01.12.2013 - 30.04.2014	150			
			EOT 4	01.05.2014 - 29.07.2014	90			

BIL.	NAMA DAN KOS ASAL KONTRAK	TEMPOH KONTRAK ASAL	BUTIRAN EOT			JUMLAH HARI EOT	TARIKH SIAP DIPINDA	TARIKH SIJIL SIAP KERJA
			BIL.	TEMPOH	HARI			
4.	Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Gombak (Pakej 1) - RM29.30 juta	05.09.2011 – 04.03.2013 (18 bulan)	EOT 1	05.03.2013 - 11.10.2013	221	611	05.11.2014	05.11.2014
			EOT 2	12.10.2013 - 08.06.2014	240			
			EOT 3	09.06.2014 - 05.11.2014	150			
5.	Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Kolum Takungan Banjir Benteng (Pakej 1) - RM25.84 juta	20.09.2011 – 19.03.2013 (18 bulan)	EOT 1	20.03.2013 - 10.03.2014	356	944	19.10.2015	19.10.2015
			EOT 2	11.03.2014 - 06.09.2014	180			
			EOT 3	07.09.2014 - 06.11.2014	61			
			EOT 4	07.11.2014 - 21.12.2014	45			
			EOT 5	22.12.2014 - 22.02.2015	63			
			EOT 6	23.02.2015 - 22.05.2015	89			
			EOT 7	23.05.2015 - 20.08.2015	90			
			EOT 8	21.08.2015 - 19.10.2015	60			
KI 13								
6.	Cadangan Kerja Penambahbaikan dan Pengindahan Untuk Kerja-Kerja di Presint 7 - RM30 juta	15.12.2014 – 30.06.2016 (18 bulan)	EOT 1	01.07.2016 - 31.03.2017	274	31.03.2017	31.03.2017	
JUMLAH			19					

Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

Pada pendapat Audit, Projek Kawalan Kualiti Air Sungai telah dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diluluskan kecuali WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur yang disiapkan dengan dikenakan LAD.

5.6.1.2. Pencapaian Outcome

a. Projek WWTP, RWTP dan *Interceptor Plant*

Bagi meningkatkan kualiti air Sungai Klang, JPS dan DBKL telah melaksanakan Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang terdiri daripada WWTP, RWTP dan *Interceptor Plant* dengan tujuan masing-masing untuk merawat air sisa pasar, sebahagian atau keseluruhan air sungai dan air sisa daripada longkang sebelum disalurkan ke dalam sungai. Pemeriksaan Audit ke atas tujuh (7) loji rawatan yang dipilih mendapati enam (6) loji telah beroperasi sejak disiapkan manakala sebuah loji tidak beroperasi. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

i. Kualiti Air Efluen

- Projek Kawalan Kualiti Air Sungai yang terdiri daripada WWTP, RWTP dan *Interceptor Plant* telah mensasarkan supaya kualiti air efluen yang dirawat oleh loji rawatan berkenaan dapat mencapai Kelas IIB berdasarkan Standard Kualiti Air Kebangsaan.
- Enam (6) loji iaitu WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur, WWTP Pasar Jalan Klang Lama, RWTP Belongkong, RWTP Klang, *Interceptor Plant St. Mary Cathedral* dan *Interceptor Plant Pasar Seni* telah beroperasi sepenuhnya dan merekodkan bacaan IKA bagi tempoh dari tahun 2015 hingga bulan Oktober 2017. Keperluan pengambilan

dan pengujian pensampelan kualiti air efluen adalah berbeza bagi setiap loji bergantung kepada peruntukan kewangan yang diterima setiap tahun.


- Analisis Audit terhadap rekod ujian kualiti air efluen mendapati dua (2) *Interceptor Plant* telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu Kelas IIB manakala pencapaian kualiti air efluen bagi empat (4) loji (WWTP dan RWTP) adalah tidak konsisten sepanjang tempoh pensampelan. Secara keseluruhan, 165 (57.5%) daripada 287 pensampelan kualiti air efluen bagi empat (4) loji rawatan berkenaan tidak mencapai Kelas IIB. Kekekapan pensampelan dan pencapaian keputusan ujian pensampelan kualiti air efluen bagi WWTP, RWTP dan *Interceptor Plant* adalah seperti di **Jadual 5.6** manakala bacaan IKA bagi empat (4) loji tersebut yang tidak konsisten adalah seperti **Carta 5.1** hingga **Carta 5.4**.

JADUAL 5.6
PENCAPAIAN KEPUTUSAN UJIAN PENSAMPELAN KUALITI AIR EFLUEN
BAGI WWTP, RWTP DAN INTERCEPTOR PLANT SEHINGGA BULAN OKTOBER 2017

BIL.	NAMA WWTP/RWTP	PENSAMPELAN						
		TEMPOH (BULAN)		KEKERAPAN (KALI/SEBULAN)	KEPUTUSAN UJIAN			
		DARI	HINGGA		JUMLAH	CAPAI	TIDAK CAPAI (%)	
1.	WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur	Mei 2015	Oktober 2017	2	115	22	93 (80.9)	
2.	WWTP Pasar Jalan Klang Lama	Mei 2016		2	72	30	42 (58.3)	
3.	RWTP Belongkong	Mac 2015		1 - 3	47	31	16 (34.0)	
4.	RWTP Klang	Jan. 2015		1 - 3	53	39	14 (26.4)	
				JUMLAH	287	122	165 (57.5%)	
5.	<i>Interceptor Plant St. Mary Cathedral</i>	April 2017			1	7	7	0 / 0
6.	<i>Interceptor Plant Pasar Seni</i>			1	7	7	0 / 0	


Sumber : Kementerian Wilayah Persekutuan

CARTA 5.1
REKOD KUALITI AIR EFLUEN WWTP PASAR BORONG KUALA LUMPUR
BAGI TEMPOH BULAN MEI 2015 HINGGA BULAN OKTOBER 2017




Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

CARTA 5.2
PEMANTAUAN REKOD KUALITI AIR EFLUEN WWTP PASAR JALAN KLANG LAMA
BAGI TEMPOH BULAN MEI 2016 HINGGA BULAN OKTOBER 2017




Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

CARTA 5.3
PEMANTAUAN REKOD KUALITI AIR EFLUEN RWTP BELONGKONG
BAGI TEMPOH DARI MAC 2015 HINGGA BULAN OKTOBER 2017



Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

CARTA 5.4
PEMANTAUAN REKOD KUALITI AIR EFLUEN RWTP KLANG
BAGI TEMPOH DARI JANUARI 2015 HINGGA BULAN OKTOBER 2017



Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

- KWP memaklumkan kualiti air efluen WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur dan WWTP Pasar Jalan Klang Lama tidak dapat mencapai Kelas IIB secara konsisten disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut:
 - pada waktu puncak tertentu, kapasiti influen (air sisa) yang masuk ke loji melebihi kapasiti reka bentuk loji;
 - kepekatan pencemaran (*pollutant load*) yang sentiasa berubah turun dan naik dengan julat perbezaan yang besar; dan
 - bagi WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur, influen yang masuk ke loji bercampur dengan pencemaran luar jangka seperti najis.
- Walaupun CPC telah dikeluarkan tetapi pencapaian kualiti air efluen bagi empat (4) loji rawatan adalah tidak konsisten di mana 57.5% pensampelan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu Kelas IIB menyebabkan objektif pembinaan loji rawatan berkenaan tidak tercapai.

Maklum balas daripada KWP yang diterima pada 23 Februari 2018

KWP memaklumkan perunding telah dilantik melalui Surat Setuju Terima yang bertarikh 29 November 2011 dan Surat Perintah Menjalankan Kerja yang bertarikh 9 Disember 2011. Sehingga *Term of Reference* (TOR) siap disediakan pada bulan Mac 2011, belum ada ketetapan terhadap kualiti air yang telah dirawat oleh WWTP. Oleh itu, *Memorandum of Agreement* antara pihak DBKL dengan perunding hanya menyatakan penetapan keperluan reka bentuk WWTP adalah mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sekiranya DBKL dikehendaki untuk meningkatkan kualiti air efluen kepada Kelas IIB secara konsisten, DBKL akan melantik perunding baru bagi mengkaji penambahbaikan supaya loji tersebut dapat merawat air sisa kepada Kelas IIB. JPS pula dalam proses menyediakan terma rujukan bagi melantik perunding untuk menjalankan *Study on Performance of RWTP for ROL* untuk dilaksanakan pada tahun 2018 tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh KWP.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* projek WWTP dan RWTP boleh dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada isu utama iaitu kapasiti influen (air sisa) yang masuk ke loji melebihi kapasiti reka bentuk loji dan kepekatan pencemaran (*pollutant load*) yang sentiasa berubah turun dan naik dengan julat perbezaan yang besar.

ii. RWTP Benteng 1

- RWTP Benteng 1 yang dibina dengan kos berjumlah RM11.24 juta adalah sebahagian daripada sistem *online retention pond* yang merangkumi tiga (3) komponen iaitu *sediment forebay*, struktur pemisah dan *gabion buffer* untuk merawat air khususnya dari Sungai Jinjang melalui Lencongan Keroh yang mengandungi bahan pencemar yang tinggi dari loji Indah Water Konsortium (IWK). Semakan Audit mendapati CPC telah dikeluarkan pada 19 Oktober 2015. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 3 Ogos 2016 mendapati loji tersebut tidak beroperasi. Menurut JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), loji berkenaan telah beroperasi selepas CPC dikeluarkan, namun operasi loji terpaksa diberhentikan pada 29 Oktober 2015 iaitu selepas sepuluh (10) hari CPC dikeluarkan kerana berlaku mendapan kelodak di *inlet* loji yang menghalang air daripada mengalir masuk ke dalam loji secara graviti. Oleh itu, objektif pembinaan RWTP Benteng 1 tidak dapat dicapai kerana tidak dapat merawat air yang mengandungi bahan pencemar yang tinggi di Sungai Jinjang.
- Bagi mengatasi masalah ini, pihak JPS WPKL telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja mengeluarkan kelodak dan lumpur daripada kolam takungan pada bulan Jun 2017. Kerja telah dapat disiapkan pada 31 Oktober 2017 dan dibayar menggunakan perbelanjaan mengurus berjumlah RM324,000. Berdasarkan Standard Prosedur Tebatan Banjir Kuala Lumpur, kerja penyenggaraan kelodak dan lumpur perlu dilaksanakan secara berkala setiap dua (2) tahun sekali. Namun disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi, pelaksanaan sebenar kerja penyenggaraan hanya dibuat sebanyak dua (2) kali dalam tempoh lima (5) tahun oleh JPS WPKL iaitu pada tahun 2012 dan 2017.
- Lawatan Audit pada 3 Ogos 2016 mendapati Kolam Takungan di RWTP Benteng 1 kotor dan tidak terurus seperti **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**. Lawatan susulan Audit pada 25 Januari 2018 pula menunjukkan loji telah mula beroperasi semula seperti **Gambar 5.3** dan **Gambar 5.4**. Keputusan ujian pensampelan kualiti air efluen RWTP Benteng 1 pada bulan Januari 2018 menunjukkan pematuhan kepada kelas II iaitu dengan nilai IKA 86.8.

GAMBAR 5.1



RWTP Benteng 1
- *Inlet* Dipenuhi Sampah Sarap dan Kelodak
(03.08.2016)

GAMBAR 5.2



RWTP Benteng 1
- Media yang Tidak Digunakan Tidak Dilupuskan Dengan Baik
(03.08.2016)

GAMBAR 5.3



RWTP Benteng 1
- Loji Telah Beroperasi
(28.01.2018)

GAMBAR 5.4



RWTP Benteng 1
- Proses Pengluhan Efluen RWTP Benteng 1
(28.01.2018)

- RWTP Benteng 1 yang telah siap dibina oleh JPS WPKL hendaklah diserahkan kepada Pejabat Lembaga Sungai Klang, JPS (PLSK) untuk melaksanakan kerja pengoperasian dan penyenggaraan. Pihak Audit mendapati JPS WPKL telah menyerahkan RWTP Benteng 1 kepada PLSK pada bulan Ogos 2016 iaitu hampir sepuluh (10) bulan daripada tarikh CPC dikeluarkan. Manual operasi dan penyenggaraan pula telah diserahkan oleh kontraktor kepada PLSK pada 30 Disember 2016. Kelewatan penyerahan ini menyebabkan berlaku dua (2) kes kecurian di loji ini seperti di **Jadual 5.7**.

JADUAL 5.7
MAKLUMAT MENGENAI KECURIAN
YANG BERLAKU DI RWTP BENTENG 1

TARIKH	MAKLUMAT KECURIAN
11 Februari 2016	Set komputer untuk Sistem SCADA
2 Ogos 2016	Kabel elektrik, kabel signal, <i>filter blind plate</i> , <i>pipe line-2</i> unit dan <i>control panel</i>


Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran

Pada pendapat Audit, kelemahan reka bentuk loji yang tidak mengambil kira kadar pemendapan kelodak (*sediment transport*) di Sungai Jinjang menyebabkan Kerajaan terpaksa mengeluarkan kos tambahan berjumlah RM324,000 untuk membolehkan loji ini beroperasi semula.

b. Program River of Life

- i. Komponen Pembersihan Sungai di bawah Program ROL telah menasaskan peningkatan kualiti air sungai daripada Kelas III hingga IV pada tahun 2011 kepada Kelas IIB (sesuai untuk sentuhan dan rekreasi) berdasarkan Standard Kualiti Air Kebangsaan menjelang tahun 2020. Bagi memastikan objektif di atas dapat dicapai, Projek Kawalan Kualiti Air Sungai juga telah menasaskan supaya kualiti air efluen yang dirawat oleh loji berkenaan dapat mencapai Kelas IIB. Selain itu, unjuran sasaran pencapaian IKA tahunan bagi ROL telah disediakan dan bacaan IKA di IK25-Mid Valley, Sungai Klang telah ditetapkan sebagai lokasi pengukuran pencapaian ROL.
- ii. Semakan Audit terhadap bacaan IKA di IK25-Mid Valley, Sungai Klang menunjukkan trend bacaan yang menurun dari tahun 2011 hingga 2014 dan tidak konsisten iaitu menaik dan menurun dari tahun 2015 hingga 2017. Bagaimanapun, dari sudut pencapaian sasaran program pula menunjukkan bacaan sebenar IKA melebihi sasaran pada tahun 2011, 2012, 2013 dan 2015 tetapi tidak dapat mencapai sasaran pada tahun 2014, 2016 dan 2017. Memandangkan sasaran peningkatan kualiti air sungai kepada Kelas IIB menjelang tahun 2020 hanya tinggal tiga (3) tahun, trend bacaan yang menurun ini amat membimbangkan di mana dikhuatiri sasaran tersebut tidak dapat dicapai walaupun 54 daripada 73 pakej kerja di bawah Komponen Pembersihan Sungai berjumlah RM648.03 juta telah disiapkan. Trend pencapaian IKA bagi tahun 2011 hingga bulan Oktober 2017 adalah seperti **Carta 5.5**.

CARTA 5.5
PENCAPAIAN IKA SEBENAR BERBANDING SASARAN
UNTUK PROGRAM ROL TAHUN 2011 HINGGA BULAN OKTOBER 2017



Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

- iii. Pihak Audit juga mendapati penetapan bacaan IKA bagi *baseline* program ROL pada tahun 2011 adalah lebih rendah iaitu 54 (permodelan) berbanding bacaan sebenar 67 (pensampelan sebenar). Menurut KWP, perbezaan yang ketara antara nilai bacaan IKA bagi *baseline* dan sebenar adalah disebabkan oleh penggunaan kaedah yang berbeza. Bacaan *baseline* IKA 54 adalah merujuk Laporan Tahunan JAS WPKL 2008 dan 2009 yang kemudian diselaraskan menggunakan kaedah permodelan kualiti air setelah mengambil kira keadaan *low flow*. Manakala nilai bacaan sebenar IKA 67 pula adalah nilai bacaan sebenar pensampelan yang dijalankan oleh JAS sepanjang tahun 2011 yang dipuratakan tanpa diselaraskan dengan *low flow*. JPS telah mengambil bacaan IKA 54 disebabkan ia memberi gambaran yang lebih tepat untuk dijadikan *baseline* pencapaian kualiti air bagi IK25.

Maklum balas daripada KWP yang diterima pada 5 Januari 2018

Pelaksanaan ROL juga melibatkan komponen bukan struktur yang masih dalam pelaksanaan seperti kajian-kajian (Kajian *Gap Analysis*, Kajian *Total Maximum Daily Load* dan Kajian Keberkesanan RWTP, *Public Outreach Programme* yang dilaksanakan dalam lima (5) fasa bermula 16 Jun 2016 dan dijangka berakhir pada tahun 2020 dan penguatkuasaan. Penguatkuasaan meliputi:

- i. pembangunan di sekitar sungai yang tidak terkawal;
- ii. pemindahan setinggan di Kampung Puah, IKS AU3 dan Kampung Fajar;
- iii. penternakan lembu di sepanjang 10.7 km sungai di Kuala Lumpur;
- iv. perkhidmatan tandas bergerak; dan
- v. pewujudan garis panduan penguatkuasaan sungai.

Pada pendapat Audit, trend bacaan IKA yang menurun serta tidak konsisten dan tidak mencapai sasaran pada tahun 2014, 2016 dan 2017 adalah membimbangkan kerana dikhuatiri boleh menjejaskan pencapaian *outcome* Program ROL memandangkan tempoh yang ditetapkan tinggal tiga (3) tahun lagi iaitu pada tahun 2020.

5.6.1.3. Pencapaian Kewangan

Semakan Audit terhadap pencapaian kewangan mendapati empat (4) daripada enam (6) kontrak yang dipilih telah dibelanjakan sepenuhnya. Kontrak untuk Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Kolam Takungan Banjir Benteng (Pakej 1) menunjukkan perbelanjaan 98.6% sehingga bulan Oktober 2017 kerana bayaran muktamad sedang dalam proses semakan KWP. Manakala perbelanjaan bagi kerja-kerja Penambahbaikan dan Pengindahan di Presint 7 (*Interceptor*) pula menunjukkan pencapaian kewangan 82.5% berdasarkan

tuntutan semasa pihak kontraktor. KWP memaklumkan bayaran muktamad akan diselesaikan setelah tamat tempoh tanggungan kecacatan pada 31 Mac 2019. Butiran pencapaian kewangan bagi kontrak yang diaudit sehingga bulan Oktober 2017 adalah seperti di **Jadual 5.8**.

JADUAL 5.8
PENCAPAIAN KEWANGAN BAGI KONTRAK
YANG DIAUDIT SEHINGGA BULAN OKTOBER 2017

KI	NAMA KONTRAK	KOS KONTRAK (RM Juta)	KOS PERUBAHAN KERJA (RM Juta)	KOS KONTRAK DIPINDA (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR SEHINGGA BULAN OKTOBER 2017	
					(RM Juta)	(%)
3	Pakej B - Pasar Jalan Klang Lama	2.80	0.02	2.82	2.82	100
3	Pakej E - Pasar Borong Kuala Lumpur	7.15	0.14	7.29	7.29	100
5 & 7	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Gombak (Pakej 1)	29.30	5.18	34.48	34.48	100
5 & 7	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Kolam Takungan Banjir Benteng (Pakej 1)	25.84	4.06	29.90	29.47	98.6
5 & 7	Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Klang (Pakej 4)	72.05	11.28	83.33	83.33	100
13	Cadangan Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pengindahan Untuk Kerja-Kerja di Presint 7	30.00	-	30.00	24.74	82.5

Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

Pada pendapat Audit, pencapaian kewangan projek adalah selari dengan kemajuan fizikal.

5.6.2. Pengurusan Projek

Pengurusan projek dinilai berdasarkan empat (4) perkara iaitu pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan bayaran serta kos operasi dan penyenggaraan. Aspek perolehan dan pembayaran telah diuruskan dengan cekap dan teratur. Bagaimanapun, tahap kecekapan bagi dua (2) perkara masih perlu dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada perkara yang dibangkitkan seperti berikut:

5.6.2.1. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak meliputi elemen seperti dokumen kontrak, pemberian lanjutan masa, bon pelaksanaan dan polisi insuran, perubahan kerja serta pengeluaran CPC dan Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD). Semakan Audit mendapati dokumen kontrak, bon pelaksanaan dan polisi insuran, perubahan kerja serta pengeluaran CPC telah diuruskan dengan teratur. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pemberian EOT dan pengeluaran CMGD seperti berikut:

a. Kelulusan EOT

- i. Klausula 43 perjanjian menetapkan apabila jelas berlaku kelewatan dalam kemajuan kerja, pihak kontraktor boleh memohon EOT untuk menyiapkan kerja tersebut. Apabila kontrak telah tamat tempoh, Pegawai Penguasa perlu mengeluarkan sama ada Perakuan Kerja Tidak Siap (*Certificate of Non-Completion* [CNC]) berserta Kadar Ganti Rugi Tertentu (*Liquidated and Ascertained Damages* [LAD]), CPC atau EOT.
- ii. Semakan Audit mendapati 19 lanjutan masa melibatkan tempoh antara 92 hingga 944 hari telah diluluskan untuk enam (6) kontrak yang dipilih sebagai sampel Audit. Semakan selanjutnya mendapati perancangan yang kurang teliti bagi empat (4) kontrak telah menyebabkan 13 permohonan EOT diluluskan melibatkan tempoh antara 45 hingga 356 hari. Kelemahan ini termasuklah perubahan lokasi dan reka bentuk, kelewatan bekalan air dan tenaga serta halangan pihak ketiga seperti setinggan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.9**.

JADUAL 5.9
SIJIL LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

NAMA DAN NILAI KONTRAK	SEBAB KELEWATAN	TEMPOH	BIL. HARI	JUMLAH LANJUTAN MASA (Hari)	PENDAPAT AUDIT
Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Klang (Pakej 4) (RM72.05 Juta)	EOT 1 Kelewatan pembinaan kuarters disebabkan kelulusan EPU dan perubahan lokasi. Perubahan lokasi dan reka bentuk bagi empat (4) RWTP.	22.03.2013 – 31.08.2013	163	495	Kelulusan EOT adalah berdasarkan syarat-syarat kontrak. Bagaimanapun, kelemahan di peringkat perancangan menyebabkan permohonan EOT 1, 2 dan 3 diluluskan.
	EOT 2 Kelewatan menerima bekalan elektrik TNB dan kelewatan bekalan air daripada SYABAS.	01.09.2013 – 30.11.2013	91		
	EOT 3 Kelewatan menerima bekalan elektrik TNB dan kelewatan bekalan air daripada SYABAS.	01.12.2013 – 30.04.2014	151		
	EOT 4 Kelewatan menerima bekalan daripada Telekom Malaysia Berhad untuk sistem SCADA. Kelewatan menerima bekalan elektrik TNB dan kelewatan bekalan air daripada SYABAS.	01.05.2014 – 29.07.2014	90		
Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Sungai Gombak (Pakej 1) (RM29.30 Juta)	EOT 1 Halangan di tapak seperti setinggan dan bengkel.	05.03.2013 – 11.10.2013	221	611	Kelulusan EOT adalah berdasarkan syarat-syarat kontrak. Bagaimanapun, kelemahan di peringkat perancangan menyebabkan permohonan EOT 1 dan 3 diluluskan.
	EOT 2 Perubahan kerja disebabkan pembinaan RWTP outlet di Sg. Kemuning.	12.10.2013 – 08.06.2014	240		
	EOT 3 Halangan penduduk mengakibatkan kelewatan kerja pembinaan RWTP Sungai Kemuning.	09.06.2014 – 05.11.2014	150		

NAMA DAN NILAI KONTRAK	SEBAB KELEWATAN	TEMPOH	BIL. HARI	JUMLAH LANJUTAN MASA (Hari)	PENDAPAT AUDIT
Kerja-Kerja Meningkatkan Kuantiti dan Kualiti Kolam Takungan Banjir Benteng (Pakej 1) (RM25.84 Juta)	EOT 1 Kerja-kerja terhenti menunggu kelulusan permit daripada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Kerja-kerja tambahan.	20.03.2013 – 10.03.2014	356	944	Permohonan EOT 1-8 adalah berdasarkan syarat-syarat kontrak. Bagaimanapun, kelemahan di peringkat perancangan menyebabkan permohonan EOT 1, 2 dan 4 hingga 8 diluluskan.
	EOT 2 Perubahan lukisan pembinaan <i>Hybrid River Water Purification Plant</i> .	11.03.2014 – 06.09.2014	180		
	EOT 3 Kerja-kerja pengorekan semula kolam sedia ada. Perubahan saiz <i>loading</i> bagi kerja-kerja M/E dan kelulusan main <i>switch board</i> .	07.09.2014 – 06.11.2014	61		
	EOT 4 Kelewatan menerima bekalan elektrik daripada TNB.	07.11.2014 – 21.12.2014	45		
	EOT 5 Kelewatan menerima bekalan elektrik daripada TNB.	22.12.2014 – 22.02.2015	63		
	EOT 6 Kelewatan menerima bekalan elektrik daripada TNB.	23.02.2015 – 22.05.2015	89		
	EOT 7 Kelewatan menerima bekalan elektrik daripada TNB. Kelewatan menerima permit lori angkut daripada DBKL.	23.05.2015 – 20.08.2015	90		
	EOT 8 Kelewatan menerima bekalan elektrik daripada TNB. Kerosakan pada barangan M/E akibat banjir.	21.08.2015 – 19.10.2015	60		
Cadangan Kerja-Kerja Penambah-baik dan Pengindahan Untuk Kerja-Kerja di Presint 7 (RM30.00 Juta)	EOT 1 i. Perubahan kelulusan tapak daripada Prasarana. ii. Penemuan paip SYABAS semasa kerja pengorekan. iii. Pertindihan kerja <i>sewer pipe diversion</i> dengan pemasangan paip HDPE. iv. Perubahan lokasi <i>Pumping Station No.3</i> kerana penemuan paip Syabas. v. Perubahan lokasi kerana melibatkan pengalihan kabel TNB. vi. Perubahan lokasi <i>Pumping Station No.3</i> terpaksa dilakukan sekali lagi kerana penemuan paip Syabas di lokasi yang baru. vii. Penanaman cerucuk telah terkena paip Syabas. viii. Pengalihan kabel TNB perlu dilakukan. ix. <i>Pilot trenching</i> perlu dilakukan bagi memastikan kedudukan paip Syabas. x. Akses yang terhad semasa penyenggaraan Prasarana.	01.07.2016 – 31.03.2017	274	274	Kelulusan EOT adalah berdasarkan syarat-syarat kontrak.

NAMA DAN NILAI KONTRAK	SEBAB KELEWATAN	TEMPOH	BIL. HARI	JUMLAH LANJUTAN MASA (Hari)	PENDAPAT AUDIT
WWTP – Pakej B Pasar Jalan Klang Lama (RM 2.80 Juta)	EOT 1 <ul style="list-style-type: none"> Halangan memulakan kerja di tapak. Merekabentuk semula cerucuk. Kerja penambahbaikan saluran paip dan <i>main switch board</i>. 	10.01.2013 – 15.04.2103	96	170	Kelulusan EOT adalah berdasarkan syarat-syarat kontrak. Bagaimanapun, kelemahan di peringkat perancangan menyebabkan permohonan EOT 1 diluluskan.
	EOT 2 Pemasangan <i>perforated screen, chequer plate, rotameter, inline flow meter</i> dan pemasangan dinding bata for <i>Roll-On Roll-Off (RORO)</i> bin. Kelewatan disebabkan pembinaan <i>sump</i> di tempat sembelihan ayam - 8 unit.	16.04.2013 – 28.06.2013	74		
WWTP – Pakej E Pasar Borong Kuala Lumpur (RM 7.15 Juta)	EOT 1 Kerja kerja membina <i>concrete plinth, epoxy coating, konkrit coping, programmable logic controller (PLC)</i> untuk mekanikal, pemasangan <i>Rain Water Down Pipe</i> dan <i>anti climb fencing</i> .	01.11.2014 – 31.01.2015	92	92	Kelulusan EOT adalah berdasarkan syarat-syarat kontrak.

Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

Maklum balas daripada KWP yang diterima pada 10 April 2017

Agensi pelaksana hanya mempunyai sumber data dan maklumat yang terhad semasa peringkat awal perancangan dan atas keperluan mendesak untuk memulakan projek menyebabkan penelitian keperluan peringkat perancangan projek tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Bagaimanapun, perancangan telah dijalankan sebaik mungkin bagi memastikan projek siap dalam tempoh yang ditetapkan.

- iii. Semakan Audit mendapati tempoh pelaksanaan kerja bagi WWTP Pasar Jalan Klang Lama berjumlah RM2.82 juta telah tamat pada 9 Januari 2013 dan CPC telah dikeluarkan pada 28 Jun 2013. Bagaimanapun, dalam tempoh tersebut, tiada EOT atau CNC dikeluarkan kepada kontraktor dan ini menyebabkan berlakunya *time at large*.
- iv. Menurut DBKL, kontraktor telah mengemukakan permohonan untuk EOT 1 pada 4 Januari 2013 iaitu sebelum kontrak tamat. Bagaimanapun, perunding telah mengembalikan permohonan tersebut kepada kontraktor kerana tidak lengkap. Kontraktor telah mengemukakan kembali permohonan EOT 1 yang lengkap pada 10 Mei 2013 dan diluluskan pada 17 Oktober 2013. Permohonan EOT 2 pula telah dikemukakan oleh kontraktor pada 7 Januari 2014 dan diluluskan pada 24 Februari 2014. Tindakan DBKL untuk meluluskan EOT selepas kontrak tamat menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terpelihara. Maklumat lanjutan masa WWTP Pasar Jalan Klang Lama adalah seperti di **Jadual 5.10**.

JADUAL 5.10
MAKLUMAT LANJUTAN MASA (EOT) WWTP PASAR JALAN KLANG LAMA

TEMPOH ASAL KONTRAK	EOT BIL.	TEMPOH	TARIKH				
			CPC DIKELUARKAN	PERMOHONAN OLEH KONTRAKTOR	PENILAIAN PERMOHONAN OLEH PERUNDING	PENGESYORAN OLEH J/KUASA ARAHAN PERUBAHAN DAN LANJUTAN MASA	KELULUSAN OLEH LEMBAGA PEROLEHAN
25.07.2012 Hingga 09.01.2013	1	10.01.2013 – 15.04.2013	28.06.2013	10.05.2013	23.05.2013	03.07.2013	17.10.2013
	2	16.04.2013 – 28.06.2013		07.01.2014	20.01.2014	28.01.2014	24.02.2014

Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Maklum balas daripada KWP yang diterima pada 10 April 2017

DBKL telah membuat penambahbaikan dengan mengeluarkan arahan yang berkuat kuasa serta merta bertarikh 31 Mac 2017 supaya semua permohonan lanjutan masa (EOT) mesti dibuat selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum projek tamat bagi membolehkan kelulusan diperolehi sebelum tarikh tamat. Semua pegawai projek juga diarahkan mengeluarkan CNC selepas tarikh tamat projek jika kelulusan EOT tidak diperolehi.

- v. Tempoh siap asal bagi projek Cadangan Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pengindahan Untuk Kerja-Kerja di Presint 7 adalah dari 15 Disember 2014 hingga 15 Februari 2016. JPS sebagai wakil Pegawai Penguasa telah mengeluarkan empat (4) pengesyoran kepada DBKL sebagai Pegawai Penguasa untuk mengeluarkan EOT seperti di **Jadual 5.11**.

JADUAL 5.11
TARIKH PERMOHONAN, PENGESYORAN DAN KELULUSAN EOT

EOT BIL.	TARIKH PERMOHONAN EOT OLEH KONTRAKTOR	PENGESYORAN EOT OLEH JPS				KELULUSAN EOT OLEH DBKL
		TARIKH	TEMPOH		BILANGAN (Hari)	
			DARI	HINGGA		
1	29.01.2016	04.03.2016	16.02.2016	30.06.2016	136	Diliputi Tempoh Kontrak
2	02.06.2016	30.06.2016	01.07.2016	30.09.2016	92	EOT 1 : 01.07.2016 – 31.03.2017 (274 hari)
3	23.09.2016	28.09.2016	01.10.2016	15.01.2017	107	
4	25.01.2017	27.01.2017	16.01.2017	31.03.2017	75	

Sumber: Kementerian Wilayah Persekutuan

- vi. Semakan Audit mendapati tempoh asal projek ini telah dipinda dari 15 Disember 2014 hingga 15 Februari 2016 kepada 15 Disember 2014 hingga 30 Jun 2016. Ini kerana, *Supplemental Agreement* telah lewat ditandatangani iaitu pada 19 April 2016. Sehubungan itu, permohonan untuk EOT 1 yang dikemukakan oleh kontraktor pada 29 Januari 2016

selama 136 hari meliputi tempoh 16 Februari 2016 hingga 30 Jun 2016 telah diambil kira sebagai sebahagian tempoh kontrak. Semakan Audit selanjutnya mendapati CPC bertarikh 31 Mac 2017 telah dikeluarkan pada 21 Februari 2018 manakala Sijil Lanjutan Masa bagi permohonan EOT 2 hingga 4 selama 274 hari iaitu dari 1 Julai 2016 hingga 31 Mac 2017 dikeluarkan pada 28 Februari 2018. Dengan tempoh kontrak asal yang telah tamat pada 30 Jun 2016 dan kelewatan kelulusan EOT dan CNC yang hanya dikeluarkan pada Februari 2018, menyebabkan berlakunya *time at large*.

b. Pengeluaran Perakuan Siap Membaiki Kecacatan Tidak Teratur bagi Projek WWTP Pasar Jalan Klang Lama

- i. Klausula 48.4 syarat kontrak menetapkan Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (*Certificate of Making Good Defect [CMGD]*) hanya boleh dikeluarkan setelah selesai tempoh tanggungan kecacatan. DBKL telah melantik perunding untuk Cadangan Pembinaan WWTP di Lima (5) Buah Pasar Basah di Kuala Lumpur bagi tempoh 9 Disember 2011 hingga 8 Jun 2013 dengan kos berjumlah RM920,530. Semakan Audit mendapati perakuan CPC bagi projek WWTP Pasar Jalan Klang Lama berjumlah RM2.82 juta telah dikeluarkan pada 28 Jun 2013. Bagaimanapun, CMGD telah dikeluarkan pada 17 April 2014 selepas menerima surat sokongan daripada perunding yang dilantik oleh DBKL bertarikh 16 April 2014 iaitu dua (2) bulan lebih awal sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan pada 28 Jun 2014.
- ii. DBKL memaklumkan CMGD telah ditandatangani oleh Pengarah Jabatan pada 4 Februari 2016 dengan tarikh surat CMGD ditarikh belakang pada 17 April 2014 di mana berlaku kesilapan semasa menulis tarikh pada surat CMGD. Kelewatan mengeluarkan CMGD menyebabkan DBKL terdedah kepada risiko tindakan perundangan oleh pihak kontraktor sekiranya kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan dengan sempurna dalam tempoh tanggungan kecacatan.

Maklum balas KWP yang diterima pada 10 April 2017

DBKL telah mengeluarkan memo supaya CMGD bagi projek dikeluarkan sebaik sahaja tempoh tanggungan kecacatan tamat.

Pada pendapat Audit, kelemahan di peringkat perancangan projek telah menyebabkan dua (2) EOT terpaksa diluluskan. Selain itu, kelulusan EOT selepas tarikh siap kerja mengakibatkan *time at large* dan tidak menjamin kepentingan Kerajaan.

5.6.2.2. Kos Operasi WWTP

- a. Klausa 1.1(a)(vii), *Memorandum of Agreement* (MOA) menetapkan bahawa pihak perunding perlu mempamerkan beberapa alternatif bagi membolehkan Datuk Bandar DBKL membuat justifikasi berhubung pemilihan teknologi dan juga kos terlibat. Laporan rekabentuk untuk WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur yang dikeluarkan oleh pihak perunding telah mencadangkan supaya proses *Membrane Bio-Reactor* (MBR) dipilih berbanding *Sequencing Batch Reactor* (SBR) berdasarkan beberapa faktor seperti di **Jadual 5.12**.

JADUAL 5.12
PERBANDINGAN DAN PENGESYORAN OLEH PERUNDING
DARI FINAL DESIGN REPORT WWTP PASAR BORONG KUALA LUMPUR

SKOP	PILIHAN 1	PILIHAN 2
<i>Main Process</i>	Proses SBR	Proses MBR
<i>Effluent Standard</i>	<i>Influent Standard</i>	<i>Class IIB</i>
<i>Footprint</i>	12m (W) x 14m (L)	8.9m(W) x 10.4m (L)
<i>Capital Expenditure (RM)</i>	4,082,000	1,970,000
<i>Operational Expenditure Yearly (RM)</i>	212,000	141,600
<i>Net Present Value (NPV) for 30-years (RM)</i>	6,876,200	4,294,614
<i>Recommendation</i>	-	<i>Recommended</i>

Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- b. Berdasarkan jadual di atas, anggaran kos operasi WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur adalah sebanyak RM141,600 setahun atau RM11,800 sebulan sekiranya menggunakan proses MBR. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kos operasi bulanan sebenar yang ditanggung oleh DBKL setelah WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur siap dibina adalah berbeza dengan ketara berbanding kos operasi yang dianggarkan oleh pihak perunding. Perbezaan yang ketara ini telah menyebabkan perunding mendapat teguran daripada Kementerian Wilayah Persekutuan. Perbezaan kos diperincikan seperti di **Jadual 5.13**.

JADUAL 5.13
PERBANDINGAN KOS SEBENAR OPERASI YANG DIANGGARKAN
OLEH PERUNDING DENGAN KOS SEBENAR YANG DITANGGUNG OLEH DBKL
DARI BULAN MEI 2016 HINGGA OKTOBER 2017

BULAN	KOS BULANAN				PERBEZAAN	
	OPERASI (TETAP) (a) (RM)	SERVIS (BERUBAH) (b) (RM)	JUMLAH KOS (c) = (a) + (b) (RM)	ANGGARAN (d) (RM)	(RM) (e)=(c-d)	(%)
Mei 2016	42,500.00	27,489.00	69,989.00	11,800.00	58,189.00	493.1
Jun 2016	42,500.00	35,122.00	77,622.00	11,800.00	65,822.00	557.8
Julai 2016	42,500.00	46,172.00	88,672.00	11,800.00	76,872.25	651.5
Ogos 2016	42,500.00	60,197.00	102,697.00	11,800.00	90,897.25	770.0
September 2016	42,500.00	57,413.25	99,913.25	11,800.00	88,113.25	747.0
Oktober 2016	42,500.00	67,672.75	110,172.75	11,800.00	98,372.75	834.0

BULAN	KOS BULANAN				PERBEZAAN	
	OPERASI (TETAP) (a) (RM)	SERVIS (BERUBAH) (b) (RM)	JUMLAH KOS (c) = (a) + (b) (RM)	ANGGARAN (d) (RM)	(RM) (e)=(c-d)	(%)
November 2016	42,500.00	57,154.00	99,654.00	11,800.00	87,854.00	745.0
Disember 2016	42,500.00	57,154.00	99,654.00	11,800.00	87,854.00	745.0
Januari 2017	42,500.00	57,260.25	99,760.25	11,800.00	87,960.25	745.0
Februari 2017	42,500.00	57,260.25	99,760.25	11,800.00	87,960.25	745.0
Mac 2017	42,500.00	57,260.25	99,760.25	11,800.00	87,960.25	745.0
April 2017	42,500.00	67,779.00	110,279.00	11,800.00	98,479.00	835.0
Mei 2017	42,500.00	56,584.50	99,084.50	11,800.00	87,284.50	740.0
Jun 2017	42,500.00	56,584.50	99,084.50	11,800.00	87,284.50	740.0
Julai 2017	42,500.00	56,584.50	99,084.50	11,800.00	87,284.50	740.0
Ogos 2017	42,500.00	56,584.50	99,084.50	11,800.00	87,284.50	740.0
September 2017	42,500.00	56,584.50	99,084.50	11,800.00	87,284.50	740.0
Oktober 2017	42,500.00	67,103.25	109,603.25	11,800.00	97,803.25	823.0

Sumber: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- c. Jadual di atas menunjukkan perbezaan kos operasi antara 493.1% hingga 835% bagi tempoh bulan Mei 2016 hingga Oktober 2017. Ini menunjukkan kajian perunding terhadap anggaran kos pengoperasian jauh berbeza berbanding kos operasi sebenar. Selain itu, perbezaan kos operasi bulanan ini pula menunjukkan trend yang meningkat dari semasa ke semasa.
- d. DBKL memaklumkan jumlah mendapan (*sludge*) yang meningkat pada setiap bulan memerlukan kekerapan kerja-kerja pembersihan yang telah menyebabkan kos servis bertambah. Sebagai contoh, kos servis pada bulan Mei 2016 berjumlah RM27,489 telah meningkat sebanyak RM32,708 (119%) pada bulan Ogos 2016 menjadi RM60,197. Selain itu, kos operasi dan penyenggaraan akan terus meningkat disebabkan oleh faktor usia di mana MBR perlu diganti baru setiap lima (5) tahun dan ini melibatkan kos yang amat tinggi.
- e. Walaupun bayaran perkhidmatan perunding telah dijelaskan oleh DBKL, kecuaiannya dalam menetapkan anggaran kos operasi berdasarkan loji dengan *footprint* yang lebih kecil berbanding *footprint* sebenar WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur menyebabkan DBKL terpaksa menanggung kos operasi yang lebih tinggi.

Maklum balas daripada KWP yang diterima pada 5 Februari 2018

Anggaran kos operasi untuk WWTP Pasar Borong Kuala Lumpur yang disediakan oleh perunding adalah berdasarkan kepada loji dengan *footprint* 8.9m x 10.4m (keluasan 92.56m³) dianggarkan memerlukan kos operasi sebanyak RM141,600 setahun atau RM1,529.82 setahun bagi setiap

meter persegi. Berdasarkan kiraan daripada DBKL, kos anggaran operasi loji di Pasar Borong Kuala Lumpur yang berukuran 16.3m x 35.4m (keluasan lantai 577.02m²) adalah sepatutnya RM882,736.73 setahun atau RM73,561.40 sebulan dan bukannya RM11,800.00 sebulan. Ini merupakan kecuaihan dari pihak perunding dan pihak DBKL telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab yang bertarikh 13.02.2018 kepada perunding kerana telah memberikan maklumat kos anggaran operasi yang tidak tepat kepada DBKL.

Pada pendapat Audit, tindakan DBKL mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab kepada perunding adalah tepat bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

5.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

- 5.7.1. JPS dan DBKL hendaklah menjalankan kajian terperinci terhadap semua loji rawatan bagi memastikan kualiti efluen loji-loji berkenaan dapat mencapai piawaian yang ditetapkan;
- 5.7.2. perancangan projek yang teliti perlu dibuat oleh JPS dan DBKL bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- 5.7.3. DBKL hendaklah mengkaji semula prosedur kerja yang tidak bersesuaian dengan peraturan dan memastikan syarat kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan; dan
- 5.7.4. DBKL hendaklah menyenaraihitamkan perunding yang tidak melaksanakan obligasi yang disyaratkan dalam terma rujukan pelantikan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA/ JABATAN KERJA RAYA

6. PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL ALOR GAJAH, MELAKA

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Projek pembinaan Hospital Alor Gajah, Melaka (HAG), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Hospital ini yang terletak di Jalan Paya Datuk, Alor Gajah, Melaka dibina bagi menggantikan Hospital Alor Gajah sedia ada yang telah beroperasi melebihi 100 tahun iaitu sejak tahun 1906 yang mana kini telah diambil alih oleh Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Objektif pembinaan HAG adalah untuk memberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada penduduk setempat serta keselesaan tempat bekerja dan kediaman kepada kakitangan hospital.

6.1.2. Kementerian Kewangan (MoF) telah meluluskan pelaksanaan projek ini secara reka dan bina. Kontrak ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya melalui rundingan terus. Butiran lanjut mengenai projek ini adalah seperti di **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
BUTIRAN PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL ALOR GAJAH

PERKARA	BUTIRAN
Nombor Kontrak	JKR/IP/CKUB/124/2008
Skop Projek	Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan, Menguji Terima, Mentauliahkan dan Menyenggara Hospital Alor Gajah, Melaka (78 katil)
Agensi Pemilik	Kementerian Kesihatan Malaysia
Agensi Pelaksana	Jabatan Kerja Raya
Jenis Perolehan	Rundingan Terus
Kaedah Pelaksanaan	Reka dan Bina
Siling Harga Projek	RM110.10 Juta
Harga Kontrak Asal	RM110.00 Juta
Harga Kontrak Semasa	RM110.14 Juta
Tarikh Surat Setuju Terima	1 Ogos 2008
Tarikh Milik Tapak	5 September 2008
Tarikh Kontrak Ditandatangani	19 Disember 2008
Tempoh Kontrak	5 September 2008 hingga 4 September 2011 (36 bulan)
Tarikh Siap Kontrak (Asal)	4 September 2011
Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (Hari)	210 hari (5 September 2011 hingga 1 April 2012)
Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan	RM1.48 Juta (73 hari [2 April 2012 hingga 13 Jun 2012] x RM20,339 sehari)
Tarikh Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC)	21 Januari 2012
Tarikh Siap Kontrak (CPC)	14 Jun 2012
Tempoh Tanggungan Kecacatan	15 Jun 2012 hingga 14 Jun 2014 (24 bulan)
Tarikh Serah Bangunan	3 Disember 2012
Tarikh Operasi	18 Februari 2013

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR

Nota: CPC - *Certificate of Practical Completion*

CCC - *Certificate of Completion and Compliance*

6.1.3. Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya terhadap reka bentuk, pembinaan, pengawasan, pengujian dan pentauliahan, penyiapan serta penyenggaraan sebagaimana yang diperuntukkan dalam syarat kontrak. Kontraktor juga adalah bertanggungjawab ke atas perunding yang dilantik dan dikehendaki memastikan perunding yang dilantik berkecukupan dan kompeten untuk memenuhi kehendak Kerajaan. Lapan (8) perunding pelbagai bidang (arkitek, sivil dan struktur, mekanikal dan elektrik, juruukur bahan, perancang perubatan, reka bentuk dalaman, arkitek landskap dan pemeriksa bebas) telah dilantik untuk membantu dalam pelaksanaan projek.

6.1.4. Pemilik projek ini adalah KKM dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana. Pengarah Projek ialah Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan Hospital Alor Gajah, Melaka telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu pencapaian output projek, pencapaian *outcome* projek dan prestasi kewangan. Manakala pengurusan projek pula meliputi tiga (3) perkara iaitu perolehan projek, pentadbiran kontrak dan pasca kontrak. Pengauditan dijalankan di KKM (Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan), JKR (Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan serta Cawangan Kerja Kesihatan) dan HAG.

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen serta menganalisis data yang berkaitan dengan projek pembinaan HAG. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual bersama pegawai yang terlibat juga telah diadakan.

6.5. RUMUSAN AUDIT

6.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2016 hingga Julai 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Projek

Projek pembinaan HAG telah disiapkan pada 14 Jun 2012 dan memulakan operasinya pada 18 Februari 2013. Pertambahan bilangan katil daripada 29 kepada 78 di hospital baharu telah membolehkan bilangan pesakit dalam

yang mendapatkan rawatan di HAG meningkat seramai 11,019 (94.9%) daripada 11,615 bagi tempoh dari tahun 2009 hingga 2012 kepada 22,634 bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2016. HAG baharu juga telah memberikan perkhidmatan kesihatan pakar kepada 25,098 pesakit sekitar daerah Alor Gajah dengan bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan pakar menunjukkan trend meningkat setiap tahun iaitu daripada 3,403 pesakit pada tahun 2013 menjadi 9,589 pada tahun 2016. Ini menunjukkan dana awam yang dilabur untuk pembinaan HAG telah memberikan manfaat kepada penduduk sekitar. Bagaimanapun, sejak HAG mula beroperasi sehingga 18 September 2017, dewan bedah tidak dapat berfungsi kerana bacaan tahap kebisingan yang tidak menepati piawaian dan kerosakan berulang terhadap sistem pendingin hawa dan *Building Supervisory System*. Keadaan ini mengakibatkan salah satu fungsi penting hospital iaitu perkhidmatan pembedahan tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun tersebut.

b. Pengurusan Projek

Pengurusan projek HAG dari aspek perolehan serta pengendalian dokumen kontrak, bon pelaksanaan dan penyerahan insuran telah mematuhi peraturan ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek pasca kontrak yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini.

6.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diambil perhatian oleh pihak JKR dan KKM adalah seperti berikut:

- a. Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad masih belum disediakan;
- b. Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan *Certificate of Making Good Defect* (CMGD) tidak dapat dikeluarkan berikutan terdapat kerja pembaikan kecacatan yang belum selesai;
- c. jumlah kecacatan yang dilaporkan dan masih belum dibaiki adalah 1,936 terdiri daripada 242 kecacatan *major* dan 1,694 kecacatan *minor*;
- d. Perakuan Siap dan Pematuhan dikeluarkan sebelum surat pelepasan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diperolehi;
- e. set pam *duty* dan pam *standby* tidak dilengkapi kuasa pendua;
- f. lokasi *inspection chamber* kumbahan di laluan klinikal dewan bersalin didapati tidak sesuai;
- g. sebanyak 25 (52.1%) daripada 48 *As-Built Drawings* dan 25 (62.5%) daripada 40 Manual Operasi tidak diserahkan;
- h. *Planned Preventive Maintenance* tidak dilaksanakan secara menyeluruh di mana empat (4) komponen sistem tidak disenggara manakala sembilan (9) komponen sistem disenggara antara 16.7% hingga 91.7%; dan
- i. sebanyak 29 peralatan perubatan bernilai RM1.58 juta di dewan bedah dan di Unit Rehabilitasi tidak digunakan.

6.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas KKM dan JKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 28 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.6.1. Prestasi Projek

6.6.1.1. Pencapaian *Output* Projek

- a. Mengikut syarat kontrak, projek pembinaan HAG ini perlu disiapkan oleh kontraktor pada 4 September 2011 iaitu dalam tempoh 36 bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 5 September 2008.
- b. Semakan Audit mendapati projek ini tidak dapat disiapkan pada 4 September 2011. Sungguhpun dua (2) Perakuan Lanjutan Masa [*Extention of Time* (EOT)] selama 210 hari telah diluluskan, namun kontraktor masih tidak dapat menyiapkan projek pada tarikh siap semasa iaitu 1 April 2012. Projek ini telah disiapkan pada 14 Jun 2012. Ini menyebabkan kontraktor telah dikenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan [*Liquidated Ascertained and Damages* (LAD)] berjumlah RM1.48 juta (73 hari x RM20,339 sehari) mulai 2 April 2012 hingga 14 Jun 2012. Bagaimanapun, MoF pada 26 Mac 2013 telah meluluskan rayuan kontraktor untuk mengecualikan LAD sebanyak RM0.74 juta (50%). Antara alasan yang dikemukakan kontraktor ialah kelewatan melaksanakan pengujian dan pentauliahan oleh Unit Elektrik JKR pada 12 dan 13 Jun 2012. Bayaran balik LAD ini kepada kontraktor telah dibuat melalui bayaran interim ke-45 bertarikh 14 Mei 2013.
- c. Projek ini telah diserahkan kepada KKM pada 3 Disember 2012 walaupun CPC diperakukan pada 6 Ogos 2012 dan hospital mula beroperasi pada 18 Februari 2013. Sungguhpun kontraktor telah memenuhi keperluan kontrak dalam penyiapan projek tetapi dewan bedah masih belum boleh berfungsi kerana bacaan tahap kebisingan tidak menepati piawaian yang ditetapkan dalam *Needs Statement* dan mengalami kerosakan berulang akibat daripada kegagalan kontraktor membuat penyenggaraan berkala terhadap sistem pendingin hawa dan *Building Supervisory System*. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:
 - i. Berdasarkan Klausula 4.6 (*Noise and Vibration Control*) *Needs Statement Mechanical* JKR, bacaan tahap kebisingan di dewan bedah yang ditetapkan adalah antara 30 hingga 35dBA. Bacaan ini dirujuk berdasarkan piawaian *World Health Organization* yang menetapkan bacaan tahap kebisingan pada 30dBA. Semakan Audit mendapati semasa penyerahan projek, bacaan tahap kebisingan di dewan bedah adalah 47.2dBA iaitu melebihi bacaan yang ditetapkan. Pada 22 Januari 2013, setelah kerja penambahbaikan dilaksanakan, bacaan tahap kebisingan masih tidak mencapai bacaan yang ditetapkan iaitu 38.4dBA.

- ii. Selain itu, terdapat kerosakan berulang pada *Building Supervisory System* dan masalah ventilasi bilik bedah yang disebabkan kebocoran *ducting* pendingin hawa. Walaupun pembaikan telah dibuat namun *Swab and Culture Test* (ujian julat suhu dan *humidity* serta mengesan kehadiran bakteria dan kulat) pertama dan kedua yang dijalankan masing-masing pada 15 Mei 2014 dan 21 September 2015 masih menunjukkan kehadiran bakteria dan kulat.
- d. Pemeriksaan Audit pada 28 Julai 2017, mendapati dewan bedah tidak dapat berfungsi sejak penyerahan projek menyebabkan perkhidmatan pembedahan tidak dapat dilaksanakan dan peralatan dewan bedah berjumlah RM1.39 juta tidak dapat digunakan seperti **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**. Bagaimanapun, pembaikan di dewan bedah telah diselesaikan oleh kontraktor pihak ketiga pada 27 Julai 2017.

GAMBAR 6.1



Bilik Bedah
- Bilik Bedah Tidak Beroperasi
(28.07.2017)

GAMBAR 6.2



Dewan Bedah
- Peralatan yang Tidak Digunakan
(28.07.2017)

Maklum balas KKM yang diterima pada 4 Januari 2018

Dewan bedah mula beroperasi pada 18 September 2017 dan sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 57 kes pembedahan telah dijalankan.

Maklum balas JKR yang diterima pada 8 Mei 2018

Pada 13 September 2017, JKR telah mengadakan mesyuarat semakan spesifikasi bacaan tahap kebisingan dan ventilasi bilik bedah hospital Kerajaan. Hasil semakan tersebut, JKR mendapati bacaan tahap kebisingan di tiga hospital lain adalah antara 37.9 hingga 64.4dBA. Mesyuarat tersebut memutuskan tahap kebisingan yang wajar adalah antara 40 hingga 50dBA. Perkara ini ditetapkan berdasarkan piawaian antarabangsa iaitu *Heating, Ventilating and Air-Conditioning (HVAC) Design Manual for Hospitals and Clinics (Second Edition)* yang dikeluarkan oleh *American Society of Heating, Refrigerating and Air-Conditioning Engineers 2013 (ASHRAE 2013)* pada 40dBA dan *Ventilation in Healthcare Premises Design Considerations Health Technical Memorandum 2025* yang dikeluarkan oleh *Department of Health, United Kingdom* pada 50dBA. Penambahbaikan ini telah dibuat terhadap *Needs Statement Mechanical*

JKR berkuat kuasa selepas bulan September 2017 bagi projek hospital yang masih di dalam pembinaan dan projek yang akan ditender. Spesifikasi kadar bunyi terkini bagi dewan bedah ini telah dimaklumkan kepada KKM pada 2 Mac 2018.


Pada pendapat Audit, projek ini telah berjaya disiapkan walaupun mengalami kelewatan selama 73 hari dan dewan bedah hanya mula beroperasi selepas lebih empat (4) tahun projek diserahkan.

6.6.1.2. Pencapaian *Outcome* Projek

- a. Projek pembinaan HAG bertujuan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk sekitar Alor Gajah. Hospital lama tidak dapat menampung keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk Alor Gajah yang berjumlah 190,000 orang. Selain itu, pembinaan institusi pendidikan tinggi di daerah Alor Gajah seperti Kolej Tinggi Islam Melaka, Kolej Komuniti Masjid Tanah dan Kolej Yayasan Alor Gajah juga menyebabkan peningkatan terhadap keperluan perkhidmatan kesihatan. Keperluan hospital baharu juga adalah disebabkan hospital lama telah berusia melebihi 100 tahun dan tidak ekonomi untuk dinaik taraf.
- b. HAG baharu telah menyediakan kemudahan kesihatan, perkhidmatan perubatan dan kemudahan fasiliti yang lebih baik kepada penduduk setempat dan kakitangan berbanding hospital lama. HAG lama berkapasiti 29 katil iaitu 10 katil di wad lelaki, 10 katil di wad wanita dan sembilan (9) katil di wad bersalin serta menyediakan perkhidmatan pesakit luar merangkumi kecemasan, klinik pakar dan klinik pesakit luar, pesakit dalam, wad bersalin, makmal, farmasi, x-ray dan hemodialisis.
- c. HAG baharu berkapasiti 78 katil dan berkemampuan untuk dinaiktaraf kepada 108 katil pada masa hadapan (28 katil di wad lelaki, 30 katil di wad wanita dan 20 katil di wad bersalin). Selain daripada perkhidmatan sedia ada, HAG baharu juga menyediakan perkhidmatan tambahan seperti dewan bedah, unit forensik, tabung darah, stor perubatan, unit rekod perubatan, rehabilitasi, perkhidmatan pegawai khidmat sosial dan bilik seminar. Hospital ini juga merupakan satu-satunya hospital yang dilengkapi pendingin hawa di semua wad. Di samping itu, HAG juga menyediakan kemudahan tambahan seperti bilik doktor, *on-call rooms*, surau, empat (4) unit kuarters kelas D, empat (4) unit kuarters kelas F, 12 unit kuarters kelas G dan asrama jururawat. Skop pembinaan HAG juga termasuk dengan penyediaan peralatan perubatan dan bukan perubatan, perabot serta kenderaan yang terdiri daripada sebuah van, sebuah bas, dua (2) buah ambulans dan dua (2) buah kenderaan jenazah.

- d. Analisis Audit mendapati dengan penambahan bilangan katil daripada 29 kepada 78 di hospital baharu, bilangan pesakit dalam telah meningkat seramai 11,019 (94.9%) daripada 11,615 bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 kepada 22,634 bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 (**Carta 6.1**). Hospital baharu menyediakan 10 disiplin kepakaran berbanding empat (4) disiplin kepakaran di hospital lama dan telah memberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan pakar kepada lebih ramai pesakit. Bilangan pesakit yang mendapat perkhidmatan kepakaran meningkat seramai 17,851 (246.3%) daripada 7,247 bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 kepada 25,098 bagi tempoh tahun 2013 hingga 2016 seperti di **Jadual 6.2**.

CARTA 6.1
KEDATANGAN PESAKIT DALAM BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2016



Sumber: Hospital Alor Gajah, Melaka

JADUAL 6.2
JUMLAH KEDATANGAN PESAKIT UNTUK PERKHIDMATAN PAKAR
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA 2016

KATEGORI PESAKIT MENGIKUT DISIPLIN PERKHIDMATAN PAKAR	TAHUN									
	HOSPITAL LAMA					HOSPITAL BAHARU				
	2009	2010	2011	2012	JUMLAH	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
<i>Medical</i>	202	388	901	1,434	2,925	1,526	1,903	2,596	2,958	8,983
<i>Orthopaedic</i>	788	704	777	1,033	3,302	1,374	1,705	2,050	3,118	8,247
<i>Obstetrics and Gynaecology</i>	443	55	105	276	879	313	229	388	477	1,407
<i>Paediatrics</i>	-	-	30	111	141	190	246	229	295	960
<i>Surgical</i>	-	-	-	-	-	-	134	494	635	1,263
<i>Psychiatric</i>	-	-	-	-	-	-	107	246	301	654

KATEGORI PESAKIT MENGIKUT DISIPLIN PERKHIDMATAN PAKAR	TAHUN									
	HOSPITAL LAMA					HOSPITAL BAHARU				
	2009	2010	2011	2012	JUMLAH	2013	2014	2015	2016	JUMLAH
<i>Ophthalmology</i>	-	-	-	-	-	-	76	156	195	427
<i>Dermatology</i>	-	-	-	-	-	-	185	345	402	932
<i>Otorhinolaryngology</i>	-	-	-	-	-	-	252	567	973	1,792
<i>Rehabilitation</i>	-	-	-	-	-	-	-	198	235	433
JUMLAH	1,433	1,147	1,813	2,854	7,247	3,403	4,837	7,269	9,589	25,098

Sumber: Hospital Alor Gajah, Melaka

Pada pendapat Audit, projek ini telah memberi kemudahan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada penduduk setempat serta keselesaan tempat bekerja dan kediaman kepada kakitangan hospital. Ini menunjukkan dana awam yang dilabur telah memberikan manfaat kepada penduduk sekitar.

6.6.1.3. Prestasi Kewangan

- Mengikut surat MoF bertarikh 18 Jun 2008 dan dokumen kontrak yang ditandatangani, harga kontrak bagi projek pembinaan HAG adalah berjumlah RM110 juta. Selain itu, mengikut Klausula 27 kontrak, perubahan harga kontrak, Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) boleh dilaksanakan dengan kelulusan Pengarah Projek.
- Berbanding dengan siling harga projek berjumlah RM110.10 juta, harga kontrak asal dan harga kontrak semasa projek ini masing-masing berjumlah RM110 juta dan RM110.14 juta. Perbelanjaan sehingga akhir bulan Julai 2017 adalah berjumlah RM106.42 juta (96.6%). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.3**.

JADUAL 6.3
SILING HARGA PROJEK, HARGA KONTRAK ASAL, HARGA KONTRAK SEMASA DAN PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL ALOR GAJAH SEHINGGA BULAN JULAI 2017

SILING HARGA PROJEK (RM Juta)	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	HARGA KONTRAK SEMASA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
110.10	110.00	110.14	106.42	96.6

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR

- Semakan Audit mendapati harga kontrak semasa berjumlah RM110.14 juta meningkat sejumlah RM135,218 daripada harga kontrak asal RM110 juta. Harga kontrak semasa ini dilaraskan dengan mengambil kira tiga (3) APK dan satu (1) PHK masing-masing melibatkan pengurangan berjumlah RM283,008 dan penambahan berjumlah RM418,226. Kelulusan APK dan PHK mematuhi syarat-syarat kontrak yang ditetapkan. Selain itu, adalah

didapati harga kontrak semasa ini telah melebihi daripada siling harga projek RM110.10 juta. JKR akan membuat pelarasan semasa menyediakan Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.4
ARAHAN PERUBAHAN KERJA DAN PELARASAN HARGA KONTRAK
PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL ALOR GAJAH

NO.	PERKARA	TARIKH	HARGA [TAMBAH/ (KURANG)] (RM)
HARGA KONTRAK ASAL			110,000,000
ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)			
1	<i>Change of Foundation System from Piling to Raft Foundation (Omit Section 2: Piling Works and a Portion of Section 3: Building Works As Per Contract Sum Analysis in Contract No. JKR/IP/CKUB/124/2008 and Addition of Footing & Raft Foundation Works)</i>	19.01.2011	(466,467)
2	Penyediaan Pelan <i>Utility Detection and Mapping</i> oleh Panel yang Dilantik Bahagian Koridor Infrastruktur dan Impak Sosial Kerajaan Negeri Melaka iaitu Syarikat Prisma Makmur Sdn. Bhd. untuk mendapatkan kelulusan pelan	10.03.2014	58,900
3	Pembayaran untuk <i>Capital Contribution</i> kepada Syarikat Air Melaka dan Telekom Malaysia	10.03.2014	124,559
PELARASAN HARGA KONTRAK (PHK)			
1	Bayaran <i>Ex-Gratia</i> kepada kontraktor bagi Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan Lanjutan Masa No. 1 dan No. 2 [Kelulusan Kementerian Kewangan Bertarikh 16 April 2014]	18.07.2014	418,226
HARGA KONTRAK DILARASKAN			110,135,218

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR

Nota: Harga Kontrak Semasa akan diselaraskan untuk tidak melebihi Siling Harga Kontrak semasa penyediaan Penyata Akaun Akhir

- d. Sehingga bulan Julai 2017, bayaran berjumlah RM106.42 juta (96.6%) telah dibuat dan semakan Audit mendapati bayaran yang dibuat adalah teratur. Bagaimanapun, setelah mengambil kira pelarasan 50% Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM2.75 juta, kos kerja kontraktor pihak ketiga yang belum dijelaskan berjumlah RM3.21 juta dan penalti kepada kontraktor asal (10% daripada kos kerja kontraktor pihak ketiga) berjumlah RM320,521, baki harga kontrak adalah berjumlah RM2.94 juta seperti di **Jadual 6.5**.

JADUAL 6.5
BAKI HARGA KONTRAK SEHINGGA AKHIR BULAN JULAI 2017

BUTIRAN	RM Juta	RM Juta
Harga Kontrak Dilaraskan	110.14	
Bayaran Projek	106.42	
Baki Harga Kontrak		3.72
Baki Wang Jaminan Pelaksanaan		2.75
Jumlah Baki Harga Kontrak dan Wang Jaminan Pelaksanaan		6.47
Jumlah Tanggungan Kontraktor Pihak Ketiga	3.21	
Penalti Kepada Kontraktor Asal (10% <i>on-cost charges</i>)	0.32	
Jumlah Tanggungan Keseluruhan		(3.53)
BAKI BERSIH HARGA KONTRAK		2.94

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, JKR

- e. Sehingga tarikh pengauditan, Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad masih tidak dapat disediakan walaupun projek telah diserahkan kepada KKM sejak lima (5) tahun yang lepas. Ini adalah kerana Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (CMGD) tidak dapat dikeluarkan berikutan terdapat kerja pembaikan kecacatan yang belum selesai.

Maklum balas JKR yang diterima pada 8 Mei 2018

Sehingga akhir bulan April 2018, kos kerja kontraktor pihak ketiga yang perlu dijelaskan dan penalti kepada kontraktor asal (10% daripada kos kerja kontraktor pihak ketiga) masing-masing berjumlah RM4.97 juta dan RM0.49 juta menjadikan baki harga kontrak RM1.01 juta.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan projek ini boleh dimuktamadkan dengan memastikan kerja pembaikan kecacatan diselesaikan segera. Ini bertujuan membolehkan Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad dapat disediakan memandangkan projek ini telah diserahkan kepada KKM sejak lima (5) tahun yang lepas.

6.6.2. Pengurusan Projek

6.6.2.1. Pelantikan Kontraktor

MoF melalui surat bertarikh 18 Oktober 2006 telah memutuskan supaya projek pembinaan HAG dilaksanakan secara reka dan bina manakala pelantikan kontraktor dibuat secara rundingan terus tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Semakan Audit mendapati JKR dan kontraktor telah mencapai persetujuan rundingan harga projek berjumlah RM110 juta. Pada 18 Jun 2008, MoF telah bersetuju meluluskan harga rundingan projek RM110 juta dengan tempoh penyediaan selama 36 bulan. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 1 Ogos 2008.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor telah dilaksanakan selaras dengan prosedur rundingan terus yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

6.6.2.2. Pentadbiran Kontrak - Dokumen Kontrak, Bon Pelaksanaan dan Polisi Insuran

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 berkaitan Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerajaan menetapkan agensi dikehendaki mengambil perhatian terhadap pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan serta melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak mendapati perkara berikut:

- a. 1PP-PK 4 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin dan selewat-lewatnya empat (4) bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Dokumen kontrak telah disediakan dengan lengkap dan ditandatangani pada 19 Disember 2008 selepas SST dikeluarkan pada 1 Ogos 2008 dan telah disetujui terima oleh kontraktor pada 8 Ogos 2008.
- b. Perenggan 3 dan 5 SST mensyaratkan kontraktor mengemukakan bon pelaksanaan bernilai 5% daripada harga kontrak iaitu RM5.50 juta. Pada 26 September 2008, kontraktor telah memilih Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) yang mana potongan sebanyak 10% daripada bayaran interim kepada kontraktor telah mencapai jumlah yang ditetapkan pada 23 November 2010.
- c. Kontraktor telah mengemukakan Polisi Insurans Liabiliti Awam dan Tanggungan Kerja pada 5 September 2008 selaras dengan perenggan 4 SST. Tempoh perlindungan bermula 5 September 2008 hingga 4 September 2011 dan kemudiannya dilanjutkan sehingga 2 Jun 2014.
- d. Klausa 45, syarat kontrak menetapkan asas permohonan dan kelulusan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa [*Extention of Time (EOT)*] yang dibenarkan antaranya disebabkan oleh kelewatan yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan dengan syarat ia tidak disebabkan oleh apa-apa perbuatan kecuai atau kemungkiran di pihak kontraktor. Semakan Audit mendapati JKR telah meluluskan dua (2) EOT bagi kerja bangunan berjumlah 210 hari. EOT yang diluluskan adalah disebabkan permintaan daripada KKM untuk menambah keperluan sistem gas perubatan (140 hari) dan kerja penyambungan *signal cable* sistem pencegah kebakaran dari *sub fire alarm panel* asrama jururawat ke *main fire alarm panel* di blok hospital bagi memenuhi keperluan kebombaian (70 hari).

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak telah diuruskan dengan cekap selaras dengan peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

6.6.2.3. Perakuan Siap Kerja Serta Perakuan Siap dan Pematuhan

- a. Perkara 11.8, Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka dan Bina menyatakan sebelum *Certificate of Practical Completion (CPC)* dikeluarkan, Pengarah Projek hendaklah berpuas hati terhadap hasil kerja yang disiapkan berdasarkan beberapa kriteria antaranya memenuhi fungsi yang ditetapkan, berfungsi dengan selamat dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- b. Perkara 26, Buku Panduan Pelaksanaan Kaedah Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan oleh Para Profesional yang dikeluarkan oleh

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menyatakan *Principal Submitting Person* (PSP) boleh mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC-Borang F) apabila Borang G1 hingga G21 berkenaan perakuan berperingkat telah diperoleh antaranya daripada Tenaga Nasional Berhad, Pihak Berkuasa Air serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). CCC tidak boleh dikeluarkan sehingga semua keperluan yang dinyatakan dalam Borang G1 hingga G21 telah dipatuhi sepenuhnya. Manakala Lembaga Arkitek Malaysia melalui Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2008 bertarikh 21 Januari 2008 menyatakan pengeluaran CCC yang tidak teratur merupakan satu kesalahan serius.

- c. Bagi projek ini, CPC yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek adalah berdasarkan kepada pengesahan Perakuan Siap Kerja Projek yang dikeluarkan oleh kontraktor pada 13 Jun 2012 serta CCC yang dikeluarkan oleh perunding pada 21 Januari 2012. Semakan Audit mendapati pengeluaran CCC adalah seperti berikut:
 - i. perakuan Berperingkat Menentang Kebakaran Pasif (Borang G8) dan Aktif (Borang G9) perlu disertakan dengan surat pelepasan daripada JBPM. Oleh itu, pemeriksaan JBPM telah diadakan pada 16 Disember 2011 dan laporan telah dikeluarkan pada 20 Disember 2011. Berdasarkan laporan tersebut, JBPM menyatakan surat pelepasan tidak dikeluarkan kerana terdapat keperluan yang belum dipatuhi (antaranya *signal cable* sistem pencegah kebakaran belum disambung dari *sub fire alarm panel* asrama jururawat ke *main fire alarm panel* di blok hospital serta sistem genset belum berfungsi) dan memerlukan pemeriksaan semula oleh JPBM; dan
 - ii. pemeriksaan oleh JBPM kali kedua telah diadakan pada 5 Mac 2012 dan surat pelepasan telah dikeluarkan pada 14 Mac 2012. Bagaimanapun, surat pelepasan JBPM yang bertarikh 14 Mac 2012 telah dipinda kepada 14 Januari 2012 bagi membolehkan Borang G8 dan G9 diperakukan dan seterusnya CCC dikeluarkan pada 21 Januari 2012. Perkara ini merupakan ketidakpatuhan di bawah Subseksyen 70(27) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu ketidakselarasan pengeluaran CCC yang menggunakan perisytiharan, perakuan atau representasi palsu/dipinda.
- d. Bagaimanapun, CPC yang dikeluarkan pada 14 Jun 2012 adalah tidak terjejas disebabkan pada tarikh tersebut surat pelepasan daripada JBPM telah diperoleh. Maklum balas daripada JKR juga menyatakan pengeluaran CPC oleh Pengarah Projek pada masa tersebut adalah bersandarkan kepada *face value* dokumen yang dikemukakan oleh PSP.

Pada pendapat Audit, sungguhpun Perakuan Siap Kerja (CPC) yang dikeluarkan adalah sah, namun pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang tidak teratur memberi risiko terhadap keselamatan bangunan, khususnya dari aspek keselamatan kebakaran.

6.6.2.4. Pasca Kontrak

Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka dan Bina yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKR pada 5 Mac 2007, pasca kontrak bermula daripada penyerahan projek sehingga Perakuan Muktamad dikeluarkan. Dalam tempoh tersebut, Pengarah Projek bertanggungjawab memantau kerja pembaikan kecacatan yang terkandung dalam Senarai Kecacatan (*Defects List*) dan kecacatan lain yang ditemui semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP), kerja penyenggaraan (*Planned Preventive Maintenance and Breakdown Maintenance*) dan mengurus aduan pelanggan. Selepas DLP tamat dan segala syarat yang ditetapkan dalam kontrak dipenuhi, Pengarah Projek perlu mengeluarkan Sijil Siap Memperbaiki Kecacatan (CMGD) serta menyediakan Penyata Akaun Akhir dan Perakuan Muktamad. Semakan Audit terhadap syarat kontrak mendapati beberapa perkara yang masih belum diselesaikan selepas projek diserahkan sehingga tarikh pengauditan pada bulan Julai 2017 adalah seperti berikut:

a. Kerja Pembaikan Kecacatan

- i. Merujuk kepada Klausula 48 syarat kontrak, kontraktor bertanggungjawab membaiki kecacatan yang ditemui semasa DLP disebabkan oleh bahan atau mutu kerja yang tidak menepati kontrak dengan menggunakan perbelanjaannya sendiri. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan dalam tempoh yang munasabah tetapi hendaklah tidak melewati tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh Jadual Akhir Kecacatan dikemukakan iaitu 28 hari selepas tarikh DLP tamat. Sekiranya kontraktor asal gagal memperbaiki kecacatan, Pengarah Projek boleh melantik kontraktor pihak ketiga untuk melaksanakan kerja memperbaiki kecacatan tersebut. Bagi kerja-kerja pembaikan kecacatan yang dilaksanakan kontraktor pihak ketiga, semua kos dengan tambahan caj 10% (*on-cost charges*) hendaklah ditanggung oleh kontraktor asal. Pengarah Projek boleh menolak kos tersebut daripada baki harga kontrak dan sekiranya tidak mencukupi, Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) boleh digunakan.
- ii. Semakan Audit telah dibuat terhadap status pembaikan kecacatan antara bulan Jun 2012 hingga Julai 2017 dan hasil analisis Audit diringkaskan seperti di **Jadual 6.6**.

JADUAL 6.6
KEDUDUKAN ANALISIS STATUS PEMBAIKAN KECACATAN
ANTARA BULAN JUN 2012 HINGGA JULAI 2017

PERINGKAT / TARIKH	SENARAI AWAL KECACATAN (a)		ADUAN KECACATAN SEMASA (b)		PEMBAIKAN KECACATAN SEMASA (c)		BAKI KECACATAN SEMASA (d)=(a)+(b)-(c)		
	MAJOR	MINOR	MAJOR	MINOR	MAJOR	MINOR	MAJOR	MINOR	JUMLAH
Sebelum CPC (04.06.2012)	135	3,051	0	0	135	1,930	0	1,121	1,121
Semasa Penyerahan Projek (03.12.2012)	0	1,121	0	0	0	462	0	659	659
Semasa Tamat DLP (14.06.2014)	0	659	176	945	0	0	176	1,604	1,780
Pada Tarikh Pengauditan (27.07.2017)	176	1,604	398	495	332	405	242	1,694	1,936

Sumber: Laporan Senarai Kecacatan, Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR

Nota: Mengikut Klausa 15.1(b) *Standard Form of Building Contract by Kuala Lumpur Regional Center of Arbitration*, kecacatan *minor* adalah kecacatan yang tidak menghalang atau menjejaskan secara keseluruhan kefungsiannya dan kebolegunaan sesuatu operasi atau kerja. Manakala kecacatan *major* adalah kecacatan yang menjejaskan kefungsiannya dan kebolegunaan sesuatu operasi atau kerja.

iii. Berdasarkan jadual di atas, hasil analisis Audit mendapati sebelum CPC dikeluarkan, kontraktor telah melaksanakan kerja pembaikan kecacatan. Bagaimanapun, selepas bangunan diserahkan sehingga tamat DLP, kontraktor tidak melaksanakan kerja pembaikan kecacatan menyebabkan bilangan kecacatan meningkat dengan pertambahan kecacatan semasa. Keterangan adalah seperti berikut:

- Mengikut Laporan Senarai Kecacatan yang disediakan oleh kontraktor pada 4 Jun 2012, terdapat 3,186 kecacatan direkodkan yang terdiri daripada 135 kecacatan *major* dan 3,051 kecacatan *minor*. Sebelum CPC dikeluarkan, kesemua 135 kecacatan *major* dan 1,930 kecacatan *minor* telah dibaiki menjadikan baki kecacatan *minor* belum dibaiki adalah 1,121. Kesemua pembaikan kecacatan ini perlu diselesaikan dalam DLP.
- Selanjutnya, empat (4) siri mesyuarat pra-penyerahan melibatkan JKR, KKM dan kontraktor telah diadakan antara bulan Ogos sehingga Oktober 2012 bertujuan menyelesaikan isu pembaikan baki 1,121 kecacatan *minor*. Berdasarkan Laporan Pra-penyerahan bertarikh 1 November 2012, sebanyak 462 kecacatan *minor* telah dibaiki menjadikan baki kecacatan *minor* yang belum dibaiki berjumlah 659 dan akan dibuat pembaikan selepas penyerahan projek.
- Semasa tamat DLP pada 14 Jun 2014, kecacatan yang dilaporkan adalah berjumlah 1,780 terdiri daripada 659 kecacatan *minor* yang dilaporkan semasa penyerahan projek serta 176 aduan kecacatan *major* semasa dan 945 aduan kecacatan *minor* semasa yang dilaporkan di antara 5 Disember 2012 hingga 13 Jun 2014. Mulai

24 April 2014, JKR telah melantik kontraktor pihak ketiga bagi melaksanakan kerja pembaikan kecacatan. Contoh kerja pembaikan kecacatan *major* dan *minor* adalah seperti di **Jadual 6.7** dan **Gambar 6.3** hingga **Gambar 6.8**.

JADUAL 6.7
CONTOH KERJA PEMBAIKAN KECACATAN MAJOR DAN MINOR

LOKASI	KATEGORI KECACATAN	BUTIRAN KERJA	RUJUKAN GAMBAR
Unit Rehabilitasi	<i>Major</i>	Dinding berkulat disebabkan lapisan <i>waterproofing</i> tidak sempurna	-
Unit Hemodialisis	<i>Major</i>	Dinding berkulat disebabkan lapisan <i>waterproofing</i> tidak sempurna	6.3 dan 6.4
Blok Pentadbiran	<i>Major</i>	Kesan resapan air di bilik seminar	-
		Kerosakan siling di bilik seminar	6.5 dan 6.6
		Kerosakan siling di surau kakitangan lelaki	-
	<i>Minor</i>	<i>Rainwater down pipe</i> (RWDP) tidak di pasang	6.7 dan 6.8
Dewan Bersalin	<i>Minor</i>	Keretakan pada dinding luar bilik ketua jururawat, pegawai perubatan dan <i>on call</i>	-

Sumber: Laporan Senarai Kecacatan, Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR

SEBELUM
GAMBAR 6.3



Tandas di Unit Hemodialisis
- Dinding Lembap dan Berkulat Disebabkan Lapisan *Waterproofing* Tidak Sempurna (29.11.2016)

SELEPAS
GAMBAR 6.4



Tandas di Unit Hemodialisis
- *Waterproofing* Telah Dibuat dan Dinding Telah Dicat (28.07.2017)

SEBELUM
GAMBAR 6.5



Bilik Seminar
- Kerosakan Siling (29.11.2016)

SELEPAS
GAMBAR 6.6



Bilik Seminar
- Kerosakan Siling Telah Dibaiki (28.07.2017)

**SEBELUM
GAMBAR 6.7**



Blok Pentadbiran
- Rainwater Down Pipe (RWDP) Tidak Dipasang
(01.12.2016)

**SELEPAS
GAMBAR 6.8**



Blok Pentadbiran
- Rainwater Down Pipe (RWDP) Telah Dipasang
(28.07.2017)

- Sehingga tarikh pengauditan pada 28 Julai 2017, sebanyak 332 kecacatan *major* dan 405 kecacatan *minor* telah siap dibaiki. Baki jumlah kecacatan yang perlu dibaiki adalah 1,936 terdiri daripada 242 kecacatan *major* dan 1,694 kecacatan *minor*.
- iv. Sebanyak 160 sebut harga telah dikeluarkan oleh JKR bagi tempoh dari bulan April 2014 hingga Julai 2017 kepada kontraktor pihak ketiga untuk melaksanakan kerja membaiki kecacatan yang dikenal pasti seperti di **Jadual 6.8**.

JADUAL 6.8
PECAHAN SEBUT HARGA KERJA PEMBAIKAN KECACATAN
BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN JULAI 2017

TAHUN	BILANGAN SEBUT HARGA
2014	32
2015	77
2016	47
2017	4
JUMLAH	160

Sumber: Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR

- v. Kontraktor asal tidak dapat menyiapkan pembaikan kecacatan dalam DLP kerana tidak memiliki sumber kewangan yang mencukupi. Ini disokong dengan isu tuntutan bayaran oleh sub-kontraktor dan perunding terhadap kontraktor asal yang berjumlah RM3.71 juta sehingga menyebabkan mahkamah mengeluarkan tindakan ganisemen pada 19 Ogos 2015. Selain itu, semakan atas talian laman sesawang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 11 November 2016 mendapati kontraktor asal telah berstatus *winding up*.

Maklum balas JKR yang diterima pada 8 Mei 2018

Sehingga akhir bulan April 2018, kontraktor pihak ketiga telah menyiapkan 176 kerja bagi membaiki kesemua kecacatan dengan nilai RM4.97 juta. Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dijangka dapat dikeluarkan pada penghujung bulan Julai 2018 setelah semua kerja pembaikan kecacatan disiapkan. Akaun Akhir projek ini pula dijangka akan dimuktamadkan enam (6) bulan selepas tarikh Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan.

Pada 28 November 2017, JKR telah melaporkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bahawa kontraktor tidak menjalankan obligasi kontrak kerana gagal membaiki kecacatan dalam tempoh liabiliti kecacatan.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor melaksanakan obligasi kontrak dari aspek pembaikan kecacatan dan kelewatan JKR menyelesaikan isu pembaikan kecacatan telah menjejaskan operasi hospital.

b. Kuasa Pendua Bagi Set Pam *Duty* dan Pam *Standby*

- i. Mengikut lukisan No. JPT/1082/HAG/M/SP/FHS-01 yang telah disahkan oleh JBPM, set pam *duty* dan pam *standby* hendaklah dilengkapi kuasa pendua enjin diesel. Semakan Audit terhadap Laporan Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran Tahunan oleh JBPM pada 23 November 2016 mendapati keperluan ini tidak dipatuhi dan JBPM telah mengeluarkan Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran Bilangan 75/2016 bertarikh 28 November 2016.
- ii. Semakan Audit pada 28 Julai 2017 mendapati set pam *duty* dan pam *standby* masih belum dilengkapi kuasa pendua enjin diesel. Set pam *duty* dan pam *standby* ini hanya bergantung kepada bekalan elektrik TNB dan tidak dapat berfungsi sekiranya bekalan elektrik terputus. Perkara ini akan mengakibatkan risiko bahaya menentang kebakaran.

Maklum balas JKR yang diterima pada 11 Januari 2018


Selepas teguran Audit, JKR telah melantik kontraktor pihak ketiga untuk pemasangan *essential supply* bagi menjana kuasa pendua kepada set pam *duty* dan pam *standby* di rumah pam pili bomba serta telah siap sepenuhnya pada 29 April 2018.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor mengadakan *essential supply* bagi menjana kuasa pendua kepada set pam *duty* dan pam *standby* di rumah pam pili bomba boleh menjejaskan keselamatan semasa berlaku kebakaran.

c. *Inspection Chamber*


- i. Klausa 14.1(c) *Standard Form Design and Build Contract* JKR (Revised 1/2010) menyatakan kontraktor hendaklah memeriksa dan bertanggungjawab terhadap reka bentuk serta memastikan ia adalah sesuai, boleh berfungsi, selamat dan memenuhi spesifikasi kerja. Berdasarkan kepada lukisan pembinaan No. JPT/1082/HAG/M/SPS-02 yang disediakan seperti **Rajah 6.1**, didapati reka bentuk lokasi *inspection chamber* dibina di laluan klinikal dewan bersalin seperti **Gambar 6.9**. Bagaimanapun, lokasi pembinaan ini dalam persekitaran hospital didapati tidak sesuai kerana sekiranya penyenggaraan terpaksa dibuat, ia akan menyebabkan pencemaran dan penyebaran kuman serta bakteria di ruang klinikal.

RAJAH 6.1
LOKASI *INSPECTION CHAMBER* (IC 59A-HB) DI DALAM BANGUNAN (LALUAN KLINIKAL DEWAN BERSALIN)



Sumber: Lukisan Pembinaan JPT/1082/HAG/M/SPS-02

- ii. Aktiviti penyenggaraan *inspection chamber* telah mengganggu operasi harian hospital. Perkara ini disahkan dengan peristiwa limpahan air di tandas dan bilik utiliti dewan bersalin pada 2 Jun 2016, menyebabkan lantai *vinyl* di laluan klinikal terpaksa dipotong bagi membolehkan akses ke *inspection chamber* untuk kerja pembaikan dijalankan. Bagi tujuan tersebut, operasi dewan bersalin telah dihentikan selama 29 hari sehingga kerja pembaikan selesai pada 30 Jun 2016.



GAMBAR 6.9

Laluan Klinikal di Dewan Bersalin
- Lokasi *Inspection Chamber*
(IC 59A-HB) Tidak Sesuai
(29.11.2016)

Maklum balas KKM yang diterima pada 2 Mac 2018

Keja pengalihan *inspection chamber* ke lokasi yang bersesuaian akan dibuat dan dijangka selesai pada bulan Mei 2018.

Maklum balas JKR yang diterima pada 8 Mei 2018

Bagi projek akan datang, penambahbaikan akan dibuat dalam *Needs Statement* untuk tidak membenarkan *inspection chamber* dibina dalam ruang klinikal dengan memasukkan pernyataan "*inspection chambers (IC) and Gully Trap shall not be located in clinical areas, clean areas or any other areas that will affect the cleanliness, functionality and operability of the spaces*". Selain itu, JKR juga akan melibatkan KKM dalam proses *design review*.

Pada pendapat Audit, lokasi pembinaan *inspection chamber* di laluan klinikal dewan bersalin adalah tidak sesuai dan telah menjejaskan operasi dewan bersalin.

d. As-Built Drawings

- i. *As-Built Drawings* ialah lukisan pembinaan yang telah siap dilaksanakan secara keseluruhan merangkumi semua sistem perkhidmatan dan fasiliti termasuk dokumen sokongan berkaitan seperti Manual Operasi dan Penyenggaraan serta Sijil Pengujian dan Pentauliahan. Mengikut Klausula 6.5 syarat kontrak, *As-Built Drawings* hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh pengeluaran CPC.
- ii. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Julai 2017, sebanyak 25 (52.1%) daripada 48 *As-Built Drawings* dan 25 (62.5%) daripada 40 Manual Operasi tidak diserahkan oleh kontraktor walaupun CPC berkuat kuasa pada 14 Jun 2012. *As-Built Drawings* yang tidak dikemukakan boleh menyebabkan penyenggaraan dan naik taraf sukar dilaksanakan. Antara kesan *As-Built Drawings* tidak dikemukakan adalah lukisan litar skematik tidak dapat disediakan di bahagian dalam penutup *distribution board* di bilik kakitangan pendidikan berterusan, bilik elektrik asrama jururawat dan bilik *main switch board* pencawang Tenaga Nasional Berhad (**Gambar 6.10**). Perkara ini tidak mematuhi Seksyen 3.9 *Specification for Low Voltage Internal Electrical Installation* JKR (L-s1), yang menyatakan "*each distribution board shall be provided with a laminated schematic diagram and paste on the inside cover of the distribution board*".



GAMBAR 6.10

Bilik *Main Switch Board*, Pencawang TNB
- Tiada Lukisan Litar Skematik di Bahagian
Dalam Penutup *Distribution Board*
(30.11.2016)

Maklum balas JKR yang diterima pada 8 Mei 2018

JKR telah melantik kontraktor pihak ketiga untuk menyediakan *As-Built Drawings* dan dijangka selesai pada bulan Jun 2018.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor mengemukakan *As-Built Drawings* boleh menyukarkan pelaksanaan kerja penyenggaraan dan naik taraf.

e. *Planned Preventive Maintenance*

- i. Klausula 59.1 syarat kontrak menetapkan kontraktor bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja penyenggaraan mengikut *Planned Preventive Maintenance* (PPM) bagi tempoh dua (2) tahun selepas CPC. PPM perlu dilaksanakan secara mandatori dan berkala mengikut manual yang ditetapkan oleh pengeluar sistem bagi menjamin kesediaan sistem dapat berfungsi secara optimum. Selain itu, ia juga sebagai langkah pencegahan bagi mengelakkan kerosakan. Kos penyenggaraan bagi 14 sistem yang diperuntukkan di bawah PPM mengikut kontrak adalah sebanyak RM2.20 juta.
- ii. KKM telah memaklumkan kepada JKR berkaitan penyenggaraan yang tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati sebanyak 12 mesyuarat berkaitan penyenggaraan yang membincangkan mengenai status pembaikan kecacatan dan penyenggaraan melibatkan pihak KKM, JKR dan kontraktor telah diadakan antara bulan Januari 2013 hingga Mei 2015. Analisis Audit terhadap laporan penyenggaraan mendapati hanya *reverse osmosis plant* telah disenggarakan mengikut jadual. Bagaimanapun, sembilan (9) komponen sistem selebihnya disenggara antara 16.7% hingga 91.7% manakala baki empat (4) komponen sistem tidak dibuat penyenggaraan. Butiran adalah seperti di **Jadual 6.9**.

JADUAL 6.9
LAPORAN PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE PADA 17 DISEMBER 2014

BIL.	SISTEM	PERATUS PELAKSANAAN PPM BAGI TEMPOH 2 TAHUN (%)
PENYENGGARAAN DILAKSANAKAN MENGIKUT JADUAL		
1.	<i>Reverse Osmosis Plant System</i>	100.0
SEBAHAGIAN PENYENGGARAAN DILAKSANAKAN		
2.	<i>Medical Gases Pipeline System</i>	0 hingga 50.0
3.	<i>Fire Protection System</i>	16.7 hingga 25.0
4.	<i>Building Supervisory System</i>	25.0
5.	<i>Fume Cupboard and Biosafety Cabinet System</i>	25.0
6.	<i>Air-Conditioning and Mechanical Ventilation System</i>	25.0 hingga 50.0
7.	<i>Mortuary System</i>	50.0
8.	<i>Sterilisers And Associated Equipment System</i>	62.5
9.	<i>Hot Water Boiler System</i>	75.0
10.	<i>Passenger Lift System</i>	91.7
PENYENGGARAAN TIDAK DILAKSANAKAN		
11.	<i>Cold Water Distribution System</i>	0
12.	<i>Dental Unit & Associated Equipment System</i>	0
13.	<i>Kitchen Equipment System</i>	0
14.	<i>Liquid Petroleum Gas System</i>	0

Sumber: Hospital Alor Gajah, Melaka

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun klausa kontrak telah tidak dipatuhi tetapi pembayaran hanya dibuat bagi kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan. Setakat 17 Disember 2014, bayaran interim ke-48 berjumlah RM0.47 juta telah dibuat iaitu 21.5% daripada RM2.20 juta kos penyenggaraan yang diperuntukkan dalam kontrak adalah seperti di **Jadual 6.10**.

JADUAL 6.10
KERJA PENYENGGARAAN BERDASARKAN PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE YANG DIPERAKUKAN DAN DIBAYAR

PERKARA	AMAUN KONTRAK (RM)	HARGA KERJA DILAKSANAKAN (RM)	PERATUS (%)
<i>Contractual And General Requirements (As per Appendix 3 - Contractual & General Requirement page CGR/23 item 40.0 - Maintenance Requirement During Maintenance Period)</i>	420,000	280,000	66.7
<i>Medical Equipment (related to M&E Services) (Refer Jilid 2/5 - Architectural Brief)</i>	550,000	43,936	8.0
<i>Mechanical Services (Refer Jilid 4/5 - Mechanical Engineering Brief)</i>	680,000	133,642	19.7
<i>Electrical Services (Refer Jilid 5/5 - Electrical Engineering Brief)</i>	420,000	14,479	3.4
<i>Landscaping Works (Refer Jilid 2/5 - Architectural Brief)</i>	130,000	-	-
JUMLAH	2,200,000	472,057	21.5

Sumber: Hospital Alor Gajah, Melaka

- iv. Kerja penyenggaraan yang tidak dijalankan mengakibatkan peralatan perubatan mudah rosak sebagai contoh, dua (2) *mobile x-ray* dan *chiller* No. 2 telah dilaporkan rosak masing-masing pada 17 Disember 2013 dan 7 Februari 2014.

Maklum balas KKM yang diterima pada 2 Mac 2018

Semua aset yang dibekalkan di bawah projek pembinaan HAG telah didaftarkan di bawah penyenggaraan syarikat konsesi termasuk aset yang tidak dibuat PPM oleh kontraktor asal bermula dari 5 Disember 2014.

Maklum balas JKR yang diterima pada 11 Januari 2018

Kontraktor tidak melaksanakan sepenuhnya PPM terhadap sistem-sistem mekanikal dan elektrik serta peralatan perubatan dan bukan perubatan menyebabkan kebanyakan sistem rosak dan memerlukan pembaikan *major*. Pembaikan akibat kegagalan melaksanakan PPM oleh kontraktor pihak ketiga telah dibiayai daripada baki harga kontrak.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor melaksanakan penyenggaraan berdasarkan *Planned Preventive Maintenance (PPM)* semasa tempoh DLP telah menjejaskan tahap kebolegunaan peralatan dan sistem operasi hospital.

f. Peralatan Tidak Digunakan

- i. Mengikut 1PP Am 2.4 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, semua Aset Alih Kerajaan hendaklah digunakan dan dikendalikan dengan cekap, mahir dan teratur bagi tujuan mengurangkan pembaziran, menjimatkan kos, mencapai jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.
- ii. Semakan Audit pada bulan November 2016 dan Julai 2017 mendapati peralatan bernilai RM1.58 juta di dewan bedah dan Unit Rehabilitasi tidak digunakan sejak HAG mula beroperasi pada 18 Februari 2013. Peralatan yang berkaitan adalah seperti berikut:
 - sebanyak 25 unit peralatan berjumlah RM1.39 juta yang telah dibekalkan di dewan bedah tetapi masih tidak digunakan. Nilai peralatan adalah antara RM3,981 seunit hingga RM0.40 juta seunit. Tiga (3) peralatan dengan nilai tertinggi adalah *Operating Table* (RM0.40 juta) seperti **Gambar 6.11**, *Mobile C-Arm X-Ray System* (RM0.28 juta) seperti **Gambar 6.12** dan *Lamp Operating Major without Video Camera Facility* (RM0.18 juta). Ini berikutan dewan bedah yang masih belum beroperasi.

GAMBAR 6.11



Dewan Bedah
- *Operating Table* yang Tidak Digunakan
dan Diletakkan di Luar Bilik Bedah
(28.07.2017)

GAMBAR 6.12



Dewan Bedah
- *Mobile C-Arm X-Ray System*
yang Tidak Digunakan
(28.07.2017)

- Klausa 47 syarat kontrak menetapkan kontraktor bertanggungjawab memastikan pengujian dan pentauliahan [*Testing and Commissioning (T&C)*] dilaksanakan oleh wakilnya. T&C adalah termasuk proses menunjukkan tatacara penggunaan peralatan dengan betul kepada pengguna. T&C dianggap siap apabila telah lulus semua pengujian yang dijalankan. Pemeriksaan Audit mendapati empat (4) unit peralatan bernilai RM187,303 yang telah dibekalkan kepada Unit Rehabilitasi tidak digunakan kerana belum dibuat T&C. Semakan Audit seterusnya mendapati bayaran berjumlah RM168,573 (90%) bagi empat (4) peralatan tersebut telah dijelaskan pada 16 Ogos 2012, selaras dengan Klausa 50(3)(b) syarat kontrak yang menetapkan pembayaran sehingga 90% daripada nilai peralatan tersebut hendaklah dibuat apabila peralatan telah diterima. Butiran peralatan adalah seperti di **Jadual 6.11** dan **Gambar 6.13** hingga **Gambar 6.15**.

JADUAL 6.11
PERALATAN YANG DIBEKALKAN TIDAK DIGUNAKAN

BIL.	KOD PERALATAN	PERALATAN	KUANTITI (Unit)	HARGA (RM)	BAYARAN (RM)
1.	3710	<i>Driving Simulator (Gambar 6.13)</i>	1	44,940	40,446
2.	3712	<i>Fluidotherapy (Gambar 6.14)</i>	1	45,528	40,975
3.	3715	<i>Vestibular System</i>	1	32,635	29,372
4.	3716	<i>Snoozelan Set (Gambar 6.15)</i>	1	64,200	57,780
JUMLAH			4	187,303	168,573

Sumber: Daftar Harta Modal Hospital Alor Gajah, Melaka

GAMBAR 6.13



Unit Gerak Carakerja (Rehabilitasi)
- *Driving Simulator* Tidak Digunakan
(29.11.2016)

GAMBAR 6.14



Unit Gerak Carakerja (Rehabilitasi)
- *Fluidotherapy* Tidak Digunakan
(29.11.2016)



GAMBAR 6.15

Unit Gerak Carakerja (Rehabilitasi)
- *Snoozelan Set* Tidak Digunakan
(29.11.2016)

Maklum balas KKM yang diterima pada 8 Mei 2018

Peralatan untuk dewan bedah telah digunakan apabila dewan mula beroperasi pada 18 September 2017. Bagi peralatan *Fluidotherapy*, *Vestibular System* dan *Snoozelan Set*, sebut harga untuk menjalankan kerja T&C dan pembaikan telah diperolehi daripada pembekal asal serta telah dikemukakan kepada JKR pada 26 April 2018. Manakala bagi *Driving Simulator*, KKM akan mendapatkan bantuan dari Hospital Rehabilitasi Cheras untuk tindakan selanjutnya kerana tiada pembekal asal di dalam negara.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor melaksanakan kerja pengujian dan pentauliahan terhadap peralatan perubatan yang telah dibekalkan sejak 3 Disember 2012 menyebabkan peralatan tidak dapat dimanfaatkan selaras dengan tujuan perolehan dibuat. Ini merupakan satu pembaziran wang awam dan boleh menjejaskan kebolehgunaan peralatan tersebut kerana telah terbiar selama lima (5) tahun.

6.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, pihak Audit mengesyorkan JKR dengan kerjasama KKM mengambil tindakan seperti berikut:

6.7.1. menyenaraihitamkan kontraktor dan pemilik syarikat yang dilantik melaksanakan projek serta mengemukakan laporan kepada badan profesional perunding mengenai kegagalan kontraktor dan perunding memastikan projek disiapkan dengan sempurna dan mematuhi peraturan ditetapkan;

6.7.2. menilai semula bidang kuasa pengarah projek dalam pengurusan projek yang dilaksanakan secara reka dan bina terutamanya apabila kontraktor didapati gagal memenuhi obligasi kontrak;

6.7.3. memastikan pelantikan kontraktor pihak ketiga dibuat dengan segera dan menetapkan tempoh yang spesifik bagi kerja pembaikan kecacatan diselesaikan serta memantau kerja pembaikan yang dilaksanakan. Ini bagi membolehkan CMGD dikeluarkan dan seterusnya Penyata Akaun Akhir serta Perakuan Muktamad dapat disediakan;

6.7.4. memastikan reka bentuk awal dibincang dan dipersetujui bersama oleh agensi pemilik, agensi pelaksana dan kontraktor antaranya penentuan spesifikasi yang praktikal bagi bacaan tahap kebisingan di dewan bedah dan mensyaratkan *inspection chamber* tidak dibina dalam bangunan supaya tidak mengganggu operasi hospital;

6.7.5. memastikan semua peralatan perubatan yang telah dibekalkan digunakan dengan memberi perhatian kepada pengujian dan pentauliahan peralatan perubatan; dan

6.7.6. menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman bagi menyiasat punca kerja pembaikan kecacatan lewat diselesaikan dan isu peralatan perubatan yang tidak dapat dimanfaatkan sehingga menyebabkan Perakuan Muktamad projek tidak dapat dikeluarkan. Sekiranya berlaku kecuaiian, tindakan hendaklah diambil terhadap pegawai terlibat.

7. JABATAN TENAGA MANUSIA

- PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN LATIHAN TAHAP TIGA DAN LIMA BAGI INSTITUT LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah ditubuhkan pada tahun 1969 bertujuan untuk menyedia dan menjalankan program latihan kemahiran teknikal pra-pekerjaan bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian di Malaysia. Objektif penubuhannya adalah untuk menghasilkan pekerja mahir, menjalankan penyelidikan latihan vokasional dan menyediakan peluang latihan melalui Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh Malaysia. ILJTM ini terdiri daripada Institut Teknikal Jepun-Malaysia [*Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI)*], Pusat Latihan Teknologi Tinggi [*Advance Technology Training Centre (ADTEC)*] dan Institut Latihan Perindustrian (ILP). ILP menawarkan kursus di peringkat sijil dan diploma (tahap satu hingga empat) manakala ADTEC dan JMTI menawarkan kursus di peringkat diploma hingga diploma lanjutan (tahap empat dan lima).

7.1.2. Pada tahun 2015, sejumlah RM84.10 juta telah diluluskan untuk perolehan peralatan tahap tiga dan lima bagi 27 ILJTM di bawah *Rolling Plan* keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak dapat dibelanjakan kerana proses perolehan tidak dapat diselesaikan sehingga berakhirnya tempoh RMKe-10. Justeru itu, pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE) telah meluluskan Notis Perubahan (NOC) untuk mewujudkan butiran baru dengan agihan siling sejumlah RM33.61 juta pada RP1 dan RM11.95 juta pada RP2 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

7.1.3. Peruntukan sebenar yang diluluskan oleh UPE untuk perolehan peralatan tahap tiga dan lima di bawah RMKe-11 berjumlah RM41.50 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM37.10 juta diperuntukkan untuk pembekalan peralatan bagi kontrak KSM/PR/TENDER/7/2015 melibatkan enam (6) syarikat pembekal yang dilantik melalui kaedah tender terhad untuk membekalkan 471 item peralatan tahap tiga dan lima di 27 ILJTM. Proses perolehan secara tender terhad telah dilaksanakan oleh KSM manakala proses pembayaran diuruskan oleh JTM dan penerimaan peralatan diuruskan oleh ILJTM. Senarai syarikat pembekal terlibat dalam kontrak ini adalah seperti di **Jadual 7.1**. Selain kontrak ini, JTM juga melaksanakan perolehan peralatan tahap tiga dan lima melalui kaedah sebut harga yang tidak diliputi dalam pengauditan ini.

JADUAL 7.1
SYARIKAT PEMBEKAL BAGI PEROLEHAN PERALATAN TAHAP TIGA
DAN LIMA DI 27 ILJTM YANG DILANTIK SECARA TENDER TERHAD

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	BILANGAN ITEM	NILAI KONTRAK (RM Juta)
1.	597097-P	338	28.36
2.	1102464-K	41	2.63
3.	536054-D	27	1.42
4.	509970-V	9	0.27
5.	589832-X	11	1.00
6.	854730-P	45	3.42
JUMLAH		471	37.10

Sumber: Dokumen Kontrak Perolehan Peralatan Tahap Tiga dan Lima di ILJTM

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan latihan tahap tiga dan lima telah diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan peraturan yang ditetapkan bagi mencapai tujuan perolehan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi perolehan dan pengurusan perolehan yang dilaksanakan pada tahun 2015 hingga 2017 bagi tender pembekalan 471 item peralatan latihan tahap tiga dan lima bernilai RM37.10 juta (KSM/PR/TENDER/7/2015) melibatkan enam (6) syarikat pembekal. Bidang utama bagi prestasi perolehan dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu pencapaian kewangan, pencapaian fizikal perolehan dan kajian kepuasan pengguna. Pengurusan perolehan pula meliputi tiga (3) perkara iaitu perancangan perolehan, pemilihan syarikat pembekal dan penyelenggaraan rekod. Pengauditan dijalankan di Cawangan Kewangan dan Pembangunan, Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), ILP Kuala Lumpur, ILP Kuala Langat, ADTEC Shah Alam, ILP Nibong Tebal dan Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI).

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perolehan di KSM, JTM dan ILJTM. Analisis terhadap penemuan Audit, temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat serta pemeriksaan fizikal terhadap peralatan yang diterima juga telah dilakukan. Selain itu, maklum balas telah diperolehi daripada tenaga pengajar ILJTM melalui borang soal selidik yang diedarkan semasa lawatan fizikal Audit.

7.5. RUMUSAN AUDIT

7.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga April 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Perolehan Peralatan Latihan Tahap Tiga dan Lima

Perolehan Peralatan Latihan Tahap Tiga dan Lima tidak mencapai objektif pembekalan kerana terdapat peralatan yang lewat atau belum dibekalkan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa selama enam (6) bulan. Walaupun kelewatan tidak menjejaskan operasi pembelajaran di ILJTM secara keseluruhannya, namun pelajar tidak dapat menggunakan peralatan dengan teknologi terkini yang sepatutnya dibekalkan.

b. Pengurusan Perolehan

Pengurusan perolehan tidak mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana proses perolehan daripada peringkat perancangan sehingga kontrak ditandatangani mengambil masa sehingga tiga (3) tahun untuk diselesaikan bermula dari tahun 2014 hingga tahun 2016. Proses pemilihan syarikat pembekal juga tidak menjamin ketelusan dan amalan tadbir urus yang baik. Selain itu, terdapat kelemahan dalam pengurusan rekod aset yang diterima.

7.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. sebanyak 251 peralatan tidak dapat diserahkan kepada ILJTM mengikut tempoh serahan yang ditetapkan;
- b. sepuluh (10) peralatan masih belum diserahkan sehingga Mac 2018 iaitu kira-kira tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa;
- c. denda dan ganti rugi yang dianggarkan berjumlah RM264,991 masih belum dikenakan terhadap syarikat pembekal bagi item yang tidak dapat dibekalkan;
- d. wujud keraguan dalam proses pemilihan pembekal kerana enam (6) syarikat terpilih mempunyai perkaitan antara satu sama lain; dan
- e. komponen/aksesori yang dibekalkan bersama aset tidak direkodkan dengan lengkap.

7.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara-perkara ini telah mendapat maklum balas daripada KSM dan telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 12 September 2017. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

7.6.1. Prestasi Perolehan

7.6.1.1. Pencapaian Kewangan

- a. Berdasarkan Laporan Perolehan Peralatan Latihan, kos kontrak asal bagi perolehan ini yang melibatkan enam (6) syarikat pembekal ialah RM37.10 juta. Kos kontrak dipinda kepada RM36.76 juta iaitu selepas mengambil kira penjimatan harga kontrak selepas perubahan spesifikasi yang diluluskan oleh MoF berjumlah RM71,909 dan kos peralatan bagi lapan (8) item berjumlah RM271,342 seperti dicadangkan oleh syarikat pembekal supaya digugurkan daripada kontrak asal. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 7.2**.

JADUAL 7.2
KOS KONTRAK PEMBEKALAN PERALATAN
TAHAP TIGA DAN LIMA MELALUI KAEDAH TENDER TERHAD

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	PERUBAHAN		HARGA KONTRAK DIPINDA (RM Juta)
			PENJIMATAN HARGA KONTRAK (RM Juta)	KOS ITEM YANG DICADANG GUGUR (RM Juta)	
1.	597097-P	28.36	0.05	0.27	28.04
2.	1102464-K	2.63	-	-	2.63
3.	536054-D	1.42	0.01	-	1.41
4.	509970-V	0.27	-	-	0.27
5.	589832-X	1.00	-	-	1.00
6.	854730-P	3.42	0.01	-	3.41
JUMLAH		37.10	0.07	0.27	36.76

Sumber: Status Tender KSM/PR/TENDER/7/2015 Sehingga 31 Disember 2017 oleh JTM

- b. Sehingga bulan Disember 2017, sejumlah RM36.42 juta (99.1%) telah dibelanjakan berbanding kos kontrak dipinda iaitu RM36.76 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 7.3**.

JADUAL 7.3
PEMBAYARAN BERBANDING KOS KONTRAK SETAKAT 31 DISEMBER 2017

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	HARGA KONTRAK ASAL	HARGA KONTRAK DIPINDA	PEMBAYARAN BERBANDING HARGA KONTRAK DIPINDA		
				JUMLAH BAYARAN (RM Juta)	(%)	BAKI (RM Juta)
1.	597097-P	28.36	28.04	27.99	99.8	0.05
2.	1102464-K	2.63	2.63	2.63	100.0	-
3.	536054-D	1.42	1.41	1.12	79.4	0.29
4.	509970-V	0.27	0.27	0.27	100.0	-
5.	589832-X	1.00	1.00	1.00	100.0	-
6.	854730-P	3.42	3.41	3.41	100.0	-
JUMLAH		37.10	36.76	36.42	99.1	0.34

Sumber: Status Tender KSM/PR/TENDER/7/2015 Sehingga 31 Disember 2017 oleh JTM

Pada pendapat Audit, peruntukan kewangan telah dibelanjakan secara optimum selaras dengan pindaan kos kontrak yang dibuat.

7.6.1.2. Pencapaian Fizikal Perolehan

a. Penyerahan Peralatan Kepada ILJTM

Berdasarkan Klausula 2, Kontrak Perolehan Peralatan Tahap Tiga dan Lima (Kontrak) antara KSM dan syarikat pembekal, tempoh kuat kuasa perjanjian adalah satu tahun. Klausula 12, Kontrak pula menetapkan serahan peralatan perlu dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kontrak bagi lima (5) syarikat pembekal dan satu (1) tahun bagi satu (1) syarikat pembekal. Butiran tempoh serahan peralatan dan keseluruhan tempoh kontrak bagi enam (6) syarikat adalah seperti di **Jadual 7.4**.

JADUAL 7.4
TEMPOH SERAHAN PERALATAN BERBANDING
TEMPOH MENGIKUT KONTRAK

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	TEMPOH KONTRAK	TEMPOH SERAHAN
1.	597097-P	19.02.2016 – 18.02.2017	19.02.2016 – 18.08.2016
2.	1102464-K	19.02.2016 – 18.02.2017	19.02.2016 – 18.08.2016
3.	536054-D	19.02.2016 – 18.02.2017	19.02.2016 – 18.08.2016
4.	509970-V	19.02.2016 – 18.02.2017	19.02.2016 – 18.08.2016
5.	589832-X	19.02.2016 – 18.02.2017	18.02.2016 – 17.08.2016
6.	854730-P	18.02.2016 – 17.02.2017	19.02.2016 – 18.02.2017

Sumber: Dokumen Kontrak Perolehan Peralatan Tahap Tiga dan Lima di ILJTM

Semakan Audit mendapati peralatan tidak dapat dibekalkan sepenuhnya kepada ILJTM mengikut tempoh serahan yang ditetapkan. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan-perenggan berikutnya:

- i. Semakan Audit mendapati hanya 220 item (46.7%) dapat dibekalkan dalam tempoh serahan yang ditetapkan mengikut kontrak berbanding 471 item yang sepatutnya dibekalkan oleh enam (6) syarikat pembekal terlibat. Manakala baki 251 item (53.3%) lagi yang bernilai RM19.83 juta tidak dapat dibekalkan sehingga tempoh serahan berakhir iaitu masing-masingnya pada 18 Ogos 2016, 17 Ogos 2016 dan 18 Februari 2017. Senarai item yang tidak dapat dibekalkan dalam tempoh serahan adalah seperti di **Jadual 7.5**.

JADUAL 7.5
ITEM TIDAK DAPAT DIBEKALKAN
MENGIKUT TEMPOH SERAHAN YANG DITETAPKAN

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	JUMLAH ITEM MENGIKUT KONTRAK		JUMLAH ITEM TIDAK DAPAT DIBEKALKAN DALAM TEMPOH SERAHAN		
		BIL.	NILAI (RM Juta)	BIL.	(%)	NILAI (RM Juta)
1.	597097-P	338	28.36	199	58.9	15.75
2.	1102464-K	41	2.63	21	51.2	1.66
3.	536054-D	27	1.42	11	40.7	0.93
4.	509970-V	9	0.27	6	66.7	0.21
5.	589832-X	11	1.00	6	54.5	0.69
6.	854730-P	45	3.42	8	17.8	0.59
JUMLAH		471	37.10	251	53.3	19.83

Sumber: Laporan Item yang Dibekalkan Mengikut Tempoh Serahan KSM bertarikh 9 Mac 2018

- ii. Walaupun 251 item tidak dapat dibekalkan dalam tempoh serahan tersebut tetapi terdapat sebanyak 164 item (65.3%) bernilai RM12.51 juta telah dibekalkan dalam tempoh kontrak. Justeru menjadikan baki item belum serah kepada ILJTM pada penghujung tempoh kontrak adalah sebanyak 87 item (34.7%).
- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua syarikat pembekal telah membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh kontrak pada 15 November 2016 dan 16 November 2016 iaitu tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kontrak. Permohonan tersebut telah diluluskan oleh MoF dengan tambahan masa enam (6) bulan iaitu sehingga 17 Ogos 2017. Sebanyak 77 (88.5%) daripada 87 item bernilai RM6.64 juta telah dapat dibekalkan dalam tempoh lanjutan masa manakala sepuluh (10) item lagi yang bernilai RM549,142 tidak dapat dibekalkan sehingga tamat tempoh lanjutan masa. Syarikat pembekal yang berjaya membekalkan peralatan dalam tempoh lanjutan masa adalah seperti di **Jadual 7.6**.

JADUAL 7.6
SYARIKAT PEMBEKAL YANG BERJAYA MEMBEKALKAN
PERALATAN DALAM TEMPOH LANJUTAN MASA

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	BIL. ITEM	NILAI (RM Juta)
1.	597097-P	56	5.00
2.	1102464-K	4	0.13
3.	536054-D	5	0.49
4.	509970-V	3	0.09
5.	589832-X	1	0.35
6.	854730-P	8	0.58
JUMLAH		77	6.64

Sumber: Laporan Denda yang Dikenakan KSM Bertarikh 20 Mac 2018

- iv. Semakan Audit terhadap sepuluh (10) item yang gagal dibekalkan dalam tempoh lanjutan masa mendapati Syarikat 597097-P gagal menyerahkan lapan (8) item bernilai RM252,372 dan telah memohon untuk menggugurkan kesemua item tersebut daripada kontrak, namun perkara ini tidak mendapat kelulusan daripada MoF. Manakala dua (2) item bernilai RM296,770 yang masing-masingnya melibatkan Syarikat 597097-P dan Syarikat 536054-D, telah rosak ketika proses penghantaran oleh *Multimodal Transport Operator (MTO)*. Lanjutan itu, MoF telah melantik *adjuster* untuk menjalankan siasatan dan menentukan pihak yang bertanggungjawab terhadap kerosakan peralatan tersebut. Namun sehingga Mac 2018, MoF masih belum membuat keputusan berhubung tindakan susulan terhadap peralatan ini. Senarai peralatan yang tidak dapat dibekalkan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa adalah seperti di **Jadual 7.7**.

JADUAL 7.7
PERALATAN TIDAK DIBEKALKAN SELEPAS TAMAT LANJUTAN MASA

BIL.	ILJTM	NAMA ITEM	JUMLAH (RM)
Peralatan Tidak Dibekalkan			
1.	ADTEC Shah Alam	<i>Condensing Unit Air Cooled Condenser</i>	49,000
2.	ILP Nibong Tebal	<i>Digital Audio Recorder</i>	2,600
3.	ILP Kuantan	<i>Diesel Engine Driven Welder/Generator</i>	78,654
4.	ILP Kuantan	<i>Heavy Duty Cut Off Machine</i>	18,900
5.	ILP Muadzam	<i>Service Special Tools (SST) for Campro Engine</i>	19,798
6.	ADTEC Melaka	<i>Engine on Stand Petrol Turbo Engine</i>	59,500
7.	ILP Pasir Gudang	<i>Automatic Transmission on Stand Movable C/W Service Special Tools (SST)</i>	22,000
8.	ILP Pasir Gudang	<i>Heavy Duty Portable Battery Booster</i>	1,920
Jumlah			252,372
Peralatan Rosak Oleh MTO			
1.	ILP Kuala Lumpur	<i>Padestral Drilling Machine</i>	11,600
2.	ILP Kuala Terengganu	<i>Tool Room Milling Machine</i>	285,170
Jumlah			296,770
JUMLAH BESAR			549,142

Sumber: Laporan Status Item Belum Bekal Sempurna dan Gugur KSM Bertarikh 6 Mac 2018

- v. Berdasarkan Laporan Status Item Belum Bekal Sempurna dan Gugur bertarikh 6 Mac 2018, sebanyak lapan (8) peralatan tidak dapat dibekalkan sehingga berakhirnya tempoh lanjutan masa adalah disebabkan oleh perkara berikut:
- sebanyak enam (6) item telah dihentikan pengeluaran oleh pembekal utama (*obsolete*) dan syarikat perlu membuat pesanan khas melalui pembekal yang akan mengambil masa lama, malahan tiada model setara di pasaran untuk menggantikan item tersebut;

- model yang ditawarkan bagi satu (1) item bukan untuk pasaran Malaysia dan syarikat telah membuat kesilapan semasa penawaran tender. Selain itu, terdapat masalah dalam proses mendapatkan pelepasan daripada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia; dan
- kesilapan tawaran oleh pihak syarikat dalam menawarkan pembekalan aksesori tambahan bagi satu (1) item yang mana harga aksesori tambahan adalah melebihi harga peralatan. Syarikat tidak dapat menanggung kos tambahan bagi aksesori tambahan tersebut.

Pada pendapat Audit, kelemahan kontraktor semasa mengemukakan tawaran menjadi antara faktor peralatan gagal dibekalkan.

b. Denda dan Ganti Rugi

- Klausa 24 Kontrak berkaitan Hak Kerajaan Apabila Peralatan Lewat Diserahkan ada menyatakan sekiranya peralatan lewat diserahkan oleh syarikat sepertimana yang ditetapkan dalam Jadual Pelaksanaan, Kerajaan boleh menolak peralatan atau bersetuju menerima peralatan dengan mengenakan denda berdasarkan formula seperti berikut:

$[\text{Nilai Peralatan} \times \text{Base Lending Rate}^* (\text{BLR}/365)] \times \text{Jumlah Hari Lewat}$

*BLR pada tarikh SST ditandatangani adalah 4%

- Berdasarkan Laporan Denda yang Dikenakan bertarikh 20 Mac 2018, pihak Audit mendapati JTM telah mengenakan denda kepada syarikat pembekal berjumlah RM188,152.68 bagi 241 item yang lewat dibekalkan antara satu (1) hingga 228 hari dari tarikh akhir tempoh serahan yang ditetapkan dalam kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 7.8**.

**JADUAL 7.8
DENDA BAGI ITEM YANG LEWAT DIBEKALKAN**

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	ITEM YANG DIKENAKAN DENDA		JUMLAH DENDA (RM)
		BILANGAN	NILAI (RM Juta)	
1.	597097-P	190	15.38	166,685.43
2.	1102464-K	21	1.66	6,681.72
3.	536054-D	10	0.63	8,890.13
4.	509970-V	6	0.21	1,304.67
5.	589832-X	6	0.69	2,270.59
6.	854730-P	8	0.58	2,320.14
JUMLAH		241	19.15	188,152.68

Sumber: Laporan Denda yang Dikenakan bertarikh 20 Mac 2018

- Klausa 26 Kontrak menyatakan, bagi peralatan yang tidak dibekalkan selepas tamat tempoh kontrak, syarikat hendaklah membayar nilai harga peralatan yang tidak diserahkan itu berserta dengan denda sebanyak 5% daripada nilai harga peralatan yang tidak diserahkan. Berdasarkan pengiraan pihak JTM, nilai harga peralatan dan denda yang boleh

dikenakan ke atas syarikat pembekal adalah RM264,991. Bagaimanapun, JTM masih belum membuat tuntutan atau penyelarasan bayaran tersebut daripada pembekal sehingga bulan Februari 2018 seperti yang ditunjukkan di **Jadual 7.9**.

JADUAL 7.9
DENDA PERALATAN YANG TIDAK DIBEKALKAN

BIL.	ILJTM	NAMA ITEM	BAYARAN BOLEH DITUNTUT DARIPADA SYARIKAT PEMBEKAL		
			NILAI PERALATAN (RM)	DENDA (RM)	JUMLAH (RM)
Peralatan Tidak Dibekalkan					
1.	ADTEC Shah Alam	<i>Condensing Unit Air Cooled Condenser</i>	49,000	2,450	51,450
2.	ILP Nibong Tebal	<i>Digital Audio Recorder</i>	2,600	130	2,730
3.	ILP Kuantan	<i>Diesel Engine Driven Welder/Generator</i>	78,654	3,933	82,587
4.	ILP Kuantan	<i>Heavy Duty Cut Off Machine</i>	18,900	945	19,845
5.	ILP Muadzam	<i>Service Special Tools (SST) for Campro Engine</i>	19,798	990	20,788
6.	ADTEC Melaka	<i>Engine on Stand Petrol Turbo Engine</i>	59,500	2,975	62,475
7.	ILP Pasir Gudang	<i>Automatic Transmission on Stand Movable C/W Service Special Tools (SST)</i>	22,000	1,100	23,100
8.	ILP Pasir Gudang	<i>Heavy Duty portable battery booster</i>	1,920	96	2,016
JUMLAH			252,372	12,619	264,991

Sumber: Senarai Peralatan Tidak Diserahkan Selepas Tamat Tempoh Kontrak Bertarikh 9 Mac 2018

- iv. Pelanjutan tempoh kontrak akan melambatkan proses penghantaran peralatan ke ILJTM menyebabkan ianya tidak dapat digunakan dalam masa yang dirancang. Berdasarkan perbincangan dan semakan Audit dalam kes kelewatan pembekalan peralatan bagi kontrak ini, walaupun berlaku kegagalan membekalkan peralatan kepada ILJTM mengikut tempoh yang ditetapkan tetapi ianya tidak menjejaskan aktiviti pembelajaran ILJTM secara keseluruhannya. Ini kerana bilangan pengambilan pelajar baharu pada tahun 2017 telah dikurangkan sebanyak 86.9% berbanding pengambilan tahun 2016. Penurunan ketara ini adalah disebabkan pengurangan peruntukan mengurus sebanyak 70% yang diterima oleh JTM bagi aktiviti perkhidmatan latihan ILJTM pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Sehubungan itu, kelewatan penghantaran tidak begitu menjejaskan operasi pembelajaran disebabkan sebahagian kursus tidak dijalankan (dijumudkan secara sementara) dan pengoperasian ditumpukan kepada pelajar sedia ada.
- v. Lawatan Audit telah dijalankan di ADTEC Shah Alam pada 8 Mac 2017 dan ILP Nibong Tebal pada 24 Mac 2017 yang masing-masing masih belum menerima satu item peralatan iaitu *Condensing Unit Air Cooled Condenser* (ADTEC Shah Alam) dan *Digital Audio Recorder* (ILP Nibong Tebal). Hasil lawatan mendapati operasi pembelajaran berjalan seperti biasa dengan menggunakan peralatan sedia ada. Namun peralatan tersebut tidak berdasarkan kepada teknologi terkini berbanding peralatan baru yang sepatutnya diterima.

Maklum balas KSM yang diterima pada 21 Ogos 2017

Spesifikasi Peralatan

JTM melaksanakan pemantauan untuk memastikan peralatan yang perlu dibekalkan oleh syarikat mengikut tempoh serahan yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, dalam pelaksanaan kontrak ini, pihak syarikat telah mengemukakan permohonan perubahan spesifikasi, jenama, model dan negara pembuat secara berperingkat antara 23 Jun 2016 hingga 29 Ogos 2016. Lembaga Perolehan A (LP A) KSM telah meluluskan permohonan perubahan spesifikasi dan perlanjutan kontrak tersebut (Wakil MoF memaklumkan bahawa kedua-dua permohonan tersebut boleh diluluskan oleh LP A KSM). JTM telah memaklumkan keputusan tersebut kepada pembekal pada 7 November 2016. Permohonan perubahan spesifikasi kali kedua telah diangkat kepada LP A KSM yang bersidang pada 14 Februari 2017. Pada Mesyuarat kali ini, wakil MoF memaklumkan bahawa permohonan perubahan spesifikasi perlu dikemukakan kepada MoF selaku Pihak Berkuasa Melulus asal untuk pertimbangan. Surat permohonan yang dikemukakan kepada MoF pada 15 Februari 2017 turut mengandungi:

- i. Permohonan perubahan spesifikasi kali pertama – LP A bertarikh 28 Oktober 2016;
- ii. Permohonan perlanjutan kontrak – LP A bertarikh 28 Oktober 2016; dan
- iii. Permohonan perubahan spesifikasi kali kedua – LP A bertarikh 14 Februari 2017.

Oleh itu, MoF telah meluluskan permohonan ini melalui surat bertarikh 6 April 2017.

MTO

Syarikat pembekal telah mengambil masa untuk menghantar dokumen lengkap ke JTM bagi tujuan melantik syarikat MTO secara sebutharga.

Pada pendapat Audit, objektif perolehan untuk membekalkan peralatan dalam tempoh yang ditetapkan tidak dapat dicapai kerana terdapat peralatan yang lewat atau belum dibekalkan selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa selama enam (6) bulan. Walaupun kelewatan tidak menjejaskan operasi pembelajaran di ILJTM secara keseluruhannya, namun pelajar tidak dapat menggunakan peralatan dengan teknologi terkini yang sepatutnya dibekalkan.

7.6.1.3. Kajian Kepuasan Pengguna

Kajian kepuasan pengguna ini telah dijalankan bagi menilai tahap kepuasan pengguna terhadap peralatan yang dibekalkan. Pendekatan soal selidik secara atas talian telah digunakan bagi tujuan pengauditan ini. Maklum balas telah

diterima daripada 68 responden yang merupakan tenaga pengajar di lima (5) buah ILJTM yang dilawati. Hasil analisis adalah seperti berikut:

a. Perolehan Peralatan Memenuhi Keperluan Tenaga Pengajar

Berdasarkan maklum balas yang diterima, seramai 66 responden (97.1%) bersetuju peralatan yang telah dibekalkan memenuhi keperluan dan membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dua (2) responden (2.9%) menyatakan perolehan peralatan tidak memenuhi keperluan. Antara komen responden adalah perisian *altair hyperworks* tidak diperlukan kerana perisian seperti *Inventor*, *Solidwork* dan *Mastercam* lebih diperlukan bagi silibus program kursus operasi latihan mekanikal/pembuatan dan pengeluaran automotif. Manakala *CNC grinding machine* yang diperolehi bagi program *manufacturing* kurang mencapai standard yang diperlukan untuk kegunaan pembelajaran pelajar.


b. Peralatan yang Dibekalkan Mencukupi dan Bersesuaian Dengan Bilangan Pelajar

Seramai 58 responden (85.3%) bersetuju peralatan yang dibekalkan mencukupi dan bersesuaian dengan bilangan pelajar dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Sepuluh (10) responden (14.7%) pula berpendapat terdapat peralatan yang tidak mencukupi dengan bilangan pelajar.

c. Tahap Kepuasan Tenaga Pengajar Terhadap Kualiti Peralatan

Hasil analisis penilaian kepuasan responden terhadap kualiti peralatan yang dibekalkan menunjukkan daripada 68 responden, seramai 19 (27.9%) responden sangat berpuas hati, 44 (64.7%) responden berpuas hati manakala empat (4) atau 5.9% responden kurang/tidak berpuas hati dengan kualiti peralatan yang dibekalkan. Taburan kepuasan tenaga pengajar secara keseluruhan adalah seperti **Carta 7.1**.

**CARTA 7.1
TAHAP KEPUASAN TENAGA PENGAJAR TERHADAP KUALITI PERALATAN**



Sumber: Soal Selidik oleh Jabatan Audit Negara

Berdasarkan maklum balas responden, pihak Audit berpendapat peralatan yang dibekalkan di lima (5) ILJTM telah memenuhi keperluan tenaga pengajar, mencukupi dan mencapai kualiti yang diperlukan.

7.6.2. Pengurusan Perolehan

7.6.2.1. Perancangan Perolehan

- a. Mengikut 1PP-PK1 Perenggan 4, Agensi bertanggungjawab untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik dan mematuhi prinsip perolehan Kerajaan manakala 1PP-PK2 Lampiran 2.15 pula menggariskan tempoh pelaksanaan proses tender daripada penyediaan spesifikasi sehingga pengeluaran Surat Setuju Terima selama 140 hari.
- b. Dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4), RMKe-10, MoF telah mengarahkan KSM melalui surat bertarikh 8 Julai 2014 untuk melaksanakan perolehan peralatan tahap tiga dan lima bernilai RM84.10 juta bagi 27 ILJTM di seluruh negara secara tender terhadap kepada enam (6) syarikat.
- c. Semakan Audit mendapati KSM dan JTM telah mengadakan mesyuarat pelarasan perolehan pada 23 Julai 2014 untuk mengenal pasti keperluan peralatan oleh 27 ILJTM di seluruh negara. Seterusnya, diselaraskan melalui bengkel penyediaan keperluan/spesifikasi bersama wakil ILJTM dan JTM. Jawatankuasa Padanan Induk JTM telah memperakukan keputusan bengkel ini dan Lembaga Perolehan A KSM telah memperakui keputusan Jawatankuasa Padanan Induk hanya pada 30 Jun 2015. Perakuan Lembaga Perolehan A dihantar kepada MoF pada 6 Julai 2015 dan kelulusan MoF hanya diterima pada 13 Oktober 2015. Berlaku kelewatan dalam proses memuktamadkan spesifikasi peralatan dan kelulusan daripada MoF terhadap perakuan Lembaga Perolehan A KSM menyebabkan proses perolehan secara keseluruhannya mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Ringkasan kronologi proses tender terhadap bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 7.10**.

JADUAL 7.10
KRONOLOGI PROSES TENDER TERHAD

TARIKH	BUTIRAN
09.06.2014 hingga 10.06.2014	Penyediaan dokumen tender oleh 27 ILJTM mengikut keperluan setiap Institut dan Bengkel
08.07.2014	Bahagian Perolehan Kewangan MoF mengarahkan KSM untuk melaksanakan tender secara terhadap bagi enam (6) syarikat
23.07.2014	Mesyuarat Pelarasan Perolehan
01.11.2014 hingga 31.12.2014	Proses awal tender – penyediaan dokumen dan penyelarasan spesifikasi tender mengikut keperluan bagi 27 ILJTM
02.01.2015	Waran Am Bil. 1 Tahun 2015 bertarikh 31 Disember 2014 diterima dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia
12.01.2015 hingga 23.01.2015	JTM mohon tangguh kepada KSM bagi pengemaskinian item dan spesifikasi kerana terlibat dengan transformasi JTM

TARIKH	BUTIRAN
03.03.2015	Dokumen tender dimuat naik dalam sistem ePerolehan
13.03.2015 hingga 19.03.2015	Dokumen tender terhad disemak semula dan dibuat pembetulan bagi percanggahan dan perbezaan senarai item di antara Jadual Harga dan Jadual Teknikal
01.04.2015 hingga 30.04.2015	Pengiklanan tender
04.05.2015 hingga 08.05.2015	Proses Pembukaan Tender
11.05.2015 hingga 13.05.2015	Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawantakuasa Penilaian Kewangan diadakan
12.05.2015 hingga 17.05.2015	Penilaian Tender
25.05.2015 hingga 29.05.2015	Mesyuarat Jawatankuasa Padanan Akhir (Induk)
30.06.2015	Mesyuarat Lembaga Perolehan A KSM memperakui keputusan Mesyuarat Padanan Induk JTM
13.10.2015	Surat Kelulusan MoF
04.02.2016	KSM mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada pembekal
18 & 19.02.2016	Surat Setuju Terima ditandatangani oleh pembekal
09.03.2016	Mesyuarat <i>kick-off</i> projek bersama pembekal
28.06.2016	Kontrak ditandatangani oleh syarikat pembekal

Sumber: Kronologi Perolehan Tender Terhad Tahun 2015 Bagi Pembekalan Peralatan Tahap Tiga dan Lima Untuk ILJTM, JTM Bertarikh 10 Disember 2015

- d. Kesan daripada kelewatan proses penelitian spesifikasi peralatan dan perakuan MoF telah menjejaskan proses perolehan secara keseluruhannya sehingga mengambil masa tiga (3) tahun untuk diselesaikan bermula daripada tahun 2014 hingga tahun 2016. Pihak Audit juga mendapati proses kelulusan MoF sehingga pengeluaran SST oleh pihak KSM mengambil masa selama 212 hari menyebabkan kontrak hanya ditandatangani pada 28 Jun 2016.
- e. Pihak Audit mendapati kelewatan menyelesaikan proses perolehan antara faktor menyebabkan peruntukan yang diluluskan dalam RP4 di bawah RMKe-10 berjumlah RM84.10 juta tidak dapat digunakan. Bagi membolehkan pembayaran dibuat untuk perolehan ini, KSM telah mengemukakan permohonan pewujudan butiran projek dan peruntukan kewangan di bawah RMKe-11 kepada EPU melalui surat bertarikh 15 Mac 2017. Selain itu, peralatan yang dirancang pada tahun 2014 telah tiada di pasaran (*obsolete*) ketika proses bekalan dilaksanakan pada tahun 2016 dan 2017 menyebabkan syarikat pembekal membuat permohonan perubahan spesifikasi sebanyak dua (2) kali. Perkara ini juga telah menyumbang kepada kelewatan penghantaran peralatan.

Maklum balas KSM yang diterima pada 21 Ogos 2017

Kelewatan ini disebabkan oleh keperluan JTM/KSM untuk mendapatkan kelulusan pewujudan butiran projek dan peruntukan daripada EPU bagi perolehan tersebut. Kelewatan ini disebabkan oleh proses menunggu kelulusan daripada EPU yang hanya diterima pada 5 Februari 2016.

Sementara itu pada 2 November 2015, KSM telah memaklumkan status pelaksanaan perolehan ini kepada MoF dan untuk menangguhkan pengeluaran SST. Walaubagaimanapun, tiada surat balasan MoF mengenai perkara ini. Proses penelitian spesifikasi perlu dilaksanakan dengan teliti bagi memastikan peralatan yang akan dibekalkan adalah mengikut keperluan pembelajaran dan proses perolehan dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi tatacara perolehan yang berkuat kuasa.

Pada pendapat Audit, kelewatan dalam proses memuktamadkan spesifikasi peralatan dan kelulusan MoF terhadap perakuan Lembaga Perolehan A KSM serta kelewatan mengeluarkan SST telah menjejaskan kecekapan proses perolehan secara keseluruhannya.

7.6.2.2. Pemilihan Syarikat Pembekal

- a. Berdasarkan 1PP - PK 1/2013, Agensi hendaklah memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan memenuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.
- b. Semakan Audit mendapati pelantikan syarikat pembekal adalah berdasarkan surat MoF bertarikh 8 Julai 2014. Pihak Audit telah mendapatkan maklumat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengenai enam (6) syarikat tersebut dan mendapati perkara berikut:
 - i. Pengarah bagi dua (2) daripada enam (6) syarikat adalah orang yang sama iaitu Syarikat 509970-V. dan Syarikat 589832-X;
 - ii. alamat berdaftar bagi empat (4) syarikat adalah sama iaitu Syarikat 509970-V sama dengan Syarikat 589832-X manakala Syarikat 854730-P sama dengan Syarikat 597097-P;
 - iii. alamat perniagaan bagi Syarikat 589832-X adalah sama dengan Syarikat 509970-V;
 - iv. Setiausaha Syarikat bagi empat (4) syarikat adalah sama iaitu Syarikat 509970-V sama dengan Syarikat 589832-X manakala Syarikat 854730-P sama dengan Syarikat 597097-P; dan
 - v. pembiaya perniagaan bagi keenam-enam syarikat adalah Syarikat Pemfaktoran yang sama iaitu Syarikat 507971-X.
- c. Selain itu, semakan Audit terhadap dokumen yang dikemukakan oleh syarikat pembekal mendapati format Nota Penghantaran dan Inbois bagi keenam-enam syarikat mempunyai persamaan. Perkara ini boleh

menimbulkan keraguan. Pihak Audit juga tidak menemui bukti yang menunjukkan KSM pernah melaksanakan penilaian latar belakang enam (6) syarikat tersebut di Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebelum meneruskan proses perolehan mengikut arahan MoF.

Maklum balas KSM yang diterima pada 21 Ogos 2017

Syarikat yang dipilih bagi perolehan tender terhad ini adalah berdasarkan surat MoF ruj. S/K.KEW/PK/KSM/OS3/02/SK.3(2) bertarikh 08.07.2014 yang telah meluluskan perolehan ini secara tender terhad di kalangan enam syarikat tersebut. Sebarang isu berkaitan perolehan ini hendaklah dirujuk terus ke Bahagian Perolehan Kerajaan, MoF selaku Pihak Berkuasa Melulus Asal.

Pada pendapat Audit, siasatan seharusnya dilakukan terhadap perkara-perkara yang telah menimbulkan keraguan sama ada proses perolehan telah dijalankan secara telus dan menepati prinsip perolehan Kerajaan iaitu saingan terbuka, adil dan saksama.

7.6.2.3. Penyelenggaraan Rekod

Berdasarkan 1PP-AM2.3 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, harta modal dan aksesori yang dibekalkan hendaklah didaftarkan bagi tujuan memudahkan pengesanan dan pemantauan, membolehkan keadaan aset diketahui dan memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset. Semakan Audit mendapati peralatan pembelajaran telah didaftarkan dengan teratur kecuali perkara berikut:

- a. Maklumat aset seperti nombor casis/siri pembuat dan buatan tidak diisi dengan lengkap dalam daftar aset. Butirannya adalah seperti di **Jadual 7.11**.

JADUAL 7.11
DAFTAR ASET TIDAK LENGKAP

BIL	ILJTM	PERALATAN	NO. PENDAFTARAN
1.	JMTI	<i>Machinery Fault Simulator Spectra / MFS 2010-PK8</i>	KSM/JTM/JMTI/H/16/23
2.	ADTEC Shah Alam	<i>Condensing Unit Air Cooled Condenser</i>	KSM/JTM/ADTECSA/H/16/33
		<i>Split Type Air Conditioner</i>	KSM/JTM/ADTECSA/H/16/360
		<i>General Aviation Tools Repair Kit</i>	KSM/JTM/ADTECSA/H/16/18
3.	ILP Kuala Lumpur	<i>Variable Refrigerant Volume (VRC) Air Conditioning Unit</i>	KSM/JTM/ILPKL/H/16/26
		<i>Basic Pneumatics Training Sets</i>	KSM/JTM/ILPKL/H/17/22

Sumber: Daftar Aset KEW.PA-2

- b. Komponen/aksesori yang dibeli bersama aset tidak direkodkan dalam KEW.PA-2. Pihak Audit dimaklumkan, pegawai tidak dapat menentukan nilai kos bagi setiap komponen/aksesori yang dibekalkan kerana nilai aset dibuat secara *lump-sum* serta tidak diperincikan dalam kontrak dan invoice. Peralatan *Machinery Fault Simulator* yang diterima oleh JMTI bernilai RM495,000 mempunyai 24 jenis komponen/alat ganti yang dibekalkan bersama peralatan tersebut, namun nilai bagi setiap komponen/alat ganti tidak diperincikan. Komponen/alat ganti ini juga tidak direkodkan dalam daftar dan hanya disimpan di dalam almari. Contoh adalah seperti **Gambar 7.1 dan 7.2**.

GAMBAR 7.1



JMTI
- Sebahagian Komponen/Alat Ganti Peralatan yang Tidak Direkodkan (20.03.2017)

GAMBAR 7.2



JMTI
- Sebahagian Komponen/Alat Ganti Peralatan yang Tidak Direkodkan (20.03.2017)

Maklum balas KSM yang diterima pada 21 Ogos 2017

Pendaftaran aset telah dilaksanakan dengan teratur. Institut berkaitan telah mengambil tindakan bagi melengkapkan maklumat di dalam Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-3). Hasil semakan daripada SPA JMTI mendapati komponen/aksesori yang dinyatakan selesai direkodkan di dalam sistem.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod peralatan pembelajaran boleh dipertingkatkan dengan memastikan daftar aset dilengkapkan dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

7.7. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan perolehan peralatan latihan di ILJTM, adalah disarankan pihak terlibat mengambil tindakan seperti berikut:

- 7.7.1. KSM/JTM perlu memastikan perancangan perolehan dibuat dengan teliti dan lengkap supaya proses perolehan dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dan tidak berpanjangan;

7.7.2. MoF/JTM/KSM hendaklah mematuhi prinsip perolehan Kerajaan dalam pemilihan dan pelantikan syarikat pembekal bagi menjamin Kerajaan mendapat nilai wang terbaik daripada perbelanjaan yang dilakukan. Ini termasuk melaksanakan siasatan terhadap perkara-perkara yang meragukan dalam proses pemilihan pembekal untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dan proses perolehan dapat dilaksanakan dengan cekap dan telus;

7.7.3. KSM/JTM perlu melaporkan kepada MoF prestasi syarikat yang tidak memuaskan dalam melaksanakan obligasi kontrak supaya tindakan menyenarai hitam boleh diambil berdasarkan 1PP-PK8 iaitu Ketidakpatuhan dalam Perolehan Kerajaan;

7.7.4. KSM/JTM hendaklah memastikan tindakan ganti rugi dikuatkuasakan sepenuhnya mengikut klausa kontrak terhadap syarikat yang gagal membekalkan peralatan mengikut kontrak memandangkan kegagalan/kelewatan penghantaran peralatan antaranya disebabkan oleh kecuaiannya syarikat pembekal dalam menetapkan spesifikasi; dan

7.7.5. KSM/JTM hendaklah memastikan harga bagi peralatan yang melibatkan aksesori/komponen tambahan diperincikan dalam kontrak dan invois bagi tujuan pendaftaran dan pelupusan aset.

8. PENGURUSAN PROJEK DI BAWAH GERAN DASAR INDUSTRI KREATIF NEGARA

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Berdasarkan Buku Dasar Industri Kreatif Negara 2012 yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), pada tahun 2008 industri kreatif telah berjaya menyumbang sebanyak RM9.40 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Justeru, pada 12 November 2010 Kerajaan menerusi KPKK pada ketika itu, telah meluluskan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) sebagai dasar induk untuk menetapkan prinsip-prinsip asas pembangunan industri kreatif. Matlamat DIKN adalah untuk menjadikan industri kreatif negara berdaya saing dan dinamik dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta memartabatkan budaya bangsa. Manakala objektif pemberian geran DIKN adalah untuk menyokong pertumbuhan industri kreatif bagi mencapai matlamat DIKN.

8.1.2. Untuk memacu pertumbuhan industri kreatif, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri menerusi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) [2011 hingga 2015] telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM120 juta kepada KPKK. Peruntukan sejumlah RM120 juta diterima pada 27 Disember 2011 dan sebanyak RM117.81 juta (98.2%) telah disalurkan secara berperingkat bagi tahun 2012 dan 2013 kepada tujuh (7) agensi pelaksana iaitu jabatan/agensi/syarikat di bawah KPKK, Kementerian Pelancongan Malaysia (MoTour) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada ketika itu dan baki berjumlah RM2.19 juta masih kekal di KPKK. Selepas penyusunan semula Kementerian pada 16 Mei 2013, KPKK kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) manakala MoTour dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC). Ringkasan status peruntukan/geran DIKN yang disalur kepada agensi pelaksana setakat 31 Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 8.1**.

JADUAL 8.1
RINGKASAN STATUS PERUNTUKAN/GERAN DIKN YANG DISALUR
KEPADA AGENSI PELAKSANA SETAKAT 31 DISEMBER 2013

KEMENTERIAN/AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN/ GERAN DITERIMA	
	RM Juta	RM Juta
Peruntukan Diterima oleh KKMM		120.00
Tolak: Peruntukan/Geran Disalur		
A. Peruntukan Disalur		
1. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)	5.00	(5.00)

KEMENTERIAN/AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN/ GERAN DITERIMA	
	RM Juta	RM Juta
B. Geran Disalur		
Agensi Pelaksana di Bawah KKMM		
1. Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	51.59	
2. Malaysia Development Economy Corporation (MDeC)*	1.00	
Agensi Pelaksana di Bawah MOTAC		
1. Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)**	1.05	
2. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (KRAFTANGAN)** - termasuk peruntukan yang diterima oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) berjumlah RM10 juta.	54.17	
3. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)**	5.00	(112.81)
Baki Peruntukan Di KKMM		2.19

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Sebelum penyusunan semula Kementerian pada 16 Mei 2013 agensi pelaksana diletakkan di bawah MOSTI

(**) - Sebelum penyusunan semula Kementerian pada 16 Mei 2013 agensi pelaksana diletakkan di bawah KPKK

8.1.3. Pelaksanaan projek di bawah geran DIKN terbahagi kepada tiga (3) komponen iaitu Projek Pemangkin Jangka Pendek 2012-2013 (*Quick Wins*), Geran Industri Kreatif (GIK) dan Kajian Pembangunan Modal Insan (KPMI). Objektif ketiga-tiga komponen tersebut adalah seperti di **Jadual 8.2**. Setakat 31 Ogos 2017, sebanyak 45 program melibatkan 997 projek telah dilaksanakan di bawah ketiga-tiga komponen geran seperti di **Jadual 8.3**.

JADUAL 8.2
OBJEKTIF KOMPONEN GERAN DIKN

KOMPONEN GERAN DIKN	OBJEKTIF KOMPONEN GERAN DIKN
<i>Quick Wins</i>	Merangsang tujuh (7) sektor industri negara iaitu seni visual dan kraf, penerbitan filem dan televisyen, seni persembahan, pembangunan modal insan, muzik, kandungan digital dan multimedia serta pemasaran, jualan dan pengedaran. Projek yang dilaksanakan di bawah <i>Quick Wins</i> dirangka bersama pemain industri kreatif bertujuan untuk menyemarakkan perkembangan industri kreatif secara berkesan.
GIK	Merencanakan pembangunan industri kreatif tempatan supaya mampu bersaing dan lebih kompetitif di peringkat antarabangsa. Antara objektif GIK ini adalah untuk memperkayakan khazanah negara bagi kesinambungan tradisi seni budaya warisan negara dan meningkatkan peluang berkarya serta penghasilan produk kreatif yang inovatif dan berdaya saing.
KPMI	Mengenal pasti dan memenuhi keperluan modal insan bagi industri kreatif yang terdiri daripada sektor multimedia, seni budaya dan warisan budaya.

Sumber: Bahagian Pembangunan Kandungan, KKMM

JADUAL 8.3
MAKLUMAT PROGRAM/PROJEK DIKN BERSERTA PRESTASI PERBELANJAAN

KOMPONEN GERAN DIKN	BILANGAN		PERUNTUKAN/ GERAN YANG DITERIMA (RM Juta)	PERUNTUKAN/ GERAN YANG DIBELANJA (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN/ GERAN (RM Juta)
	PROGRAM	PROJEK			
<i>Quick Wins</i>	41	931	61.50	57.98	3.52
GIK	3	65	55.51	51.34	4.17
KPMI	1	1	2.99	1.49	1.50
JUMLAH	45	997	*120.00	110.81	9.19


Sumber: Bahagian Pembangunan Kandungan, KKMM

Nota: (*) - Terdiri daripada peruntukan/geran berjumlah RM117.81 juta yang disalurkan kepada tujuh (7) agensi pelaksana dan baki berjumlah RM2.19 juta kekal di KKMM

8.1.4. Selepas penyusunan semula Kementerian pada 16 Mei 2013, kawal selia geran DIKN diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS), KKMM manakala sektor kebudayaan telah dipindahkan ke Bahagian Dasar Kebudayaan, MOTAC. Bagaimanapun, mulai 1 Januari 2015 peranan BDPS diambil alih oleh Bahagian Pembangunan Kandungan (BPK), KKMM.

8.1.5. Di bawah KKMM, Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan (JTP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KKMM telah ditubuhkan dan berperanan menyelaras pelaksanaan DIKN antara KPKK dengan semua pihak yang terlibat termasuk penggiat industri. JTP kemudiannya akan melaporkan kemajuan projek kepada Jawatankuasa Peneraju Bidang Ekonomi Utama Negara Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi (NKEA-CCI) yang dipengerusikan oleh Menteri KKMM. Selain itu, sebanyak 12 jawatankuasa kerja/teknikal telah ditubuhkan bagi merancang dan menyediakan pelan pelaksanaan program/projek secara komprehensif adalah seperti **Carta 8.1**.

CARTA 8.1
JAWATANKUASA YANG TERLIBAT DENGAN
PELAKSANAAN PROJEK DI BAWAH GERAN DIKN DALAM TEMPOH RMKe-10



Sumber: Bahagian Pembangunan Kandungan, KKMM

Nota: RIM - Persatuan Industri Rakaman Malaysia
PFM - Persatuan Penerbit Filem Malaysia
MyIPO - Perbadanan Harta Intelekt Malaysia

8.1.6. Selaras dengan perenggan 4.3 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, enam (6) agensi pelaksana (kecuali MDeC yang berstatus syarikat Kerajaan) yang menerima peruntukan/geran perlu mematuhi tatacara kewangan Kerajaan semasa melaksanakan projek. Selain itu, sebagai panduan pengurusan geran DIKN, KKMM juga telah mengeluarkan dua (2) garis panduan iaitu Terma

Rujukan Pemberian Geran Pemasaran MTV dan Sokongan Lawatan Artis Ke Luar Negara serta Garis Panduan dan Terma Rujukan Jawatankuasa Penilai GIK bertarikh 22 Mac 2012.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek di bawah geran DIKN telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

8.3. SKOP PENGAUDITAN

8.3.1. Pengauditan melibatkan penilaian terhadap dua (2) daripada tiga (3) komponen geran DIKN iaitu *Quick Wins* dan GIK. Kedua-dua komponen ini dipilih untuk diaudit kerana perbelanjaan yang terlibat adalah bernilai RM109.32 juta (98.7%) daripada keseluruhan perbelanjaan geran DIKN yang bernilai RM110.81 juta. Melalui dua (2) komponen ini, sebanyak 44 program (97.8%) telah dilaksanakan berbanding keseluruhan 45 program.

8.3.2. Daripada 44 program (996 projek) bernilai RM109.32 juta, pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap sembilan (9) program melibatkan 63 projek (6.3%) yang bernilai RM29.31 juta (26.8%). Tujuh (7) daripada sembilan (9) program tersebut melibatkan 36 projek *Quick Wins* bernilai RM12.60 juta manakala baki dua (2) program melibatkan 27 projek GIK bernilai RM16.71 juta. Maklumat komponen geran DIKN, program dan projek yang dipilih untuk diaudit adalah seperti di **Jadual 8.4**.

JADUAL 8.4
MAKLUMAT KOMPONEN GERAN DIKN, PROGRAM DAN
PROJEK YANG DIPILIH UNTUK DIAUDIT

KOMPONEN GERAN DIKN	BILANGAN PROGRAM			BILANGAN PROJEK			JUMLAH PERBELANJAAN		
	POPULASI	SAMPEL	PERATUS (%)	POPULASI	SAMPEL	PERATUS (%)	POPULASI (RM Juta)	SAMPEL (RM Juta)	PERATUS (%)
<i>Quick Wins</i>	41	7	17.1	931	36	3.9	57.98	12.60	21.7
GIK	3	2	66.7	65	27	41.5	51.34	16.71	32.5
KPMI	1	-	-	1	-	-	1.49	-	-
JUMLAH	45	9	20.0	997	63	6.3	110.81	29.31	26.5

Sumber: Bahagian Pembangunan Kandungan, KKMM

8.3.3. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat KKMM melibatkan Bahagian Pembangunan Kandungan, dua (2) agensi pelaksana di bawah KKMM iaitu FINAS dan MDeC, dua (2) agensi pelaksana di bawah MOTAC iaitu JKKN dan KRAFTANGAN, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) selaku pengguna projek serta EPU. Dua (2) bidang Audit utama (*Key Audit Area*) yang dinilai adalah aspek prestasi dan pengurusan projek di bawah geran DIKN bagi tempoh tahun 2012

hingga bulan Ogos 2017. Bagi prestasi projek, perkara yang dinilai meliputi prestasi kewangan, prestasi output dan prestasi *outcome* manakala bagi pengurusan projek pula, perkara yang dinilai meliputi permohonan dan kelulusan geran, penyediaan dokumen perjanjian, pembayaran serta pengurusan perolehan telah disemak. Pengauditan prestasi kewangan hanya tertumpu kepada pemberian geran kepada lima (5) agensi pelaksana iaitu FINAS, MDeC, LPSVN, KRAFTANGAN dan ASWARA.

8.3.4. Semasa pengauditan, pihak Audit berhadapan dengan limitasi apabila pengesahan pelaksanaan projek bagi acara yang telah berlangsung tidak dapat dibuat kerana tiada mekanisme untuk mengesahkan pelaksanaannya. Pengesahan yang dibuat hanya berdasarkan kepada dokumen projek sahaja.

8.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data berkaitan dengan industri kreatif. Selain itu, pengesahan pelaksanaan projek dilaksanakan melalui pemeriksaan fizikal, melayari laman sesawang dan media sosial (*youtube*) serta menonton video cakera padat (VCD) projek. Perbincangan dan temu bual turut diadakan bersama pegawai yang terlibat untuk mendapat penjelasan lanjut.

8.5. RUMUSAN AUDIT

8.5.1. Pengauditan yang telah dijalankan antara bulan April hingga Ogos 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Projek

Keberkesanan pengurusan projek yang menggunakan geran DIKN berjumlah RM120 juta untuk pertumbuhan industri kreatif tidak dapat diukur. Ini adalah kerana KKMM tidak melaksanakan mekanisme penilaian *outcome* khusus daripada geran ini untuk membolehkan sumbangan terhadap hasil eksport kandungan kreatif dinilai. Selain itu, kecekapan pengurusan kewangan dan output projek boleh ditambah baik dengan memastikan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja/Teknikal meningkatkan kawalan pengagihan dan penggunaan geran serta pemantauan kemajuan setiap projek supaya matlamat DIKN tercapai.

b. Pengurusan Projek

Kecekapan pengurusan projek di bawah geran DIKN boleh ditambah baik khususnya berkaitan pembayaran dan pengurusan perolehan dengan memberi tumpuan kepada pematuhan peraturan kewangan. Ini bertujuan untuk memastikan bayaran yang dibuat adalah teratur.

8.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- a. dua (2) projek FINAS bernilai RM2.40 juta yang dilaksanakan sejak tahun 2012 dan 2013 tidak dapat disiapkan sehingga tarikh pengauditan;
- b. tiga (3) projek di bawah JKKN bernilai RM3.61 juta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
- c. baki geran berjumlah RM7.59 juta di empat (4) agensi iaitu FINAS, LPSVN, KRAFTANGAN dan ASWARA yang masih belum dibelanjakan;
- d. tiga (3) bayaran terakhir berjumlah RM0.31 juta bagi dua (2) projek bernilai RM1.98 juta yang dilaksanakan oleh JKKN tidak dibuat pemotongan denda walaupun kedua-dua projek ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan menyebabkan Kerajaan berpotensi mengalami kerugian berjumlah RM0.40 juta; dan
- e. tujuh (7) projek Teknikal Seni Budaya bernilai RM0.25 juta (13.2%) yang diuruskan oleh KRAFTANGAN sepatutnya dilaksanakan melalui tiga (3) sebut harga kerana mempunyai skop kerja yang sama dan nilai perolehan melebihi RM50,000 telah diperoleh secara pembelian terus.

8.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas KKMM dan tujuh (7) agensi pelaksana yang terlibat telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 16 Mac 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

8.6.1. Prestasi Projek

8.6.1.1. Prestasi Kewangan

- a. KKMM telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM120 juta oleh Kementerian Kewangan (MoF) bagi melaksanakan projek DIKN di bawah RMKe-10. Arahan Perbendaharaan 6(ii) menetapkan bahawa apa-apa wang yang diuntukkan bagi sesuatu maksud yang khusus hendaklah diserahkan balik kepada Kumpulan Wang Disatukan sekiranya tidak dibelanjakan bagi maksud tersebut dalam tempoh yang dibenarkan baginya.
- b. Semakan Audit mendapati sepanjang tahun 2012 dan 2013, sejumlah RM112.81 juta (94%) daripada peruntukan berjumlah RM120 juta yang diterima oleh KKMM telah disalurkan sebagai geran secara berperingkat kepada lima (5) agensi pelaksana di bawah KKMM, MOTAC dan MOSTI. Selanjutnya sehingga 31 Ogos 2017, pihak Audit mendapati perbelanjaan yang telah dibuat adalah berjumlah RM105.22 juta (93.3%) menjadikan baki geran yang masih belum dibelanjakan berjumlah RM7.59 juta (6.7%) yang terdiri daripada FINAS (RM4.49 juta), LPSVN (RM0.23 juta), KRAFTANGAN (RM1.52 juta) dan ASWARA (RM1.35 juta). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.5**.

JADUAL 8.5
BAKI GERAN YANG MASIH BELUM DIBELANJAKAN OLEH
AGENSI PELAKSANA DI BAWAH KKMM DAN MOTAC SETAKAT 31 OGOS 2017

AGENSI PELAKSANA	JUMLAH GERAN* (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI GERAN (RM Juta)
Agensi Pelaksana di Bawah KKMM			
MDeC	1.00	1.00	-
FINAS	51.59	47.10	4.49
Agensi Pelaksana di Bawah MOTAC			
LPSVN	1.05	0.82	0.23
KRAFTANGAN	54.17	52.65	1.52
ASWARA	5.00	3.65	1.35
JUMLAH	112.81	105.22	7.59

Sumber: Maklumat kewangan MDeC, FINAS, LPSVN, KRAFTANGAN dan ASWARA

Nota: (*) - Jumlah geran selepas agihan daripada/kepada agensi pelaksana

- c. Semakan Audit mendapati KKMM tidak mengemukakan permohonan lanjutan penggunaan geran kepada MoF selepas tempoh RMKe-10 tamat. Bagaimanapun, hanya selepas teguran Audit pada 21 Disember 2017, pihak Audit mendapati MoF telah mengeluarkan surat kelulusan pada 2 Februari 2018 yang hanya membenarkan baki geran DIKN yang diagihkan kepada agensi-agensi pelaksana di bawah KKMM dikekalkan sehingga ia habis dibelanjakan. Bagaimanapun pada 15 Februari 2018, tiga (3) agensi pelaksana di bawah MOTAC iaitu LPSVN, KRAFTANGAN dan ASWARA telah memulangkan baki geran DIKN berjumlah RM3.10 juta kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Semakan Audit juga mendapati pada 22 Februari 2018, pihak MoF sekali lagi mengeluarkan surat persetujuan kepada FINAS untuk mengekalkan baki geran yang masih belum dibelanjakan berjumlah RM4.02 juta bagi melaksanakan program-program KKMM yang telah dirancang. Justeru itu, baki selebihnya berjumlah RM0.47 juta yang tidak dibelanjakan telah dipulangkan oleh FINAS kepada JANM pada 13 April 2018.
- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Induk Penilai GIK Bilangan 6 Tahun 2012 bertarikh 22 November 2012 dan surat Penyaluran Peruntukan Geran GIK bertarikh 8 Januari 2013 mendapati antara penyebab baki geran DIKN masih belum dibelanjakan oleh FINAS, LPSVN dan KRAFTANGAN adalah kerana Jawatankuasa Induk Penilai GIK bersetuju supaya baki peruntukan berjumlah RM20.32 juta yang masih dipegang oleh KKMM diagihkan sebagai peruntukan tambahan kepada ketiga-tiga agensi ini iaitu FINAS, LPSVN dan KRAFTANGAN mengikut nisbah bilangan projek yang telah diluluskan sebelumnya (10 projek) oleh Jawatankuasa Induk Penilai GIK. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.6**.

JADUAL 8.6
GERAN DIKN UNTUK GIK YANG DISALURKAN
TANPA PENENTUAN PROJEK TERLEBIH DAHULU

JAWATANKUASA TEKNIKAL	AGENSI PELAKSANA	NISBAH AGIHAN LEBIHAN GERAN	BIL. PROJEK DILULUSKAN SEBELUMNYA	GERAN DISALUR (RM Juta)
Multimedia	FINAS	50%	5	10.16
Warisan Budaya	LPSVN	10%	1	2.03
Seni Budaya	KRAFTANGAN	40%	4	8.13
JUMLAH		100%	10	20.32

Sumber: Surat penyaluran peruntukan geran GIK bertarikh 8 Januari 2013

Maklum balas KKMM yang diterima pada 24 April 2018

KKMM telah menambah baik pematuhan kepada peraturan kewangan bagi memastikan semua penyaluran peruntukan ke agensi dibuat berdasarkan projek yang telah diluluskan. Sejak tahun 2015, dua (2) jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Penilai dan Jawatankuasa Pelulus untuk menilai dan meluluskan permohonan Dana Industri Kandungan Digital. Penambahbaikan ini dibuat bagi memastikan tadbir urus KKMM adalah telus dan penyaluran serta pemantauan dana dibuat secara lebih cekap dan teratur.

Pada pendapat Audit, jawatankuasa kerja/teknikal yang memantau pelaksanaan projek-projek yang menerima geran boleh meningkatkan usaha dalam mengawal pengagihan dan penggunaan geran supaya matlamat DIKN tercapai, di samping memastikan keputusan daripada MoF terhadap baki geran yang melangkaui tempoh yang sepatutnya.

8.6.1.2. Pencapaian Output

- Sebanyak 63 projek bernilai RM29.31 juta yang terdiri daripada 36 projek *Quick Wins* dan 27 projek GIK masing-masing bernilai RM12.60 juta dan RM16.71 juta telah disemak adalah seperti di **Jadual 8.7**.

JADUAL 8.7
SENARAI PROJEK QUICK WINS DAN GIK YANG DISEMAK

PROJEK	JAWATANKUASA KERJA/TEKNIKAL	AGENSI PELAKSANA	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
QUICK WINS				
<i>Arts Exchange 2013</i>	Seni Persembahan	JKKN	1	1.08
Gala Diraja Seni Persembahan 2012			1	1.63
<i>Marché International du Disque et de l' Edition Musicale</i> (MIDEM)	Muzik	KPKK	1	0.60
Geran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara			8	0.18
Geran Pemandanan Muzik Televisyen (MTV)			23	0.28

PROJEK	JAWATANKUASA KERJA/TEKNIKAL	AGENSI PELAKSANA	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
<i>KL Converge 2014</i>	Pemasaran, Jualan dan Pengedaran	FINAS	1	7.83
Projek <i>MCode</i>	Multimedia dan Animasi	MDeC	1	1.00
JUMLAH PROJEK QUICK WINS			36	12.60
GIK				
Projek Jawatankuasa Teknikal Multimedia	Multimedia	FINAS	12	13.12
Projek Teknikal Seni Budaya	Seni Budaya	KRAFTANGAN	13	1.89
		JKKN	2	1.70
JUMLAH PROJEK GIK			27	16.71
JUMLAH KESELURUHAN			63	29.31

Sumber: Bahagian Pembangunan Kandungan, KKMM

- b. Selaras dengan Garis Panduan dan Terma Rujukan Jawatankuasa Penilai GIK serta Surat Setuju Terima (SST)/kontrak perjanjian, projek perlu disiapkan mengikut tarikh penyiapan dan sasaran output yang ditetapkan. Semakan Audit setakat 31 Ogos 2017 mendapati perkara seperti berikut:

i. Tempoh Penyiapan Projek

Kesemua 36 projek *Quick Wins* berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala bagi 27 projek GIK pula, sebanyak 18 projek disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, tujuh (7) projek disiapkan selepas tamat tempoh kontrak dan dua (2) projek tidak siap. Bagi projek yang telah siap dilaksanakan oleh KKMM, JKKN, FINAS, KRAFTANGAN dan MDeC, pengesahan projek dibuat berdasarkan pemeriksaan fizikal, melayari laman sesawang dan media sosial (*youtube*) serta menonton VCD projek. Bagaimanapun, pengesahan bagi 24 projek adalah berdasarkan kepada dokumentasi projek sahaja kerana acara telah selesai berlangsung atau filem belum ditayangkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.8**.

JADUAL 8.8
STATUS PELAKSANAAN PROJEK DI BAWAH GERAN DIKN SETAKAT 31 OGOS 2017

STATUS PROJEK	TEMPOH PENYIAPAN PROJEK	BILANGAN PROJEK		
		QUICK WINS	GIK	JUMLAH
Projek Siap	Dalam Tempoh Kontrak	36	18	54
	Selepas Tamat Tempoh Kontrak	-	7	7
JUMLAH		36	25	61
Projek Tidak Siap	Tidak Berkaitan	-	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		36	27	63

Sumber: Jabatan Audit Negara

- **Projek Lewat Disiapkan**

- Sebanyak tujuh (7) projek GIK di bawah Jawatankuasa Teknikal Multimedia bernilai RM8.70 juta yang dilaksanakan oleh FINAS telah lewat disiapkan antara 34 hingga 480 hari daripada tarikh siap sebenar projek. Semakan Audit mendapati FINAS tidak mengeluarkan surat peringatan secara berkala kepada syarikat yang melaksana projek Sambanthan dan Nota. Manakala bagi projek *Portal Group of Designer* pula, walaupun tempoh kelewatan mencecah 480 hari, namun hanya dua (2) surat peringatan sahaja dikeluarkan oleh FINAS. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.9**.

**JADUAL 8.9
PROJEK LEWAT DISIAPKAN**

BIL.	NO. PENDAFTARAN SYARIKAT/ PROJEK	NILAI PERJANJIAN (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK		TARIKH SIAP SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	BILANGAN SURAT PERINGATAN	PUNCA KELEWATAN PROJEK
			ASAL	LANJUTAN				
1.	912783-V/ <i>Portal Group of Designer</i>	1.00	01.12.2013 hingga 01.12.2014	-	25.03.2016	480	2	Penambahbaikan dan Pembetulan Operasi Portal
2.	816241-H/ <i>The Story of Kuala Lumpur</i>	1.50	01.04.2013 hingga 30.03.2014	01.04.2014 hingga 19.03.2015	02.02.2016	320	2	Proses Temuramah Dengan Tokoh Negara Mengambil Masa, Kekurangan Dana
3.	964919-P/ Sambanthan	0.25	April 2013 hingga Julai 2013	-	09.12.2013	131	0	Mengambil Masa Mengetahui Pasti Artis yang Sesuai, Kekurangan Dana
4.	0599890-T/ Hoodwink 2	1.50	01.06.2012 hingga 01.04.2013	02.04.2013 hingga 28.02.2015	14.05.2015	75	2	Kekurangan Dana
5.	0815916-T/ Rentap	1.00	01.06.2013 hingga 31.03.2014	01.04.2014 hingga 30.06.2017	28.08.2017	59	1	Kekurangan Dana
6.	916820-V/ Nota	1.85	Ogos 2012 hingga Oktober 2013	-	26.12.2013	56	0	Masalah Teknikal Semasa Pasca Produksi dan Penundaan Tarikh Penggambaran
7.	1030648-K/ Penculikan Amar Afendi	1.60	April 2013 hingga April 2014	01.05.2014 hingga 25.07.2017	28.08.2017	34	1	Kekurangan Dana
JUMLAH		8.70						

Sumber: Fail projek

- Berdasarkan Garis Panduan dan Terma Rujukan Jawatankuasa Penilai GIK, setiap Jawatankuasa Kerja Teknikal yang bertanggungjawab perlu memberi khidmat nasihat, memantau dan memastikan projek dilaksanakan mengikut ketetapan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jawatankuasa Teknikal Multimedia kurang memantau pelaksanaan projek. Daripada 22 mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Multimedia yang telah diadakan sepanjang tahun 2013 hingga 2015, sebanyak 11 mesyuarat ada membincangkan mengenai tujuh (7) projek lewat

tersebut seperti di **Jadual 8.10**. Bagaimanapun, perbincangan tersebut hanya tertumpu kepada perakuan bayaran projek manakala isu kelewatan tidak dibincangkan.

JADUAL 8.10
MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MULTIMEDIA

BIL.	MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MULTIMEDIA	TARIKH	PROJEK
1.	1/2013	10.01.2013	<i>The Story of</i> Kuala Lumpur
2.	2/2013	23.01.2013	Penculikan Amar Afendi
3.	5/2013	13.06.2013	<i>Hoodwink 2</i> Nota
4.	6/2013	24.07.2013	<i>Hoodwink 2</i> Nota
5.	7/2013	10.09.2013	Sambanthan
6.	8/2013	08.11.2013	Sambanthan
7.	9/2013	24.12.2013	Nota
8.	3/2014	09.07.2014	<i>Portal Group of Designer</i> Rentap
9.	1/2015	13.01.2015	<i>The Story of</i> Kuala Lumpur Penculikan Amar Afendi
10.	2/2015	26.03.2015	Penculikan Amar Afendi
11.	3/2015	13.05.2015	<i>Hoodwink 2</i> Penculikan Amar Afendi

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Multimedia

- Semakan Audit selanjutnya mendapati walaupun terdapat empat (4) projek yang masih belum disiapkan pada penghujung RMKe-10 (akhir tahun 2015), namun mesyuarat terakhir jawatankuasa hanya diadakan pada 13 Mei 2015 dan ini adalah antara faktor yang menyebabkan pelaksanaan projek-projek ini lewat disiapkan. Kelewatan menyiapkan projek yang disebabkan kurang pemantauan mengakibatkan Kerajaan lewat mendapat manfaat daripada perbelanjaan yang dibuat. Bagaimanapun, denda tidak dapat dikenakan kerana terma denda dan penalti tidak dimasukkan dalam kontrak perjanjian yang mana ia bertentangan dengan kehendak Garis Panduan dan Terma Rujukan Jawatankuasa Penilai GIK yang menghendaki program/projek yang tidak siap dalam tempoh ditetapkan perlu dikenakan denda dan penalti bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

Maklum balas FINAS yang diterima pada 22 Februari 2018

FINAS telah mengadakan *retreat* penambahbaikan *Standard Operating Procedures* (SOP) dan garis panduan dana sedia ada pada 4 hingga 6 Januari 2018 dan telah dibentangkan kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KKMM pada 18 Januari 2018. Seterusnya, pihak

Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Kandungan akan mengangkat kepada Ketua Setiausaha, KKMM untuk kelulusan. Antara cadangan penambahbaikan SOP adalah perjanjian akan dibatalkan jika tiada perkembangan projek selepas tiga (3) bulan perjanjian.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Teknikal Multimedia boleh meningkatkan keberkesanan peranan jawatankuasa dengan memberi khidmat nasihat yang berterusan dan pemantauan yang rapi terhadap penerima geran bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

- **Projek Tidak Siap**

Sebanyak dua (2) projek FINAS di bawah Jawatankuasa Teknikal Multimedia iaitu *The River Warrior* dan Poh-Tato yang dilaksanakan sejak tahun 2012 dan 2013 tidak dapat disiapkan sehingga tarikh pengauditan. Setakat 31 Ogos 2017, kedua-dua projek ini telah berusia melebihi empat (4) tahun dan sepatutnya disiapkan pada bulan Februari 2015 dan Disember 2014 masing-masingnya. Kegagalan menyiapkan kedua-dua projek menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat iaitu berjumlah RM1.44 juta. Manakala denda terhadap kedua-dua syarikat tidak dapat dikenakan kerana terma denda dan penalti tidak dimasukkan dalam kontrak perjanjian yang mana ia bertentangan dengan kehendak Garis Panduan dan Terma Rujukan Jawatankuasa Penilai GIK seperti di **Jadual 8.11**.

JADUAL 8.11
MAKLUMAT PROJEK TIDAK SIAP SETAKAT 31 OGOS 2017

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	NAMA PROJEK	NILAI PERJANJIAN (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK		TEMPOH KELEWATAN* (Hari)	PEMBAYARAN YANG TELAH DIBUAT*	
			ASAL	PELANJUTAN		(RM Juta)	PERATUS (%)
0936186-X	<i>The River Warrior</i>	2.00	17.12.2012 hingga 30.11.2013	01.12.2013 hingga 28.02.2015	915	1.20	60
891466-D	Poh-Tato	0.40	Ogos 2013 hingga Disember 2014	-	974	0.24	60
JUMLAH		2.40				1.44	60

Sumber: Fail projek

Nota: Setakat tarikh pengauditan 31 Ogos 2017

- **Projek *The River Warrior***

Semakan Audit mendapati surat peringatan tidak dikeluarkan oleh FINAS kepada syarikat yang melaksanakan projek *The River Warrior* walaupun telah lewat selama 915 hari setakat 31 Ogos 2017. Seterusnya, berdasarkan Laporan Kronologi Pembiayaan Geran Industri Kreatif bertarikh 28 Januari 2015, FINAS melaporkan syarikat masih belum mengemukakan Jadual Gerak Kerja terkini, Laporan Perbelanjaan, dokumen sokongan penajaan dana lain dan salinan treler. Walaupun syarikat tidak dapat menyiapkan projek, namun denda terhadap syarikat tidak dapat dikenakan kerana syarat denda tidak dimasukkan dalam syarat kontrak.

- **Projek Poh-Tato**

Bagi projek Poh-Tato pula, FINAS hanya mengeluarkan surat peringatan kepada syarikat yang dilantik pada 7 Januari 2015 iaitu selepas tempoh kontrak syarikat tamat pada bulan Disember 2014. Semakan Audit mendapati pada 11 dan 28 Januari 2015, syarikat telah mengemukakan permohonan penangguhan penghantaran produk akhir kepada FINAS dan surat susulan pada 9 Ogos 2016 dikemukakan oleh syarikat setelah tidak mendapat maklum balas daripada FINAS. Namun, denda terhadap syarikat juga tidak dapat dikenakan kerana syarat denda tidak dimasukkan dalam syarat kontrak.

Maklum balas FINAS yang diterima pada 1 Mac 2018

Setelah teguran Audit, kedua-dua perjanjian telah ditamatkan melalui keputusan Mesyuarat Penamatan Perjanjian Projek GIK (Multimedia) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah FINAS pada 27 Februari 2018. FINAS juga sedang berbincang dengan pihak peguam untuk mengambil tindakan perundangan. Tindakan segera juga diambil untuk menyenaraihitamkan kedua-dua syarikat dan penerbit berkenaan.

Pada pendapat Audit, Jawatankuasa Teknikal Multimedia yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek *The River Warrior* dan Poh-Tato boleh memberi khidmat nasihat dan meningkatkan pemantauan kemajuan projek supaya matlamat DIKN tercapai.

ii. **Pencapaian Sasaran Output**

Sebanyak 58 (95.1%) projek siap telah mencapai sasaran output yang ditetapkan seperti di **Jadual 8.12** manakala tiga (3) (4.9%) projek di bawah JKKN bernilai RM3.61 juta tidak mencapai sasaran yang

ditetapkan. Tiga (3) projek ini terdiri daripada dua (2) projek *Quick Wins* bernilai RM2.71 juta iaitu *Art Exchange 2013* dan Gala Diraja Seni Persembahan 2012 serta satu (1) projek GIK bernilai RM0.90 juta iaitu Pementasan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong adalah seperti di **Jadual 8.13**. Jumlah kerugian berpotensi akibat denda yang tidak dikutip oleh Kerajaan sekurang-kurangnya berjumlah RM0.40 juta berdasarkan perkiraan Audit. Berdasarkan analisis Audit, walaupun syarikat ada mengemukakan laporan pencapaian projek, namun berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Kerja Seni Persembahan dan Jawatankuasa Teknikal Seni Budaya didapati kedua-dua jawatankuasa ini tidak memantau pencapaian projek kerana mesyuarat terakhir bagi kedua-dua jawatankuasa ini hanya pada 28 Mei 2012 dan 12 Mac 2013 masing-masingnya.

JADUAL 8.12
PROJEK MENCAPAI SASARAN YANG DITETAPKAN

KOMPONEN GERAN DIKN	PROJEK	NILAI PERJANJIAN (RM Juta)	BILANGAN PROJEK	SASARAN	PENCAPAIAN
Quick Wins	<i>Marché International du Disque et de l'Édition Musicale (MIDEM)*</i>	0.60	1	<ul style="list-style-type: none"> Pulangan pelaburan sebanyak RM300,00 pada tahun 2013. Lima (5) ikatan perniagaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pulangan pelaburan MIDEM pada tahun 2014 adalah berjumlah RM2.81 juta. 56 ikatan perniagaan.
	Geran Sokongan Lawatan Artis ke Luar Negara	0.18	8	Membantu penggiat industri muzik tanah air bagi mempromosi persembahan mereka di luar negara.	Lapan (8) lawatan artis ke luar negara
	Geran Pemandaran Muzik Televisyen (MTV)	0.28	23	Membantu <i>local talents</i> dalam penghasilan lebih banyak MTV berkualiti.	23 MTV
	<i>KL Converge 2014</i>	7.83	1	<ul style="list-style-type: none"> Pengunjung seramai 16,500 orang. Pulangan pelaburan berjumlah RM8.79 juta. 	<ul style="list-style-type: none"> Pengunjung seramai 22,500 orang. Pulangan pelaburan berjumlah RM13.24 juta.
	Projek <i>MCode</i>	1.00	1	Menyediakan <i>rich media</i> di Muzium Negara untuk menambah baik pengalaman pengunjung serta menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.	<ul style="list-style-type: none"> 850 artifak muzium dilengkapi dengan <i>QR Codes</i>. 10 peluang pekerjaan diwujudkan.
GIK	Multimedia	11.68	10	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan produk multimedia yang berkualiti untuk pasaran tempatan dan eksport. Melahirkan modal insan terlatih dalam bidang multimedia. Menggalakkan perkongsian teknologi multimedia di peringkat serantau/antarabangsa. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiga (3) cereka. Satu (1) dokumentari. Satu (1) animasi. Satu (1) <i>game</i>. Satu (1) projek digital. Satu (1) <i>ebook</i>. Satu (1) telemovie. Dua (2) bengkel pembangunan modal insan.

KOMPONEN GERAN DIKN	PROJEK	NILAI PERJANJIAN (RM Juta)	BILANGAN PROJEK	SASARAN	PENCAPAIAN
	Seni Budaya	1.89	13	<ul style="list-style-type: none"> Menonjolkan seni budaya masyarakat Malaysia. Menghasilkan produk untuk pasaran dalam dan luar negara. Meningkatkan kemahiran penggiat industri. Meningkatkan penggunaan teknologi bagi menghasilkan produk yang lebih kreatif. 	13 projek pembangunan pasaran kraf, produktiviti dan kualiti
		0.50	1	<i>Audience development</i> (sasaran 6,000 pengunjung).	Pengunjung seramai 31,430 orang
JUMLAH		23.96	58		

Sumber: Laporan Kemajuan *Quick Wins* dan GIK bulan April 2015

Nota: (*) - Projek sepatutnya dilaksanakan pada tahun 2013 telah ditangguh dan dilaksanakan pada tahun 2014

JADUAL 8.13
PROJEK YANG TIDAK MENCAPAI SASARAN YANG DITETAPKAN

KOMPONEN GERAN DIKN	PROJEK	NILAI PERJANJIAN (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK/ TARIKH PELAKSANAAN	SASARAN	PENCAPAIAN
<i>Quick Wins</i>	<i>Arts Exchange 2013</i>	1.08	25.08.2013 hingga 01.11.2013	Lapan (8) Kandungan Berserta Transkripsi	Dua (2) Kandungan Berserta Transkripsi
	Gala Diraja Seni Persembahan 2012	1.63	12.11.2012	Hasil Kutipan Berjumlah RM1.63 juta	Hasil Kutipan Berjumlah RM746,742
GIK	Pementasan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong	0.90	10.03.2016 hingga 30.06.2016	70% Daripada Bilangan Tiket Untuk Jualan Perlu Dijual	14.0% hingga 56.6% Daripada Bilangan Tiket Untuk Jualan
JUMLAH		3.61			

Sumber: Fail projek dan Laporan Pencapaian Projek

Penjelasan lanjut setiap projek yang tidak mencapai sasaran adalah seperti perenggan berikut:

- **Projek *Arts Exchange 2013***

- Projek *Arts Exchange 2013* merupakan satu (1) projek bengkel teater yang dilaksanakan di Malaysia dan Republik Islam Iran dengan melibatkan penyertaan artis tempatan dan luar negara bertujuan mewujudkan kandungan teater baru beridentitikan Malaysia. Projek ini dilaksanakan oleh persatuan yang dilantik dengan perjanjian bernilai RM1.08 juta. Mengikut Klausula 7 kontrak perjanjian, syarikat perlu melaksanakan sekurang-kurangnya lapan (8) kandungan berserta transkripsi bagi setiap

kandungan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati persatuan hanya melaksanakan dua (2) kandungan berserta transkripsi (25%) adalah seperti di **Jadual 8.14** dengan kos berjumlah RM0.76 juta manakala baki berjumlah RM0.32 juta digunakan untuk perbelanjaan lain seperti bayaran kos produksi, urusan visa dan permit serta pengiklanan.

JADUAL 8.14
MAKLUMAT KANDUNGAN BARU ART EXCHANGE 2013

NAMA KANDUNGAN	TEMPOH KOLABORASI	KOS KANDUNGAN (RM)
The Outreach Mode: The Mythical Month	25.08.2013 - 01.11.2013	352,150
The Creation Mode: Nama Kamu Atas Perahu	15.10.2013 - 01.11.2013	404,850
JUMLAH		757,000

Sumber: Laporan Pencapaian *Art Exchange 2013*

- Berdasarkan temu bual dengan pegawai JKKN, pihak Audit mendapati sebelum SST dikeluarkan pada 23 Ogos 2013, pihak JKKN dan persatuan telah bersetuju untuk mengurangkan bilangan kandungan yang perlu dilaksanakan iaitu daripada lapan (8) kepada dua (2) kandungan. Ini kerana berlaku peningkatan kos apabila pihak JKKN dan persatuan bersetuju supaya pelaksanaan dan pementasan *Arts Exchange 2013* dibuat di Republik Islam Iran serta melibatkan penyertaan artis luar negara. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati walaupun JKKN telah bersetuju hanya dua (2) kandungan perlu dilaksanakan oleh persatuan, namun semasa mendapatkan kelulusan JTP pada 3 September 2013, pihak JKKN sebaliknya memaklumkan bahawa projek ini mensasarkan lapan (8) kandungan dengan jumlah geran yang telah diluluskan adalah berjumlah RM1.08 juta.
- Klausula 18 kontrak perjanjian menyatakan sekiranya berlaku pelanggaran terma dan syarat perjanjian, Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk menamatkan perjanjian dan mengenakan denda dengan jumlah tidak melebihi 20% daripada nilai perjanjian. Selain itu, klausula ini juga ada menyatakan Kerajaan berhak memotong sebarang bayaran yang perlu dibayar oleh pihak Kerajaan kepada penganjur sebagai denda atau pampasan serta menuntut pembayaran daripada penganjur sekiranya potongan tersebut tidak mencukupi untuk menampung tuntutan Kerajaan. Bagaimanapun berdasarkan perkiraan Audit, denda berjumlah RM0.22 juta tidak dikenakan walaupun persatuan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Maklum balas JKKN yang diterima pada 22 Februari 2018

JKKN memaklumkan persetujuan untuk mengurangkan kandungan daripada lapan (8) kepada dua (2) kandungan adalah melalui perbincangan antara persatuan dengan JKKN yang diadakan pada tahun 2013 dan mengakui tiada perubahan skop kerja serta *addendum* dibuat terhadap perubahan yang telah dipersetujui. Sebagai langkah penambahbaikan, JKKN telah membuat semakan yang terperinci ke atas pelaksanaan kontrak dan telah memberi latihan kepada pegawai dalam pengurusan pentadbiran kontrak.

- **Projek Gala Diraja Seni Persembahan 2012**

Projek Gala Diraja Seni Persembahan 2012 diwujudkan sebagai platform bagi membantu industri seni persembahan dan meningkatkan profil seni persembahan di kalangan pihak swasta. Bagi pelaksanaan projek ini, syarikat yang dilantik perlu menasarkan hasil kutipan projek sebanyak RM1.63 juta iaitu bersamaan dengan nilai perjanjian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hasil yang berjaya dikutip hanya sebanyak RM0.75 juta iaitu kurang daripada nilai sasaran kerana program ini merupakan program pertama serta julung kali diadakan. Namun, denda tidak dikenakan terhadap syarikat yang gagal mencapai sasaran yang ditetapkan.

Maklum balas JKKN yang diterima pada 22 Februari 2018

JKKN telah mengambil langkah penambahbaikan dan kawalan dalaman semasa pelaksanaan projek Gala Diraja Seni Persembahan 2013.

- **Projek Pementasan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong**

- Projek Pementasan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong telah dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik melalui tiga (3) perjanjian bernilai RM1.20 juta yang ditandatangani pada 10 Oktober 2013. Dua (2) daripada tiga (3) perjanjian tersebut adalah seperti di **Jadual 8.15** menetapkan supaya sekurang-kurangnya 70% daripada bilangan tiket untuk jualan perlu dijual. Berdasarkan laporan pencapaian projek yang disediakan oleh syarikat, bilangan tiket yang dikeluarkan untuk jualan bagi KLPaC/PenangPaC dan The Tabernacle, Notting Hill, London adalah sebanyak 2,000 tiket dan 200 tiket masing-masingnya. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sasaran 70% jualan tiket tidak tercapai kerana pementasan tersebut kurang mendapat sambutan daripada orang ramai. Kedua-dua persembahan tersebut hanya mencapai jualan sebanyak 1,131 tiket (56.6%) dan 28 tiket (14%) daripada bilangan keseluruhan tiket untuk

dijual. Selain itu, berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Seni Budaya dan Jawatankuasa Geran Induk GIK, pemantauan tidak dibuat terhadap pencapaian sasaran bagi projek ini memandangkan mesyuarat terakhir bagi kedua-dua jawatankuasa ini masing-masingnya adalah pada 12 Mac dan 22 April 2013 iaitu sebelum tempoh kontrak bermula (5 Julai 2013 dan 10 Mac 2016).

JADUAL 8.15
SASARAN DAN PENCAPAIAN JUALAN TIKET
BAGI PEMENTASAN MUZIK OPERA VISUAL MELAYU PUTERI SAADONG

PERJANJIAN	NILAI PERJANJIAN (RM)	TEMPOH KONTRAK	BILANGAN TIKET		
			UNTUK DIJUAL	SASARAN	*DIJUAL
Perkhidmatan Mengurus dan Mementaskan Muzik Opera Visual Puteri Saadong di Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPaC) dan Penang Performing Arts Centre (PenangPaC), Malaysia	600,000	05.07.2013 hingga 01.10.2015	2,000	1,400	1,131
Perkhidmatan Mengurus dan Mementaskan Muzik Opera Visual Puteri Saadong di The Tabernacle, Notting Hill, London	300,000	10.03.2016 hingga 30.06.2016	200	140	28
JUMLAH	900,000				

Sumber: Kontrak Perjanjian Perkhidmatan Mengurus dan Mementaskan Muzik Opera Visual Puteri Saadong serta Laporan Pencapaian Projek

Nota: (*) - Berdasarkan Klausula 8 dan Klausula 15 kontrak perjanjian, 70% daripada bilangan tiket untuk jualan perlu dijual

- Mengikut Klausula 12 kontrak perjanjian tambahan Perkhidmatan Mengurus dan Mementaskan Muzik Opera Visual Puteri Saadong di KLPaC dan PenangPaC dan Klausula 12 kontrak perjanjian Perkhidmatan Mengurus dan Mementaskan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong di The Tabernacle, Notting Hill, London, Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk mengenakan denda dengan jumlah minima 20% daripada nilai perjanjian atau apa-apa nilai yang munasabah sebagai ganti rugi kepada Kerajaan. Sehubungan ini, Kerajaan boleh mengenakan denda berjumlah RM0.18 juta kepada syarikat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati denda tidak dikenakan terhadap syarikat yang gagal mencapai sasaran seperti yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Namun begitu semasa *Exit Conference* pada 16 Mac 2018, pihak Audit mengambil kira penjelasan JKKN bahawa terdapat faktor-faktor berkaitan *intangibile* seperti pementasan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong dalam Bahasa Melayu yang merupakan pementasan pertama dilaksanakan di dalam negara dan luar negara serta pementasan ini telah berjaya mengangkat kesenian opera dalam inovasi persembahan. Walaupun tidak mencapai sasaran sepenuhnya tetapi wujud ruang peningkatan prestasi dalam pelbagai aspek.

Maklum balas JKKN yang diterima pada 27 Februari 2018

JKKN mengambil maklum teguran pihak Audit berhubung pematuhan terhadap terma dan syarat dalam perjanjian dan telah membuat penambahbaikan.

Pada pendapat Audit, jawatankuasa teknikal yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek-projek yang menerima geran DIKN boleh meningkatkan pemantauan kemajuan dan pencapaian projek supaya matlamat DIKN tercapai.

8.6.1.3. Pencapaian *Outcome*

Objektif pemberian geran adalah untuk menyokong pertumbuhan industri kreatif supaya mencapai matlamat DIKN yang ditetapkan. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 (Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan) juga menetapkan Kementerian, Jabatan dan Agensi membuat penilaian *outcome* dan impak terhadap sesuatu program/projek pembangunan yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati KKMM telah menetapkan sasaran hasil eksport kandungan kreatif sebagai pengukur kepada pencapaian industri kreatif. Bagaimanapun, KKMM tidak menetapkan sebarang indikator bagi menilai pencapaian *outcome* khusus bagi geran DIKN berjumlah RM120 juta. Selain itu, penilaian terhadap pencapaian geran ini juga tidak dilaksanakan. Ini menyebabkan sumbangan geran ini terhadap hasil eksport kandungan kreatif tidak dapat ditentukan.

Maklum balas KKMM yang diterima pada 28 Mac 2018

Pencapaian *outcome* bagi geran DIKN berjumlah RM120 juta tidak dapat diukur secara khusus kerana Laporan Tahunan Program Transformasi Ekonomi meliputi kesemua pencapaian inisiatif-inisiatif selain daripada geran DIKN RMKe-10. Bagaimanapun, sektor industri kreatif merupakan salah satu penyumbang kepada pendapatan negara dengan merujuk kepada peningkatan hasil eksport kandungan kreatif yang melebihi daripada sasaran yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, KKMM dan agensi pelaksana disaran mewujudkan indikator (*tangible* dan *intangible outcome*) untuk membolehkan penilaian *outcome* geran DIKN dibuat bagi mengukur sumbangan terhadap pertumbuhan industri kreatif.

8.6.2. Pengurusan Projek

Untuk memastikan projek DIKN telah dilaksanakan mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan, beberapa aspek pematuhan dalam pengurusan projek di bawah geran DIKN telah disemak. Hasil semakan Audit mendapati permohonan projek telah dibuat dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan serta projek telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa sewajarnya. Manakala 47 projek bernilai RM19.98 juta yang perlu disediakan kontrak perjanjian telah mematuhi kehendak peraturan. Bagaimanapun, pengurusan projek di bawah geran DIKN boleh dipertingkatkan dengan memberi perhatian kepada aspek pembayaran dan pengurusan perolehan seperti berikut:

8.6.2.1. Pembayaran

Arahan Perbendaharaan 99 antaranya menetapkan bayaran yang dibuat adalah tepat berdasarkan syarat kontrak. Semakan Audit terhadap 139 baucar bayaran bernilai RM28.31 juta mendapati tiga (3) bayaran terakhir berjumlah RM0.31 juta bagi dua (2) projek bernilai RM1.98 juta yang dilaksanakan oleh JKKN tidak dibuat pemotongan denda walaupun kedua-dua projek ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Ini telah menyebabkan Kerajaan berpotensi mengalami kerugian berjumlah RM0.40 juta berdasarkan perkiraan Audit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.16**.

JADUAL 8.16
SENARAI BAUCAR BAYARAN AKHIR YANG DIBUAT BAYARAN SEPENUHNYA
WALAUPI PROJEN TIDAK MENCAPI SASARAN YANG DITETAPKAN

BIL.	NAMA PROJEK	NILAI PERJANJIAN (RM Juta)	BUTIRAN PEMBAYARAN		ANGGARAN DENDA YANG TIDAK DIKENAKAN (RM)
			NOMBOR/ TARIKH BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	
1.	<i>Arts Exchange 2013</i>	1.08	1927149127 / 26.12.2013	216,480	216,480
2.	Pementasan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong - KLPaC dan PenangPaC, Malaysia	0.60	1927165136 / 22.09.2015	60,000	120,000
	Pementasan Muzik Opera Visual Melayu Puteri Saadong (dua (2) perjanjian) - The Tabernacle, Notting Hill, London	0.30	1927170711 / 18.07.2016	30,000	60,000
JUMLAH		1.98		306,480	396,480

Sumber: Baucar bayaran projek

Maklum balas JKKN yang diterima pada 27 Februari 2018

JKKN mengambil maklum teguran pihak Audit berhubung pematuhan terhadap terma dan syarat dalam perjanjian dan telah membuat penambahbaikan.

Pada pendapat Audit, JKKN perlu memastikan syarikat telah memenuhi obligasinya berdasarkan syarat kontrak sebelum bayaran akhir dibuat bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah teratur.

8.6.2.2. Pengurusan Perolehan Projek

Perenggan 3(ii) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 menyatakan agensi dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan untuk mengelakkan daripada pelawaan sebut harga dan tender. Selain itu, Arahan Perbendaharaan 170.1 menghendaki supaya perolehan perlu dibuat secara sebut harga apabila nilai perolehan bagi skop kerja yang sama melebihi RM50,000. Semakan Audit mendapati tujuh (7) projek Teknikal Seni Budaya bernilai RM0.25 juta (13.2%) yang diuruskan oleh KRAFTANGAN sepatutnya dilaksanakan melalui tiga (3) sebut harga kerana mempunyai skop kerja yang sama dan melebihi RM50,000 telah dibuat secara pembelian terus seperti di **Jadual 8.17**. Perolehan bagi skop kerja yang sama ini turut diperoleh pada tarikh dan daripada syarikat yang sama.

JADUAL 8.17
PEROLEHAN PROJEK TEKNIKAL SENI BUDAYA YANG DIPECAHKECILKAN

BIL.	NAMA PROJEK	NOMBOR/ TARIKH PESANAN TEMPATAN	SYARIKAT	NOMBOR/ TARIKH BAUCAR BAYARAN	JUMLAH BAUCAR BAYARAN (RM)
1.	Pakej Penginapan Mesyuarat dan Makmal Pemasaran dan Pembangunan Produk	019428-00 / 01.11.2012	244227-A	1027137758 / 23.11.2012	30,700
2.		019429-00 / 01.11.2012			41,580
JUMLAH					72,280
3.	Membina Pentas Kayu dan Ruang Pameran Khas Sempena Promosi Kraf Inspirasi Alam 2012	019437-00 / 06.11.2012	001451950-T	1927137760 / 23.11.2012	35,581
4.	Membina <i>Planter Box</i> , Kolam Air dan Permaidani Rumput di Ruang Pameran Khas Sempena Promosi Kraf Inspirasi Alam 2012	019438-00 / 06.11.2012			27,926
5.	Membina Pentas Kayu dan Ruang Pameran Khas di Khemah Laman Plaza Sempena Promosi Kraf Inspirasi Alam 2012	019439-00 / 06.11.2012			25,518
JUMLAH					89,025
6.	Perkhidmatan Membina Struktur Pavillion Untuk Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di MITC Melaka	019732-00 / 21.12.2012	Tiada Maklumat Dalam Rekod SSM	1927139345 / 18.01.2013	45,882
7.		019733-00 / 21.12.2012	278451-X	1927139346 / 18.01.2013	38,924
JUMLAH					84,806
JUMLAH KESELURUHAN					246,111

Sumber: Baucar bayaran KRAFTANGAN

Maklum balas KRAFTANGAN yang diterima pada 22 Februari 2018

KRAFTANGAN telah mengeluarkan surat peringatan bertariikh 15 Februari 2018 kepada Pengarah KRAFTANGAN bagi memastikan tatacara dan prosedur perolehan Kerajaan dipatuhi. KRAFTANGAN akan mewujudkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman berhubung teguran Audit tersebut. Selain itu, KRAFTANGAN juga telah membuat penambahbaikan prosedur perolehan dengan menerima pakai Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* yang dikeluarkan oleh MoF dan telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Bilangan 3 Tahun 2017 pada 6 Disember 2017.

Pada pendapat Audit, amalan pecah kecil perolehan hendaklah dielakkan kerana ia membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa dan penyelewangan.

8.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pemberian geran yang lain pada masa akan datang, adalah disyorkan supaya KKMM dan agensi pelaksana yang terlibat mengambil tindakan berikut:

8.7.1. KKMM hendaklah menyalurkan peruntukan/geran untuk program/projek yang telah dikenal pasti dan memastikan agensi pelaksana memulangkan baki peruntukan/geran yang tidak dibelanja kepada KKMM;

8.7.2. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah memastikan hasil eksport kandungan kreatif (*tangible outcome*) daripada geran yang diterima khusus untuk industri kreatif dibuat pengukuran dan penilaian. Selain itu, output/*outcome* projek tidak diukur secara kuantitatif (*tangible outcome*) semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira pencapaian *intangible outcome* seperti kejayaan mengetengahkan budaya tempatan serta identiti kebangsaan di peringkat global, peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan dan potensi industri kreatif, pembudayaan harta intelek serta inovasi dan eksploitasi teknologi ke arah penghasilan produk-produk baru yang diperolehi daripada projek-projek yang dilaksanakan. Selain itu, pencapaian output/*outcome* berdasarkan indikator yang ditetapkan perlu dinilai secara berkala supaya penambahbaikan boleh dibuat dari semasa ke semasa;

8.7.3. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Surat Setuju Terima/dokumen kontrak berserta jumlah penyaluran yang patut diberi setelah setiap KPI tersebut dicapai bagi menjaga kepentingan Kerajaan;

8.7.4. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah memastikan bayaran penuh kepada syarikat hanya dibuat setelah syarikat memenuhi obligasinya seperti yang ditetapkan dalam dokumen kontrak; dan

8.7.5. KKMM dan agensi pelaksana hendaklah memastikan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja/Teknikal yang ditubuhkan memantau pelaksanaan kemajuan dan pencapaian bagi setiap projek untuk memastikan Kerajaan memperoleh pulangan yang optimum (*best value for money*) terhadap perbelanjaan yang dibuat.

9. PENGURUSAN PEMBINAAN GARAJ UTAMA KENDERAAN 8X8 DAN KENDERAAN PASUKAN SERTA INFRASTRUKTUR DI KEM BATU 10, KUANTAN, PAHANG DAN KEM SUNGGALA, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Kementerian Pertahanan Malaysia (Kementerian) telah merancang projek pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur untuk dilaksanakan menerusi pembiayaan Perbelanjaan Pembangunan (DE), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) *Rolling Plan* Kedua dengan siling projek berjumlah RM145.18 juta. Projek ini merangkumi pembinaan garaj di Kem Batu 10 Kuantan, Pahang, Kem Sunggala Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kem Lapangan Terbang Sungai Petani, Kedah. Perancangan ini bermula sejak tahun 2011 serentak dengan perancangan perolehan Kenderaan Perisai 8X8 yang telah diterima secara berperingkat mulai tahun 2015.

9.1.2. Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur di Kem Batu 10 Kuantan (Garaj Kuantan) dan di Kem Sunggala Port Dickson (Garaj Port Dickson) telah dilaksanakan melalui Tender Terbuka (Khas Bumiputera) secara Konvensional (Dalaman) di mana Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek. Proses tender telah dibuat pada tahun 2013 dan syarikat yang berjaya mendapat tawaran tender adalah syarikat 399526-H dengan nilai kontrak berjumlah RM41.71 juta (nilai kontrak selepas pelarasan harga adalah RM37.79 juta) bagi Garaj Kuantan dan syarikat 360446-A dengan nilai kontrak berjumlah RM51.99 juta (nilai kontrak selepas pelarasan harga adalah RM50.28 juta) bagi Garaj Port Dickson.

9.1.3. Tempoh kontrak pembinaan Garaj Kuantan bermula pada 22 April 2014 hingga 19 Oktober 2015 (78 minggu) dan diluluskan dua (2) Lanjutan Masa/*Extension of Time* (EOT) dengan tarikh siap sepatutnya adalah pada 29 November 2016. Manakala bagi Garaj Port Dickson, tempoh kontrak bermula pada 22 Januari 2015 hingga 8 Jun 2016 (72 minggu) dan dilanjutkan sehingga 30 Ogos 2017 selepas tiga (3) EOT diluluskan.

9.1.4. Walaupun lanjutan masa telah diluluskan, projek masih gagal disiapkan bagi kedua-dua projek. Perakuan Kerja Tidak Siap/*Certificate of Non-Completion* (CNC) telah dikeluarkan pada 28 November 2016 bagi projek pembinaan Garaj Kuantan dan dikenakan denda yang bernilai RM7,549.27 sehari manakala CNC bagi projek pembinaan Garaj Port Dickson dikeluarkan pada 30 Ogos 2017 dengan denda bernilai RM9,409.53 sehari.

9.1.5. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah Kadar Denda dan Gantirugi Ditetapkan/ *Liquidated and Ascertained Damages* (LAD) yang dikenakan terhadap syarikat 399526-H dan 360446-A masing-masing berjumlah RM2.99 juta dan RM1.16 juta. Butiran kontrak dan lokasi projek adalah seperti di **Jadual 9.1**.

JADUAL 9.1
MAKLUMAT KONTRAK

BUTIRAN KONTRAK	GARAJ KUANTAN	GARAJ PORT DICKSON
Nombor Kontraktor	399526-H	360446-A
Harga Kontrak	RM41,708,656.67	RM51,986,346.22
Harga Kontrak Selepas Pelarasan	RM37,791,197.44	RM50,275,885.34
Agensi Pelaksana	Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia	
Pegawai Penguasa	Pengarah JKR Negeri Pahang	Pengarah JKR Negeri Sembilan
Wakil Pegawai Penguasa	Jurutera Daerah Kuantan	Jurutera Daerah Port Dickson
Kaedah Perolehan	Tender Terbuka (Khas Bumiputera)	
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional (Dalaman)	
Tarikh Surat Setuju Terima	31 Mac 2014	19 Disember 2014
Tarikh Milik Tapak	22 April 2014	22 Januari 2015
Tarikh Tandatanganan Kontrak	12 Julai 2014	14 April 2015
Tarikh Siap Asal Projek	19 Oktober 2015	08 Jun 2016
Lanjutan Masa (EOT)	EOT 1: 20.10.2015 – 20.05.2016 (214 hari) EOT 2: 21.05.2016 – 29.11.2016 (193 hari)	EOT 1: 09.06.2016 – 20.03.2017 (285 hari) EOT 2: 21.03.2017 – 25.06.2017 (97 hari) EOT 3: 26.06.2017 – 30.08.2017 (66 hari)
Tarikh Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC)	28 November 2016	30 Ogos 2017
Kadar LAD	RM7,549.27 sehari	RM9,409.53 sehari

Sumber: Dokumen kontrak dan fail, Jabatan Kerja Raya

9.1.6. Objektif projek pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur ini adalah bagi penyimpanan, pengoperasian dan penyenggaraan Kenderaan Perisai 8X8 serta Kenderaan Pasukan yang sedia ada. Skop projek adalah seperti di **Jadual 9.2**.

JADUAL 9.2
SKOP PEMBINAAN PROJEK

SKOP KERJA	BUTIRAN	
	GARAJ KUANTAN	GARAJ PORT DICKSON
Kerja-Kerja Bangunan	Garaj Alpha, Bravo, Charlie (60 unit)	Garaj Skuadron A (20 unit)
	Garaj Worksyop [tujuh (7) unit]	Garaj Skuadron B (20 unit)
	Garaj Markas Rejimen (17 unit)	Garaj Skuadron C (20 unit)
	Garaj Worksyop KJA [enam (6) <i>repair bay</i> + dua (2) <i>inspection bay</i>]	Satu (1) Blok Garaj Markas Rejimen 7 Skuadron <i>Surveillance</i> (17 unit)
	<i>Washing Bay</i>	Satu (1) Blok Garaj Worksyop Armor (11 unit)
	Rumah Tangki dan Pam	Satu (1) Blok Stor Kuartermaster Teknikal
	Menara Tangki Air (3 in 1)	Satu (1) Blok Kumpulan Stor Ordnan Diraja dan Semboyan
	Rumah Tangki <i>Hose Reel</i> dan Pam	Satu (1) Blok <i>Washing Bay</i>
	Pencawang TNB	
	Pos Pengawal	
	Rumah Sampah	

SKOP KERJA	BUTIRAN	
	GARAJ KUANTAN	GARAJ PORT DICKSON
Kerja-Kerja Sekitar Bangunan	Longkang, Pagar Keselamatan dan Jalan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Site Clearance and Earthworks</i> • <i>Roadworks, Drainage Works, Sewerage Works and Water Reticulation Works</i> • <i>Ancillary Building</i> merangkumi Pencawang TNB; Pos Pengawal; Menara Tangki Air; Rumah Tangki <i>Hose Reel</i> dan Pam; Rumah Tangki dan Pam serta Rumah Sampah

Sumber: Dokumen kontrak dan fail, Jabatan Kerja Raya

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan untuk mencapai objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua bidang Audit utama iaitu prestasi projek pembinaan dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan prestasi kewangan, pencapaian fizikal dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan projek dinilai berdasarkan pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, kualiti pembinaan dan pemantauan. Pengauditan telah dijalankan di Cawangan Kerja Keselamatan JKR, JKR Daerah Kuantan dan Port Dickson, Bahagian Pembangunan (Unit Darat, Unit Teknikal, Unit Tanah dan Unit Pengurusan Kewangan) Kementerian dan Pasukan Projek Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur di Kem Batu 10, Kuantan Pahang dan Kem Sunggala Port Dickson. Pengauditan meliputi tempoh tahun 2014 sehingga 2017.

9.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen, testimoni melalui temu bual dan analisis terhadap data. Pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan terhadap projek dan kerja pembinaan di Kem Batu 10, Kuantan pada 22 November 2017 dan 21 Februari 2018 manakala lawatan ke Kem Sunggala, Port Dickson telah diadakan pada 27 dan 28 November 2017.

9.5. RUMUSAN AUDIT

9.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Projek Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur

Projek Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur di kedua-dua kem tidak mencapai objektif yang ditetapkan. Projek gagal disiapkan dalam tempoh kontrak dan tempoh lanjutan masa yang ditetapkan iaitu pada 29 November 2016 (Garaj Kuantan) dan 30 Ogos 2017 (Garaj Port Dickson). Prestasi keseluruhan fizikal projek pembinaan di Garaj Kuantan pada 31 Disember 2017 adalah 94.5% dan 95.5% bagi Garaj Port Dickson.

b. Pengurusan Projek

Pengurusan projek pembinaan ini dari aspek perolehan projek, pengendalian dokumen kontrak, bon pelaksanaan dan insuran, Arahan Perubahan Kerja, kelulusan lanjutan masa dan bayaran kemajuan telah mematuhi peraturan ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek kualiti kerja pembinaan bagi kedua-dua garaj yang menjejaskan kecekapan pengurusan projek ini.

9.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. kontraktor tidak berupaya menyiapkan projek dalam tempoh kontrak; dan
- b. kerja binaan di tapak tidak mengikut spesifikasi ditetapkan serta kualiti kerja binaan kurang memuaskan.

9.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas Kementerian dan JKR telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 27 Mac 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

9.6.1. Prestasi Projek Pembinaan

9.6.1.1. Prestasi Kewangan Projek

- a. Peruntukan kewangan projek telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) *Rolling Plan* kedua dengan siling peruntukan berjumlah RM45.54 juta bagi projek pembinaan Garaj Kuantan dan RM52.69 juta bagi Garaj Port Dickson.
- b. Siling bagi projek Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur di Kuantan, Port Dickson dan Sungai Petani telah diluluskan melalui Makmal Pengurusan Nilai (VMLab) yang telah diadakan pada 26 hingga 30 November 2012 selaras dengan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi Bilangan 3 Tahun 2009. Kos keseluruhan siling bagi

projek Garaj 8X8 di ketiga-tiga lokasi adalah berjumlah RM145.18 juta yang mana kos bagi Garaj Kuantan berjumlah RM45.54 juta, Garaj Port Dickson berjumlah RM49.35 juta dan Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani berjumlah RM50.29 juta.

- c. Semakan Audit terhadap *VMLab* bagi pembinaan Garaj Kuantan dan Garaj Port Dickson mendapati:
- i. Bagi projek pembinaan Garaj Kuantan, kos projek sebelum *VMLab* dilaksanakan adalah berjumlah RM54.19 juta. Namun setelah *VMLab*, kos siling projek yang diluluskan adalah RM45.54 juta melibatkan pengurangan kos berjumlah RM8.65 juta. Manakala bagi projek pembinaan Garaj Port Dickson, kos projek sebelum *VMLab* dilaksanakan adalah berjumlah RM57.81 juta dan setelah *VMLab*, kos siling projek yang diluluskan adalah berjumlah RM49.35 juta melibatkan pengurangan kos berjumlah RM8.46 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.3**.

JADUAL 9.3
PERUBAHAN KOS PROJEK SELEPAS VMLAB PADA 26 HINGGA 30 NOVEMBER 2012

PERKARA	GARAJ KUANTAN			GARAJ PORT DICKSON		
	HARGA ASAL (RM Juta)	HARGA SELEPAS VMLAB (RM Juta)	PERBEZAAN [TAMBAHAN / (KURANGAN)] (RM Juta)	HARGA ASAL (RM Juta)	HARGA SELEPAS VMLAB (RM Juta)	PERBEZAAN [TAMBAHAN / (KURANGAN)] (RM Juta)
<i>Preliminaries</i>	2.99	2.57	(0.42)	3.24	2.84	(0.40)
<i>Piling/Special Foundation</i>	5.37	3.19	(2.18)	5.33	5.20	(0.13)
<i>Building</i>	19.39	17.81	(1.58)	19.78	18.42	(1.36)
<i>Internal Services</i>	12.52	9.92	(2.60)	12.86	9.99	(2.87)
<i>External Works</i>	5.71	5.78	0.07	8.36	7.01	(1.35)
<i>Provisional Sum</i>	1.45	1.36	(0.09)	1.45	1.36	(0.09)
<i>Variation Of Prices</i>	0.95	0.89	(0.06)	0.99	0.92	(0.07)
<i>Contribution</i>	4.88	1.90	(2.98)	5.27	1.87	(3.40)
<i>Upgrading Works</i>	0.60	0.60	0	0.20	0.20	0
<i>Miscellaneous</i>	0.33	1.52	1.19	0.33	1.54	1.21
JUMLAH	54.19	45.54	(8.65)	57.81	49.35	(8.46)

Sumber: Dokumen dan fail, Jabatan Kerja Raya

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi projek Garaj Kuantan, tiada peningkatan dalam kos siling projek manakala bagi Garaj Port Dickson, terdapat perubahan kos siling projek berjumlah RM52.69 juta berbanding RM49.35 juta iaitu pertambahan berjumlah RM3.34 juta. Ini disebabkan *Preliminary Detailed Abstract (PDA)* Pindaan 1 yang disediakan oleh Bahagian Kerja Keselamatan dan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR pada bulan Mac 2014 diguna pakai bagi menentukan aktiviti yang diperlukan sebelum memulakan sesuatu projek pembinaan menunjukkan kos projek adalah berjumlah RM57.13 juta iaitu melebihi RM7.78 juta daripada kos *VMLab* iaitu RM49.35 juta. Ini disebabkan

PDA yang dibuat mengambil kira kenaikan harga petrol dan bahan binaan pada tahun 2013 serta ketiadaan maklumat reka bentuk yang lengkap semasa penyediaan anggaran *VMLab* pada tahun 2012.

- iii. Selain itu, kuantiti bahan dan saiz yang digunakan dalam projek pembinaan berbeza dengan kuantiti bahan semasa anggaran awal dibuat kerana anggaran adalah berdasarkan kepada kadar harga projek terdahulu yang mempunyai reka bentuk terhampir dengan projek ini. Sehubungan itu, Kementerian telah memohon pertambahan siling projek kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada bulan Mac 2014 dan pada bulan Ogos 2014, UPE telah bersetuju supaya Kementerian memuktamadkan harga siling kontrak bagi projek ini berjumlah RM52.69 juta iaitu pertambahan berjumlah RM3.34 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.4**.

JADUAL 9.4
HARGA SILING PROJEK GARAJ PORT DICKSON SELEPAS VMLAB

PERKARA	HARGA SELEPAS VMLAB (RM Juta)	HARGA SELEPAS TAMBAHAN SILING (RM Juta)	PERBEZAAN [TAMBAHAN / (KURANGAN)] (RM Juta)
<i>Preliminaries</i>	2.84	1.70	(1.14)
<i>Piling/Special Foundation</i>	5.20	3.24	(1.96)
<i>Building</i>	18.42	28.03	9.61
<i>Internal Services</i>	9.99	6.28	(3.71)
<i>External Works</i>	7.01	7.96	0.95
<i>Provisional Sum</i>	1.36	2.11	0.75
<i>Variation Of Prices</i>	0.92	1.06	0.14
<i>Contribution</i>	1.87	1.37	(0.50)
<i>Upgrading Works</i>	0.20	0.20	0
<i>Miscellaneous</i>	1.54	0.74	(0.80)
JUMLAH	49.35	52.69	3.34

Sumber: Dokumen dan fail, Jabatan Kerja Raya

- d. Harga kontrak yang telah dipersetujui bagi projek Garaj Kuantan adalah berjumlah RM41.71 juta dan harga kontrak semasa telah berkurangan menjadi RM37.79 juta iaitu pengurangan sebanyak 9.4% setelah mengambil kira tiga (3) Arahan Perubahan Kerja (APK) yang melibatkan pertambahan kos berjumlah RM1.15 juta dan pengurangan kos berjumlah RM5.07 juta melalui lapan (8) Pelarasan Harga Kontrak (PHK). Bagi Garaj Port Dickson, harga kontrak yang telah dipersetujui berjumlah RM51.99 juta dan berkurang kepada RM50.28 juta iaitu pengurangan sebanyak 3.3% setelah mengambil kira lima (5) APK yang melibatkan tambahan kos berjumlah RM0.91 juta dan tiga (3) PHK yang melibatkan pengurangan kos berjumlah RM2.62 juta. Sehingga 31 Disember 2017, sejumlah RM32.20 juta (85.2%) telah dibelanjakan bagi projek Garaj Kuantan dan RM40.91 juta (81.4%) bagi Garaj Port Dickson. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.5**.

JADUAL 9.5
RINGKASAN KEWANGAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2017

BUTIRAN	(RM Juta)	
	GARAJ KUANTAN	GARAJ PORT DICKSON
Siling Projek	45.54	52.69
Kos Projek:		
Kontrak Asal	41.71	51.99
Arahan Perubahan Kerja	1.15	0.91
Pelarasan Harga Kontrak	(5.07)	(2.62)
Harga Kontrak Semasa	37.79	50.28
Perbelanjaan	32.20 (85.2%)	40.91 (81.4%)
Baki	5.59	9.37

Sumber: Dokumen dan fail, Jabatan Kerja Raya

Maklum balas Kementerian yang diterima pada 30 Mac 2018

Kos projek pembinaan Garaj Kuantan adalah selaras dengan keputusan *VMLab*.

Projek pembinaan Garaj Port Dickson mengambil masa dua (2) tahun dari tarikh VM kerana skop projek tidak dapat dimuktamadkan sepenuhnya semasa Bengkel VM pertama. Ini menyebabkan pelaksanaan pemurnian Bengkel VM diadakan semula pada 25 Julai 2013, edaran Ralat Laporan VM pada 5 Ogos 2013 dan dipersetujui setelah mengambil masa selama tempoh sembilan (9) bulan dari tarikh Bengkel VM pada 26 hingga 30 November 2012.

Laporan Pengurusan Nilai bersifat umum melibatkan skop dan kos bagi bangunan garaj bagi ketiga-tiga lokasi sahaja tetapi tidak menjurus kepada tapak sebenar. Proses pelaksanaan reka bentuk bangunan disediakan bermula pada 27 Februari 2012. Namun terdapat perubahan skop sepanjang pelaksanaan reka bentuk ini yang melibatkan perkara berikut:

- Keputusan mesyuarat verifikasi dan kelulusan lukisan diperoleh pada 25 Mac 2013;
- Surat Pengesahan Brif Projek Terkini pada 10 Mei 2013;
- Surat Pengesahan Ralat Laporan VM pada 5 Ogos 2013; dan
- Surat Pengesahan Siling Projek pada 27 Ogos 2013.

Reka bentuk dimuktamadkan setelah mendapat pengesahan siling projek. Iklan dikeluarkan pada 3 Oktober 2013. Beberapa perbincangan diadakan antara JKR, Kementerian dan UPE berkaitan skop dan kos projek antara bulan Mac 2013 hingga bulan Julai 2014. UPE pada 22 Ogos 2014 bersetuju agar Kementerian memuktamadkan harga peruntukan siling bagi projek ini berjumlah RM52.69 juta. Surat Setuju Terima telah ditandatangani pada 19 Disember 2014.

Pada pendapat Audit, Pengurusan Nilai telah dilaksanakan mengikut ketetapan dan peruntukan kewangan bagi kedua-dua projek ini adalah mengikut siling yang ditetapkan.

9.6.1.2. Pencapaian Fizikal Projek

- a. Berdasarkan Klausula 39 kepada kontrak, projek pembinaan ini hendaklah disiapkan sebelum atau pada tarikh siap kerja yang ditetapkan atau pada tarikh lanjutan masa yang dibenarkan seperti di bawah Klausula 43. Surat Setuju Terima bagi projek pembinaan Garaj Kuantan menyatakan tempoh penyediaan projek adalah 78 minggu iaitu dari 22 April 2014 sehingga 19 Oktober 2015 manakala bagi projek pembinaan Garaj Port Dickson adalah 72 minggu iaitu dari 22 Januari 2015 sehingga 8 Jun 2016 yang meliputi kerja-kerja bangunan dan sekitar bangunan.
- b. Semakan Audit mendapati projek pembinaan Garaj Kuantan dan Garaj Port Dickson telah diberi dua (2) dan tiga (3) lanjutan masa yang masing-masing sehingga 29 November 2016 dan 30 Ogos 2017. Namun begitu, kedua-dua kontraktor masih gagal menyiapkan kerja selepas berakhirnya tempoh lanjutan masa. Pada 28 November 2016, CNC telah dikeluarkan bagi projek Garaj Kuantan dan LAD dikenakan mulai 30 November 2016 dengan kadar RM7,549.27 sehari selepas berakhir tempoh EOT. Berdasarkan pengiraan Audit sehingga 31 Disember 2017, LAD yang dikenakan adalah berjumlah RM2.99 juta meliputi 397 hari dan sehingga 30 November 2017, sejumlah RM2.58 juta telah ditolak daripada bayaran interim. Manakala bagi projek Garaj Port Dickson, CNC telah dikeluarkan pada 30 Ogos 2017 dan LAD pada kadar RM9,409.53 sehari telah dikenakan mulai 31 Ogos 2017. Sehingga 31 Disember 2017, LAD berjumlah RM1.16 juta (123 hari) yang dikenakan telah ditolak daripada bayaran interim. Kontraktor telah meneruskan kerja-kerja dalam tempoh LAD dan prestasi kerja pada bulan Disember 2017 bagi Garaj Kuantan adalah 94.5% dan 95.5% bagi Garaj Port Dickson. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.6**.

JADUAL 9.6
BUTIRAN PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK

BUTIRAN KONTRAK	GARAJ KUANTAN	GARAJ PORT DICKSON
Tarikh Surat Setuju Terima	31 Mac 2014	19 Disember 2014
Tarikh Milik Tapak	22 April 2014	22 Januari 2015
Tempoh Kontrak	22 April 2014 hingga 19 Oktober 2015	22 Januari 2015 hingga 8 Jun 2016
Tarikh Siap Asal Projek	19 Oktober 2015	08 Jun 2016
Lanjutan Masa (EOT)	Bilangan hari EOT diluluskan : 407 • EOT 1: 20.10.2015 – 20.05.2016 (214 hari) • EOT 2: 21.05.2016 – 29.11.2016 (193 hari)	Bilangan hari EOT diluluskan : 448 • EOT 1 : 09.06.2016 – 20.03.2017 (285 hari) • EOT 2 : 21.03.2017 – 25.06.2017 (97 hari) • EOT 3 : 26.06.2017 – 30.08.2017 (66 hari)

BUTIRAN KONTRAK	GARAJ KUANTAN	GARAJ PORT DICKSON
Justifikasi EOT	<ul style="list-style-type: none"> EOT 1 - Syor meroboh enam (6) blok bangunan sedia ada di tapak Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8x8 iaitu Garaj Alpha, Bravo & Charlie oleh JKR; Kerja membuang dan membersihkan baki struktur konkrit yang masih tertinggal di tapak Garaj Alpha, Bravo & Charlie. EOT 2 - Tambahan <i>c-channel</i> pada <i>purlin</i> bagi pemasangan penutup bumbung Blok Garaj; Arahan penangguhan kerja-kerja pemasangan struktur kanopi bumbung Blok Garaj oleh JKR; Tambahan struktur kekuda bumbung (<i>Gable End</i>) di Blok Garaj; Percanggahan lukisan pembinaan arkitek dengan lukisan pembinaan struktur kekuda bumbung bagi Blok Garaj. 	<ul style="list-style-type: none"> EOT 1 - Kerja-kerja pengalihan utiliti bagi kerja yang melibatkan elektrikal dan telekomunikasi; Kelewatan kontraktor menerima arahan dan lukisan dalam masa yang wajar bagi klarifikasi dan perincian bagi rekabentuk kerja-kerja pemasangan bumbung; Kelewatan kontraktor menerima arahan dan lukisan dalam masa yang wajar bagi klarifikasi dan perincian bagi reka bentuk kerja-kerja pemasangan kanopi bumbung. EOT 2 - Kelewatan penyerahan bangunan TNB; Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) secara prinsip untuk <i>fascia truss</i> di Blok Garaj A, B, C, MK Rejimen dan Worksyop. EOT 3 - Gangguan utiliti sedia ada (paip air luaran dan tiang elektrik serta telekom).
Tarikh Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC)	28 November 2016	30 Ogos 2017
Kadar LAD	RM7,549.27 sehari	RM9,409.53 sehari
Jumlah LAD (sehingga 31 Disember 2017)	RM2.99 juta (397 hari) (30 November 2016 hingga 31 Disember 2017)	RM1.16 juta (123 hari) (31 Ogos 2017 hingga 31 Disember 2017)

Sumber : Dokumen dan fail, Jabatan Kerja Raya Kuantan dan Port Dickson


- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap kemajuan prestasi fizikal projek mendapati perkara berikut:

i. Pencapaian Fizikal Garaj Kuantan

- Berdasarkan Laporan Kemajuan projek, prestasi kerja pembinaan syarikat 399526-H sehingga bulan Januari 2016 iaitu selama 21 bulan hanya mencapai 37% berbanding 61% yang dijadualkan. Faktor utama kelewatan adalah disebabkan masalah kewangan syarikat 399526-H yang telah menyumbang kepada kelewatan bekalan bahan binaan.
- Selaras dengan Klausula 47 kepada kontrak yang menyatakan kontraktor boleh melantik sub kontraktor dengan persetujuan secara bertulis oleh pihak Pegawai Penguasa, JKR Kuantan melalui Mesyuarat Tapak Nombor 11 pada 12 Oktober 2015 telah menasihatkan kontraktor iaitu syarikat 399526-H untuk mencari rakan kongsi penyelamat bagi menyelesaikan baki kerja yang tertangguh. Sehubungan itu, syarikat 399526-H telah melantik syarikat 977077-W melalui dua (2) *Deed of Assignment* dengan persetujuan JKR Negeri Pahang iaitu pada bulan Februari 2016 bagi melaksanakan skop kerja membekal struktur bahan keluli. Seterusnya pada bulan Mei 2016, syarikat tersebut mula melaksanakan baki kerja pembinaan. Pembayaran terus telah dibuat oleh JKR kepada Syarikat 977077-W mulai bulan Februari 2016 mengikut kemajuan kerja yang dilaksanakan berdasarkan persetujuan melalui *Deed of Assignment*.

- Semakan Audit mendapati dalam tempoh sembilan (9) bulan setelah kerja dilaksanakan oleh syarikat 977077-W sehingga tamat tempoh siap projek pada 29 November 2016, kemajuan kerja telah meningkat kepada 66% daripada 37%. Namun, secara keseluruhannya prestasi kerja masih mengalami kelewatan sebanyak 34% berbanding dengan jadual kerja sebenar iaitu 100%. Syarikat 977077-W masih gagal menyiapkan sepenuhnya baki kerja projek yang bermasalah dan tergendala.
- Punca utama berlakunya kelewatan syarikat 977077-W melaksanakan kerja adalah disebabkan tiada koordinasi antara syarikat 399526-H (kontraktor utama) dan 977077-W (sub kontraktor) berkaitan skop kerja *Deed of Assignment* kedua yang melibatkan pembinaan jalan baharu. Perkara ini diputuskan dalam mesyuarat tapak bulan Mei 2017 di mana syarikat 399526-H adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan pembinaan jalan tersebut. Prestasi kerja pembinaan oleh syarikat 399526-H dan 977077-W setakat 31 Disember 2017 (dalam tempoh LAD) adalah 94.5% seperti ditunjukkan **Graf 9.1** dan **Gambar 9.1** hingga **Gambar 9.6** berikut:

**GRAF 9.1
PRESTASI FIZIKAL PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2017**



Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Bulanan Kontraktor

**SEBELUM
GAMBAR 9.1**



Garaj Worksyop
Sumber: Laporan Kemajuan Kerja
Bulan Januari 2016

**SELEPAS
GAMBAR 9.2**



Garaj Worksyop
Sumber: Laporan Kemajuan Kerja
Bulan November 2017

**SEBELUM
GAMBAR 9.3**



Garaj Markas Rejimen
Sumber: Laporan Kemajuan Kerja
Bulan Januari 2016

**SELEPAS
GAMBAR 9.4**



Garaj Markas Rejimen
Sumber: Laporan Kemajuan Kerja
Bulan November 2017

**SEBELUM
GAMBAR 9.5**



Worksyop Kenderaan Jenis A
Sumber: Laporan Kemajuan Kerja
Bulan Januari 2016

**SELEPAS
GAMBAR 9.6**



Worksyop Kenderaan Jenis A
Sumber: Laporan Kemajuan Kerja
Bulan November 2017

- Sehingga 31 Disember 2017, pihak Audit mendapati kerja masih belum dapat disiapkan. Semakan Audit mendapati Pegawai Penguasa telah mengambil tindakan berkaitan kemajuan projek seperti berikut:
 - Dua (2) Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NUTPPKK) telah dikeluarkan pada 19 April 2016 dan 1 Mac 2017 akibat kegagalan syarikat 399526-H menyiapkan projek.

- Membincang dan menyelesaikan masalah kelewatan projek melalui Mesyuarat *Problem Solving Governance* JKR pada 29 Februari 2017, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Projek Pembangunan (JPPP) *Problem Solving* Bilangan 1/2017 Unit Penyelarasan Pelaksanaan [*Implementation Coordination Unit* (ICU)] JPM pada 21 Jun 2017 dan Mesyuarat *Contract Coordination Panel* (CCP) Bilangan 3 Tahun 2018 peringkat JKR Malaysia pada 30 Januari 2018.
- Kronologi peristiwa berkaitan projek pembinaan Garaj Kuantan mulai Mac 2016 adalah seperti di **Jadual 9.7**.

JADUAL 9.7
KRONOLOGI PERISTIWA BERKAITAN PROJEK
PEMBINAAN GARAJ KUANTAN MULAI MAC 2016

TARIKH	PERKARA	PERATUS KERJA SEBENAR (%)	PERATUS KERJA MENGIKUT JADUAL (%)
08.03.2016	Pegawai Penguasa (JKR Pahang) telah mengeluarkan Laporan Projek Sakit dengan syor agar syarikat 399526-H (kontraktor utama) diberikan tempoh satu (1) bulan dari tarikh kelulusan <i>Deed Of Assignment</i> untuk menunjukkan komitmen dan kesungguhan bagi meningkatkan kemajuan kerja di tapak.	37.55	64.86
16.03.2016	Jawatankuasa Projek Sakit JKR Malaysia mengesyorkan untuk memberi peluang kepada syarikat 399526-H untuk meneruskan projek.	-	-
19.04.2016	NUTPPKK Pertama telah dikeluarkan oleh JKR Malaysia kepada syarikat 399526-H dan ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya.	42.79	90.14
17.05.2016	Perakuan Kerja Tidak Siap satu (1) dikeluarkan.	-	-
28.11.2016	Perakuan Kerja Tidak Siap dua (2) dikeluarkan.	-	-
05.01.2017	Mesyuarat <i>Problem Solving Governance</i> (PSG) Bilangan 1 Tahun 2017 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) mencadangkan supaya JKR Negeri Pahang memulakan proses penamatan bagi kontrak ini.	-	-
29.02.2017	Mesyuarat <i>Problem Solving Governance</i> (PSG) Bilangan 2 Tahun 2017 yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1 memutuskan: - Pegawai Penguasa mempertimbangkan EOT dengan segera jika ada alasan yang munasabah. - Pegawai Penguasa memulakan proses penamatan selepas EOT dipertimbangkan jika syarikat 399526-H tidak menunjukkan kemajuan untuk menyiapkan projek ini.	79.30	100
01.03.2017	NUTPPKK Kedua telah dikeluarkan oleh JKR Malaysia kepada syarikat 399526-H.	77.00	100
21.06.2017	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Projek Pembangunan (JPPP) <i>Problem Solving</i> Bilangan 1/2017 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah ICU, JPM memutuskan: - Penamatan tidak dibuat ke atas projek ini bagi mengelakkan berlaku peningkatan kos dan tempoh penyiapan yang panjang. - Pihak JKR Malaysia memudah cara pihak syarikat 399526-H menyiapkan keseluruhan projek ini dalam tempoh perancangan yang telah dirancang oleh syarikat 399526-H iaitu pada 1 September 2017 dengan denda LAD. Pihak syarikat 399526-H juga dikehendaki melantik pihak ketiga bagi melaksanakan semua baki kerja yang masih belum dimulakan seperti pembinaan jalan, pagar dan sebagainya melalui <i>Deed of Assignment</i> supaya keseluruhan baki kerja dapat disiapkan secepat mungkin.	85.79	100

TARIKH	PERKARA	PERATUS KERJA SEBENAR (%)	PERATUS KERJA MENGIKUT JADUAL (%)
07.09.2017	Mesyuarat <i>Problem Solving Governance</i> (PSG) Bilangan 3 Tahun 2017 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Binaan) memutuskan supaya pengurusan atasan JKR memanggil syarikat 399526-H untuk berbincang dan melihat bagaimana JKR boleh memudah cara syarikat 399526-H seperti yang dicadangkan oleh pihak ICU bagi memastikan projek ini boleh disiapkan.	91.00	100
30.01.2018	Mesyuarat <i>Contract Coordination Panel</i> Bilangan 3/2018 di peringkat JKR yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia memutuskan syarikat 399526-H diberi peluang sehingga 31 Mac 2018 dengan menunjukkan peningkatan kemajuan kerja pada setiap bulan dan sekiranya syarikat 399526-H gagal, proses tujuan penamatan akan dibuat.	-	-

Sumber: Dokumen dan fail, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang

Maklum balas Kementerian yang diterima pada 30 Mac 2018 dan 1 Jun 2018

Kelulusan EOT ke-3 telah diluluskan semasa mesyuarat *Contract Coordination Panel* JKR pada 23 Januari 2018 bagi tempoh 30 November 2016 hingga 9 Mei 2017. *Certificate of Non Completion* (CNC) telah dikeluarkan pada 9 Mei 2017 setelah projek gagal disiapkan selepas pemberian EOT ke-3. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* JKR pada 30 Januari 2018 telah mensyaratkan kontraktor untuk menyiapkan projek pada 31 Mac 2018. Walaupun dalam tempoh berdenda (LAD) Kerajaan telah menetapkan tempoh untuk kontraktor menyiapkan projek agar masa terus menjadi teras kepada kontrak ini. Kegagalan kontraktor akan menyebabkan Kerajaan mengambil tindakan selanjutnya sejajar dengan keperluan kontrak melalui maklum balas kepada Jawatankuasa *Contract Coordination Panel* selepas tempoh 31 Mac 2018 berakhir. Status kemajuan semasa adalah 99.5% pada 30 Mei 2018. Pemeriksaan bersama yang dibuat pada 17 Mei 2018 mendapati masih terdapat baki kerja kemas yang perlu disempurnakan oleh pihak kontraktor sebelum Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Tarikh jangkaan Perakuan Siap Kerja adalah 30 Jun 2018.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek Garaj Kuantan adalah tidak memuaskan dan tidak cekap kerana kerja masih tidak siap walaupun *Deed of Assignment* telah ditandatangani.


ii. Pencapaian Fizikal Garaj Port Dickson

- Berdasarkan Program Kerja yang menggunakan kaedah *Critical Path Method* (CPM), prestasi kerja pembinaan pada mulanya bergerak seiring dengan jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, kemajuan kerja mengalami kelewatan bermula bulan September 2016 hingga Januari 2017 dengan purata kelewatan 3.4% sebulan. Kemajuan

kerja mula mengikut jadual semula pada bulan Februari 2017 dan kelewatan kemajuan kerja yang ketara berlaku pada bulan Julai 2017 iaitu sebanyak 8% berbanding jadual kerja yang ditetapkan. Pada bulan Julai 2017, syarikat 360446-A telah mengemukakan *Revised CPM* bagi melancarkan pelaksanaan projek dan peratus kerja telah meningkat dengan perlahan sebanyak 5.5% pada Disember 2017 berbanding 90% pada bulan Julai 2017.

- Semakan Audit mendapati berdasarkan minit mesyuarat tapak, antara faktor kegagalan penyiapan projek ini adalah disebabkan oleh kontraktor sedang mengalami masalah aliran tunai. Butiran mengenai peratus pencapaian projek berbanding unjuran yang ditetapkan dari tarikh milik tapak sehingga bulan Disember 2017 adalah seperti **Graf 9.2**.

**GRAF 9.2
PRESTASI FIZIKAL PROJEK SEHINGGA 31 DISEMBER 2017**



Sumber: Laporan Kemajuan Kerja Bulanan Kontraktor

- Pihak JKR telah mengeluarkan tiga (3) surat peringatan kepada syarikat 360446-A setelah kemajuan kerja sebenar tidak mencapai kemajuan kerja yang ditetapkan. Namun, kemajuan kerja sebenar masih mengalami kelewatan. Bagi mengatasi masalah kelewatan ini, satu (1) *Deed of Assignment* telah ditandatangani pada 30 Jun 2017 antara syarikat 360446-A dengan sub kontraktor iaitu syarikat 4335560-A. Pihak syarikat 360446-A melalui Klausa 2 *Deed of Assignment* telah bersetuju supaya JKR membuat pembayaran terus kepada syarikat 4335560-A mulai interim yang ke-34 pada bulan Julai 2017 sehingga projek selesai.

- Semakan selanjutnya mendapati selepas *Deed of Assignment* ditandatangani, pihak JKR telah mengeluarkan dua (2) surat peringatan kepada syarikat 360446-A setelah kemajuan kerja sebenar tidak mencapai kemajuan kerja yang ditetapkan. Selain itu, satu (1) surat Amaran Kemungkinan Kontraktor telah dikeluarkan pada bulan September 2017 dan NUTPPKK dikeluarkan pada 21 September 2017 dengan peratus kemajuan kerja sebenar adalah 93% berbanding 100% mengikut jadual.
- Pada 4 Disember 2017, pihak syarikat 360446-A telah memohon pengecualian LAD sebanyak 91 hari iaitu mulai dari 1 September 2017 hingga 4 Disember 2017 berjumlah RM0.86 juta dan perkara ini masih dalam pertimbangan JKR Malaysia.

Maklum balas Kementerian yang diterima pada 30 Mac 2018 dan 1 Jun 2018

Lima (5) surat peringatan/amaran kelewatan kerja di tapak telah dikeluarkan dan mesyuarat koordinasi telah diadakan antara bulan Oktober 2016 hingga Ogos 2017 bagi membincangkan masalah ini. LAD telah dikenakan selepas pengeluaran CNC berdasarkan syarat dalam klausa kontrak 41.0. Sejumlah RM1.16 juta telah ditolak dari Bayaran Interim No. 37 (RM0.41 juta) pada 20 Oktober 2017 dan Bayaran Interim No. 38 (RM0.75 juta) pada 9 Februari 2018. *Certificate of Practical Completion* (CPC) telah dikeluarkan pada 30 Mac 2018 dan bangunan telah diserahkan kepada pihak pelanggan pada 3 Mei 2018.

Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek Garaj Port Dickson adalah tidak memuaskan dan tidak cekap kerana projek masih lewat disiapkan walaupun *Deed of Assignment* telah ditandatangani.

9.6.1.3. Pencapaian *Outcome* Projek

- a. Projek Pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 dan Kenderaan Pasukan serta Infrastruktur di Kem Batu 10 Kuantan dan Kem Sunggala Port Dickson bertujuan untuk penempatan, pengoperasian dan penyenggaraan Kenderaan Perisai 8X8 serta Kenderaan Pasukan yang sedia ada.
- b. Semakan Audit mendapati projek bagi pembinaan Garaj Kuantan dan Port Dickson gagal disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini telah menyebabkan objektif pembinaan garaj untuk penempatan, pengoperasian dan penyenggaraan kenderaan tersebut tidak tercapai.
- c. Di Garaj Kuantan, kegagalan menyiapkan projek memberi kesan seperti berikut:

- i. Kenderaan 8X8 yang telah diterima mulai tahun 2015 terpaksa ditempatkan di garaj kenderaan 6X6 (Sibmas) dan kenderaan 4X4 (Condor). Kenderaan Sibmas dan Condor pula terpaksa ditempatkan di padang kawad dan di kawasan sekitar kem yang menyebabkan berlaku mendapan tanah dan kesan tumpahan minyak di kawasan berkenaan seperti **Gambar 9.7** dan **Gambar 9.8**.
- ii. *Complete Equipment Schedule* (CES) yang merupakan peralatan sokongan kenderaan 8X8 terpaksa ditempatkan di asrama bujang yang tidak menepati ciri-ciri penyimpanan seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan Kejuruteraan Elektrik dan Jentera Tahun 2006: Pengurusan Alat Elektronik Seksyen Q Perenggan 73. Ini kerana CES memerlukan tahap suhu yang bersesuaian mengikut kategori peralatan. CES juga telah ditempatkan di Stor Teknikal yang padat seperti **Gambar 9.9** dan **Gambar 9.10**.
- iii. Berdasarkan lawatan fizikal pada bulan November 2017, didapati anggota pasukan yang menguruskan kenderaan 8X8 tidak mempunyai ruang kerja yang selesa untuk menguruskan dokumen, kerja penyenggaraan dan lain-lain kerja berkaitan kenderaan 8X8 kerana ruangan pejabat teknikal telah digunakan sebagai stor peralatan disebabkan Stor Teknikal yang telah penuh seperti **Gambar 9.11**.

GAMBAR 9.7



Garaj 31 Worksyop Armor
- Keadaan Kenderaan 8X8 yang Diletakkan di Garaj Sibmas dan Condor yang Sempit (22.11.2017)

GAMBAR 9.8



Padang Kawad
- Berlaku Mendapan dan Kesan Tumpahan Minyak di Padang Kawad (22.11.2017)

GAMBAR 9.9



Asrama Bujang
- Asrama Bujang Terpaksa Digunakan Untuk Menempatkan Peralatan CES (22.11.2017)

GAMBAR 9.10



Stor Teknikal
- Keadaan Stor yang Padat Menempatkan Peralatan CES (22.11.2017)



GAMBAR 9.11

Pejabat Teknikal
- Ruang Pejabat yang Terhad Akibat Penyimpanan
Peralatan Stor Kerana Stor Telah Digunakan
Untuk Menyimpan Barang CES
(22.11.2017)

- d. Bagi Garaj Port Dickson, kegagalan menyiapkan projek menyebabkan kenderaan pasukan sedia ada terpaksa ditempatkan di garaj sedia ada. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak Pengurusan Tentera Darat memutuskan untuk tidak menempatkan Kenderaan 8X8 sebagaimana perancangan asal projek Garaj Port Dickson. Projek ini diteruskan tanpa perubahan skop dan Mesyuarat Jawatankuasa Keperluan Operasi Tentera Darat Siri 10/2015 bertarikh 22 Disember 2015 memutuskan untuk menempatkan Kenderaan Pasukan dan Kenderaan Tempur RPZ 4X4 (Condor) yang kini dalam proses penaiktarafan *Life Extension Programme*.
- e. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap dokumen kontrak bagi projek Garaj Kuantan dan Port Dickson mendapati tiada klausa yang membolehkan Kerajaan menuntut kerugian terhadap sebarang kos sampingan yang terlibat seperti menyediakan kemudahan penempatan sementara dan menanggung sebarang *opportunity cost* akibat kelewatan menyiapkan projek.

Maklum balas Kementerian yang diterima pada 30 Mac 2018

Garaj Kuantan

Pasukan 1 Armor telah menerima kenderaan 8X8 secara berperingkat mulai bulan September 2016 berdasarkan *Project Implementation Schedule (PIS)*. Disebabkan projek pembinaan Garaj Utama Kenderaan 8X8 mengalami kelewatan dan gagal disiapkan dalam tempoh kontrak, pasukan telah mengambil tindakan seperti berikut untuk menempatkan kenderaan 8X8 dan peralatan *Complete Equipment Schedule (CES)* yang telah diterima iaitu:

- Menggunakan infrastruktur garaj yang sedia ada di pasukan untuk menempatkan kenderaan 8X8 yang telah terima.
- Menggunakan kemudahan stor yang sedia ada untuk menempatkan peralatan CES yang diterima.

Permasalahan pasukan:

- Garaj yang sedia ada tidak sesuai untuk menempatkan kenderaan 8X8.

- **Kenderaan Condor dan Sibmas yang sedia ada di pasukan terpaksa ditempatkan sementara di Padang Kawad.**

Stor-stor sedia ada yang digunakan untuk menempatkan sementara peralatan CES tidak menepati ciri-ciri penyimpanan dan dikhuatiri akan merosakkan peralatan sekiranya disimpan untuk tempoh yang lama.

Garaj Port Dickson

Mesuarat JKKOTD Siri 10/2015 pada 22 Disember 2015 telah memperakui Laporan Kajian Mengenai Implikasi perpindahan KP 8X8 GEMPITA TD dengan mengambil kira asas pertimbangan Pelan Strategik Tentera Darat antaranya di dalam tempoh rancangan perpindahan tersebut, pembinaan Garaj 8X8 GEMPITA diteruskan dan infrastruktur tersebut akan digunakan untuk menempatkan KJA RPZ 4X4 Condor yang kini masih di dalam proses penaiktarafan kenderaan tersebut. Selain itu, terdapat Kenderaan Perisai GEMPITA dikekalkan penempatan di Garaj Port Dickson.

Pada pendapat Audit, kegagalan menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan telah menjejaskan pencapaian *outcome* projek.

9.6.2. Pengurusan Projek

Pengurusan projek dinilai berdasarkan empat (4) perkara iaitu pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, kualiti pembinaan dan pemantauan. Aspek perolehan dan pentadbiran kontrak adalah meliputi proses pelantikan kontraktor, dokumen kontrak, lanjutan masa, bon pelaksanaan dan insurans, Perubahan Kerja, Perakuan Kerja Tidak Siap serta Kadar Denda dan Ganti Rugi Ditetapkan. Semakan Audit mendapati pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak telah diurus dengan teratur.

9.6.2.1. Kualiti Pembinaan

Berdasarkan Perenggan 35 kepada syarat kontrak dari aspek kualiti pembinaan, setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai supaya bangunan yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit pada bulan November 2017 dan Februari 2018 di Garaj Kuantan serta lawatan ke Garaj Port Dickson pada bulan November 2017 mendapati keseluruhan struktur utama bangunan telah siap dibina dan hanya kemasan akhir serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik perlu disiapkan supaya bangunan dapat berfungsi dengan baik. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi/amalan kejuruteraan terbaik. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 9.8** dan **Gambar 9.12** hingga **Gambar 9.18**.

JADUAL 9.8
KERJA AWAM DAN STRUKTUR YANG TIDAK MENGIKUT
SPEKIFIKASI/LUKISAN/PERATURAN


GARAJ	SKOP	LOKASI	KRITERIA/SPEKIFIKASI	PENEMUAN	KESAN
GARAJ KUANTAN	Awam dan Struktur	Garaj Charlie (C) Garaj Bravo (B) Garaj Alpha (A) - Rasuk Aras 1	<i>Standard specification for building work 2014, section D: concrete work, clause 5.2.1.</i> - <i>all fixing block, brackets, built in bolts, holes, chases, et cetera shall be accurately set out and form and carefully sealed prior to the concrete being placed</i>	Berdasarkan lukisan pembinaan, <i>conduit</i> yang dipasang tidak mengganggu struktur pembinaan asal. Bagaimanapun, bahagian struktur rasuk konkrit telah dipecahkan untuk menempatkan <i>conduit</i> . (Gambar 9.12 dan 9.13)	Melemahkan integriti struktur konkrit.
	Elektrik	Garaj	Amalan Kejuruteraan Terbaik	Pemasangan <i>conduit</i> untuk <i>bending 90°</i> tidak menggunakan aksesori yang sesuai (<i>elbow</i>). (Gambar 9.14)	Risiko kerosakan pada kabel di dalam <i>conduit</i> dan akan mengakibatkan litar pintas.
GARAJ PORT DICKSON	Awam dan Struktur	Jalan Hadapan Garaj A	Amalan Kejuruteraan Terbaik	<i>Pillar hydrant</i> dipasang di dalam kawasan jalan yang akan mengundang bahaya kepada kenderaan yang menggunakan laluan tersebut. (Gambar 9.15 dan 9.16)	Mengundang bahaya kepada kenderaan yang menggunakan laluan tersebut.
	Elektrik	Bilik Elektrik Blok Stor QM	Peraturan 15(6) dan MS 1979:2015 – COP 28A menetapkan perkakasan elektrik tidak dipasang di tempat yang berisiko terkena air	Bilik Elektrik Blok Stor QM TEK - Terdapat laluan paip air utama di dalam Bilik Elektrik. (Gambar 9.17 dan 9.18)	Boleh menyebabkan litar pintas.

Sumber: Laporan Teknikal Jabatan Audit Negara



GAMBAR 9.12

Garaj Alpha, Kuantan
 - Bahagian Struktur Rasuk Aras Satu Konkrit
 Dipecahkan Untuk Menempatkan *Conduit*
 (21.02.2018)



GAMBAR 9.13

Garaj Bravo, Kuantan
 - Bahagian Struktur Rasuk Aras Satu Konkrit
 Dipecahkan Untuk Menempatkan *Conduit*
 (21.02.2018)



GAMBAR 9.14

Garaj Bravo, Kuantan
 - Pemasangan *Conduit* Tanpa *Elbow*
 (21.02.2018)

**SEBELUM
 GAMBAR 9.15**




Jalan di Hadapan Garaj A, Port Dickson
 - *Pillar Hydrant* Ditempatkan di Kawasan
Carriageway Jalan (Kawasan Selekoh)
 (28.11.2017)

**SELEPAS
 GAMBAR 9.16**



Jalan di Hadapan Garaj A, Port Dickson
 - Jajaran *Kerb* Telah Ditambah
 Mengelilingi *Pillar Hydrant*
 (01.03.2018)

**SEBELUM
 GAMBAR 9.17**



Bilik Elektrik Blok Stor QM TEK, Port Dickson
 - Terdapat Laluan Paip Air Utama di
 Dalam Bilik Elektrik
 (28.11.2017)

**SELEPAS
 GAMBAR 9.18**



Bilik Elektrik Blok Stor QM TEK, Port Dickson
 - Telah Dibaiki oleh Pihak Kontraktor
 Utama Dengan Membuat *Box Up*
 (01.03.2018)

Maklum balas Kementerian yang diterima pada 30 Mac 2018

Gambar 9.12 dan 9.13 - Wakil Pegawai Penguasa (Elektrik) telah mengeluarkan surat arahan rujukan Bil. (46) dlm JKR(L).K.052/13 Jld.2 yang bertarikh 2 September 2015. *Non-Conformance Product* (NCP) No. 9 telah dikeluarkan kepada kontraktor untuk pembaikan. Perunding yang dilantik oleh *Nominated Sub Contractor* Elektrik telah mengeluarkan laporan integriti struktur dan mengesahkan integriti struktur tidak terjejas. Kerja-kerja pembaikan telah siap dilaksanakan pada 16 Mac 2018.

Gambar 9.14 - NCP Nombor 6 telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 23 Januari 2018 untuk pembaikan dan *elbow* telah dipasang.

Gambar 9.15 hingga 9.16 - Tindakan telah diambil dengan penambahan *kerb. Pillar hydrant* telah dipasang mengikut lukisan pembinaan seperti yang telah dibekalkan dan berada di luar kawasan jajaran jalan. Bagaimanapun, lokasi pos pengawal telah diubah daripada lokasi asal ke lokasi yang baru dan kawasan *hydrant* tersebut telah diturap bersekali dengan kawasan jajaran jalan menyebabkan kelebaran jalan telah bertambah dari 10 meter (asal) kepada 13 meter (baru). *Bebendul jalan (road kerb)* telah dibuat bagi memberi panduan jajaran jalan yang sebenar kepada pengguna jalan tersebut.

Gambar 9.17 hingga 9.18 - Tindakan telah diambil dengan menutup laluan paip air utama.

Pada pendapat Audit, kerja-kerja pembinaan masih boleh dipertingkatkan bagi memastikan kualiti kerja dan pembinaan adalah mengikut standard dan spesifikasi yang ditetapkan.

9.6.2.2. Pemantauan

- a. Bab 9 kepada Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya menyatakan pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta disiapkan dalam masa yang ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2017, JKR telah memantau pelaksanaan projek di Garaj Kuantan dan Garaj Port Dickson melalui beberapa mesyuarat antaranya ialah Mesyuarat Pra-Pembinaan; Mesyuarat Tapak; Mesyuarat *Non-Conformance Product* (NCP); Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Projek-Projek Pembangunan; Mesyuarat Teknikal; Mesyuarat Pelarasan dengan Pegawai Penguasa; Mesyuarat Pelarasan Khas JKR Malaysia dan beberapa siri perbincangan memuktamadkan lukisan berkaitan pengurusan projek dan pembinaan ini. Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut adalah

kemajuan kerja di tapak, isu dan masalah yang berbangkit, perubahan kerja, lanjutan masa dan proses memuktamadkan lukisan reka bentuk.

- c. Bagi projek pembinaan Garaj Kuantan, JKR juga telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit dan Mesyuarat *Problem Solving Governance* bagi menyelesaikan isu kelewatan projek ini. JKR telah mengeluarkan 14 surat amaran berikutan kelewatan peratus kerja sebenar kontraktor berbanding jadual. Selain itu, JKR Kuantan selaku wakil Pegawai Penguasa (PP) ada membuat pemantauan terhadap kualiti pembinaan. Sebanyak 56 borang NCP telah dikeluarkan terhadap ketidakpatuhan berkaitan kualiti dan spesifikasi. Tindakan pembetulan telah diambil oleh pihak kontraktor terhadap NCP tersebut dalam tempoh bulan Jun 2015 hingga Oktober 2017. Sebanyak 14 Surat Amaran dan sebahagian senarai NCP yang dikeluarkan adalah seperti di **Jadual 9.9** dan **Jadual 9.10**.

JADUAL 9.9
SURAT AMARAN YANG DIKELUARKAN BAGI PROJEK GARAJ KUANTAN

BIL.	TARIKH	PERKARA	KEMAJUAN KERJA SEBENAR (%)	KEMAJUAN KERJA MENGIKUT JADUAL (%)	KETERANGAN
1.	26.06.2015	Surat amaran oleh JKR Kuantan	26.31	38.45	Kelewatan kerja iaitu sebanyak 34 hari lewat 12.1% berbanding jadual
2.	04.08.2015	Surat amaran oleh JKR Kuantan	28.00	50.00	Untuk mengeluarkan perakuan kerja tidak siap
3.	30.09.2015	Surat amaran oleh JKR Pahang	-	-	Tiada pekerja dan aktiviti di tapak walaupun terdapat banyak aktiviti kerja yang boleh dilaksanakan.
4.	30.10.2015	Surat amaran kemungkiran oleh JKR Pahang	28.70	31.80	Amaran kemungkiran kepada kontraktor
5.	30.10.2015	Surat amaran oleh JKR Kuantan	31.28	33.01	Kelewatan sebanyak 32 hari iaitu lewat 1.7% berbanding jadual
6.	11.01.2016	Surat amaran oleh JKR Kuantan	34.77	49.46	Kelewatan sebanyak 76 hari iaitu lewat 14.7% berbanding jadual
7.	11.03.2016	Surat amaran oleh JKR Kuantan	-	-	Kekurangan pekerja di tapak walaupun terdapat banyak aktiviti kerja yang boleh dilaksanakan
8.	08.04.2016	Surat amaran oleh JKR Kuantan	-	-	Untuk mengeluarkan perakuan kerja tidak siap
9.	28.09.2016	Surat amaran oleh JKR Kuantan	70.93	79.69	Kelewatan kerja selepas kelulusan lanjutan masa kedua
10.	28.09.2016	Surat amaran oleh JKR Kuantan	70.93	79.69	Kegagalan meningkatkan kemajuan kerja serta mematuhi spesifikasi kerja yang telah ditetapkan
11.	08.11.2016	Surat amaran oleh JKR Kuantan.	-	-	Untuk mengeluarkan perakuan kerja tidak siap
12.	08.11.2016	Surat amaran kedua oleh JKR Kuantan	75.31	94.15	Kelewatan kerja selepas kelulusan lanjutan masa kedua
13.	05.09.2017	Surat amaran oleh JKR Kuantan	91.00	100	Kegagalan menyiapkan baki kerja pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak kontraktor iaitu 1 September 2017
14.	27.10.2017	Surat amaran oleh JKR Kuantan	93.21	100	Menyiapkan baki kerja mengikut jadual perancangan 'recovery plan' sehingga 31.10.2017

Sumber : Jabatan Kerja Raya Kuantan

JADUAL 9.10
LAPORAN KETIDAKPATUHAN NON-CONFORMANCE PRODUCT

BIL	NOMBOR RUJUKAN NCP	BUTIRAN NCP	TINDAKAN PEMBETULAN	TARIKH NCP DIKELUARKAN	TARIKH NCP DITUTUP
1.	1	Tiada papan tanda amaran di pintu masuk utama tapak bina/ <i>traffic management</i>	Papan amaran utama telah dibina	06.08.2014	19.09.2014
2.	2	Tiada pelantikan <i>safety officer</i> di tapak bina dari tarikh mula projek sehingga kini sebagaimana kontrak dan perkara berbangkit di mesyuarat tapak kali ke-3	Pelantikan <i>safety officer</i> telah dilantik pada 15.9.2014	22.08.2014	17.10.2014
3.	3.	Kerja-kerja pembinaan telah dijalankan dan tidak memenuhi keperluan kerja-kerja alam sekitar, sebagaimana BIL E senarai kuantiti	Perunding alam sekitar telah dilantik	22.08.2014	07.11.2014
4.	6	Pemasangan struktur tetulang <i>beam, tranches, pile cap</i> bercantum tidak sebagaimana reka bentuk	Tindakan pembetulan telah diambil	27.10.2014	24.01.2015
5.	7	Dua (2) <i>point pile</i> patah semasa kerja pengorekan	Dua (2) <i>point pile</i> telah dibaiki	16.12.2014	05.03.2015
6.	14	<i>J. Bolt</i> yang digunakan di tapak bina tidak dilindungi dengan <i>hot galvanized</i>	Telah dibaiki	12.10.2015	09.11.2015
7.	18	Kontraktor tidak menggunakan <i>hardcore</i> dari bahan yang diluluskan untuk tapak dan <i>lab</i>	Tindakan pembetulan telah diambil	22.04.2016	24.05.2016
8.	20	<i>Honeycomb</i> pada <i>3rd floor beam</i> menara tangki air	Telah dibaiki	21.06.2016	04.07.2016
9.	22	Struktur <i>purlin</i> kekuda bumbung menggunakan bahan <i>steel</i> tidak menggunakan lukisan pembinaan	Lukisan <i>counter proposed</i> bagi struktur kekuda bumbung <i>under size</i> telah diluluskan oleh JKR	19.08.2016	29.12.2016
10.	23	Air bertakung di kawasan tapak bina dan bahan binaan tidak disusun dengan teratur	Tindakan pembersihan telah diambil	04.01.2017	27.02.2017
11.	24	Kerja ikat bata tingkat bawah tidak pasang lapisan lapis lembap	Tindakan pembetulan telah diambil	09.01.2017	06.03.2017
12.	25	Kerja-kerja pemasangan tangki tidak mengikut spesifikasi	Tindakan pembetulan telah diambil	09.01.2017	23.01.2017
13.	26	<i>Glass wool</i> yang dibekal di tapak tidak mengikut kelulusan bahan yang telah diluluskan serta tidak mengikut <i>bill of quantities</i> (BQ) dan spesifikasi	Tindakan pembetulan telah diambil	10.01.2017	24.02.2017
14.	28	<i>Wire mesh</i> yang dibekalkan di tapak tidak mengikut spesifikasi	Tindakan pembetulan telah diambil	10.01.2017	24.01.2017
15.	30	Konkrit tapak dinding batu-bata untuk longkang luar tidak menggunakan gred konkrit yang telah ditetapkan dalam pelan dan spesifikasi	Tindakan pembetulan telah diambil	24.07.2017	27.07.2017

Sumber: Jabatan Kerja Raya Kuantan

- d. Bagi Garaj Port Dickson, JKR telah mengeluarkan lima (5) surat peringatan dan satu (1) surat amaran kepada kontraktor sepanjang tempoh pembinaan. Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor (NUTPPKK) No. 1 juga dikeluarkan kerana kontraktor tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh kontrak. Selain itu, JKR Port Dickson selaku wakil PP ada membuat pemantauan terhadap kualiti pembinaan. Sebanyak 11 borang NCP telah dikeluarkan terhadap ketidakpatuhan berkaitan kualiti dan spesifikasi. Tindakan pembetulan telah diambil oleh pihak kontraktor terhadap NCP tersebut. Butiran surat peringatan dan senarai NCP adalah seperti di **Jadual 9.11** dan **Jadual 9.12**.

**JADUAL 9.11
SURAT PERINGATAN PROJEK GARAJ PORT DICKSON**

BIL.	TARIKH	PERKARA	KEMAJUAN KERJA SEBENAR (%)	KEMAJUAN KERJA MENGIKUT JADUAL (%)	KETERANGAN
1.	17.10.2016	Surat Peringatan Pertama	77	100	- Bilangan pekerja berkurangan. - Kerja tidak mengikut Jadual Program Kerja.
2.	16.02.2017	Surat Peringatan Kedua	85	100	- Bilangan pekerja berkurangan. - Kerja tidak mengikut Jadual Program Kerja.
3.	26.05.2017	Surat Peringatan Ketiga	90	100	Banyak kerja <i>major</i> yang masih tertinggal seperti kerja pemasangan struktur kerangka bumbung, pemasangan <i>bullnose</i> , pemasangan dan penyiapan <i>cantilever roof truss</i> , kerja-kerja lepaan dinding luar dan dalam termasuk pemasangan tingkap kekaca dan pintu serta lain-lain kerja kemas.
4.	19.07.2017	Surat Peringatan Pertama	93	100	Banyak kerja <i>major</i> yang masih tertinggal seperti kerja pemasangan pemasangan <i>bullnose</i> , pemasangan dan penyiapan <i>cantilever roof truss</i> , pemasangan tingkap kekaca dan pintu serta lain-lain kerja kemas.
5.	02.08.2017	Surat Peringatan Kedua	93	100	Kerja pembinaan di tapak amat perlahan dan beberapa tempat tiada sebarang aktiviti kerja pembinaan berlangsung.
6.	14.09.2017	Surat Amaran Kemungkinan Kontraktor	93	100	-
7.	21.09.2017	Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor No. 1	93	100	-

Sumber: Jabatan Kerja Raya Port Dickson

**JADUAL 9.12
LAPORAN KETIDAKPATUHAN NON-CONFORMANCE PRODUCT**

NOMBOR RUJUKAN NCP	BUTIRAN NCP	TINDAKAN PEMBETULAN	TARIKH NCP DIKELUARKAN	TARIKH NCP DITUTUP
1	Dokumen <i>Environmental Management Plan</i> tiada	Menyediakan <i>Environmental Management Plan</i>	18.08.2015	04.09.2015
2	<i>Sediment basin</i> tidak mengikut spesifikasi	<i>Sediment basin</i> telah dibuat seperti lukisan pembinaan	18.08.2015	15.09.2015
3	Tumpahan minyak	Semua kawasan yang terjejas dengan tumpahan minyak telah dilupuskan seperti yang dinyatakan di dalam BQ	18.08.2015	18.09.2015
4	Pembakaran terbuka	Sampah dikumpul dan dibuang dari tapak	18.08.2015	25.08.2015
5	<i>Honeycomb pile cap</i>	Pecah dan konkrit baru	09.09.2015	06.10.2015
6	Kegagalan Penyambungan Konkrit	Dibaiki	09.09.2016	06.10.2016
7	<i>Honeycomb slab</i> tingkat 1	Dibaiki	04.04.2016	18.04.2016
8	Batu-bata yang tidak berkualiti	Kontraktor perlu menukar pembekal batu-bata di tapak	21.06.2016	25.06.2016
9	Kebersihan tapak bina	Sampah perlu dibuang di tempat yang dibenarkan	27.09.2016	11.10.2016
10	Pemasangan <i>scaffolding</i>	Dipasang semula mengikut spesifikasi	27.09.2016	11.10.2016
11	<i>Honeycomb beam</i> Blok KSOD	Dibaiki	28.11.2017	05.12.2017

Sumber: Laporan Kemajuan Bulanan, Jabatan Kerja Raya Port Dickson

- e. Semakan selanjutnya mendapati masih berlaku masalah dalam pembinaan walaupun pelbagai siri mesyuarat dan pemantauan dilakukan oleh pihak JKR. Bagi Garaj Kuantan, masalah kewangan kontraktor utama telah menyumbang kepada kelewatan bekalan bahan binaan dan kekurangan pekerja di tapak. Bagi Garaj Port Dickson, kelewatan projek hanya berlaku di fasa akhir pada bulan Julai 2017 kerana kontraktor menghadapi masalah kewangan memandangkan kemajuan kerja pada peringkat awal adalah selari dengan Jadual Program Kerja.

Pada pendapat Audit, pemantauan telah dilaksanakan melalui mesyuarat tapak secara berkala dan surat peringatan serta amaran telah dikeluarkan mengikut prosedur yang ditetapkan. Namun, JKR boleh meningkatkan lagi pemantauan kerja-kerja di tapak supaya pembinaan dilaksanakan mengikut spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan.

9.7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam projek pembinaan yang lain, Kementerian dan JKR adalah disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

- 9.7.1. memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh EOT supaya objektif pembinaan tercapai;
- 9.7.2. memastikan klausa kontrak yang membolehkan Kerajaan menuntut sebarang kos dan kerugian daripada kontraktor terhadap kos tambahan atau *opportunity cost* yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat kelewatan penyediaan projek dimasukkan di dalam kontrak; dan
- 9.7.3. memantau kerja-kerja binaan di tapak yang dilaksanakan oleh kontraktor bagi memastikan kualiti pembinaan terjamin.

10. AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK) - PENGURUSAN *CURE AND CARE REHABILITATION CENTRE* (CCRC)

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Pemulihan daripada penagihan dadah adalah satu usaha sepanjang hayat kerana penagihan dadah adalah penyakit kronik yang mudah berulang (*relapse*) dan berpanjangan (*long lasting*). Menyedari cabaran tersebut, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melalui Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan (BRPP) telah mengambil inisiatif dengan menyediakan rawatan dan pemulihan yang komprehensif melalui pendekatan pemulihan dalam institusi dan pemulihan dalam komuniti. Pemulihan dalam institusi dilaksanakan oleh Klinik *Cure and Care* 1Malaysia, *Cure and Care Rehabilitation Centre* dan *Cure and Care Vocational Centre*. Pemulihan dalam komuniti pula melibatkan AADK Daerah, *Cure and Care Services Centre*, Pusat Integrasi Klien dan *Caring Community House*.

10.1.2. Salah satu pendekatan pemulihan dalam institusi adalah melalui *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC). CCRC berperanan sebagai pusat pemulihan yang menyediakan rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah di mana kemasukan penagih dadah ke dalam CCRC adalah melalui dua (2) cara. Pertamanya adalah penagih dadah yang telah dijatuhkan perintah mahkamah melalui Seksyen 6(1)(a) dan yang keduanya melalui kemasukan secara sukarela di bawah Seksyen 8(3)(a), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. CCRC sebelum ini dikenali sebagai Pusat Serenti dan telah ditukar nama kepada Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) pada tahun 2009. Di bawah Pelan Transformasi CCRC, PUSPEN dikenali sebagai CCRC berkuatkuasa pada 1 Jun 2012. Penagih dadah yang menjalani proses rawatan dan pemulihan di CCRC dikenali sebagai klien selaras dengan pendekatan humanistik¹ di bawah Pelan Transformasi CCRC.

10.1.3. Objektif CCRC ialah merawat dan memulihkan individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, mengekalkan kepulihan individu, membantu seseorang individu kembali kepada gaya hidup sihat tanpa dadah, memperbaiki status kesihatan dan mengurangkan risiko kesihatan akibat tingkah laku penagihan serta memperbaiki status sosial dan integrasi individu untuk berfungsi secara produktif dalam keluarga, tempat kerja dan masyarakat.

¹ Humanistik bermaksud bersifat kemanusiaan mengikut takrifan Kamus Dewan Edisi Keempat.

10.1.4. Klien akan ditempatkan di CCRC bagi tempoh tidak melebihi dua (2) tahun. CCRC telah memperkenalkan pemulihan melalui transformasi dengan memfokus pendekatan berikut:

- a. penyingkatan tempoh rawatan dan pemulihan (enam (6) hingga 11 bulan) berbanding tempoh maksimum dua (2) tahun yang ditetapkan berdasarkan penilaian prestasi klien di bawah Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983;
- b. program pemulihan yang memenuhi keperluan kepulihan klien, penilaian berdasarkan kategori klien dan tahap kebergantungan serta keseriusan penagihan klien;
- c. perubahan imej baharu klien dan fasiliti persekitaran kondusif;
- d. pendekatan *fun, effective and easy to implement*; dan
- e. pelaksanaan mekanisme menumpukan kepada aktiviti di dalam kelompok secara sistematik dan seragam mengikut Rancangan Pemulihan Klien (RPK).

10.1.5. Selepas selesai proses pemulihan di CCRC, klien akan menjalani program pengawasan dalam komuniti dan dipantau oleh AADK Daerah selama dua (2) tahun. Klien yang menjalani pengawasan dalam komuniti dikenali sebagai Orang Kena Pengawasan (OKP). Kaedah pemantauan yang dijalankan ke atas OKP antaranya adalah melalui pelaksanaan program psikososial yang merangkumi program keagamaan dan kerohanian, psiko pendidikan, rawatan perubatan, pembangunan kerjaya, integrasi sosial/aktiviti kemasyarakatan dan lawatan pegawai AADK ke rumah. Sepanjang tempoh program pengawasan dalam komuniti, klien dikehendaki mengikuti program rawatan dan pemulihan setiap bulan dan beberapa penilaian turut dilakukan secara berkala ke atas OKP oleh Pegawai AADK Daerah bagi menentukan pengekalan kepulihan OKP.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan CCRC telah diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi program rawatan, perubatan dan pemulihan serta pengurusan CCRC. Prestasi program rawatan, perubatan dan pemulihan dinilai berdasarkan empat (4) perkara iaitu prestasi pemulihan dalam CCRC, prestasi pengawasan dalam komuniti, penagihan berulang dan prestasi kewangan. Manakala pengurusan CCRC pula meliputi empat (4) perkara iaitu pengurusan keselamatan, pentadbiran kontrak, pengurusan pembayaran dan

pemantauan. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan empat (4) pejabat CCRC iaitu Jelevu di Negeri Sembilan, Serendah di Selangor, Muar di Johor dan Karangan di Kedah bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan September 2017. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.1**.

JADUAL 10.1
SENARAI CCRC YANG DILAWATI

BIL.	CCRC	TARIKH LAWATAN
1.	Jelevu, Negeri Sembilan	10 - 14 Julai 2017
2.	Serendah, Selangor	31 Julai - 8 Ogos 2017
3.	Muar, Johor	13 - 17 Ogos 2017
4.	Karangan, Kedah	10 - 14 September 2017

10.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan membuat semakan terhadap fail, rekod dan dokumen, menganalisis data, menjalankan pemeriksaan fizikal serta mengadakan temu bual dengan klien dan pegawai yang terlibat dalam pengurusan CCRC.

10.5. RUMUSAN AUDIT

10.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan

Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan telah mencapai objektif yang ditetapkan di mana klien yang mendaftar masuk ke CCRC dapat dirawat dan dipulihkan dalam tempoh antara enam (6) hingga 18 bulan. Selain itu, lebih ramai klien telah diberikan penyingkatan tempoh pemulihan sejak tahun 2014 yang menunjukkan keberkesanan program pemulihan dalam institusi yang dilaksanakan AADK. AADK juga telah berjaya mencapai sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) bagi tahun 2015 hingga 2017 berhubung pengekalan kepulihian di kalangan OKP yang menjalani program pengawasan dalam komuniti.

b. Pengurusan CCRC

Pengurusan CCRC belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana terdapat ketidakpatuhan dalam Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK yang boleh menimbulkan risiko keselamatan. Selain itu, berlaku ketidakpatuhan dalam peraturan kewangan yang menjejaskan kepentingan Kerajaan untuk mendapat nilai faedah terbaik daripada perbelanjaan yang diperuntukkan. Masih terdapat ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh AADK dan CCRC dalam menguruskan Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan.

10.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- a. peruntukan kewangan yang diluluskan di bawah Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan hanya 0.5% daripada peruntukan mengurus AADK;
- b. aspek keselamatan CCRC belum mencapai tahap memuaskan;
- c. pentadbiran kontrak adalah tidak teratur;
- d. pembayaran adalah tidak teratur (*improper payment*); dan
- e. pemantauan oleh AADK telah dilakukan namun masih terdapat ketidakpatuhan dalam pengurusan keselamatan, pentadbiran kontrak dan pengurusan pembayaran.

10.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 22 Mac 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

10.6.1. Prestasi Program Rawatan, Perubatan dan Pemulihan

10.6.1.1. Prestasi Pemulihan Dalam CCRC

- a. CCRC merupakan pusat di mana klien akan menjalani proses rawatan dan pemulihan dadah. Program pemulihan adalah berdasarkan kepada keperluan kepulihan klien di mana penilaian akan dilakukan bagi menentukan kategori klien, tahap kebergantungan dan keseriusan penagihan. Setiap CCRC mampu menampung seramai 150 hingga 400 klien pada satu-satu masa. Sehingga tahun 2017, terdapat sebanyak 21 CCRC di seluruh Malaysia yang mampu menampung sehingga 6,180 klien.
- b. Bilangan klien yang mendaftar masuk ke CCRC bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017 adalah seramai 23,471 orang. Trend kemasukan ke CCRC menunjukkan penurunan dari tahun 2014 hingga 2017 kecuali peningkatan ketara pada tahun 2016 iaitu seramai 7,291 orang disebabkan peningkatan bilangan operasi dan tangkapan. Bilangan klien yang keluar dari CCRC pula adalah seramai 23,867 orang bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017. Jumlah klien yang keluar adalah termasuk jumlah kumulatif bagi tahun-tahun sebelumnya. Statistik keseluruhan klien yang mendaftar masuk dan keluar dari CCRC adalah seperti di **Jadual 10.2**.

JADUAL 10.2
KLIEN MENDAFTAR MASUK DAN KELUAR DI CCRC SELURUH MALAYSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	KLIEN MENDAFTAR MASUK KE CCRC (Orang)	KLIEN KELUAR DARI CCRC (Orang)
2014	5,752	4,284
2015	5,738	5,460
2016	7,291	7,542
2017	4,690	6,581
JUMLAH	23,471	23,867

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

- c. Klien yang mendaftar masuk ke CCRC akan menjalani program rawatan dan pemulihan selama tempoh tidak melebihi 24 bulan. Bagaimanapun, selaras dengan transformasi CCRC pada tahun 2012, penyingkatan tempoh rawatan dan kepulihan telah diperkenalkan. Klien boleh diberikan penyingkatan tempoh dengan menjalani rawatan dan pemulihan antara enam (6) hingga 11 bulan bergantung kepada penilaian prestasi di bawah Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Bagaimanapun, bagi klien yang tidak melepasi kriteria penilaian untuk penyingkatan tempoh, pembebasan mereka adalah di bawah Seksyen 12(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.
- d. Penyingkatan tempoh diberikan kepada klien yang telah mencapai penilaian cemerlang iaitu memperoleh markah 75% ke atas. Penilaian dibuat berdasarkan indikator di dalam Borang Penilaian Prestasi Penghuni, antaranya penglibatan dalam program pemulihan, program keagamaan dan kerohanian, sokongan sosial yang diterima klien bagi membantu kepulihan selepas dibebaskan dan latihan kemahiran vokasional. Mengikut Rancangan Strategik Bahagian Rawatan, Perubatan dan Pemulihan, KPI CCRC untuk penyingkatan tempoh rawatan bagi tahun 2015 dan 2016 menunjukkan peningkatan jumlah klien adalah cemerlang. Bagaimanapun, CCRC tidak menetapkan KPI yang berkaitan dengan penyingkatan tempoh rawatan bagi tahun 2014 dan 2017.
- e. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017, seramai 11,292 (47.3%) daripada 23,867 orang klien telah diberikan penyingkatan tempoh dan dibebaskan dari CCRC dalam tempoh antara enam (6) hingga 11 bulan. Bilangan klien yang diberikan penyingkatan tempoh juga menunjukkan trend peningkatan berterusan sejak tahun 2014 sehingga tahun 2017. Oleh itu, KPI penyingkatan tempoh yang ditetapkan CCRC bagi tahun 2015 dan 2016 juga tercapai. Selain itu, seramai 12,575 (52.7%) klien telah menjalani rawatan dan pemulihan dalam tempoh antara 12 hingga 18 bulan dan tiada klien yang berada di CCRC melebihi tempoh 19 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.3**.

JADUAL 10.3
STATISTIK KLIEN YANG DIBEBAHKAN DARI CCRC DI SELURUH MALAYSIA
MENGIKUT TEMPOH RAWATAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	TEMPOH RAWATAN DI CCRC			JUMLAH KESELURUHAN
	6 – 11 BULAN	12 – 18 BULAN	19 – 24 BULAN	
2014	1,187	3,097	Tiada	4,284
2015	2,091	3,369	Tiada	5,460
2016	3,949	3,593	Tiada	7,542
2017	4,065	2,516	Tiada	6,581
JUMLAH	11,292	12,575	Tiada	23,867

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

Pada pendapat Audit, KPI penyingkatan tempoh yang ditetapkan oleh CCRC telah berjaya dicapai berdasarkan trend peningkatan bilangan klien yang mendapat penyingkatan tempoh rawatan.

10.6.1.2. Prestasi Program Pengawasan Dalam Komuniti

- a. Pengawasan dalam komuniti merupakan program susulan yang disediakan kepada klien yang telah menamatkan program dalam CCRC di samping program yang dijalankan kepada orang yang kena pengawasan dalam komuniti di bawah Seksyen 6(1)(b), Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Ia bertujuan membantu klien menyesuaikan diri semula sebagai anggota masyarakat di samping klien diberikan input pemulihan dalam tempoh pengawasan.
- b. AADK akan menjalankan penilaian kemajuan keputihan untuk mengukur tahap keputihan sebenar OKP selepas menjalani program di CCRC. OKP dinilai melalui enam (6) indeks keputihan iaitu penggunaan dadah dan bahan, sokongan keputihan, pekerjaan, kefungsian sosial, kesediaan untuk berubah serta kesihatan psikologikal dan mental. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.4**.

JADUAL 10.4
INDEKS KEPULIHAN KLIEN

BIL.	INDEKS KEPULIHAN	INDIKATOR KEPULIHAN	KAEDAH PENGUKURAN
1.	Penggunaan dadah dan bahan	<ul style="list-style-type: none"> • Bebas dadah • Penggunaan berkurang • Masih mengguna 	Ujian urin
2.	Sokongan keputihan	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan dalam kumpulan sokong bantu • Penyertaan dalam program keputihan • Penglibatan orang lain 	Buku laporan

BIL.	INDEKS KEPULIHAN	INDIKATOR KEPULIHAN	KAEDAH PENGUKURAN
3.	Pekerjaan	Indikator 1: <ul style="list-style-type: none"> Bekerja sepenuh masa Bekerja separuh masa Tidak bekerja Indikator 2: <ul style="list-style-type: none"> Kerjaya tetap dan stabil Kerja sementara Indikator 3: <ul style="list-style-type: none"> Persekitaran kerja selamat Persekitaran kerja berisiko 	Senarai semak
4.	Kefungsian sosial	Indikator 1: <ul style="list-style-type: none"> Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan Indikator 2: <ul style="list-style-type: none"> Kualiti hidup dengan orang lain Indikator 3: <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan diri Indikator 4: <ul style="list-style-type: none"> Kemahiran hidup 	Senarai semak
5.	Kesediaan untuk berubah	<ul style="list-style-type: none"> Persediaan Tindakan Pengekalan 	Skala tahap perubahan
6.	Kesihatan psikologikal dan mental	Indikator 1: <ul style="list-style-type: none"> Tahap kesihatan mental <ul style="list-style-type: none"> - Kemurungan - Kebimbangan - Kepercayaan Indikator 2: <ul style="list-style-type: none"> Kawalan sendiri Indikator 3: <ul style="list-style-type: none"> Perimbangan keputusan Indikator 4: <ul style="list-style-type: none"> Keupayaan sendiri 	Senarai semak dan ujian pengukuran

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

- c. Penilaian kemajuan kepulihian akan dilakukan selepas genap setahun OKP berada dalam tempoh pengawasan. AADK telah menetapkan KPI bagi pengekalan kepulihian OKP iaitu bagi tahun 2015, KPI pengekalan kepulihian ditetapkan sebanyak 20%. Semakan Audit mendapati daripada 16,273 OKP yang dinilai, seramai 5,980 (36.7%) OKP telah berjaya mengekalkan kepulihian iaitu melebihi KPI yang disasarkan. Hasil daripada pencapaian tersebut, KPI bagi tahun 2016 telah dinaikkan kepada 40% dan mendapati daripada seramai 12,362 OKP yang dinilai, 7,443 (60.2%) telah mengekalkan kepulihian melebihi KPI yang ditetapkan. Ini menunjukkan selepas tempoh setahun berada dalam pengawasan, masih terdapat OKP yang mampu mengekalkan kepulihannya daripada penagihan dadah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.5**.

JADUAL 10.5
STATISTIK PENGEKALAN KEPULIHAN OKP YANG MENGIKUTI
PROGRAM PENGAWASAN DALAM KOMUNITI
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 DAN 2016

TAHUN	JUMLAH OKP YANG DINILAI	SASARAN KPI (%)	PENGEKALAN KEPULIHAN	
			OKP (Bil.)	PENCAPAIAN KPI (%)
2015	16,273	20	5,980	36.7
2016	12,362	40	7,443	60.2
JUMLAH	28,635	-	13,423	-

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

- d. Bagi tahun 2017 pula, KPI yang disasarkan ialah 30% iaitu lebih rendah daripada KPI tahun 2016. Penurunan ini adalah disebabkan AADK menetapkan kumpulan sasaran dan kaedah pengukuran yang berbeza berbanding tahun sebelumnya. Penilaian kemajuan kepulihan dilakukan selepas genap dua (2) tahun OKP berada dalam tempoh pengawasan. Pengiraan skor kepulihan juga telah ditambah baik di mana tahap kepulihan OKP dibahagikan kepada empat (4) kategori iaitu cemerlang (80% ke atas), baik (61% - 79%), memuaskan (40% - 60%) atau tidak memuaskan (40% ke bawah). Kaedah pengukuran adalah berdasarkan indeks kepulihan klien seperti di **Jadual 10.4**.
- e. Semakan Audit mendapati daripada 13,494 OKP yang dinilai pada tahun 2017, seramai 7,342 (54.4%) OKP telah mengekalkan kepulihan iaitu melebihi sasaran KPI yang ditetapkan. Daripada 7,342 yang mengekalkan kepulihan, seramai 2,074 OKP mencapai skor cemerlang dan 5,268 OKP mencapai skor baik. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.6**.

JADUAL 10.6
LAPORAN PENILAIAN KEMAJUAN KEPULIHAN OKP YANG MENGIKUTI
PROGRAM PENGAWASAN DALAM KOMUNITI BAGI TAHUN 2017

JUMLAH OKP YANG DINILAI	SASARAN KPI (%)	PENGEKALAN KEPULIHAN			
		KATEGORI		JUMLAH OKP MEMENUHI KRITERIA	PENCAPAIAN KPI (%)
		CEMERLANG	BAIK		
13,494	30	2,074	5,268	7,342	54.4

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

Pada pendapat Audit, prestasi OKP bagi pengekalan kepulihan dalam komuniti telah berjaya mencapai KPI AADK yang telah ditetapkan.

10.6.1.3. Penagihan Berulang

- a. Pengekalan kepulihan selepas tamat tempoh program pengawasan dalam komuniti merupakan satu cabaran besar dalam usaha merealisasikan komuniti bebas dadah. Mengikut Buku Statistik Dadah yang dikeluarkan oleh

AADK, peratusan penagih berulang di Malaysia adalah 37.5% (2014), 23.9% (2015) dan 25.7% (2016) berbanding keseluruhan bilangan penagih dadah yang dikesan pada tahun berkenaan. Penagihan berulang dipengaruhi oleh faktor dalaman (ketahanan dan keyakinan diri penagih), luaran (sokongan keluarga, majikan, rakan-rakan dan masyarakat) dan persekitaran (pengaruh rakan dan akses kepada bekalan dadah) yang mana perkara tersebut adalah di luar kawalan CCRC dan AADK.

- b. Semakan Audit terhadap 50 (1%) sampel daripada 5,136 klien yang memasuki CCRC pada tahun 2013 mendapati seramai 28 (56%) orang telah berjaya dipulihkan sepenuhnya dari masalah penagihan dadah, 17 (34%) orang telah kembali menagih semasa program pengawasan dalam komuniti dan lima (5) (10%) orang telah kembali menagih selepas bebas dari program pengawasan dalam komuniti. Pemilihan klien yang memasuki CCRC pada tahun 2013 bertujuan untuk melihat rekod pergerakan klien bermula dari kemasukan ke CCRC pada tahun 2013 dan menjalani rawatan pemulihan selama dua (2) tahun, menjalani pengawasan dalam komuniti juga selama dua (2) tahun dan seterusnya dibebaskan selepas tahun 2016. Bagi klien yang memasuki CCRC pada tahun 2014 hingga 2016, klien tidak dapat dinilai kerana masih dalam tempoh pemulihan/pengawasan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.7**.

JADUAL 10.7
KLIEN YANG MEMASUKI CCRC PADA TAHUN 2013 DAN
MENAGIH DADAH SEMULA/TIDAK MENAGIH SEMULA/PULIH

TEMPOH BERADA DALAM CCRC (BULAN)	PENGAWASAN DALAM KOMUNITI (TAHUN 2014 – 2016)		BEBAS (SELEPAS 2016)	
	MENAGIH DADAH SEMULA/ TIDAK MENAGIH SEMULA	(Orang)	MENAGIH DADAH SEMULA/PULIH	(Orang)
7 – 12 bulan	Menagih dadah semula	17	Menagih dadah semula	17
	Tidak menagih semula	33	Menagih dadah semula	5
			Pulih	28
JUMLAH				50

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

Pada pendapat Audit, pengurangan peratus penagihan berulang menunjukkan keberkesanan program pemulihan/pengawasan dalam merealisasikan komuniti bebas dadah. Walaupun begitu, strategi mengekalkan kepulihan haruslah terus dipertingkatkan.

10.6.1.4. Prestasi Kewangan

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017, AADK telah diluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM1.20 bilion. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM6.05 juta (0.5%) telah diperuntukkan di bawah program rawatan, perubatan dan

pemulihan. Sejumlah RM5.28 juta telah diagihkan kepada institusi selain CCRC dan bakinya sejumlah RM0.77 juta (12.7%) telah diagihkan kepada CCRC. Jumlah peruntukan kepada CCRC ini adalah kecil daripada jumlah keseluruhan peruntukan bagi program rawatan, perubatan dan pemulihan bagi menjalankan aktiviti. Daripada peruntukan yang telah diagihkan kepada CCRC sejumlah RM0.74 juta (96.1%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.8**.

JADUAL 10.8
PERUNTUKAN BAGI PROGRAM RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN AADK
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN KESELURUHAN AADK (RM Juta)	PERUNTUKAN DI BAWAH PROGRAM RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN (RM Juta)		PERBELANJAAN DI BAWAH PROGRAM RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN (RM Juta)
		SELAIN CCRC	CCRC	CCRC
2014	284.97	0.74	0.12	0.12
2015	305.74	2.37	0.37	0.35
2016	327.30	1.39	0.19	0.18
2017	313.22	0.78	0.09	0.09
JUMLAH	1,231.23	5.28	0.77	0.74

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

Pada pendapat Audit, peruntukan kewangan yang diberikan kepada CCRC adalah kecil dan tidak setara dengan keseluruhan program namun CCRC telah berjaya melaksanakan program berdasarkan KPI yang telah ditetapkan.

10.6.2. Pengurusan CCRC

10.6.2.1. Pengurusan Keselamatan

Aspek keselamatan merupakan aspek penting yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan CCRC. Semakan Audit di empat (4) CCRC yang dilawati mendapati aspek keselamatan seperti keperluan pagar keselamatan, pos pengawal, keselamatan asrama telah diberikan perhatian. Namun demikian, masih terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan antaranya seperti prosedur mengiringi klien semasa aktiviti luar, Buku Rekod Pemeriksaan Penghuni dan peralatan keselamatan. Butiran lanjut seperti berikut:

a. Prosedur Mengiringi Klien Semasa Aktiviti Luar

- i. Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK Bahagian B09 Perenggan 6.3 telah menetapkan bilangan pengawal/pegawai Agensi (polis bantuan) yang dikehendaki bagi mengiringi klien untuk ke tempat-tempat yang dibenarkan mengikut undang-undang seperti lokap/pusat tahanan

reman, mahkamah, hospital Kerajaan dan perpindahan antara pusat pemulihan. Nisbah bilangan polis bantuan kepada klien semasa menjalankan aktiviti luar yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 10.9**.

JADUAL 10.9
BILANGAN POLIS BANTUAN BAGI
PROSEDUR MENGIRINGI KLIEN SEMASA AKTIVITI LUAR

BIL. KLIEN (Orang)	BIL. POLIS BANTUAN (Orang)
1 dan 2	1
3 hingga 5	3
6 hingga 10	4
11 hingga 20	5
20 ke atas	6

Sumber: Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK

- ii. Semakan Audit di empat (4) CCRC yang dilawati mendapati bilangan polis bantuan yang mengiringi klien semasa aktiviti luar tidak menepati *Standard Operating Procedure* (SOP). Analisis Audit mendapati daripada 68 sampel yang dipilih bagi aktiviti luar yang dijalankan pada tahun 2014 hingga 2017, sebanyak 52 (76.5%) aktiviti luar tidak mematuhi SOP yang ditetapkan di mana berlaku kekurangan polis bantuan antara satu (1) hingga empat (4) orang. Ketidakpatuhan kepada SOP ini berlaku pada tahun 2014 hingga 2016 manakala pada tahun 2017 (sehingga tarikh pengauditan pada bulan September 2017), prosedur mengiringi klien semasa aktiviti luar adalah teratur. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.10**.

JADUAL 10.10
POLIS BANTUAN YANG MENGIRINGI KLIEN
TIDAK MEMATUHI SOP YANG DITETAPKAN

CCRC	TAHUN	BIL. AKTIVITI	KEKURANGAN POLIS BANTUAN (Orang)
Jelevu, Negeri Sembilan	2014	5	2 hingga 4
	2015	10	1 hingga 3
	2016	9	1 hingga 3
Serendah, Selangor	2016	4	1 hingga 3
Muar, Johor	2015	7	1 hingga 2
	2016	9	1 hingga 3
Karangan, Kedah	2015	4	1 hingga 2
	2016	4	2 hingga 3
JUMLAH		52	

Sumber: CCRC yang dilawati

- iii. Pihak Audit dimaklumkan oleh AADK, perkara ini berlaku kerana perjawatan polis bantuan tidak diisi sepenuhnya di CCRC terlibat. Terdapat 38 kekosongan jawatan polis bantuan yang masih belum diisi setakat 30 September 2017. Pihak AADK telah membuat sebanyak enam (6) kali permohonan ke Jabatan Perkhidmatan Awam melalui KDN berhubung pengisian perjawatan pengawal/pegawai Agensi (polis bantuan) semenjak tahun 2014. Kekosongan perjawatan ini boleh menimbulkan risiko daripada aspek keselamatan kepada pegawai CCRC yang bertugas dan klien melarikan diri semasa aktiviti luar. Kedudukan pengisian dan kekosongan jawatan polis bantuan adalah seperti di **Jadual 10.11**.

JADUAL 10.11
KEDUDUKAN PERJAWATAN POLIS BANTUAN DI CCRC YANG DILAWATI

GRED JAWATAN	BILANGAN		
	LULUS	ISI	KEKOSONGAN
KP29	4	3	1
KP19	8	7	1
KP14	16	8	8
KP11	175	147	28
JUMLAH	203	165	38

Sumber: Ibu Pejabat, AADK dan empat (4) CCRC yang dilawati

Nota: Gred KP29, KP19, KP14 dan KP11 merupakan polis bantuan

Maklum Balas daripada KDN yang diterima pada 28 Mac dan 7 Mei 2018

Pengisian perjawatan pengawal/pegawai Agensi (polis bantuan) telah dibuat pada 17 April 2017 dan 31 Julai 2017 berjumlah 151 orang. Ibu Pejabat AADK telah mengkaji semula Perintah Tetap Ketua Pengarah (mengiringi orang kena tahan) bagi memperluaskan tugas pegawai pengiring kepada pegawai skim lain kerana status klien dianggap sebagai pesakit dan bukan penjenayah.

Pada pendapat Audit, pengisian polis bantuan dapat mempertingkatkan lagi aspek keselamatan di CCRC terutamanya melibatkan prosedur mengiringi klien semasa aktiviti luar.

b. Buku Rekod Pemeriksaan Penghuni

- i. Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK Bahagian D04 menetapkan pengawal keselamatan atau penyelia asrama hendaklah merekodkan barang larangan yang ditemui semasa pemeriksaan fizikal klien ke dalam Buku Rekod Pemeriksaan Penghuni. Pemeriksaan fizikal perlu dijalankan apabila menerima maklumat bahawa klien ada menyimpan atau memiliki barang larangan, pemeriksaan klien sebelum keluar atau masuk dari

satu tempat ke satu tempat lain di dalam pusat pemulihan serta pemeriksaan apabila ada pergerakan keluar masuk klien seperti ke mahkamah, hospital, kerja luar atau mana-mana aktiviti dan tempat di luar pusat pemulihan.

- ii. Semakan Audit di CCRC yang dilawati mendapati Buku Rekod Pemeriksaan Penghuni telah diselenggara kecuali di CCRC Serendah. CCRC Serendah hanya mempunyai borang pemeriksaan fizikal sahaja yang merekodkan pemeriksaan badan ke atas klien baru namun Buku Rekod Pemeriksaan Penghuni yang merekodkan pergerakan keluar masuk klien tidak disediakan. Perkara ini berlaku disebabkan kecuaiian dan kelalaian daripada pihak pengurusan CCRC Serendah kerana tidak mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Kegagalan menjalankan pemeriksaan ke atas klien seperti mana yang ditetapkan dalam SOP boleh menjejaskan dan menggugat keselamatan di CCRC contohnya kemasukan peralatan seperti gunting, pisau dan alat pemotong serta boleh menyebabkan berlakunya kelarian² di kalangan klien. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod kelarian di empat (4) CCRC yang dilawati mendapati dari tahun 2014 hingga 2017 menunjukkan jumlah kelarian di CCRC Serendah merupakan kedua tertinggi iaitu melibatkan 15 kes. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.12**.

JADUAL 10.12
REKOD KELARIAN DI CCRC YANG DILAWATI

CCRC	TAHUN				JUMLAH (Orang)
	2014 (Orang)	2015 (Orang)	2016 (Orang)	2017 (Orang)	
Jelevu, Negeri Sembilan	4	5	0	0	9
Serendah, Selangor	5	5	4	1	15
Muar, Johor	9	17	11	0	37
Karangan, Kedah	0	0	5	1	6
JUMLAH	18	27	20	2	67

Sumber: Ibu Pejabat, AADK

Maklum Balas daripada KDN yang diterima pada 28 Mac dan 7 Mei 2018

Buku Rekod Pemeriksaan Penghuni telah disediakan dan digunakan oleh CCRC Serendah.

Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan terhadap Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK boleh menimbulkan risiko keselamatan kepada CCRC.

² Kelarian merupakan istilah AADK yang merujuk kepada klien melarikan diri daripada pusat pemulihan

c. Peralatan Keselamatan

- i. Aspek keselamatan sangat penting untuk menjamin keselamatan kakitangan semasa menjalankan tugas di CCRC. Oleh itu, peralatan keselamatan seperti *walkie-talkie*, gari dan lampu suluh perlu berada dalam keadaan yang baik supaya dapat digunakan secara optimum.
- ii. Mengikut 1PP AM 2.6 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan menyatakan, aset yang rosak dan tidak boleh digunakan boleh dilupuskan bagi memastikan agensi Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan.
- iii. Semakan Audit di CCRC Jelebu, Serendah dan Karangan mendapati berlaku kerosakan ke atas peralatan keselamatan seperti *walkie talkie*, gari serta lampu suluh *rechargeable* dan ianya tidak dilupuskan. Peratus peralatan yang rosak berbanding jumlah peralatan yang dimiliki oleh CCRC adalah antara 6.3% hingga 80%. Analisis Audit terhadap peralatan keselamatan di CCRC yang dilawati mendapati berlaku kerosakan yang tinggi melebihi 50% ke atas peralatan seperti *walkie talkie*, lampu suluh *rechargeable* dan gari. Perkara ini berlaku disebabkan tiada tindakan pelupusan diambil oleh pihak pengurusan CCRC yang terlibat. Peralatan keselamatan yang rosak dan tidak dilupuskan terdedah kepada penyalahgunaan dan boleh menjejaskan operasi dan keselamatan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 10.13** dan **Gambar 10.1** hingga **Gambar 10.6**.

**JADUAL 10.13
PERALATAN KESELAMATAN YANG TELAH ROSAK**

BIL.	CCRC	JENIS PERALATAN KESELAMATAN	BIL. PERALATAN YANG DIMILIKI	PERALATAN YANG ROSAK	
				BIL.	(%)
1.	Jelebu, Negeri Sembilan	<i>Walkie Talkie</i>	10	8	80
		Gari	16	1	6.3
		Lampu Suluh <i>Rechargeable</i>	12	9	75
2.	Serendah, Selangor	<i>Walkie Talkie</i>	8	4	50
		Gari	10	5	50
3.	Karangan, Kedah	<i>Walkie Talkie</i>	12	4	33.3
		Gari	15	1	6.7

Sumber: CCRC Jelebu, Serendah dan Karangan

GAMBAR 10.1



CCRC Jelebu, Negeri Sembilan
- Walkie Talkie dan Gari yang Telah Rosak
(14.07.2017)

GAMBAR 10.2



GAMBAR 10.3



CCRC Jelebu, Negeri Sembilan
- Lampu Suluh *Rechargeable* yang Telah Rosak
(14.07.2017)

GAMBAR 10.4



CCRC Serendah, Selangor
- Walkie Talkie yang Telah Rosak
(08.08.2017)

GAMBAR 10.5



CCRC Serendah, Selangor
- Gari yang Telah Rosak
(08.08.2017)

GAMBAR 10.6



CCRC Karangan, Kedah
- Walkie Talkie yang Telah Rosak
(14.09.2017)

Maklum Balas daripada KDN yang diterima pada 28 Mac dan 7 Mei 2018

Ibu Pejabat AADK telah mengambil tindakan pelupusan pada 30 November 2017 di CCRC Karangan dan 28 Februari 2018 di CCRC Jelebu dan CCRC Serendah.

Pada pendapat Audit, aspek keselamatan CCRC boleh dipertingkatkan bagi memastikan ketidapatuhan terhadap prosedur kerja yang ditetapkan tidak akan berulang.

10.6.2.2. Pentadbiran Kontrak

Bagi memastikan pengurusan CCRC dan kebajikan klien yang sedang menjalani rawatan, perubatan dan pemulihan sentiasa terjaga, aspek pemakanan juga perlu diberikan perhatian. Perolehan pembekalan makanan mentah, basah dan kering secara tender dilaksanakan di peringkat Kementerian manakala perolehan secara sebut harga dilaksanakan oleh CCRC. Hasil semakan Audit terhadap pengurusan pentadbiran kontrak di CCRC yang dilawati mendapati kontrak telah disediakan dan disemak oleh Penasihat Undang-Undang sebelum diguna pakai. Namun demikian, masih terdapat kelemahan berhubung pengurusan pentadbiran kontrak iaitu sembilan (9) item di dalam kontrak tidak dibuat melalui Kontrak Pusat Sistem Panel. Butirannya adalah seperti berikut:

a. Sembilan (9) Item di Dalam Kontrak Tidak Dibuat Melalui Kontrak Pusat Sistem Panel

- i. 1PP PK 2/2013 bagi tempoh tahun 2013 hingga 31 Disember 2014 menyenaraikan 33 item yang perlu dibuat perolehan secara Kontrak Pusat Sistem Panel yang berasaskan penjimatan di dalam perolehan Kerajaan dengan prinsip akauntabiliti awam, ketelusan, persaingan terbuka, nilai faedah terbaik, adil dan saksama serta mengambil kira dasar keutamaan Bumiputera.
- ii. Dokumen kontrak untuk pembekalan makanan mentah, basah dan kering bagi perolehan secara tender di KDN dan dokumen kontrak sebut harga di CCRC menyenaraikan barang-barang yang boleh dibekalkan oleh pembekal kepada CCRC yang terlibat. Pihak Audit mendapati CCRC tidak melaksanakan kontrak dengan pembekal yang telah disenaraikan dalam Kontrak Pusat Sistem Panel bagi sembilan (9) item seperti di **Jadual 10.14**. Surat pengecualian khas daripada Kementerian Kewangan (MoF) yang membenarkan perolehan di luar Kontrak Pusat Sistem Panel bagi sembilan (9) item tersebut juga tidak diperoleh.

JADUAL 10.14
SENARAI ITEM YANG TIDAK DIBUAT MELALUI
KONTRAK PUSAT SISTEM PANEL DI CCRC YANG DILAWATI

BIL.	ITEM
1.	Bihun
2.	Sri kaya
3.	Sos cili
4.	Sos tomato
5.	Kicap
6.	Kordial buah dan berperisa
7.	Teh
8.	Kopi
9.	Serbuk rempah kari/kurma

Sumber: CCRC yang dilawati

- iii. Pihak Audit dimaklumkan oleh Bahagian Perolehan, KDN bahawa pembekal tidak mahu membekalkan item dalam kuantiti yang kecil terutamanya di kawasan pedalaman kerana tidak ekonomik kepada pembekal. Pembekalan item yang dibuat tidak melalui Kontrak Pusat Sistem Panel boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana harga yang dibayar tidak dapat ditentukan nilai faedah terbaik, adil dan saksama.

Maklum Balas daripada KDN yang diterima pada 7 Mei 2018

Permohonan pengecualian telah dikemukakan kepada MoF melalui surat bertarikh 2 April 2018. MoF melalui surat bertarikh 10 April 2018 telah memohon dokumen tambahan sebelum dapat mempertimbangkan permohonan KDN.

Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak masih belum mencapai tahap kecekapan yang memuaskan dan masih boleh dipertingkatkan dengan memberi tumpuan terhadap peraturan berkaitan Kontrak Pusat Sistem Panel bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

10.6.2.3. Pengurusan Pembayaran

Pengauditan yang dijalankan di empat (4) CCRC yang dilawati mendapati pengurusan pembayaran telah dilaksanakan berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Didapati pembayaran dilakukan setelah pesanan diterima, pembayaran dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa dan bagi tujuan yang telah ditetapkan serta diluluskan. Namun demikian, masih terdapat beberapa kelemahan berhubung pengurusan pembayaran antaranya seperti berikut:

a. Perbezaan Bilangan Item di Dalam Invois Dengan Nota Penghantaran

- i. Berdasarkan 1PP Pengurusan Wang Awam (WP)10.3, pembayaran tanpa kuasa/salah/pembayaran tidak sepatutnya (*improper payment*) ialah pembayaran yang dibuat dengan tidak wajar seperti “apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua (2) kali”.
- ii. Semakan Audit di CCRC Muar dan Karangan mendapati bilangan item pembekalan bahan mentah, basah dan kering yang dinyatakan di dalam invois melebihi bilangan di dalam nota penghantaran. Bagaimanapun, bayaran penuh telah dilakukan. Perbezaan sebanyak 44 item berlaku di CCRC Muar dan 21 item di CCRC Karangan melibatkan bayaran keseluruhan berjumlah RM5,928.

- iii. Perkara ini berlaku kerana di CCRC Muar nota penghantaran tidak disertakan bersekali dengan invoice ke Bahagian Kewangan sewaktu pembayaran dilaksanakan. Selain itu, di CCRC Karangan didapati kuantiti penerimaan tidak direkodkan sepenuhnya oleh pegawai penerima dalam nota penghantaran. Baucar bayaran yang tidak disokong dengan dokumen yang lengkap adalah melanggar peraturan kewangan Kerajaan seperti mana ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 99.

Maklum Balas daripada KDN yang diterima pada 28 Mac dan 7 Mei 2018

AADK telah mengeluarkan surat teguran kepada Pengarah CCRC Muar berkenaan perkara ini. CCRC Muar telah mengeluarkan surat arahan secara dalaman kepada Unit Sajian serta berhubung dengan pihak pembekal bagi menjelaskan sebarang pindaan item selain daripada yang telah diluluskan melalui kontrak berkenaan adalah tidak dibenarkan. Unit Kewangan CCRC Muar juga dimaklumkan bahawa semakan hendaklah dibuat dengan teliti terhadap item dan kuantiti yang dibekalkan sebelum sebarang bayaran dilaksanakan.

Bagi CCRC Karangan, sesi taklimat berkaitan pengurusan dapur telah diadakan pada bulan September 2017 melibatkan semua kakitangan Unit Pentadbiran dan Unit Hal Ehwal Klien.

b. Pembayaran Penuh Telah Dibuat Walaupun Bekalan Tidak Mencukupi

Semakan Audit mendapati bayaran penuh terhadap bekalan biskut *cream cracker* dan biskut berkrim di CCRC Serendah telah dilakukan semenjak tahun 2016 sehingga bulan Jun tahun 2017 tetapi kuantiti biskut (kilogram) yang dibekalkan tidak mencukupi. Pihak Audit mendapati pembekal telah terkurang membekalkan sebanyak 262.40 kilogram biskut *cream cracker* berjumlah RM2,361.60 (harga sekilogram RM9) dan 1,333 kilogram biskut berkrim berjumlah RM13,996.50 (harga sekilogram RM10.50). Ini kerana melalui temu bual dengan Pegawai Stor, sewaktu penerimaan stok beliau hanya membuat pengiraan bilangan kotak/tin yang diterima tetapi tidak membuat pengiraan semula dalam kilogram dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan berjumlah RM16,358. Butiran lanjut adalah seperti **Gambar 10.7** dan **Gambar 10.8**.

GAMBAR 10.7



CCRC Serendah, Selangor
- Biskut Berkrim yang Dibekalkan
oleh Pembekal
(08.08.2017)

GAMBAR 10.8



CCRC Serendah, Selangor
- Biskut Cream Cracker yang
Dibekalkan oleh Pembekal
(08.08.2017)

Maklum Balas daripada KDN yang diterima pada 28 Mac dan 7 Mei 2018

AADK telah menubuhkan Lembaga Siasatan Dalaman pada 21 Mac 2018 untuk menyiasat isu ini dengan terperinci dan hasil siasatan akan dirujuk kepada Unit Integriti AADK. Syarikat yang terlibat telah membuat bayaran balik berjumlah RM16,358 melalui cek bertarikh 18 April 2018.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran masih belum mencapai tahap kecekapan yang memuaskan kerana adanya isu yang mempunyai elemen *improper payment* walaupun melibatkan jumlah yang kecil.

10.6.2.4. Pemantauan

- a. Pemantauan dan perancangan yang teratur dapat membantu meningkatkan kecekapan. AADK hendaklah memastikan pengurusan CCRC dipantau secara berterusan bagi memastikan tugas serta tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan cekap dan teratur.
- b. Semakan Audit mendapati beberapa mesyuarat telah diadakan di peringkat AADK dan CCRC untuk memantau aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan CCRC dan klien. Antara mesyuarat yang diadakan adalah seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Pagi, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) serta Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK).
- c. Agenda mesyuarat antaranya ialah membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan program pemulihan dan aktiviti luar yang disertai oleh klien. Pelaksanaan aktiviti, pengurusan kakitangan dan perolehan peralatan serta keperluan yang berkaitan dengan tugas harian turut dibincangkan. Kesemua mesyuarat ini telah diadakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah di peringkat Ibu Pejabat AADK

dan Pengarah atau Timbalan Pengarah di CCRC Negeri. Semakan Audit terhadap maklum balas minit mesyuarat mendapati setiap isu yang dibincangkan telah diambil tindakan.

Pada pendapat Audit, walaupun pemantauan secara berterusan diadakan melalui pelbagai mesyuarat, masih wujud kelemahan dalam aspek keselamatan, pentadbiran kontrak dan pengurusan pembayaran.

10.7. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan program pemulihan dan pengurusan di CCRC, adalah disyorkan seperti berikut:

10.7.1. AADK/CCRC perlu memastikan aspek keselamatan seperti prosedur mengiringi klien semasa aktiviti luar, buku rekod pemeriksaan penghuni dan pengurusan peralatan keselamatan dipertingkatkan bagi mengelakkan risiko yang boleh menjejaskan dan menggugat keselamatan CCRC;

10.7.2. KDN/CCRC perlu memastikan pengurusan pentadbiran kontrak dan kewangan yang melibatkan Kontrak Pusat Sistem Panel dan pengurusan pembayaran mematuhi peraturan yang telah ditetapkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan; dan

10.7.3. KDN perlu melakukan pemantauan terhadap pengurusan program AADK dalam menguruskan program pemulihan dan pengurusan di CCRC secara keseluruhannya.



BAHAGIAN II

**PELAKSANAAN AKTIVITI
BADAN-BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN**

BAHAGIAN II PELAKSANAAN AKTIVITI BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

11. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sebanyak dua (2) aktiviti Badan Berkanun Persekutuan telah dipilih untuk diaudit bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut. Hasil daripada pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Badan Berkanun Persekutuan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Maklum balas yang diterima daripada Badan Berkanun Persekutuan dan agensi berkenaan telah diambil kira dalam laporan ini.

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI MALAYSIA

12. LEMBAGA LADA MALAYSIA - PENGURUSAN PEMBANGUNAN INDUSTRI LADA

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Lembaga Lada Malaysia [Malaysian Pepper Board (MPB)] merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia dan ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 (Akta 656). Mengikut Seksyen 3 Akta 656, matlamat MPB adalah untuk menggalakkan penanaman lada, membangunkan dan menggalakkan industri lada, menggalakkan penyelidikan tentang lada, keluaran lada dan industri lada serta membangunkan dasar bagi pembangunan dan pentadbiran industri lada Malaysia. Berdasarkan Seksyen 4, fungsi utama MPB adalah untuk melaksanakan dasar dan program pembangunan untuk memastikan pertumbuhan daya maju industri lada Malaysia.

12.1.2. Justeru itu, MPB antaranya telah melaksanakan program-program pembangunan penanaman lada melibatkan pemberian bantuan pertanian seperti baja, dolomite, keratan lada dan peralatan pemprosesan lada seperti pengipas dan

pelerai. Selain itu, MPB turut memberi khidmat nasihat kepada pekebun lada. Manakala bagi tujuan pembangunan penyelidikan, MPB telah melaksanakan pelbagai kajian terhadap peningkatan kualiti lada termasuk membangunkan infrastruktur dan kemudahan untuk ujian lapangan dan pengembangan lada.

12.1.3. Objektif Program Pembangunan Penanaman Lada adalah untuk meningkatkan keluasan tanaman lada, meningkatkan pengeluaran dan produktiviti lada manakala objektif membangunkan infrastruktur dan kemudahan penyelidikan adalah untuk menyokong usaha-usaha pengembangan dan penyelidikan bagi meningkatkan kualiti lada dihasilkan.

12.1.4. Lada yang ditanam di Malaysia adalah spesies tumbuhan diberi nama botanical *Piper nigrum Linnaeus* atau dikenali sebagai *pepper*. Pokok lada ditanam menggunakan keratan lada dan tempoh matang adalah antara dua (2) hingga tiga (3) tahun. Jarak tanaman lada adalah 2 meter x 2 meter yang membolehkan penanaman lada sebanyak 2,000 pokok lada dalam kawasan berkeluasan satu (1) hektar. Pada tahun 2017, sebanyak 17,087 hektar telah ditanam dengan pokok lada melibatkan 67,389 pekebun dan pengeluaran lada adalah sebanyak 30,433 tan. Sarawak merupakan negeri yang mengeluarkan sebanyak 98% lada negara dan sebahagian besar tanaman lada diusahakan oleh pekebun kecil seperti di **Jadual 12.1**.

JADUAL 12.1
PENANAMAN LADA SEHINGGA TAHUN 2017

NEGERI	KELUASAN		PEKEBUN (Orang)	PENGELUARAN (Tan)
	(Hektar)	%		
Sarawak	16,798	98.3	67,000	29,975
Sabah	33	0.20	169	2
Semenanjung Malaysia	256	1.50	220	456
JUMLAH	17,087		67,389	30,433

Sumber: Lembaga Lada Malaysia (MPB)

12.1.5. Malaysia adalah ahli *International Pepper Community* (IPC) di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial bagi Asia dan Pasifik atau *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (ESCAP) sejak tahun 1972. IPC mempunyai mandat utama untuk kesejahteraan industri lada di peringkat global dengan mengambil kira semua aspek lada iaitu penyelidikan dan pembangunan terhadap pengeluaran, perlindungan, teknologi pasca tuai selain perdagangan antarabangsa dan memastikan penyelarasan yang kukuh di antara negara ahli. Berdasarkan anggaran awal yang dikeluarkan oleh IPC, Malaysia menduduki tempat keenam bagi pengeluaran lada di peringkat dunia pada tahun 2017 dengan anggaran pengeluaran sebanyak 23,500 tan.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada program pembangunan industri lada telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan menumpukan kepada dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan juga pengurusan pembangunan penanaman lada dan pembangunan penyelidikan bagi tahun 2014 hingga 2017.

12.3.1. Pembangunan penanaman lada meliputi tiga (3) program iaitu Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada, Program Pembangunan Industri Lada Kawasan Baru dan Selenggara serta Program Tanaman Baru (*One-Off*). Pengauditan memberi fokus kepada empat (4) perkara iaitu prestasi penanaman, pengurusan bantuan kepada pekebun, polisi dan prosedur serta penyelenggaraan rekod.

12.3.2. Pembangunan penyelidikan meliputi projek pembinaan Stesen Penyelidikan Lapangan serta pembinaan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara. Pengauditan memberi fokus kepada tiga (3) perkara iaitu prestasi projek, pentadbiran kontrak dan pemantauan projek.

12.3.3. Populasi pengauditan adalah seperti di **Jadual 12.2**.

JADUAL 12.2
POPULASI PENGAUDITAN

BUTIRAN	PEMBANGUNAN PENANAMAN		PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN (PEMBINAAN INFRASTRUKTUR)	
	Bil. (Program)	RM (Juta)	BIL. (Projek)	RM (Juta)
Populasi	3	41.59	2	4.59
Sampel	3	41.59	2	4.59
Peratus (%)	100	100	100	100

Sumber: Jabatan Audit Negara

12.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen (fail pekebun, minit mesyuarat pemilihan pekebun, rekod pemberian/terimaan bantuan, kontrak, rekod bayaran, laporan kemajuan) dan melaksanakan data analitik terhadap pekebun yang menerima bantuan. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke Pejabat Cawangan Serian dan Betong, Sarawak serta Pejabat Wilayah Semenanjung Malaysia, Johor dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan di dua (2) tapak projek pembinaan di Semenggoh, Sarawak. Di samping itu, temubual juga dilaksanakan dengan pegawai yang bertanggungjawab untuk tujuan pengesahan.

12.5. RUMUSAN AUDIT

12.5.1 Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

a. Prestasi Pembangunan Industri Lada

MPB telah mencapai objektif program pembangunan penanaman lada di mana sasaran keluasan 14,530 hektar telah dicapai pada tahun 2015 dan dijangka mampu mencapai tambahan 1,500 hektar dalam tempoh 2016 hingga 2020. Program penanaman lada juga memberikan peluang pekerjaan dan mengukuhkan pendapatan pekebun kecil luar bandar di mana tanaman sebanyak 2,000 pokok dalam satu hektar memberikan anggaran pendapatan kasar berjumlah RM94,424 pada tahun 2017. Sungguhpun ada peningkatan keluasan tanaman dan pengeluaran lada setiap tahun, namun sasaran keluasan dan pengeluaran tanaman di bawah Dasar Komoditi Negara belum dicapai.

b. Pengurusan Pembangunan Penanaman Lada

Pengurusan pembangunan penanaman lada dari aspek perolehan input pertanian telah diuruskan dengan teratur bagi menjamin ia dilaksanakan secara berhemat. Bagaimanapun, kelemahan dalam proses pemilihan penerima bantuan dan proses pemberian bantuan boleh memberi kesan kepada tahap kecekapan pengurusan program. Selain itu, kelemahan dalam penyelenggaraan sistem maklumat dan rekod penerima bantuan boleh memberi kesan terhadap keberkesanan MPB untuk melaksanakan pemberian bantuan yang teratur.

c. Pengurusan Pembangunan Penyelidikan (Pembinaan Infrastruktur)

Bagi pembinaan infrastruktur penyelidikan, proses pemilihan kontraktor secara tender terbuka adalah selaras dengan peraturan kewangan ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi projek Stesen Penyelidikan Lapangan yang terbengkalai telah menjejaskan pencapaian objektif pembinaan dan telah memberi kesan kepada kecekapan pengurusan. Selain itu, kelemahan pentadbiran kontrak dan pemantauan projek di tapak masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan.

12.5.2. Kelemahan utama yang ditemui adalah seperti berikut:

a. Pembangunan Penanaman Lada

- i. rekod kad pengenalan pekebun tidak dijumpai dalam pangkalan data JPN;
- ii. bantuan diluluskan kepada pekebun yang telah meninggal dunia;
- iii. pemberian bantuan tidak melalui proses pemilihan ditetapkan;

- iv. minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pekebun tidak ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat; dan
- v. penyelenggaraan rekod/fail bantuan tidak teratur.

b. Pembangunan Penyelidikan (Pembinaan Infrastruktur)

- i. pembinaan projek Stesen Penyelidikan Lapangan telah terbengkalai sejak November 2016 dan kawasan tapak didapati terbiar;
- ii. kontraktor penyiap bagi Stesen Penyelidikan Lapangan belum dilantik;
- iii. pejabat tapak telah dipindahkan tanpa kebenaran Pegawai Penguasa; dan
- iv. Perakuan Siap Kerja bagi projek Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara (Fasa 1) dikeluarkan tetapi tapak tidak diserahkan dan kerja masih berjalan.

12.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas MPB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 22 November 2017. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

12.6.1. Prestasi Pembangunan Industri Lada

12.6.1.1. Prestasi Kewangan

- a. Bagi Program Pembangunan Penanaman Lada, sejumlah RM40.72 juta (97.91%) telah dibelanjakan daripada RM41.59 juta peruntukan untuk melaksanakan tiga (3) program melibatkan perolehan bahan pertanian seperti baja dan dolomite, perolehan alatan pemprosesan peningkatan kualiti lada seperti pelera lada dan pengipas lada serta pemberian insentif bekalan keratan lada dan tiang sokongan untuk diberikan kepada pekebun lada. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.3**.

**JADUAL 12.3
PRESTASI KEWANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN PENANAMAN LADA
BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

PROGRAM	TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
Program Tanaman Baru (<i>One-Off</i>)	2014	4.00	3.95	98.75	0.05
	2015	0	0.19	-	*(0.19)
Program Pembangunan Industri Lada-Kawasan Baru dan Selenggara	2014	12.00	11.82	98.50	0.18
	2015	4.67	4.66	99.79	0.01
Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada	2016	10.73	10.39	96.83	0.34
	2017	10.19	9.71	95.29	0.48
JUMLAH		41.59	40.72	97.91	0.87

Sumber: Bahagian Kewangan MPB

Nota: (*) - Lebihan belanja menggunakan baki lebihan tahun-tahun sebelum

- b. Bagi tujuan membangunkan infrastruktur dan kemudahan penyelidikan untuk ujian lapangan dan pengembangan lada, MPB telah melaksanakan dua (2) projek iaitu pembinaan Stesen Penyelidikan Lapangan dan pembinaan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara. Kedua-dua projek dilaksanakan oleh JKR Sarawak sebagai Pegawai Penguasa. Setakat Disember 2017, bayaran berjumlah RM1.89 juta (50.53%) telah dibuat bagi kedua-dua projek dengan perbelanjaan untuk Stesen Penyelidikan Lapangan hanya mencapai sejumlah RM1.04 juta (36.62%) disebabkan pembinaan telah terbengkalai sejak November 2016. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.4**.

JADUAL 12.4
PRESTASI KEWANGAN PROJEK PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN
SEHINGGA DISEMBER 2017

PROJEK	TEMPOH KONTRAK SEBENAR	KOS ASAL (RM Juta)	KOS SEMASA (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	BAKI (RM Juta)
Stesen Penyelidikan Lapangan	27.07.2015 hingga 26.01.2017	3.49	2.84	1.04	36.62	1.80
Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara	06.05.2016 hingga 08.02.2017	1.10	0.90	0.85	94.44	0.05
JUMLAH		4.59	3.74	1.89	50.53	1.85

Sumber: JKR Sarawak

Nota: Pembinaan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara melibatkan 3 Fasa. Kos projek adalah untuk Fasa 1 (Kerja Tanah).

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi tahun 2014 hingga 2017 untuk Program Pembangunan Penanaman Lada adalah baik selaras dengan peruntukan yang diluluskan. Namun begitu, perbelanjaan bagi tujuan membangunkan infrastruktur dan kemudahan penyelidikan hanyalah 50.53% yang mana bagi projek Stesen Penyelidikan Lapangan hanya mencapai kewangan 36.62% daripada kos semasa projek.

12.6.1.2. Pencapaian Output/Outcome Pembangunan Industri Lada

- a. Objektif Program Pembangunan Penanaman Lada adalah untuk mencapai tanaman lada berkeluasan 14,530 hektar dan pengeluaran lada sebanyak 31,000 tan pada tahun 2015. Seterusnya membangunkan 1,500 hektar kawasan tanaman baru lada dalam tempoh lima (5) tahun bermula tahun 2016 hingga 2020. MPB juga hendaklah menggalakkan peningkatan kualiti lada peringkat ladang serta meningkatkan keupayaan/kemahiran pekebun supaya produktiviti tanaman lada dipertingkatkan.
- b. Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011 - 2020 telah memberi unjuran industri lada untuk tempoh sepuluh (10) tahun bagi mencapai keluasan penanaman

lada (hektar) dan pengeluaran (tan). Sasaran keluasan tanaman yang ditetapkan sehingga tahun 2020 adalah 20,110 hektar dan pengeluaran lada 42,000 tan. Manakala, sasaran produktiviti ditetapkan adalah 6,000 kg sehektar. Untuk mencapai unjuran pada tahun 2020, DKN juga menetapkan unjuran setiap lima (5) tahun dan pencapaian dipantau secara tahunan.

- c. Semakan Audit mendapati MPB telah berjaya mencapai sasaran keluasan 14,530 hektar pada tahun 2015 seperti yang ditetapkan di bawah Program Penanaman Lada. MPB telah menunjukkan peningkatan keluasan purata 350 hektar setahun bagi tahun 2015 hingga 2017. Berdasarkan trend peningkatan tersebut, MPB dijangka mampu mencapai sasaran tambahan 1,500 hektar kepada 16,030 hektar pada tahun 2020. Di bawah DKN, keluasan 17,008 hektar yang disasarkan untuk dicapai pada tahun 2015 hanya dapat dicapai pada tahun 2017. Selain itu, pengeluaran lada sebanyak 30,433 tan pada tahun 2017 masih belum mencapai sasaran 31,000 tan yang ditetapkan untuk dicapai pada tahun 2015 di bawah Program Penanaman Lada dan DKN. Berdasarkan perbincangan dengan pegawai terlibat, perkara ini berlaku disebabkan kekurangan peruntukan untuk perluasan hektar serta kurang sambutan daripada generasi muda untuk meneruskan industri ini. Namun demikian, MPB dijangka mampu mencapai sasaran produktiviti 6,000 kg/hektar pada tahun 2020 berdasarkan trend peningkatan produktiviti setiap tahun. Pencapaian keluasan dan pengeluaran tanaman lada negara serta produktiviti berbanding unjuran DKN bagi Program Pembangunan Penanaman Lada adalah seperti di **Jadual 12.5** dan **Carta 12.1**.


JADUAL 12.5
PENCAPAIAN DASAR KOMODITI NEGARA PADA TAHUN 2017

PERKARA	UNJURAN			PENCAPAIAN			
	2010	2015	2020	2014	2015	2016	2017
Keluasan (Hektar)	14,174	17,008	20,110	16,021	16,333	16,768	17,078
Pengeluaran (Tan)	24,227	31,000	42,000	27,500	28,300	29,245	30,433
Produktiviti (kg/hektar)	4,400	5,400	6,000	5,200	5,400	5,600	5,800
Eksport (Tan)	14,030	23,500	29,500	13,429	13,624	12,199	11,640
Eksport Nilai (RM Juta)	199.3	400	650	404.6	513.9	490.2	308.87

Sumber: MPIC dan MPB

Nota: Unjuran hanya ditetapkan sekali dalam tempoh lima (5) tahun


CARTA 12.1
PRESTASI PENCAPAIAN BERBANDING
UNJURAN DASAR KOMODITI INDUSTRI NEGARA



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

- d. Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 - Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome* telah menggariskan panduan umum kepada kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri mengenai kaedah penyediaan penilaian *outcome* terhadap program/projek pembangunan. Garis panduan ini lahir daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Mac 2005 yang telah menetapkan supaya kementerian/jabatan/agensi dan pentadbiran negeri melaksanakan penilaian *outcome* program pembangunan.
- e. Semakan Audit mendapati MPB ada membuat penilaian *outcome* pada tahun 2015 terhadap Program Pembangunan Penanaman Lada untuk aktiviti Tanaman Baru Lada (*one-off*) bagi tahun 2012 hingga 2014. Penilaian berdasarkan sampel kaji selidik dilakukan terhadap 48 daripada 480 pekebun di pelbagai kawasan yang menerima bantuan pada tahun 2012. Tahun 2012 dipilih memandangkan pokok lada matang antara dua (2) hingga tiga (3) tahun. Analisis penilaian mendapati program tanaman membolehkan peningkatan keluasan tanaman lada, peningkatan pengeluaran dan produktiviti lada, peningkatan pendapatan pekebun dan seterusnya memberi impak kepada peningkatan taraf sosial ekonomi pekebun iaitu seperti **Carta 12.2**.

CARTA 12.2
PENILAIAN *OUTCOME* AKTIVITI TANAMAN BARU LADA (*ONE-OFF*)
BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2014




Sumber: Laporan Penilaian *Outcome* Program Tanaman Baru (*One-Off*) Tahun 2012 – 2014, MPB
 Nota: (0) - Pekebun baru menanam lada

f. Pencapaian Peringkat Antarabangsa


IPC telah mengeluarkan statistik pengeluaran lada dunia bagi tahun 2014 hingga 2017. Berdasarkan IPC, pasaran lada di peringkat antarabangsa diramalkan meningkat berikutan perkembangan yang pesat dalam industri pemprosesan makanan. Peningkatan pengeluaran lada di peringkat nasional juga memberi sumbangan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2017, Malaysia adalah pengeluar lada keenam terbesar dunia dengan pengeluaran 23,500 tan dan kedua tertinggi di dunia bagi produktiviti lada sebanyak 1.7 tan/hektar. Kedudukan pengeluaran/produktiviti lada di peringkat dunia adalah seperti **Carta 12.3** dan **Carta 12.4**.

CARTA 12.3
PENGELUARAN LADA DUNIA BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017



Sumber: *International Pepper Community* (IPC) dan MPB

**CARTA 12.4
PRODUKTIVITI LADA DUNIA TAHUN 2016**



Sumber: *International Pepper Community (IPC)* dan MPB

Pada pendapat Audit, program-program penanaman yang dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran telah membantu memperkukuhkan dan mengembangkan industri lada.

12.6.2. Pengurusan Program Pembangunan Penanaman Lada

Pada tahun 2014 hingga 2017, program pembangunan penanaman lada dilaksanakan melalui Program Pembangunan Industri Lada – Kawasan Baru dan Selenggara, Program Tanaman Baru (*one-off*), dan Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada dengan peruntukan sejumlah RM41.59 juta.

12.6.2.1. Perolehan Input Pertanian

- a. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) menetapkan Agensi hendaklah memastikan semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus dan memberi nilai faedah yang terbaik. Berdasarkan 1PP PK2.1, perolehan bekalan yang melibatkan perbelanjaan tahunan atau sesuatu kontrak melebihi RM500,000 hendaklah dipelawa secara tender terbuka.
- b. Semakan Audit mendapati MPB memperoleh input pertanian seperti baja dan dolomite di bawah program pembangunan penanaman lada untuk disalurkan kepada pekebun berkeelayakan. Pada tahun 2014 hingga 2016, MPB telah menandatangani lima (5) kontrak berjumlah RM18.20 juta dengan syarikat nombor pendaftaran 30344-T untuk membekal dan menghantar Baja Sebatian NPK Biru. Manakala empat (4) kontrak berjumlah RM1.84 juta ditandatangani dengan syarikat nombor pendaftaran 74619-X untuk membekal dan menghantar Dolomite. Semakan lanjut mendapati proses pemilihan syarikat pembekal secara tender terbuka dan pentadbiran kontrak yang dilaksanakan adalah teratur dan selaras dengan peraturan kewangan ditetapkan bagi menjamin harga terbaik.

12.6.2.2. Pemilihan Penerima Bantuan

Manual Pelaksanaan Program Pembangunan Penanaman Lada menetapkan syarat pemilihan penerima bantuan. Antara syarat kelayakan penerima bantuan adalah pekebun hendaklah warganegara Malaysia, pekebun memiliki pokok lada baru yang berusia dua (2) tahun dan ke bawah dan pekebun yang pernah menerima bantuan daripada skim ini layak memohon dan dipertimbangkan semula untuk mendapatkan bantuan selepas selang satu (1) tahun dari tahun beliau menerima bantuan. Asas nilai bantuan adalah RM26,000 sehektar (2,000 pokok) untuk tempoh dua (2) tahun dengan pecahan peruntukan tahun pertama RM20,000 dan tahun kedua RM6,000. Bantuan kepada pekebun adalah berasaskan jumlah pokok ditanam tertakluk kepada had yang telah ditetapkan. Bentuk bantuan yang diberi kepada pekebun adalah seperti berikut:

- input pertanian (baja dan dolomite);
- bayaran insentif secara tunai bagi keratan lada dan tiang sokongan; dan
- khidmat nasihat.

a. Pekebun Lada Tidak Dapat Disahkan Dengan Pihak Jabatan Pendaftaran Negara

- i. MPB menyelenggara data pekebun yang menerima bantuan dalam Pangkalan Data Pekebun Kecil (PDPK). PDPK diselenggara dalam *Microsoft Excel* untuk kawalan dan rujukan dalam pelaksanaan program-program bantuan. Data pekebun yang diselenggara terdiri daripada maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat tempat tinggal dan keluasan tanaman. Data ini dikemukakan kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dari semasa ke semasa bagi tujuan perekodan ke dalam Sistem PDPK MPIC. Berdasarkan terma rujukan Jawatankuasa Pengurusan Data PDPK, tujuan data diminta daripada MPB adalah antaranya untuk menempatkan data pekebun kecil sektor komoditi secara terpusat di MPIC bagi rujukan pihak pengurusan atasan dalam membuat keputusan-keputusan penting Kerajaan dan juga boleh menjana profil pekebun kecil komoditi seluruh negara yang lengkap, tepat dan terkini.
- ii. Pihak Audit telah menganalisis keseluruhan data pekebun yang telah diluluskan bantuan bagi memastikan kewarganegaraan adalah seperti yang ditetapkan dalam syarat pemilihan pekebun. Hasil daripada analisis terhadap 1,402 kad pengenalan adalah seperti berikut:
 - sebanyak 1,378 kad pengenalan bagi 672 pekebun direkod dua (2) hingga tiga (3) kali dengan nombor kad pengenalan yang berbeza dalam tempoh 2011 hingga 2016; dan

- sebanyak 24 kad pengenalan direkod dua (2) kali dengan nama berbeza dalam tempoh 2014 hingga 2016 melibatkan 48 pekebun.
- iii. Untuk pengesahan ketepatan 1,402 kad pengenalan tersebut, pihak Audit telah membuat pengesahan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Maklum balas JPN pada 19 Oktober 2017 mengesahkan perkara seperti berikut:
- nama pada 1,206 kad pengenalan adalah tidak sama dengan nama yang direkod oleh pihak MPB;
 - sebanyak 148 kad pengenalan pekebun tidak dijumpai di pangkalan data JPN; dan
 - sebanyak 24 kad pengenalan telah direkod dua (2) kali dengan 48 nama berbeza menyebabkan 24 nama adalah tidak tepat.

Maklum balas MPB yang diterima pada 10 Januari 2018

MPB mengambil maklum akan kelemahan yang berlaku. Walau bagaimanapun, berdasarkan semakan yang telah dibuat, masalah ini disebabkan oleh kesilapan menaip nombor kad pengenalan (*typing error*) semasa menyediakan senarai nama dan pembedaan telah dibuat.

Senarai nama *softcopy* yang dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara (JAN) bagi tujuan pengauditan diambil daripada senarai yang dikemukakan kepada MPIC untuk Sistem Pangkalan Data Pekebun Kecil (PDPK) kerana pada masa tersebut Ibu Pejabat MPB tidak mempunyai senarai lengkap *softcopy* bagi pekebun yang telah dibantu berikutan perpindahan tempat bertugas pegawai yang menguruskan senarai tersebut. Senarai *softcopy* ini merupakan campuran nama penerima bantuan dan bukan penerima bantuan dari program ini. Untuk makluman, senarai untuk Sistem Pangkalan Data Pekebun Kecil (PDPK) sedang dalam proses *data cleaning* dan dijangka siap pada penghujung tahun 2018.

Malangnya, didapati telah berlaku "*data distortion*" semasa proses kompilasi senarai daripada cawangan-cawangan di mana data tidak tersusun mengikut *column* dan *row* dalam *Excel*, mengakibatkan kesalahan pada nombor kad pengenalan dan nama pekebun. MPB telah mengemukakan semula senarai *softcopy* penerima bantuan bagi tahun 2011 hingga 2017 yang telah diperolehi semula daripada pegawai yang menguruskannya dahulu. MPB juga dimaklumkan bahawa JAN sedang melakukan semakan semula.


Sehubungan itu, MPB telah melakukan semakan terhadap kesemua 1,378 nama pekebun yang dibangkitkan oleh JAN dan telah membuat pembedaan nombor kad pengenalan.

Perbandingan dengan senarai yang diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan Pekebun mendapati daripada senarai 1,378 pekebun, terdapat 394 nama telah tersenarai sebanyak 2 hingga 4 kali disebabkan oleh *data distortion*. Bagaimanapun, semakan MPB mendapati senarai *hardcopy* dalam kelulusan Jawatankuasa Induk dan bantuan sebenar hanya diberi sekali.

MPIC telah melantik Jawatankuasa Siasatan Dalam Khas bagi menyiasat perkara ini bermula 1 Disember 2017. Salah satu daripada tindakan yang telah diambil oleh jawatankuasa ini adalah menjalankan lawatan pemeriksaan di Ibu Pejabat MPB dan pejabat MPB Cawangan Serian pada 11 dan 12 Januari 2018.

iv. Seterusnya, pihak Audit telah mengemukakan semula penerima bantuan berdasarkan Senarai Kelulusan Jawatankuasa Induk Pemilihan Pekebun Peringkat Ibu Pejabat bagi tahun 2014 hingga 2017 kepada JPN untuk pengesahan ketepatan kad pengenalan pekebun yang diluluskan. Maklum balas daripada pihak JPN pada 30 Januari 2018 memaklumkan bahawa rekod sebanyak 1,402 kad pengenalan pekebun yang dikemukakan tidak dijumpai dalam pangkalan data JPN. Semakan Audit mendapati daripada jumlah tersebut, sebanyak 108 kad pengenalan tidak dijumpai kerana tidak direkod dengan tepat seperti digit nombor kad pengenalan terkurang atau melebihi 12 digit. Semakan lanjut mendapati baki 1,294 pekebun yang kad pengenalan mereka tidak dijumpai dalam pangkalan data JPN adalah melibatkan pekebun daripada 16 kawasan seperti **Carta 12.5**.

CARTA 12.5
KAWASAN PEKEBUN YANG REKOD KAD PENGENALAN MEREKA
TIDAK DIJUMPAI DALAM PANGKALAN DATA JPN



Sumber: Analisis Jabatan Audit Negara

Maklum balas MPB yang diterima pada 16 Mac 2018

MPB memaklumkan perkara ini timbul kerana dahulu rekod adalah berdasarkan borang permohonan yang telah disahkan oleh Ketua Kampung/Tuai Rumah/Ketua Masyarakat/agensi Kerajaan lain. Pembedulan telah dibuat terhadap 1,224 daripada 1,294 nombor kad pengenalan yang dibangkitkan. Baki sebanyak 70 nombor kad pengenalan sedang dalam semakan. Sehubungan ini, bermula April 2018, MPB akan menggunakan sistem e-pekebun sepenuhnya.

- v. Semakan Audit selanjutnya dibuat terhadap 293 sampel pekebun dari kawasan Kuching, Sri Aman, Betong dan Sarikei yang kad pengenalan tidak dijumpai oleh JPN. Hanya sampel yang lengkap dengan semua dokumen seperti Borang Pemohonan Bantuan, Borang Perakuan Terimaan Bantuan, Borang Bayaran Insentif dan salinan kad pengenalan pekebun dipilih. Semakan terhadap salinan kad pengenalan mendapati perkara berikut:
 - nombor kod Negeri Sarawak tidak direkod dengan kod yang sepatutnya;
 - nombor digit bagi kod tarikh lahir tidak dicatat dengan betul; dan
 - nombor empat (4) digit terakhir tidak dicatat dengan betul.
- vi. Analisis Audit juga mendapati kad pengenalan direkod berbeza-beza dalam borang-borang yang digunakan untuk seorang pekebun. Keadaan ini disebabkan kurang penyeliaan dan pemantauan dalam proses semakan dokumen yang menyebabkan kesilapan berlaku berterusan. Ketidakselarasan maklumat kad pengenalan antara borang-borang boleh menyebabkan kesilapan bayaran dan memberi ruang kepada penyalahgunaan.

Maklum balas MPB yang diterima pada 16 Mac 2018

MPB memaklumkan perkara ini timbul kerana kurang penekanan diberi terhadap tindakan bagi memastikan ketepatan maklumat. Pembedulan telah dibuat terhadap 1,224 daripada 1,294 nombor kad pengenalan yang dibangkitkan. Baki sebanyak 70 nombor kad pengenalan sedang dalam semakan. Sehubungan ini, bermula April 2018, MPB akan menggunakan sistem e-pekebun sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, pengurusan data pekebun adalah tidak mencapai tahap kecekapan yang memuaskan kerana data pekebun tidak teratur. Sepatutnya, rekod pekebun yang merupakan dokumen penting perlu diselenggarakan dengan berkesan. Ini perlu bagi menyokong cadangan dan kelulusan oleh ahli jawatankuasa pemilihan pekebun adalah teratur, tepat dan adil. Selain itu ia boleh digunakan untuk menentukan

pihak bertanggungjawab jika berlaku ketidakpatuhan prosedur atau kecuaiian.

b. Bantuan Kepada Pekebun yang Telah Meninggal Dunia

- i. Pemilihan pekebun yang layak menerima bantuan amat penting dititikberatkan bagi memastikan hanya pekebun yang layak dan memenuhi syarat sahaja dipilih untuk menerima bantuan. Manual Pelaksanaan Program Penanaman Lada menetapkan tapisan hendaklah dibuat terhadap permohonan bantuan. Pemohon yang layak hendaklah lulus proses verifikasi melalui lawatan pemeriksaan kebun. Seterusnya, Borang Verifikasi Kebun Lada hendaklah disahkan oleh Ketua Kampung/ Tuai Rumah/Ketua Kaum/Kapitan/Penghulu/agensi Kerajaan yang berkaitan.
- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Pengesahan Status Kewarganegaraan Pekebun yang dikemukakan oleh JPN pada 30 Januari 2018 mendapati seramai 404 pekebun yang menerima bantuan telah meninggal dunia antara tahun 2008 hingga 2017. Semakan lanjut terhadap Manual Program Pembangunan Penanaman Lada mendapati proses kerja pemberian bantuan kepada pekebun yang telah meninggal dunia belum disediakan. Adalah didapati **bantuan sejumlah RM64,600 diluluskan dan diberi kepada seramai 35 pekebun yang telah meninggal dunia** lebih awal daripada tarikh kelulusan. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan 35 penerima bantuan tersebut kerana Borang Akuan Terimaan tidak dikemukakan seperti di **Jadual 12.6**.

JADUAL 12.6
PEKEBUN YANG TELAH MENINGGAL DUNIA DILULUSKAN BANTUAN
PADA TAHUN 2014 HINGGA 2017

TAHUN DILULUSKAN	TAHUN KEMATIAN	BIL. (Orang)	BANTUAN SEORANG	JUMLAH BANTUAN (RM)
2014	2008 - 2013	29	1,800	52,200
2015	2013 - 2014	4	1,800	7,200
2016	2015	1	2,600	2,600
2017	2016	1	2,600	2,600
JUMLAH		35		64,600

Sumber: Laporan Pengesahan JPN dan Analisis Jabatan Audit Negara

Maklum balas MPB yang diterima pada 16 Mac 2018

MPB memaklumkan permohonan yang diluluskan untuk diberi bantuan melibatkan borang permohonan yang diterima sehingga dua (2) tahun sebelumnya. Bagi tahun 2016 dan 2017 yang melibatkan dua (2) orang pekebun penggantian telah dibuat melalui Jawatankuasa Induk Pemilihan

Pekebun. Bagi pekebun yang meninggal pada tahun 2014 dan 2015, bantuan telah dituntut oleh waris mereka yang mengusahakan kebun berkenaan. Perkara ini berlaku kerana pihak MPB tidak dimaklumkan oleh waris berkenaan status kematian setiap pemohon.

Pada pendapat Audit, pengurusan bantuan kepada pekebun yang telah meninggal dunia adalah masih belum mencapai tahap kecekapan yang memuaskan. Sepatutnya dengan adanya proses verifikasi yang berkesan terhadap permohonan pekebun, pekebun yang telah lama meninggal dunia dapat dikenal pasti.

c. Pekebun Tidak Melalui Proses Pemilihan Peringkat Cawangan/Wilayah

- i. Manual Prosedur Kerja Program Pembangunan Penanaman Lada menetapkan pemilihan penerima bantuan dan senarai simpanan penerima bantuan perlu melalui tiga (3) jawatankuasa. Jawatankuasa Pemilihan Pekebun Peringkat Cawangan hendaklah membuat tapisan dan menyenarai pendek nama pekebun yang layak untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan Pekebun Peringkat Wilayah bagi tujuan pertimbangan dan perakuan. Seterusnya, Jawatankuasa Pemilihan Induk Peringkat Ibu Pejabat akan mempertimbangkan dan meluluskan Senarai Penerima Bantuan.
- ii. Semakan Audit terhadap Senarai Penerima Bantuan yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pemilihan Pekebun Peringkat Ibu Pejabat bagi tahun 2014 hingga 2017 mendapati **sejumlah 654 penerima bantuan atau 3.77% tidak dicadangkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pekebun Peringkat Cawangan/Wilayah sebagaimana ditetapkan dalam prosedur pemilihan penerima bantuan.** Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 12.7.**

**JADUAL 12.7
PEKEBUN TIDAK DICADANGKAN OLEH JAWATANKUASA PEMILIHAN PEKEBUN
PERINGKAT CAWANGAN/WILAYAH BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2017**

TAHUN	PEKEBUN DILULUSKAN OLEH JAWATANKUASA INDUK (Orang)	PEKEBUN TIDAK DICADANGKAN OLEH CAWANGAN		PEKEBUN TIDAK DICADANGKAN OLEH WILAYAH		JUMLAH PEKEBUN YANG TIDAK DICADANGKAN	
		BIL. (Orang)	(%)	BIL. (Orang)	(%)	BIL. (Orang)	(%)
2014	4,611	120	2.60	0	-	120	2.60
2015	3,000	41	1.37	0	-	41	1.37
2016	4,632	0	0	402	8.68	402	8.68
2017	5,108	87	1.70	4	0.08	91	1.78
JUMLAH	17,351	248	1.43	406	2.34	654	3.77

Sumber: Fail Minit Mesyuarat Jawatankuasa MPB

Maklum balas MPB yang diterima pada 17 Oktober 2017 dan 10 Januari 2018

MPB memaklumkan senarai 120 pekebun pada tahun 2014 adalah senarai simpanan yang dibawa daripada pihak Pejabat Cawangan untuk keperluan penggantian atau untuk memenuhi keperluan pertambahan senarai pekebun untuk menerima bantuan. Kelulusan senarai pekebun di peringkat Jawatankuasa Induk melibatkan semua Ketua-Ketua Pejabat Cawangan. Oleh demikian, keputusan di peringkat Jawatankuasa Induk dibuat secara kolektif yang turut melibatkan pihak Pejabat Cawangan. 402 orang pekebun adalah penggantian bagi menampung pekebun-pekebun lain yang didapati tidak layak. Bagi penggantian, proses pengesahan dan verifikasi telah dibuat di peringkat Cawangan dan penggantian terpaksa dibuat setelah mendapati ada pekebun yang tidak memenuhi syarat untuk diberi bantuan.

MPB akan memastikan proses pemilihan pekebun perlulah melalui Jawatankuasa Pemilihan Pekebun Peringkat Cawangan/Wilayah sebelum dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Induk Pemilihan Pekebun Peringkat Ibu Pejabat. Sehubungan itu, Proses Kerja dan Carta Aliran Kerja Pengurusan Permohonan Skim Tanaman Baharu Lada untuk penggantian telah dikemaskinikan.

Pada pendapat Audit, sungguhpun pekebun dalam senarai simpanan boleh dipilih untuk menerima bantuan namun mereka perlu melalui proses perakuan di peringkat Cawangan/Wilayah. Proses pemilihan pekebun yang teratur serta mengikut prosedur yang ditetapkan adalah penting bagi memastikan pemilihan pekebun adalah sah.

12.6.2.3. Minit Mesyuarat Pemilihan Pekebun Tidak Ditandatangani

- a. Seksyen 18 Akta 656 memperuntukkan bahawa MPB boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didatangnya perlu untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya. Resolusi dan perbincangan yang dibincangkan di dalam mesyuarat jawatankuasa perlu ditandatangani oleh Pengerusi bagi mengesahkan kesahihan keputusan mesyuarat yang telah dibuat.
- b. Semakan Audit mendapati MPB menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Pekebun bagi tujuan pemilihan penerima bantuan. Semakan lanjut terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pekebun mendapati minit tidak ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat. Mengikut MPB perkara ini berlaku disebabkan kurang kefahaman pihak urusetia mesyuarat terhadap keperluan minit mesyuarat ditandatangani. Minit mesyuarat yang tidak ditandatangani boleh memberi risiko ketulenan dokumen terhadap keputusan mesyuarat. Minit mesyuarat yang tidak ditandatangani adalah seperti di **Jadual 12.8**.

**JADUAL 12.8
MESYUARAT JAWATANKUASA PEMILIHAN PEKEBUN**

JAWATANKUASA PEMILIHAN (PERINGKAT)	MESYUARAT DILAKSANAKAN (Bilangan)			MINIT MESYUARAT TIDAK DITANDATANGAN (Bilangan)		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016
Cawangan	7	8	27	4	5	18
Wilayah	0	1	7	0	1	5
Induk	1	1	6	0	1	6
JUMLAH	8	10	40	4	7	29

Sumber: Fail Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pekebun MPB

Maklum balas MPB yang diterima pada 17 Oktober 2017 dan 10 Januari 2018

MPB telah mengemaskini Manual Prosedur Kerja dan mengambil tindakan segera memastikan semua minit mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pekebun bermula 24 Ogos 2016 sehingga kini ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat.

Pada pendapat Audit, minit mesyuarat merupakan bukti dokumentasi yang penting bagi prosiding dan keputusan yang dibuat dalam mesyuarat. Minit mesyuarat yang telah disahkan boleh mengelakkan ketulenan dan kesahihan rekod diragui.

12.6.2.4. Penyelenggaraan Rekod/Fail Proses Bantuan Tidak Teratur

- a. Pangkalan data yang diselenggara secara teratur membantu pengurusan organisasi membuat perancangan dan sasaran yang lebih tepat dan realistik. Fail penerima bantuan yang disimpan dengan lengkap, kemas kini dan mudah diakses boleh memudahkan rujukan dan menyumbang kepada kecekapan operasi.
- b. Semakan Audit mendapati MPB membangunkan Sistem e-Bantuan untuk merekodkan permohonan dan kelulusan bantuan kepada pekebun lada. Bagaimanapun, sistem ini hanya digunakan sehingga tahun 2015. Mulai tahun 2016, maklumat pekebun direkodkan ke dalam data *Microsoft Excel* sahaja. Berdasarkan pemerhatian, pihak Audit mendapati maklumat kelulusan bantuan tidak terus direkod sebaliknya dikumpul sehingga ke satu tempoh masa yang menyebabkan beban merekod telah bertambah. Selain itu, MPB turut menyelenggarakan profil penerima bantuan dalam fail individu pekebun. Antara dokumen yang diselenggara dalam fail adalah borang permohonan, borang verifikasi, borang akuan terimaan dan salinan kad pengenalan pekebun. Fail ini disimpan oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap kawasan pekebun tersebut.

- c. Seterusnya, pihak Audit telah memilih sebanyak 914 fail (65%) daripada 1,402 pekebun melibatkan kawasan Kuching (daerah Bau, Lundu dan Simunjan) dan Betong, Sarawak. Bagaimanapun, pihak MPB hanya mengemukakan sebanyak 22 fail pekebun atau 2.4% iaitu tujuh (7) daripada 81 fail pekebun daripada Cawangan Kuching dan 15 daripada 833 fail pekebun daripada Cawangan Betong. Pihak MPB memaklumkan baki 74 fail pekebun daripada Kuching tidak dapat diserahkan kerana pegawai bertanggungjawab terhadap kawasan pekebun tersebut bertugas di luar pejabat. Baki 818 fail pekebun daripada Betong tidak dapat diserahkan kerana fail telah disimpan di dalam stor pejabat. Fail-fail yang tidak diserahkan untuk semakan Audit adalah melibatkan pemberian bantuan bagi tahun 2011 sehingga 2015. Lantaran itu, semakan Audit terhadap 22 fail pekebun yang diterima mendapati perkara seperti berikut:
- i. sebanyak 15 (68.18%) fail pekebun tidak mempunyai nombor kawalan iaitu nombor rujukan;
 - ii. sebanyak sembilan (9) (40.91%) fail tidak dilengkapi dengan borang permohonan daripada pekebun;
 - iii. Borang Permohonan Bantuan bagi 13 (59.09%) fail tidak diisi dengan lengkap pada bahagian tandatangan pemohon atau pegawai penyelia atau keputusan Jawatankuasa Pemilihan Pekebun;
 - iv. sebanyak 15 (68.18%) fail tiada salinan kad pengenalan pekebun;
 - v. sebanyak 13 (59.09%) fail tiada Borang Verifikasi Kebun Lada;
 - vi. sebanyak lapan (8) (36.36%) fail tiada Borang Terimaan Bantuan;
 - vii. Borang Terimaan Bantuan bagi sepuluh (10) (45.45%) fail tidak diisi lengkap pada bahagian maklumat diri pekebun, tiada nama dan tandatangan pekebun, penyelia tidak mencatatkan nama dan tarikh, stokis yang menyerahkan bantuan tidak mengisi maklumat nama pegawai dan tarikh; dan
 - viii. sebanyak sepuluh (10) atau 45.45% maklumat log lawatan oleh penyelia pada fail pekebun tidak diisi.

Maklum balas MPB yang diterima pada 16 Mac 2018

Kad profil mula diperkenalkan khusus untuk RMKe-10 sekitar tahun 2012. Bagaimanapun, penggunaan kad profil pekebun tidak dilaksanakan sepenuhnya kerana kekangan sumber manusia. MPB juga menyelenggara Sistem e-Bantuan untuk merekodkan permohonan dan kelulusan bantuan kepada pekebun lada. Bagaimanapun, ia hanya digunakan sehingga tahun 2015 untuk tujuan *testing* sahaja. Pada tahun 2016, sistem e-Bantuan diubahsuai bagi merekod data banci pekebun dan akan digunakan sebagai Pangkalan Data Pekebun (Sistem e-Pekebun). Sistem e-Pekebun juga

dibangunkan untuk berfungsi sebagai pangkalan data digital pekebun bagi menggantikan keperluan kad profil secara manual dan akan mula digunakan sepenuhnya mulai April 2018 untuk merekod keseluruhan proses bantuan iaitu daripada permohonan hingga kelulusan. MPB telah menyediakan Proses Kerja bagi kelulusan direkodkan dalam pangkalan data dalam masa 14 hari selepas senarai pekebun diluluskan oleh jawatankuasa.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod yang teratur dan sistematik boleh membantu pengurusan program dilaksanakan dengan lebih telus dan berkesan. Kesan daripada fail pekebun yang tidak teratur telah menyebabkan pengesahan semula terhadap isu berbangkit berkaitan pemilihan pekebun tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna terutama bagi membuktikan ketepatan nama dan nombor kad pengenalan, bukti pekebun telah dilaksanakan verifikasi dan bantuan yang telah diterima oleh pekebun.

12.6.3. Pembangunan Penyelidikan

Selaras dengan Seksyen 3(c) Akta Lembaga Lada Malaysia, MPB menjalankan kajian intensif ke arah pembangunan industri lada Negara yang mampan melalui penyelidikan bioteknologi, agronomi, kimia dan pembangunan produk tambah nilai lada. Pada tahun 2014 hingga 2017, sejumlah RM25.45 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan penyelidikan. Bagi menyokong dan menjayakan pembangunan penyelidikan tentang lada, MPB telah merancang untuk membangunkan kemudahan dan infrastruktur penyelidikan dengan pembinaan Stesen Penyelidikan Lapangan serta Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara.

12.6.3.1. Pembinaan Stesen Penyelidikan Lapangan

Projek pembinaan Stesen Penyelidikan Lapangan dengan kos RM3.49 juta diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (Ke-10). Projek ini dilaksanakan di sebidang tanah seluas 18.4 ekar di Semenggok, Penrissen, Kuching melalui tender terbuka khas Bumiputra secara kaedah konvensional di mana JKR Sarawak telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana Projek. Objektif pembinaan adalah untuk membina antaranya empat (4) unit Rumah Hijau (tiga (3) unit *Premium Propagation Greenhouse* dan satu (1) unit *Premium Pest and Disease Control Greenhouse*) untuk meningkatkan aktiviti ujian lapangan lada, menubuhkan plot-plot ujian untuk menguji keberkesanan hasil penyelidikan (R&D) dalam penanaman lada serta sebagai tapak koleksi germplasma lada (anak benih, biji benih dan tisu pembiakan). Butiran projek adalah seperti di **Jadual 12.9**.

**JADUAL 12.9
BUTIRAN PROJEK**

PERKARA	KETERANGAN
Nombor Kontrak	PWD/HO/B049/2015
Pegawai Penguasa	Pengarah JKR Sarawak
Skop Projek	Empat (4) unit rumah hijau, satu (1) unit rumah tumbuhan, satu (1) unit rumah janakuasa elektrik, satu (1) unit pondok pengawal serta kerja mekanikal dan elektrikal
Jenis Perolehan	Tender Terbuka Khas Bumiputra
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional
Harga Asal Kontrak	RM3.49 juta
Harga Kontrak Semasa	RM2.84 juta
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	29 Jun 2015
Tarikh Milik Tapak	27 Julai 2015
Tarikh Kontrak Ditandatangani	28 Julai 2015
Tempoh Kontrak	15 bulan
Tarikh Siap Kontrak (Asal)	28 Oktober 2016
Jumlah Lanjutan Masa (EOT)	1 (28 hari)
Tarikh Tamat EOT	25 November 2016
Tarikh Tamat Kontrak	26 Januari 2017
Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)*	RM44,807.40 (RM722.70/hari x 62 hari)
Kemajuan Kerja Fizikal (26 Januari 2017)	63% (Projek Telah Terbangkalai)

Sumber: JKR Sarawak

Nota: (*) - Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) tidak dikeluarkan

a. Projek Terbangkalai

Berdasarkan kontrak yang ditandatangani, projek ini perlu disiapkan pada 28 Oktober 2016. Tarikh siap baru projek adalah pada 25 November 2016 selepas diluluskan satu lanjutan masa (EOT). Pemeriksaan fizikal ke tapak projek pada 21 Jun 2017 dan 22 November 2017 mendapati projek telah terbangkalai dan langsung tiada kemajuan kerja di tapak projek. Kawasan tapak didapati terbiar dan telah ditumbuhi rumput-rumpai dan pokok menjalar. Bangunan telah mengalami kerosakan akibat terdedah kepada hujan dan panas serta rangka bumbung telah berkarat. Kawasan projek adalah seperti **Gambar 12.1** hingga **Gambar 12.6**.

GAMBAR 12.1



Pusat Penyelidikan Lapangan
- Rumah Tumbuhan (*Plant House*) Terbiar
dan Ditumbuhi Semak Samun
(21.06.2017)

GAMBAR 12.2



Pusat Penyelidikan Lapangan
- Rumah Tumbuhan (*Plant House*) Terbiar
dan Ditumbuhi Semak Samun
(22.11.2017)

GAMBAR 12.3



**Pusat Penyelidikan Lapangan
- Pondok Pengawal Ditumbuhi Rumput
dan Pokok Menjalar
(21.06.2017)**

GAMBAR 12.4



**Pusat Penyelidikan Lapangan
- Pondok Pengawal Ditumbuhi Rumput
dan Pokok Menjalar
(22.11.2017)**

GAMBAR 12.5



**Pusat Penyelidikan Lapangan
- Rumah Janakuasa Terbiar dan
Ditumbuhi Rumput
(21.06.2017)**

GAMBAR 12.6



**Pusat Penyelidikan Lapangan
- Rumah Janakuasa Terbiar dan
Ditumbuhi Rumput
(22.11.2017)**

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 17 Oktober 2017 dan 10 Januari 2018

JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa bagi projek ini mendapati kontraktor gagal melaksanakan kerja dengan baik dan telah meninggalkan tapak projek sejak 19 November 2016.

Apabila pencapaian kontraktor lewat melebihi 10% daripada jadual perancangan, langkah *Intervention Tools* telah diambil iaitu *Close Monitoring Meeting* mulai 9 Mac 2016, mengeluarkan surat peringatan kelewatan, mengeluarkan surat amaran kelewatan dan peringatan secara lisan. Bagaimanapun, projek masih tidak menunjukkan kemajuan.

Pada 20 November 2016 JKR mendapati tiada pekerja di tapak walaupun tarikh siap baru kontrak telah dilanjutkan sehingga 25 November 2016. JKR juga mendapati pihak kontraktor telah menggantung kerja di tapak meskipun telah dinasihati beberapa kali secara lisan dan juga secara bertulis. Satu (1) surat peringatan kelewatan dan dua (2) surat amaran kelewatan telah dikeluarkan kepada pihak kontraktor.

Pada pendapat Audit, projek terbengkalai telah menyebabkan objektif projek untuk menubuhkan plot-plot ujian bagi bidang agronomi, kawalan penyakit dan perosak serta sebagai tapak koleksi germplasma lada bagi menyelenggarakan sumber genetik di Malaysia tidak dapat dicapai dalam tempoh ditetapkan.

b. Pejabat Tapak Dipindahkan

- i. Berdasarkan Klausula 11.3(a)(iii) terhadap kontrak pembinaan Stesen Penyelidikan Lapangan, kontraktor hendaklah menyediakan pejabat tapak di tapak projek untuk kegunaan semasa projek. Manakala, Klausula 18 pula tidak membenarkan apa-apa bahan dan peralatan dibawa keluar daripada tapak projek kecuali untuk kegunaan semasa melaksanakan kerja di tapak serta perlu mendapat kebenaran Pegawai Penguasa secara bertulis.
- ii. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak bagi pembinaan Stesen Penyelidikan Lapangan mendapati kos berjumlah RM15,000 telah diperuntukkan untuk pejabat tapak dan alatan (*site office and equipment*) bagi memudahkan urusan perbincangan dan penyeliaan di tapak projek. Sehingga tarikh pengauditan, sejumlah RM1.04 juta (37%) telah dibayar melalui empat (4) bayaran interim. Lawatan Audit pada 21 Jun 2017 mendapati **tiada pejabat tapak di tapak projek dan semakan lanjut terhadap rekod buku tapak mendapati pejabat tapak dipindahkan pada 1 Disember 2016 (Khamis).**

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 17 Oktober 2017 dan 10 Januari 2018

Sejumlah RM11,250 atau 75% bayaran yang telah dibuat bagi *site office and equipment* kepada kontraktor sehingga bayaran interim terakhir nombor 4. Pemindahan pejabat tapak pada 5 Disember 2016 adalah di luar pengetahuan Pegawai Penguasa sebab kerja pemindahan ini telah dibuat oleh kontraktor pada hujung minggu dengan serta merta. Pegawai Penguasa telah mengeluarkan surat bertarikh 5 Disember 2016 kepada kontraktor untuk meminta penjelasan sebab-sebab pejabat tapak telah dipindahkan. Namun pihak kontraktor gagal memberi maklum balas mengenai perpindahan pejabat tapak ini.

Pada pendapat Audit, pemindahan pejabat tapak daripada tapak projek merupakan kehilangan kepada Kerajaan dan tindakan siasatan hendaklah dilaksanakan bagi menentukan jika wujud unsur kecuaiian.

c. Kontraktor Penyiap Belum Dilantik

- i. 1PP PK4.1 menetapkan Pegawai Penguasa hendaklah menyediakan dokumen tawaran bagi menyiapkan baki kerja yang masih belum disiapkan agar tender kerja dapat dipanggil dalam tempoh yang terdekat. 1PP PK4.5 (Tatacara Pengurusan Projek Sakit dan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit) Perenggan 5.1 menetapkan tempoh proses kontraktor penyiap bagi projek sakit selepas Notis Penamatan dikeluarkan kepada kontraktor asal hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan bagi projek konvensional.
- ii. Semakan Audit mendapati lanjutan masa (EOT) telah tamat pada 25 November 2016 dan syarat-syarat kontrak PWD 75 yang ditandatangani tidak memerlukan Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC) dikeluarkan. Berdasarkan maklum balas JKR Sarawak, LAD bagi tempoh 26 November 2016 sehingga 26 Januari 2017 tidak dikenakan kerana tiada bayaran interim dinilai selepas tamat tempoh EOT/kontrak. Bayaran interim terakhir bagi projek ini adalah pada 19 September 2016 iaitu sebelum tarikh tamat EOT/kontrak. Pada 10 Januari 2017, JKR Sarawak telah mengeluarkan Notis Keingkaran selaras dengan kontrak Klausula 44 atas kegagalan kontraktor meneruskan kerja dengan teratur. Semakan lanjut mendapati kontraktor asal telah ditamatkan pada 26 Januari 2017 kerana tiada tindakan diambil oleh kontraktor untuk meneruskan kerja. Semasa pengauditan dijalankan pada Jun 2017, projek sedang dalam proses tender semula. Bagaimanapun, tempoh sah dokumen tender semula projek ini telah tamat pada 2 Disember 2017. Sehingga November 2017 kontraktor penyiap masih belum dilantik.
- iii. Berdasarkan Minit Mesyuarat *Value Management* Projek Stesen Penyelidikan Lapangan MPB Bilangan 2 Tahun 2017 bertarikh 18 Disember 2017, kos kerja-kerja pemasangan elektrik telah meningkat sejumlah RM275,999.40 (118.4%) disebabkan kenaikan harga bahan mentah dan kos rumah hijau telah meningkat sejumlah RM1,247,792 (145.6%) disebabkan anggaran jumlah kontrak yang lebih rendah telah dibuat oleh kontraktor yang asal. Selain itu, bangunan telah mengalami kerosakan akibat terdedah kepada hujan dan panas dan memerlukan pembaikan dan penggantian semula.

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 10 Januari 2018

Pemeriksaan terperinci terhadap baki kerja di tapak perlu dilaksanakan. Kerja merekod keadaan tapak perlu diteliti sebelum dokumen tender dapat disediakan untuk mengelak kesilapan dan pertikaian oleh kontraktor yang telah tamat kontraknya. Proses ini mengambil masa lebih daripada yang

dijadualkan dan telah melewati pelaksanaan tender semula. Tender semula telah dipanggil pada 27 Mei 2017 dan ditutup pada 5 Julai 2017.

Maklum balas MPB yang diterima pada 10 Januari 2018

Mengambil kira pandangan pihak Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan MPIC Bilangan 9 Tahun 2017 memutuskan supaya baki projek fizikal yang tidak siap sebanyak 37% menggunakan peruntukan sedia secara *Value Management*. Mesyuarat perbincangan *Value Management* bagi projek ini telah diadakan pada 3 Oktober 2017 dan JKR Sarawak telah diminta untuk mengkaji semula skop kerja dalam dokumen tender bagi memastikan skop kerja yang telah siap tidak dimasukkan semula.

Pada pendapat Audit, kelewatan pelantikan kontraktor penyiap telah memberi kesan kepada penyediaan akaun muktamad serta peningkatan kos. Selain itu, bangunan yang terbiar lama boleh menyebabkan kerosakan keseluruhan kepada struktur.

12.6.3.2. Pembinaan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara

- a. Pembinaan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara di Semenggok, Penrissen, Kuching bertujuan untuk mewujudkan satu pusat rujukan penyelidikan yang lengkap dengan kemudahan seperti makmal bioteknologi, botani, kimia dan makmal kawalan penyakit bagi menampung aktiviti penyelidikan. Pembinaan projek dilaksanakan secara konvensional di mana JKR Sarawak telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek. Siling peruntukan yang diluluskan bagi projek adalah berjumlah RM85.10 juta melibatkan tiga (3) fasa seperti di **Jadual 12.10**.

JADUAL 12.10
PEMBINAAN PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGEMBANGAN
INDUSTRI LADA NEGARA

TAHUN	FASA	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	SKOP KERJA
2015	I	1.81	Kerja Tanah
2016 hingga 2018	II	40.94	Pembinaan Blok Penyelidikan (R&D), Blok Pembangunan dan Pengembangan, Stor, Perolehan Peralatan Pejabat dan Kenderaan
2021 hingga 2025	III	42.35	Pelantikan Juruperunding, Kerja-Kerja Awalan, Pembinaan Bilik Kuliah, Dewan Serbaguna, Asrama, Dewan Makan, Kuarters dan Surau
JUMLAH		85.10	

Sumber: *Malaysian Pepper Board*

- b. Pelaksanaan projek Fasa I dilaksanakan oleh syarikat nombor pendaftaran 664901-H yang dilantik secara tender terbuka dengan kos asal berjumlah RM1.04 juta. Skop kerja melibatkan kerja tanah pembersihan kawasan termasuk mengorek dan memotong bukit serta mengalihkan lebih tanah keluar dari tapak projek. Projek bermula pada 9 Mei 2016 dan perlu disiapkan dalam tempoh enam (6) bulan. Butiran lanjut mengenai projek adalah seperti di **Jadual 12.11**.

**JADUAL 12.11
BUTIRAN PROJEK**

PERKARA	KETERANGAN
Nombor Kontrak	PWD/HO/B027/2016
Pegawai Penguasa	Pengarah JKR Sarawak
Skop Projek	Kerja tanah melibatkan <i>clearing, grubbing and stripping topsoil and removal of excess excavated materials from site</i>
Jenis Perolehan	Tender Terbuka
Kaedah Pelaksanaan	Konvensional
Harga Asal Kontrak	RM1.04 juta
Harga Kontrak Semasa	RM901,478
Tarikh Surat Setuju Terima (SST)	6 April 2016
Tarikh Milik Tapak	6 Mei 2016
Tarikh Kontrak Ditandatangani	9 Mei 2016
Tempoh Kontrak	6 bulan
Tarikh Siap Kontrak (Asal)	5 November 2016
Lanjutan Masa (EOT)	EOT No. 1 : 06.11.2016 - 19.11.2016 (14 hari) EOT No. 2 : 20.11.2016 - 24.11.2016 (5 hari) EOT No. 3 : 25.11.2016 - 24.12.2016 (30 hari)
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	8 Februari 2017
Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)*	RM10,247.85 (RM227.73 sehari x 45 hari) (25 Disember 2016 hingga 7 Februari 2017)
Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)	8 Februari 2017 hingga 7 Februari 2018
Kemajuan Kerja Fizikal (8 Februari 2017)	96%

Sumber: JKR Sarawak

Nota: (*) - Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) tidak dikeluarkan

i. Projek Tidak Diserahkan Selepas Perakuan Siap Kerja (CPC) Dikeluarkan

- 1PP PK 4.1 Lampiran 7 (Bab VI) menjelaskan apabila Pegawai Penguasa mengeluarkan CPC, maka Kerajaan mengambil alih kerja yang telah disiapkan dan dengan itu, apa-apa risiko berkaitan dengan kerja akan berpindah kepada pihak Kerajaan. Pegawai Penguasa hendaklah menyerahkan projek yang siap itu kepada Jabatan Pelanggan/Kementerian Pelanggan dengan seberapa segera yang mungkin.
- Berdasarkan kontrak yang ditandatangani, projek hendaklah siap pada 5 November 2016. Projek ini telah diluluskan dengan tiga (3) EOT dan tarikh siap baru adalah pada 24 Disember 2016. Semakan

Audit mendapati CNC tidak dikeluarkan selepas tamat EOT ketiga menyebabkan projek dalam keadaan *time at large*. Walaupun projek ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat kontrak PWD 75 dan tidak memerlukan CNC dikeluarkan tetapi semakan Audit selanjutnya mendapati CPC yang berkuatkuasa pada 8 Februari 2017, dikeluarkan kepada kontraktor pada 1 Mac 2017 dan ianya telah berlaku kelewatan dari tarikh siap baharu iaitu pada 24 Disember 2016. Malah tapak juga telah tidak diserahkan kepada MPB dalam tempoh yang sepatutnya. Pihak Audit seterusnya mendapati pada bulan April 2017, JKR Sarawak memohon kepada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak agar proses pembaharuan lesen mengeluarkan tanah dapat dipercepatkan untuk membantu proses penyediaan walaupun CPC telah dikeluarkan.

- Pemeriksaan fizikal Audit bersama Pengurus Besar JKR Pejabat Wilayah Selatan ke tapak projek pada 21 Jun 2017 mendapati tapak masih belum diserahkan kepada MPB dan kerja pengalihan tanah masih dijalankan selepas 133 hari dari tarikh berkuatkuasa CPC. Kedudukan kerja pengalihan tanah semasa lawatan adalah seperti **Gambar 12.7** hingga **Gambar 12.10**.

GAMBAR 12.7



Tapak Projek Kerja Tanah
- Jentera Sedang Mengisi Tanah ke Dalam Lori
(22.06.2017)

GAMBAR 12.8



Tapak Projek Kerja Tanah
- Kelihatan Jentera dan Pekerja di Tapak
(22.06.2017)

GAMBAR 12.9



Tapak Projek Kerja Tanah
- Longgokan Tanah yang Belum Dialihkan
(22.06.2017)

GAMBAR 12.10



Tapak Projek Kerja Tanah
- Lori Mengangkut Tanah Keluar
(22.06.2017)

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 17 Oktober 2017 dan 10 Januari 2018

Kerja masih dijalankan kerana kontraktor gagal merancang dengan baik perjalanan kerja di tapak. Selain itu, kontraktor juga lewat memperbaharui permohonan Sijil Membawa Tanah Keluar Dari Tapak daripada Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Tanpa sijil ini, pihak kontraktor tidak dibenarkan untuk membawa tanah keluar dari tapak. Sijil ini hanya sah untuk satu (1) bulan dan kontraktor perlu memperbaharui sijil selepas tamat tempohnya. JKR Sarawak telah mengadakan *Close Monitoring Supervision and Meeting* serta mengeluarkan surat peringatan kelewatan supaya projek berjalan lancar. Kerja tanah telah diselesaikan dan surat tawaran kepada kontraktor terpilih bagi pelaksanaan projek Fasa 2 telah dikeluarkan pada 19 Julai 2017.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek Fasa I adalah tidak mencapai tahap kecekapan yang memuaskan. Ini kerana kontraktor gagal merancang dengan baik perjalanan kerja di tapak sehingga tapak lewat diserahkan kepada MPB.

ii. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) Tidak Dikenakan

- Klausa 40 kontrak ditandatangani menetapkan "*If the Contractor fails to complete the Works within the Time for Completion stated in the Appendix or within any extended time fixed under Clause 41, the Contractor shall pay or allow to the Employer a sum calculated at the rate stated in the said Appendix as Liquidated and Ascertained Damages for the period during which the said Works shall so remain or have remained incomplete, and the Employer may deduct such damages from any sums otherwise payable to the Contractor*".
- Berdasarkan kontrak yang ditandatangani, projek hendaklah siap pada 5 November 2016. Projek ini telah diluluskan dengan tiga (3) EOT dan tarikh siap baru adalah pada 24 Disember 2016. Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) berkuatkuasa 8 Februari 2017 dikeluarkan kepada kontraktor pada 1 Mac 2017. Semasa pengauditan Audit pada bulan Jun 2017, sejumlah RM833,048 telah dibayar kepada kontraktor melalui tujuh (7) bayaran interim dan anggaran LAD sejumlah RM10,247 bagi tempoh 25 Disember 2016 hingga 7 Februari 2017 tidak dikenakan.

Maklum balas JKR Sarawak yang diterima pada 3 April 2018

Jumlah nilai LAD yang bakal dikenakan kepada pihak kontraktor untuk lewat 55 hari adalah RM13,277 (RM241.40 sehari x 55 hari). LAD ini akan dikenakan dan dinyatakan di dalam *Final Account* yang bakal dikeluarkan oleh pihak JKR Sarawak.

Pada pendapat Audit, CPC telah dikeluarkan walaupun kerja tanah menurut terma dan syarat kontrak belum disiapkan dengan sepenuhnya. Selain daripada mengambil alih apa-apa risiko yang berkaitan dengan kerja dilaksanakan, Tempoh Tanggungan Kecacatan juga tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Pemantauan yang dilaksanakan adalah memuaskan kerana mesyuarat tapak telah dilaksanakan secara berkala bagi menangani isu berbangkit. Bagaimanapun, penyeliaan kerja di tapak kurang berkesan kerana projek dalam kategori projek sakit disebabkan kemajuan kerja telah mengalami kelewatan selama 87 hari berbanding jadual ditetapkan dalam kontrak.

12.7. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan pengurusan program pembangunan industri lada adalah disyorkan supaya pihak MPB dan pihak JKR Sarawak mempertimbangkan perkara berikut:

12.7.1. MPB dan JKR Sarawak hendaklah memastikan siasatan dibuat terhadap pegawai bertanggungjawab yang gagal memeriksa, memverifikasi dan memantau kerja mengikut peraturan yang berkuatkuasa sehingga menyebabkan Kerajaan mengalami kerugian;

12.7.2. MPB perlu menggunakan sistem pengurusan data bantuan yang lebih lengkap, komprehensif dan sistematik bagi memastikan maklumat pekebun diselenggarakan adalah tepat dan kemas kini supaya pemberian bantuan dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan objektif ditetapkan;

12.7.3. MPB hendaklah menyediakan garis panduan dan prosedur kerja yang lebih komprehensif meliputi penetapan satu tempoh yang sesuai supaya maklumat permohonan/kelulusan pekebun direkodkan dengan segera serta menyediakan proses penggantian nama pekebun yang dibatalkan dan proses bagi pekebun yang meninggal dunia; dan

12.7.4. JKR Sarawak perlu menguruskan dengan segera pelantikan kontraktor baru yang memenuhi kriteria pemilihan tender, berkeupayaan dan berpengalaman bagi menyiapkan projek Stesen Penyelidikan Lapangan untuk mengelakkan struktur sedia ada mengalami kemerosotan bahan. Selain itu, JKR hendaklah memastikan penyeliaan dan pengawasan yang rapi serta berkesan terhadap pengurusan di tapak pembinaan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

13. UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA - PENGURUSAN PEROLEHAN KERJA DAN PERKHIDMATAN

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 20, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menerusi Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Perbadanan 2001) yang diwartakan melalui P.U.(A)124 pada 3 Mei 2001. UTeM merupakan sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam berfokus dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Pengurusan Teknologi.

13.1.2. Bagi mencapai objektif penubuhan universiti untuk melahirkan tenaga profesional yang mampu menyumbang kepada pembangunan industri negara, UTeM telah melaksanakan pelbagai perolehan. Perolehan UTeM diuruskan melalui kaedah pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Nilai perolehan kerja dan perkhidmatan yang diuruskan oleh UTeM melalui kaedah sebut harga, tender dan rundingan terus bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017 adalah berjumlah RM131.18 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.1**.

JADUAL 13.1
PEROLEHAN KERJA DAN PERKHIDMATAN MELALUI KAEDAH
SEBUT HARGA, TENDER DAN RUNDINGAN TERUS BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

KAEDAH PEROLEHAN	2013		2014		2015		2016		2017		JUMLAH	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
Sebut Harga	27	1.54	30	6.33	45	5.39	45	6.57	36	4.92	183	24.75
Tender	4	2.80	8	4.14	19	27.65	9	6.87	10	57.57	50	99.03
Rundingan Terus	0	0.00	0	0.00	0	0.00	12	2.42	12	4.98	24	7.40
JUMLAH	31	4.34	38	10.47	64	33.04	66	15.86	58	67.47	257	131.18

Sumber: Pejabat Bendahari, UTeM

13.1.3. UTeM mempunyai 27 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merancang dan menguruskan perolehan bernilai kurang daripada RM50,000. Bagi perolehan yang bernilai RM50,000 dan ke atas, Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam menguruskan perolehannya. Pejabat Bendahari juga menguruskan perolehan secara rundingan terus tanpa mengira nilai. Semua urusan pembayaran dibuat oleh Pejabat Bendahari. Pengurusan perolehan dibuat berdasarkan kepada Pekeliling Bendahari dan Surat Pekeliling Bendahari/Kewangan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari UTeM. Selain itu, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti

Bilangan 2 Tahun 2001 yang bersidang pada 24 Julai 2001 telah meluluskan UTeM menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Kerajaan melalui Pekeliling Bendahari UTeM Bilangan 6 Tahun 2001.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi menilai sama ada perolehan kerja dan perkhidmatan UTeM telah diuruskan dengan cekap bagi mencapai tujuan perolehan.

13.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan meliputi empat (4) perkara iaitu prestasi kewangan, pelantikan kontraktor, pentadbiran kontrak serta pelaksanaan kerja dan perkhidmatan terhadap perolehan bagi tempoh dari tahun 2013 hingga bulan Jun 2017. Pengauditan ini tertumpu kepada kaedah perolehan melalui sebut harga, tender dan rundingan terus. Bilangan perolehan yang dipilih untuk diaudit adalah 36 (14%) daripada 257 perolehan kerja dan perkhidmatan melibatkan kos berjumlah RM21.16 juta (16.1%) daripada kos keseluruhan RM131.18 juta. Ini termasuk satu projek sakit yang merupakan perolehan tahun 2011. Semakan dokumen telah dijalankan di Pejabat Bendahari UTeM. Pemeriksaan fizikal turut dilakukan ke atas 19 (52.8%) daripada 36 perolehan yang dipilih untuk diaudit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.2**.

JADUAL 13.2
BILANGAN PEROLEHAN KERJA DAN PERKHIDMATAN YANG DIPILIH UNTUK DIAUDIT

KAEDAH PEROLEHAN	KESELURUHAN SAMPEL						SEMAKAN FIZIKAL AUDIT					
	KERJA		PERKHIDMATAN		JUMLAH		KERJA		PERKHIDMATAN		JUMLAH	
	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)	BIL.	(RM Juta)
Sebut Harga	10	2.72	8	3.10	18	5.82	6	2.01	7	2.64	13	4.65
Tender	4*	7.91	8	5.12	12	13.03	3*	7.20	2	1.24	5	8.44
Rundingan Terus	0	0	6	2.31	6	2.31	0	0	1	0.08	1	0.08
JUMLAH	14	10.63	22	10.53	36	21.16	9	9.21	10	3.96	19	13.17

Sumber: Pejabat Bendahari, UTeM

Nota: (*) - Termasuk satu (1) perolehan tahun 2011 berstatus projek sakit

13.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod kewangan dan dokumen kontrak serta analisis terhadap data perolehan dari Pejabat Bendahari UTeM. Selain itu, temu bual dengan pegawai kewangan dan pembangunan telah diadakan. Pemeriksaan fizikal juga telah dilaksanakan di tapak projek dan persekitaran UTeM.

13.5. RUMUSAN AUDIT

13.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2017 merumuskan pengurusan perolehan UTeM belum mencapai kecekapan yang optimum kerana terdapat penyimpangan dalam peraturan kewangan termasuk prosedur pembayaran kerja yang berpotensi ke arah *improper payment*. UTeM masih mempunyai ruang untuk penambahbaikan dalam memastikan perolehan diuruskan dengan lebih cekap.

13.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam pengauditan ini adalah seperti berikut:

- i. sebanyak empat (4) perolehan secara tender bernilai RM2.65 juta dan enam (6) perolehan secara sebut harga bernilai RM2.16 juta tidak dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Harga;
- ii. sebanyak dua (2) jenis perkhidmatan yang sepatutnya diperoleh melalui dua (2) tender bernilai RM3.61 juta telah dipecah kecil kepada sepuluh (10) sebut harga;
- iii. sebanyak 19 dokumen kontrak dengan nilai kerja RM14.85 juta telah sama ada ditandatangani oleh Naib Canselor atau Bendahari UTeM tanpa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- iv. sebanyak lima (5) perolehan secara sebut harga bernilai RM1.93 juta mempunyai tempoh kontrak melebihi empat (4) bulan merupakan kontrak bermasa tetapi tidak disediakan kontrak formal. Arahan dan skop kerja/perkhidmatan hanya dinyatakan melalui borang inden kerja kepada kontraktor;
- v. sebanyak tiga (3) projek pembinaan tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan;
- vi. bon pelaksanaan satu (1) projek pembinaan tidak dapat dituntut oleh UTeM akibat kegagalan projek kerana bon tersebut telah tamat tempoh; dan
- vii. sejumlah RM82,348 bagi dua (2) kerja telah dibayar sepenuhnya dalam tempoh empat (4) bulan sungguhpun terdapat kerja tidak dilaksanakan atau hanya dilaksanakan 80%.

13.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada UTeM telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 26 Februari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

13.6.1. Prestasi Kewangan

13.6.1.1. Sumber peruntukan UTeM terdiri daripada peruntukan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan sumber dalaman UTeM. Bagi tempoh dari tahun 2013 hingga 2017, peruntukan keseluruhan UTeM berjumlah RM1.42 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.16 bilion merupakan peruntukan bagi tujuan perolehan bekalan, kerja dan perkhidmatan di mana RM801.05 juta (69%) telah dibelanjakan. Butiran adalah seperti di **Jadual 13.3**.

JADUAL 13.3
PERBANDINGAN ANTARA PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PEROLEHAN UTeM BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN PEROLEHAN	PERBELANJAAN PEROLEHAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2013	179.72	129.34	72.0
2014	217.26	135.46	62.3
2015	311.08	183.55	59.0
2016	264.59	199.71	75.5
2017	187.60	152.99	81.6
JUMLAH	1,160.25	801.05	69.0

Sumber: Pejabat Bendahari UTeM

Nota: Tahun 2013 hingga 2016 - Penyata Kewangan yang Telah Diaudit
Tahun 2017 - Penyata Kewangan yang Belum Diaudit

13.6.1.2. Analisis Audit mendapati prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan perolehan UTeM bagi tahun 2013 hingga 2016 adalah antara 59% hingga 75.5%. Ini menunjukkan berlaku kekurangan prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan antara 24.5% hingga 41%. Bagaimanapun bagi tahun 2017, prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan adalah 81.6% berikutan peruntukan yang diterima berkurangan. Antara sebab prestasi perbelanjaan tidak menunjukkan prestasi yang memberangsangkan adalah kerana peruntukan pembangunan tidak dibelanjakan dalam tahun semasa dan dibawa ke tahun hadapan.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan adalah selaras dengan peruntukan yang diberi. Bagaimanapun, UTeM boleh menambah baik prestasi perbelanjaan menggunakan peruntukan pembangunan dalam menguruskan perolehan universiti.

13.6.2. Pengurusan Perolehan

13.6.2.1. Pelantikan Kontraktor

a. Penilaian Harga

Pekeliling Bendahari UTeM Bilangan 7 Tahun 2014 menyatakan jadual harga bagi perolehan secara tender dan sebut harga hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Harga. Semakan Audit mendapati empat (4)

perolehan secara tender bernilai RM2.65 juta dan enam (6) perolehan secara sebut harga bernilai RM2.16 juta tidak dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Harga. Berdasarkan Laporan Penilaian Tender dan Sebut Harga, jawatankuasa ini tidak bersidang disebabkan faktor kekangan masa ahli. Tanpa penilaian oleh jawatankuasa tersebut boleh menyebabkan harga terbaik tidak dapat dinilai.

b. Pelawaan Perolehan

- i. Perenggan 3.5 Surat Pekeliling Kewangan UTeM Bilangan 7 Tahun 2016 menetapkan semua PTJ hendaklah tidak memecahkecilkan jumlah perolehan untuk bekalan, perkhidmatan atau kerja bagi mengelak pelawaan sebut harga di PTJ, sebut harga universiti atau tender universiti. Bagaimanapun perenggan 1(iii)(b) 1PP PK 2.1 menyatakan dalam keadaan tertentu, projek-projek kerja yang telah dipersetujui untuk ditender boleh dipecah kecil kepada beberapa pakej secara berasingan dan hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Lembaga Perolehan A Kementerian/Agensi untuk kelulusan. Namun pelantikan kontraktor hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan A sekiranya tender bernilai melebihi RM20 juta hingga RM100 juta atau Lembaga Perolehan B bagi tender bernilai RM500,000 hingga RM20 juta.
- ii. Semakan Audit mendapati dua (2) jenis perkhidmatan yang diperoleh pada tahun 2016 iaitu Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap dan Pembersihan Kawasan bernilai RM2.16 juta serta Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Hawa Dingin dan Ventilasi bernilai RM1.45 juta yang sepatutnya diperoleh melalui dua (2) tender telah dipecah kecil kepada masing-masing enam (6) dan empat (4) perolehan secara sebut harga tanpa mendapat kelulusan Lembaga Perolehan A. Dua (2) perolehan ini dibuat pada tarikh yang sama bagi tempoh pelaksanaan yang sama. Perolehan yang dipecah kecil akan mendedahkan UTeM kepada risiko tidak mendapat harga yang kompetitif daripada perolehan yang dilakukan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.4**.

JADUAL 13.4
PELAWAAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN DIPECAH KECIL

BIL.	PERIHAL PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LANSKAP DAN PEMBERSIHAN KAWASAN TARIKH SST: 21.10.2016 TEMPOH PERKHIDMATAN: 24 BULAN (01.11.2016 hingga 31.10.2018)		
1.	UTeM082/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 Pentadbiran Utama, Masjid, Pusat Komputer, Kafeteria Pelajar 2, Pusat Persatuan Pelajar, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Perpustakaan, Pusat Pengajian Siswazah, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Dewan Besar Kampus Induk (Pakej F).	473,771
2.	UTeM083/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 Sekitar Tasik A, B, C & D Kampus Induk (Pakej C).	248,000

BIL.	PERIHAL PEROLEHAN	JUMLAH (RM)
3.	UTeM084/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 Laluan Utama Kampus Induk (Pakej E).	392,600
4.	UTeM085/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 Kawasan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Pusat Kesihatan, Pejabat Keselamatan, Kafetaria Pelajar 1 dan Kafetaria Staf Kampus Induk (Pakej B).	394,400
5.	UTeM086/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 Dusun A, Dusun B, Pejabat Pembangunan, Kediaman Kelas G, Stor Kokurikulum dan Sebahagian Kampus Santuari Kampus Induk (Pakej A).	474,795
6.	UTeM087/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 Kampus Bandar.	174,016
JUMLAH		2,157,582
PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SISTEM HAWA DINGIN DAN VENTILASI TEMPOH PERKHIDMATAN: 24 BULAN (01.02.2017 hingga 31.01.2019)		
1.	UTeM135/HAWA DINGIN/2016 Tarikh Inden Kerja: 01.02.2017 Bangunan Canselori, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi, Kompleks Sukan dan Pejabat Pembangunan Kampus Induk (Zon 1).	348,240
2.	UTeM136/HAWA DINGIN/2016 Tarikh Inden Kerja: 01.02.2017 Bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Pejabat Keselamatan, Masjid dan Asrama Lestari di Kampus Induk (Zon 2).	409,682
3.	UTeM137/HAWA DINGIN/ 2016 Tarikh Inden Kerja: 31.01.2017 Perpustakaan Kampus Induk, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Persatuan Pelajar dan Pusat Kesihatan Pelajar Kampus Induk (Zon 3).	304,220
4.	UTeM138/HAWA DINGIN/2016 Tarikh Inden Kerja: 01.02.2017 Bangunan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan Kampus Induk (Zon 4).	392,836
JUMLAH		1,454,978
JUMLAH KESELURUHAN		3,612,560

Sumber: Dokumen Sebut Harga, Surat Setuju Terima dan Borang Inden Kerja

- iii. Pihak UTeM memaklumkan pecah kecil dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan agar kerja dan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan baik serta UTeM mempunyai keupayaan untuk menyelaras dan menyelia kerja dengan berkesan. Selain itu, ia bertujuan untuk membahagikan kawasan penyelenggaraan mengikut zon.

Maklum balas UTeM yang diterima pada 14 Disember 2017 dan 17 Mei 2018

Keahlian Jawatankuasa Penilaian Harga telah dipinda melalui Pekeliling Kewangan Bilangan 5 Tahun 2018 telah dikeluarkan pada 8 Februari 2018 setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 5 Tahun 2017 dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 5 Tahun 2017. Jawatankuasa Sebut Harga Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja serta Lembaga Perolehan B telah dengan suci hati melantik kontraktor yang layak setelah meneliti laporan penilaian spesifikasi dan kertas kerja pertimbangan sebut harga/tender. Selain itu, UTeM akan menambah baik proses lantikan kontraktor seperti yang dinyatakan dalam PK 2.1 Perkara 1(iii) Larangan Pecah Kecil, kriteria 6. "Perancangan pakej tender secara berasingan hendaklah terlebih dahulu dikemukakan ke Lembaga Perolehan

A Kementerian/Agensi untuk kelulusan". Sebarang pindaan kepada perancangan pakej tender asal yang diluluskan hendaklah dirujuk semula ke Lembaga Perolehan A untuk kelulusan. Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan pada 8 Januari 2018 dan laporan akhir siasatan dijangka akan dimuktamadkan pada akhir bulan Jun 2018.

Pada pendapat Audit, perolehan tanpa melalui Jawatankuasa Penilaian Harga dan amalan pecah kecil perolehan berpotensi membawa kerugian kepada Kerajaan. Ini adalah kerana ia membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta Kerajaan tidak mendapat *value for money* ke atas perbelanjaan yang dibuat.

13.6.2.2. Pentadbiran Kontrak

- a. Seksyen 50 Perlembagaan UTeM telah menetapkan kontrak UTeM hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pegawai UTeM yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU). Semakan Audit mendapati sebanyak 19 dokumen kontrak dengan nilai kerja RM14.85 juta telah sama ada ditandatangani oleh Naib Canselor (RM6.81 juta) atau Bendahari UTeM (RM8.04 juta) tanpa diberi kuasa oleh LPU. Perkara ini berlaku disebabkan pihak UTeM beranggapan bahawa kuasa menandatangani kontrak atau dokumen perolehan adalah salah satu proses operasi kewangan yang mana berdasarkan peruntukan di dalam Perlembagaan UTeM, ia adalah di bawah tanggungjawab Naib Canselor sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.
- b. Perenggan 4.8. 1PP PK 4.2 menyatakan semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat. Perolehan bermasa adalah perolehan yang mana tempoh kontrak adalah melebihi empat (4) bulan. Manakala perenggan 3.1.2. (Pentadbiran Kontrak) Pekeliling Bendahari UTeM Bilangan 7 Tahun 2014 menyatakan bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa yang dibuat secara sebut harga, satu kontrak formal hendaklah diadakan. Semakan Audit mendapati lima (5) perolehan secara sebut harga bernilai RM1.93 juta mempunyai tempoh kontrak melebihi empat (4) bulan iaitu enam (6) dan 24 bulan merupakan kontrak bermasa tetapi tidak disediakan kontrak formal. Arahan dan skop kerja/perkhidmatan hanya dinyatakan melalui borang inden kerja kepada kontraktor. Tanpa kontrak formal, kontraktor tidak terikat dengan terma dan spesifikasi terperinci perolehan.

Maklum balas UTeM yang diterima pada 17 Mei 2018

Selepas teguran Audit, UTeM telah mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- pemberian kuasa telah diperoleh daripada LPU kepada Naib Canselor dan Bendahari pada 14 Mei 2018 untuk menandatangani apa-apa kontrak yang melibatkan perbelanjaan universiti dengan merujuk kepada Seksyen 50 Perlembagaan UTeM;
- menggunakan kontrak formal bagi perolehan sebut harga bekalan, perkhidmatan dan kerja dengan mewajibkan semua kontrak formal yang dikeluarkan perlu melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU);
- dalam proses menubuhkan Bahagian Pengurusan dan Pematuhan Kontrak bagi tujuan mengurus dan memantau pelaksanaan terma di dalam kontrak universiti. Selain itu, Pejabat PUU juga bekerjasama dengan pihak Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi untuk membangunkan sistem pengurusan dan pemantauan kontrak ini; dan
- mengemas kini Prosedur Operasi Standard Perolehan UTeM.

Pada pendapat Audit, tanpa pemberian kuasa untuk menandatangani kontrak dan kontrak formal membuktikan tadbir urus UTeM perlu dipertingkatkan.

13.6.3. Pelaksanaan Kerja dan Perkhidmatan

Bagi mengesahkan kerja dan perkhidmatan telah dilaksanakan mengikut syarat kontrak, pihak Audit telah menjalankan pengauditan terhadap dua (2) aspek utama iaitu tempoh penyempurnaan perolehan dan pematuhan spesifikasi yang ditetapkan. Hasil pemeriksaan Audit diterangkan seperti berikut:

13.6.3.1. Tempoh Penyempurnaan Perolehan

Syarat kontrak menetapkan setiap perolehan kerja dan perkhidmatan hendaklah disiapkan/dibekal oleh kontraktor/pembekal mengikut tempoh yang ditetapkan atau lanjutan masa (EOT) yang diluluskan. Kontraktor/pembekal yang tidak menunjukkan prestasi kerja yang baik hendaklah ditamatkan perkhidmatan dan yang mana sesuai, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) perlu dikenakan. Semakan Audit mendapati tiga (3) daripada sembilan (9) kerja bernilai RM2.92 juta tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ringkasan maklumat tiga (3) projek adalah seperti di **Jadual 13.5**.

JADUAL 13.5
RINGKASAN STATUS PENYIAPAN AMAUN KERJA

KAEDAH PEROLEHAN	PERIHAL PEROLEHAN	AMAUN (RM Juta)	STATUS
Sebut Harga	Pembinaan Permatang Pelajar dan Lain-Lain Kerja yang Berkaitan	0.47	Projek belum siap dan EOT yang diberi telah tamat pada 28.09.2017.
Tender	Membina dan Menyiapkan Satu Bangunan Pejabat Keselamatan dan Kerja yang Berkaitan	1.29	Projek sakit.
	Membina dan Menyiapkan Depoh Kenderaan dan Kerja Berkaitan	1.16	Projek lewat siap selama 87 hari.
JUMLAH		2.92	

Penjelasan lanjut tiga (3) projek ini adalah seperti di perenggan berikut:

a. Pembinaan Permatang Pelajar dan Lain-lain Kerja yang Berkaitan di Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka – Projek Belum Siap

Pembinaan Permatang Pelajar yang bernilai RM0.47 juta bertujuan menyediakan ruang keusahawanan yang akan diuruskan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Kontraktor telah dilantik secara sebut harga pada 27 Januari 2017 dan perlu disiapkan pada 1 Ogos 2017 iaitu dalam tempoh enam (6) bulan bermula daripada tarikh milik tapak pada 2 Februari 2017. Projek ini telah diluluskan EOT pada 27 Julai 2017 selama 59 hari bermula 1 Ogos hingga 28 September 2017 berikutan menyelesaikan isu tapak rezab hijau dan permit sementara. Projek gagal disiapkan selepas EOT dan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) telah dikeluarkan pada 26 September 2017 di mana LAD bernilai RM91 sehari sepatutnya dikenakan mulai 29 September 2017 sehingga projek siap. Mengikut perkiraan Audit, LAD yang berpotensi dikenakan adalah berjumlah RM8,554 sehingga 31 Disember 2017. Keadaan fizikal di tapak projek semasa pemeriksaan Audit pada 10 Julai 2017 adalah seperti **Gambar 13.1** dan **Gambar 13.2**. Kegagalan projek ini disiapkan menyebabkan kemudahan ruang keusahawanan tidak dapat digunakan oleh pelajar.

GAMBAR 13.1



GAMBAR 13.2



Kampus Induk UTeM
- Projek Masih di Peringkat Kerja Awal Semasa Tarikh Pengauditan
(10.07.2017)

Maklum balas UTeM yang diterima pada 14 Disember 2017 dan 10 April 2018

Projek ini masih dalam peringkat pembinaan dengan kemajuan semasa 60% pada 27 November 2017. Gambar 13.3 dan Gambar 13.4 adalah dirujuk. Sejumlah RM0.32 juta dari kos projek telah dibayar pada Disember 2017 dan Mac 2018. LAD berjumlah RM13,104 telah dikenakan bagi tempoh 144 hari mulai 29 September 2017 hingga 19 Februari 2018 dan akan terus dikenakan sehingga projek siap.

GAMBAR 13.3



**Kampus Induk UTeM
- Status Fizikal Projek Adalah 60%**

GAMBAR 13.4



**Kampus Induk UTeM
- Kerja Pemasangan Bumbung**

(Sumber: UTeM pada 27.11.2017)

Pada pendapat Audit, pembinaan Permatang Pelajar masih tidak mencapai tahap kecekapan yang memuaskan. Ini kerana projek masih belum disiapkan walaupun setelah LAD dikenakan.

b. Membina dan Menyiapkan Satu Bangunan Pejabat Keselamatan dan Kerja yang Berkaitan di Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka - Projek Sakit

- i. Kontraktor telah dilantik secara tender untuk melaksanakan projek ini melalui kaedah Reka dan Bina dengan kos projek berjumlah RM1.29 juta bagi tempoh kontrak selama 12 bulan dari 27 Disember 2011 hingga 27 Disember 2012. Pegawai Penguasa bagi projek ini adalah Naib Canselor. Sebanyak dua (2) EOT selama 804 hari sehingga 11 Mac 2015 telah diluluskan melibatkan isu kelulusan pelan bangunan, faktor cuaca dan Kebenaran Merancang. Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) tidak dikeluarkan atas sebab kerja tidak dapat dilaksanakan kerana permohonan Kebenaran Merancang belum diluluskan. Projek ini telah diputuskan sebagai projek sakit pada 22 Februari 2016 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit UTeM Bilangan 1 Tahun 2016. Pihak kontraktor telah ditamatkan kontrak secara persetujuan bersama pada 29 Julai 2016 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit KPT Bilangan 1 Tahun 2016. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja No. 8, prestasi fizikal ketika projek diberi status sakit adalah 55.1%, sementara prestasi kewangan adalah 45.2% di mana sejumlah RM0.58 juta (45.2%)

telah dibayar melibatkan sebahagian *preliminaries*, *external works* serta *piling works*. **Gambar 13.5** dan **Gambar 13.6** menunjukkan fizikal projek semasa pemeriksaan Audit pada 14 Julai 2017.

GAMBAR 13.5



Kampus Induk UTeM
- Keadaan di Luar Bangunan
Utama Pejabat Keselamatan
(14.07.2017)

GAMBAR 13.6



Kampus Induk UTeM
- Keadaan di Dalam Bangunan Utama di mana
Kelihatan Kerja-Kerja Pendawaian yang Terbiar
(14.07.2017)

- ii. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank bernilai RM64,444 yang dikemukakan oleh kontraktor telah luput tempohnya pada 24 Januari 2014 dan tidak diperbaharui. Berikutan kontrak telah ditamatkan, UTeM berpotensi mengalami kerugian berjumlah RM64,444 kerana tidak dapat menuntut Jaminan Bank.
- iii. Projek pembinaan Bangunan Pejabat Keselamatan yang tidak siap menyebabkan pejabat pegawai keselamatan yang pada mulanya ditempatkan di sebuah kabin mulai bulan Oktober 2008 terpaksa menumpang di Dewan Cyber Aras Bawah Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi mulai 24 Julai 2017 sehingga kini.

Maklum balas UTeM yang diterima pada 14 Disember 2017

Bagi meneruskan dan menyiapkan projek ini, langkah pertama yang perlu dilaksanakan ialah dengan melantik perunding Perancang Bandar dan Wilayah bagi menyedia dan mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang daripada pihak Pihak Berkuasa Tempatan. UTeM dalam proses perolehan perunding yang berkaitan. Tawaran telah tamat pada 23 November 2017 dan akan melalui proses penilaian cadangan teknikal dan kos oleh Jawatankuasa Penilaian Perunding.

Pada pendapat Audit, projek ini berpotensi tidak dapat diteruskan selagi Kelulusan Kebenaran Merancang tidak diperolehi dan tujuan membina bangunan ini tidak dapat dimanfaatkan.

c. Membina dan Menyiapkan Depoh Kenderaan dan Kerja Berkaitan di Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Penyiapan Projek Terbangkalai) - Projek Lewat Siap

Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit UTeM Bilangan 1 Tahun 2016 pada 22 Februari 2016 telah memutuskan untuk menamatkan perkhidmatan kontraktor asal dengan perolehan bernilai RM1.14 juta. Sijil Perakuan Tak Siap Kerja (CNC) tidak dikeluarkan kerana kontraktor asal telah ditamatkan kontrak pada 1 April 2016 melalui Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor tanpa bayaran kerana prestasi kerja yang tidak memuaskan. Kontraktor penyelamat telah dilantik secara tender dengan kos projek bernilai RM1.16 juta dan tempoh kontrak adalah selama enam (6) bulan bermula 3 Januari hingga 2 Julai 2017. EOT diluluskan selama 27 hari mulai 2 hingga 29 Julai 2017 disebabkan Kebenaran Merancang belum diperolehi. Pemeriksaan fizikal Audit pada 10 Julai 2017 mendapati projek berkenaan hanya siap 27% seperti **Gambar 13.7** dan **Gambar 13.8**. Bagaimanapun semakan Audit selanjutnya mendapati projek ini telah disiapkan pada 24 Oktober 2017. Mengikut perkiraan Audit, LAD yang berpotensi dikenakan adalah berjumlah RM11,136 iaitu RM128 sehari mulai 30 Julai 2017 hingga 24 Oktober 2017. Kelewatan menyiapkan projek tersebut telah menyebabkan kenderaan UTeM masih terpaksa diparkir di tempat terbuka seperti **Gambar 13.9** dan **Gambar 13.10**.

GAMBAR 13.7



GAMBAR 13.8



Projek Depoh Kenderaan, UTeM
- Keadaan di Tapak Projek Dipenuhi Dengan Bahan Binaan Kerana Kerja Sedang Dilaksanakan Ketika Pemeriksaan Audit (10.07.2017)

GAMBAR 13.9



GAMBAR 13.10



Persekitaran UTeM
- Bas yang Diparkir di Tepi Jalan (10.07.2017)

Maklum balas UTeM yang diterima pada 14 Disember 2017

Projek telah siap pada 24 Oktober 2017 (Gambar 13.11 dan Gambar 13.12). *Certificate of Practical Completion* telah dikeluarkan pada 8 November 2017 iaitu selepas depoh diserahkan. Kontraktor telah dikenakan LAD berjumlah RM11,136 kerana tempoh kelewatan sebanyak 87 hari.

GAMBAR 13.11



GAMBAR 13.12



Projek Depoh Kenderaan, UTeM
- Keadaan Fizikal Projek yang Telah Siap
(Sumber: UTeM Pada 25.10.2017)

Pada pendapat Audit, kelewatan dan kegagalan dalam menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan telah menyebabkan kemudahan yang dirancang tidak dapat digunakan dan seterusnya objektif pembinaan tidak tercapai.

13.6.3.2. Pematuhan Spesifikasi yang Ditetapkan

- Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap dan Pembersihan Kawasan – Kerja Pemetongan Rumput dan Pembersihan Longkang

- a. Perenggan 5.1(ii) dokumen sebut harga Perkhidmatan Penyelenggaraan Lanskap dan Pembersihan Kawasan menetapkan kekerapan pemetongan rumput dilakukan sebanyak dua (2) kali pusingan sebulan. Rumput hendaklah dipastikan dipotong sehingga ketinggiannya tidak melebihi dua (2) inci. Manakala perenggan 6.2 menetapkan kekerapan pembersihan longkang hendaklah dilakukan sebanyak sekali sebulan. Longkang hendaklah bersih dari pasir, tanah dan air tidak bertakung.
- b. Semakan Audit terhadap Laporan Diari Tapak bagi bulan Mac hingga Jun 2017 [empat (4) bulan] mendapati tujuh (7) perolehan perkhidmatan bernilai RM2.64 juta daripada 13 perolehan secara sebut harga tidak dilaksanakan mengikut kekerapan dan spesifikasi yang ditetapkan. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:
 - i. sebanyak empat (4) perolehan bernilai RM1.74 juta melibatkan kerja pemetongan rumput telah dilaksanakan sebanyak 83 kali berbanding 184 kali yang sepatutnya dilaksanakan dalam tempoh empat (4) bulan.

Bilangan kerja yang tidak dilaksanakan adalah 101 kali (54.9%). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.6**.

JADUAL 13.6
KERJA PEMOTONGAN RUMPUT - PERBANDINGAN KEKERAPAN
DAN SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN DENGAN PELAKSANAAN
SEBENAR BAGI BULAN MAC HINGGA JUN 2017

PERIHAL PEROLEHAN	KEKERAPAN KERJA (BILANGAN)		
	PEMOTONGAN RUMPUT		
	SEPATUT (a)	SEBENAR (b)	KURANG (b - a)
UTeM082/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM 473,771 i. Pentadbiran Utama ii. Masjid iii. Pusat Komputer iv. Kafetaria Pelajar 2 v. Pusat Persatuan Pelajar vi. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan vii. Perpustakaan viii. Pusat Pengajian Siswazah ix. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi x. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan xi. Dewan Besar	<u>Kerja</u> 88 kali (2 kali X 11 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 33 kali (37.5%)	55 kali (62.5 %)
UTeM085/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM394,400 i. Fakulti Kejuruteraan Elektrik ii. Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer iii. Pusat Kesihatan iv. Pejabat Keselamatan v. Kafetaria Pelajar 1 vi. Kafetaria Staf	<u>Kerja</u> 48 kali (2 kali X 6 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 16 kali (33.3%)	32 kali (66.7%)
UTeM086/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM474,795 i. Dusun A dan Dusun B ii. Pejabat Pembangunan iii. Kediaman Kelas G iv. Stor Kokurikulum v. Kampus Santuari	<u>Kerja</u> 40 kali (2 kali X 5 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 32 kali (80%)	8 kali (20%)
UTeM084/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM392,600 Laluan utama	<u>Kerja</u> 8 kali (2 kali X 1 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 2 kali (25%)	6 kali (75%)
JUMLAH KEKERAPAN KERJA (BILANGAN) / %	184	83	101 (54.9%)

Sumber: Laporan Diari Tapak

- ii. sebanyak lima (5) perolehan bernilai RM1.78 juta melibatkan kerja pembersihan longkang perlu dilaksanakan sebanyak 96 kali dalam tempoh empat (4) bulan tetapi hanya 19 kali dilaksanakan iaitu kurang 77 kali (80.2%). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 13.7**.

JADUAL 13.7
PEMBERSIHAN LONGKANG - PERBANDINGAN KEKERAPAN DAN
SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN DENGAN PELAKSANAAN
SEBENAR BAGI BULAN MAC HINGGA JUN 2017

PERIHAL PEROLEHAN	KEKERAPAN KERJA (BILANGAN) / JUMLAH BAYARAN		
	PEMBERSIHAN LONGKANG		
	SEPATUT (a)	SEBENAR (b)	KURANG (b - a)
UTeM082/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM 473,771 i. Pentadbiran Utama ii. Masjid iii. Pusat Komputer iv. Kafetaria Pelajar 2 v. Pusat Persatuan Pelajar vi. Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan vii. Perpustakaan viii. Pusat Pengajian Siswazah ix. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi x. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan xi. Dewan Besar	<u>Kerja</u> 44 kali (1 kali X 11 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 5 kali (11.4%)	39 kali (88.6%)
UTeM085/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM394,400 i. Fakulti Kejuruteraan Elektrik ii. Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer iii. Pusat Kesihatan iv. Pejabat Keselamatan v. Kafetaria Pelajar 1 vi. Kafetaria Staf	<u>Kerja</u> 24 kali (1 kali X 6 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 8 kali (33.3%)	16 kali (66.7%)
UTeM083/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM248,000 i. Tasik A ii. Tasik B iii. Tasik C iv. Tasik D	<u>Kerja</u> 16 kali (1 kali X 4 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 0 kali (0%)	16 kali (100%)
UTeM027/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM486,286 i. Kompleks Sukan ii. Asrama Lestari	<u>Kerja</u> 8 kali (1 kali X 2 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 4 kali (50%)	4 kali (50%)
UTeM087/LANSKAP DAN PEMBERSIHAN/2016 RM174,016 Kampus Bandar	<u>Kerja</u> 4 kali (1 kali X 1 lokasi X 4 bulan)	<u>Kerja</u> 2 kali (50%)	2 kali (50%)
JUMLAH KEKERAPAN KERJA (BILANGAN)/ %	96	19	77 (80.2%)

Sumber: Laporan Diari Tapak

- iii. Laporan Diari Tapak Pusat Kesihatan menunjukkan tarikh terakhir kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang adalah masing-masing pada 3 dan 6 Julai 2017. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit pada 14 Julai 2017 mendapati sungguhpun tempoh kerja dilaksanakan kurang dari 11 hari dari tarikh pemeriksaan, namun keadaan rumput panjang

dan longkang telah dipenuhi pasir serta tanah seperti **Gambar 13.13** hingga **Gambar 13.15**. Keadaan ini menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan baik dan longkang tersumbat.



GAMBAR 13.13

Kawasan Sekitar Pusat Kesehatan, UTeM
- Rumput Panjang
(14.07.2017)

GAMBAR 13.14



GAMBAR 13.15



Kawasan Sekitar Pusat Kesehatan, UTeM
- Longkang Dipenuhi Tumbuh-Tumbuhan dan Berlumut Menyebabkan Air Bertakung
(14.07.2017)

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap baucar bayaran ketujuh-tujuh perolehan kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang bagi bulan Mac hingga Jun 2017 mendapati bayaran berjumlah RM82,348 telah dibuat sepenuhnya sungguhpun terdapat kerja yang tidak dilaksanakan atau hanya dilaksanakan 80%. Keadaan ini berlaku kerana perenggan 9.2 dalam dokumen sebut harga menyatakan tuntutan kontraktor setiap bulan dibayar sepenuhnya berdasarkan prestasi pelaksanaan kerja bulanan yang telah mencapai 60%. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pencapaian yang dinyatakan dalam Laporan Penilaian Prestasi. Berdasarkan temu bual dengan pegawai UTeM dan semakan Audit mendapati penilaian ke atas kerja dilakukan hanya secara pemerhatian serta penentuan prestasi adalah secara anggaran dan ini berpotensi mendedahkan pihak UTeM ke arah *improper payment*. Perkara ini berlaku kerana *Standard Operating Procedure* tidak disediakan untuk tujuan penilaian ini.

Maklum balas UTeM yang diterima pada 14 Disember 2017

UTeM akan membuat pemotongan bayaran ke atas kerja yang tidak dijalankan semasa bayaran muktamad. Bagi tujuan penambah baikkan,

zoning kawasan pembersihan akan dipecahkan secara grid dengan keluasan kawasan berumput, jarak longkang dan bilangan pokok setiap grid diperincikan. Ini bagi memperbaiki kerja pemantauan oleh penyelia dan penilaian harian yang lebih tepat terhadap prestasi kontraktor di setiap grid.

Pada pendapat Audit, kaedah bayaran sepenuhnya dibuat berdasarkan prestasi pelaksanaan kerja yang telah mencapai 60% tidak menjaga kepentingan UTeM dan merugikan Kerajaan.

13.7. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan perolehan adalah disyorkan supaya UTeM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

13.7.1. memastikan pegawai-pegawai perolehan, kewangan dan pembangunan melaksanakan pemantauan yang rapi supaya kerja dan perkhidmatan dapat dilaksanakan selaras dengan syarat dan spesifikasi kontrak;

13.7.2. memastikan Unit Audit Dalam UTeM memainkan peranan dengan menjalankan pemeriksaan secara berterusan terhadap perolehan UTeM termasuk memastikan peraturan berkaitan perolehan dipatuhi dengan sewajarnya;

13.7.3. memastikan Penasihat Undang-Undang UTeM memainkan peranan yang lebih penting dalam memberi nasihat serta pandangan berhubung hal-hal pengurusan dan pentadbiran kontrak bagi menjaga kepentingan UTeM; dan

13.7.4. mengkaji semula syarat dalam Perenggan 9.2 dokumen sebut harga perkhidmatan Penyenggaraan Lanskap dan Pembersihan Kawasan mengenai mutu perkhidmatan yang menetapkan bayaran sepenuhnya dibuat berdasarkan prestasi kerja yang telah mencapai 60% pelaksanaannya. Bagaimanapun, kaedah pembayaran ini tidak sesuai dilaksanakan memandangkan terdapat kerja yang tidak dilakukan tetapi telah dibayar sepenuhnya.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan program/aktiviti/projek. Bagaimanapun, daripada segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan di dalam Laporan ini daripada berulang:

- a. memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan yang berkenaan perlu menjalankan pemantauan rapi dan pemeriksaan secara menyeluruh untuk menentukan sama ada program/aktiviti/projek lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam (UAD) selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, perlu juga diminta untuk menjalankan pengauditan prestasi terhadap pengurusan program/aktiviti/projek untuk menentukan sejauh mana program/aktiviti/projek telah dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan;
- b. pelaksanaan pengauditan berdasarkan pendekatan *complementary* telah diperkenalkan oleh Ketua Audit Negara Malaysia mulai tahun 2018. Ia bertujuan untuk mewujudkan kerjasama strategik antara juruaudit di JAN dan UAD bagi mengatasi isu Audit berulang, khususnya isu-isu pematuhan yang sepatutnya dikesan dan diselesaikan secara dalaman oleh UAD tanpa perlu lagi dibangkitkan dalam LKAN;
- c. berdasarkan pengauditan yang dijalankan, adalah didapati kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti/projek yang berpunca daripada kurang pemantauan/penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan kebergantungan sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan program/aktiviti/projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos program/aktiviti/projek meningkat dan Kerajaan tidak mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*) bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Objektif pelaksanaan program/aktiviti/projek juga tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya;

- i. kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, Jabatan/Agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknikal. Langkah ini perlu untuk memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*);
- ii. *integrated planning* antara Jabatan/Agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, pembekal utiliti seperti air, elektrik dan telekomunikasi, Pejabat Tanah serta Kerajaan Negeri perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas;
- iii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Panduan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dalam program/projek Kerajaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi projek-projek yang bernilai melebihi RM50 juta;
- iv. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina telah mematuhi piawaian dan kos yang telah ditetapkan;
- v. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mahir dalam prosedur perolehan dan memberi latihan secukupnya kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan. Langkah ini penting untuk mengelakkan salah laku, ketirisan dan memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara serta Kerajaan mendapat nilai faedah terbaik bagi setiap perolehan;
- vi. penguatkuasaan dan pemantauan terhadap projek/program/aktiviti hendaklah dipertingkatkan untuk memastikan projek/program/aktiviti dapat dilaksanakan mengikut jadual serta mematuhi syarat dan spesifikasi kontrak yang ditetapkan. Ini bagi mengelakkan pembaziran dan kegagalan mencapai impak yang diharapkan daripada pelaksanaan projek/program/aktiviti;
- vii. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mempertingkatkan pengurusan aset Kerajaan untuk mengelakkan pembaziran dan memandang serius tugas penyenggaraan, pemantauan dan penyeliaan. Rekod mengenai aset perlu

sentiasa dikemas kini sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan;

- viii. Ketua Perkhidmatan/Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan terhadap isu-isu yang ada unsur penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab yang munasabah sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian; dan
 - ix. sebagai bukti komitmen yang tinggi, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan segera terhadap teguran Ketua Audit Negara Malaysia dan mengemukakan laporan dengan sokongan bukti untuk tindakan yang telah diambil kepada Bahagian Susulan Audit, JAN agar segala status tindakan dapat dikemas kini dalam Sistem *Dashboard* JAN.
- d. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti di Sektor Awam Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Jabatan Audit Negara
Putrajaya**

7 Jun 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasiona.com.my
email: cservice@printnasiona.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773